

Bil. 7

**Rabu
16 Mei 2007**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok</i>	(Halaman 20)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 40)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik) (LS)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik) – T.M di JPM
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
10. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
11. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
12. “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik) (LS)
13. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
14. “ Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
15. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
16. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
17. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
18. “ Tuan Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
19. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
20. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak (Selangor) (PS)
21. “ Tuan Ismail Kassim (Perlis) (LS)
22. “ Datuk Jins Shamsudin (Dilantik)
23. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
24. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik) (LS)
25. “ Datuk Latiff bin Datuk Haji Tamby Chik (Melaka)
26. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
27. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
28. “ Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL) (LS)
29. “ Puan Loga Chitra a/p M. Govindasamy (Dilantik)
30. “ Tuan Maijol bin Mahap (Sabah)
31. “ Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi [Dilantik] – Menteri Di JPM
32. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
33. “ Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
34. “ Puan Mumtaz binti Md Nawli (Kelantan)

35. Yang Berhormat Tuan M. Munusamy (Dilantik)
36. “ Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
37. “ Che Puan Sri Kelana D’Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik) (LS)
38. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie [Terengganu]
39. “ Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
40. “ Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik) - Menteri Kewangan Kedua (LS)
41. “ Dato’ Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
42. “ Dato’ Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
43. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik) (LS)
44. “ Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
45. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
46. “ Dato’ Rhina Bhar (Dilantik)
47. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
48. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
49. “ Datuk Soon Tian Szu [Melaka]
50. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
51. “ Dato’ Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan) (PS)
52. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato’ Syed Zain (Dilantik) (LS)
53. “ Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin (Pahang)
54. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis) (LS)
55. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik) (LS)
56. “ Dato’ Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
57. “ Tuan Tan Bon You (Dilantik)
58. “ Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
59. “ Dato’ Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik) – SUP (LS)
60. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
61. “ Dato’ Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
62. “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis) (PS)
63. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik) (LS)
64. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan) (PS)
65. “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah) (PS)
66. “ Dato’ Yip Kum Fook (Selangor)

DEWAN NEGARA

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Haji Amran
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Zaida Zuriani binti Mohd Zamli
Azmir bin Mohd Salleh
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri
Nurul Shahida binti Haji Ahmad
Siti Khadijah binti Md Nor
Nooruanizam binti Nasir
Meraliti binti Mamat

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
Rabu, 16 Mei 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi.

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor** minta Perdana Menteri menyatakan siapakah yang bertanggungjawab untuk mengajar Al-Quran, hukum agama dan lain-lain berkaitan dengan Islam setelah Orang Asli diislamkan di Pos Orang Asli kerana tiada tenaga pengajar tetap, kecuali ustaz dari JAKIM yang tidak menjalankan tugas dengan sempurna memandangkan kehadiran ustaz JAKIM ini kadang-kadang tidak diketahui oleh penduduk setempat.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri bertanggungjawab melantik tenaga atas nama jawatan seperti Penggerak Masyarakat Orang Asli, mubaligh, panel dakwah dan guru agama majlis bagi menjalankan urusan keagamaan terhadap Orang Asli beragama Islam.

Penggerak Masyarakat Orang Asli lantikan JAKIM ditempatkan di perkampungan Orang Asli bermula tahun 1993 dan sehingga kini berjumlah 117 orang berbanding jumlah kampung sebanyak 867 kampung. Setiap Penggerak Masyarakat Orang Asli diberi tanggungjawab untuk menjalankan tugas di beberapa kampung dengan jarak yang munasabah. Berikutan ini jumlah tenaga yang ada pada masa ini tidak dapat merangkumi keseluruhan kampung Orang Asli tambahan pula kedudukan geografi kampung terletak di pedalaman yang menyukarkan segelintir penggerak untuk menjalankan tugas.

Penyeliaan dan pemantauan aktiviti Penggerak Masyarakat Orang Asli diletakkan di bawah tanggungjawab ketua penyelaras PMOA setiap negeri dengan kerjasama pejabat agama Islam daerah. Mekanismenya dengan mengadakan lawatan pemantauan dan penerimaan laporan bulanan penggerak. Dakwaan penggerak masyarakat Orang Asli tidak menjalankan tugas dengan sempurna sebab kehadirannya tidak diketahui berkemungkinan merujuk semasa ketiadaannya kerana menjalankan aktiviti dan tugas di kampung yang lain. Walau bagaimanapun, tindakan terhadap penggerak akan diambil sekiranya aduan adalah berasas. Terima kasih.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah kenapakah di Pos Senroad ada madrasah cuma madrasah sahaja, langsung tiada tenaga pengajar contohnya di Pos Brooke ada ustaz, bagaimana dengan pos-pos yang lain Sunhai, Jeggot, Senroad dan juga di Menroad, Usbar, Pos Kuala Tuil dan juga Handroad. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang disebutkan tadi seorang penggerak terpaksa digerakkan untuk memantau daripada tiga sehingga lapan buah kampung kerana kalau kita tengok pada perbandingan kita ada 867 buah sedangkan penggerak ini 117 orang. Jadi apa yang kita buat Yang Berhormat kita adakan kelas-kelas ini hanyalah sebanyak tiga kali sebulan sahaja. Yang lain itu dia terpaksa berpusing ke kampung-kampung yang lain.

Walaupun, kita memang mengalu-alukan dan kita dapati memang ada sukarelawan lain yang turut membantu umpamanya mereka daripada PERKIM, daripada

ABIM dan pelajar-pelajar universiti yang membuat program motivasi dan program-program keagamaan dan kita harapkan dengan bantuan program ini akan dapat membantu Penggerak Masyarakat Orang Asli ini dalam aktiviti yang dijalankan. Terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, memandangkan penggerak ini tidak mencukupi adakah kerajaan bercadang untuk menambah bilangannya dan apakah kaedah yang digunakan terutamanya oleh pihak JAKIM untuk memastikan Orang Asli yang sudah masuk Islam tidak kembali kepada agama asal. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Memang ada cadangan dan setakat ini JAKIM telah pun memohon 306 perjawatan daripada pihak JPA dan kita sekarang ini di dalam proses dan kalau kita lihat tadi sebenarnya Orang Asli yang baru memeluk agama Islam ini pada dasarnya mereka diterapkan kepada fardu ain sahaja Yang Berhormat jadi kita tidaklah membuat program-program yang lebih besar ataupun lebih hebat kerana asasnya ialah ditekankan kepada fardu ain seperti latihan solat, membaca Al-Fatihah.

Jadi keadaan ini kita buat secara berperingkat kerana mereka ini sebagai orang muallaf ataupun yang baru masuk Islam kita tidak tekankan dengan program yang terlalu berat untuk mereka. Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rukun Negara ada satu yang kita tekankan dan utamakan iaitu kepercayaan kepada tuhan. Saya difahamkan oleh rakan saya Yang Berhormat Senator Tuan Osman bin Bungsu, wakil Orang Asli yang mengatakan Orang Asli ada yang beragama Islam, beragama Kristian dan lain-lain juga. Jadi kehendak keagamaan Orang Asli ini selain daripada Islam, bagaimana kerajaan dapat membantu kehendak keagamaan Orang Asli yang beragama lain juga. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju seperti mana Yang Berhormat sebut tadi bahawa dalam negara kita ini mengamalkan kebebasan beragama. Kepada Orang Asli yang memeluk agama Islam memang program susulan diadakan daripada JAKIM.

Namun pada mereka yang lain biasanya mereka ini berada di atas agama animisme ataupun tiada beragama dan kita hanya membenarkan mereka-mereka yang ingin masuk berdakwah ini dengan kebenaran daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Jadi tidak semua Orang Asli ini kita dakwahkan untuk masuk Islam. Jadi sebahagian daripada mereka yang masih ingin kekal dengan agama mereka, mereka di benarkan untuk berbuat demikian. Terima kasih.

2. Dato' Azian bin Osman minta Menteri Luar Negeri menyatakan kesan terhadap hubungan Malaysia-Singapura sejak kerajaan mengumumkan Projek Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI).

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Azian Osman yang telah mengemukakan soalan tentang kesan terhadap hubungan Malaysia-Singapura semenjak kerajaan mengumumkan Projek Wilayah Pembangunan Iskandar atau WPI.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, WPI telah ditubuhkan sebagai penjana kepada pembangunan negeri Johor dan juga Selatan Semenanjung Malaysia. Telah menjadi dasar Malaysia untuk mengalu-alukan kedatangan pelabur-pelabur asing untuk melabur di dalam sektor yang telah dikenal pasti oleh kerajaan seperti WPI. Ia juga termasuk pelabur-pelabur dari Singapura.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Singapura nampaknya telah menunjukkan minat yang menggalakkan untuk melabur di dalam Wilayah Pembangunan Iskandar tersebut. Kita berharap penglibatan Singapura akan dapat menyumbang ke arah memperkukuhkan lagi hubungan dua hala di antara kedua-dua negara.

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bertemu dan berbincang dengan Perdana Menteri Singapura. Soalan tambahan saya ialah, apakah hasil perbincangan tersebut dan apakah perkembangan terbaru hubungan Malaysia dan Singapura.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat. Perbincangan yang telah berlangsung di Langkawi dua hari yang lepas adalah merupakan satu langkah yang positif bagi mengeratkan lagi hubungan antara kedua-dua buah negara selepas beberapa peristiwa yang berkaitan dengan soal pembinaan jambatan yang menghentikan perbincangan kita mengenai isu-isu yang tertunggak.

Pada kali ini, sebagaimana Yang Berhormat dan masyarakat umum sedar bahawa antara perkara yang dibincangkan ialah mengenai isu Wilayah Pembangunan Iskandar di mana dalam kenyataan yang dimaklumkan bahawa kerajaan bersetuju untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Wilayah Pembangunan Iskandar Peringkat Menteri. Ini adalah tanda bahawa kesungguhan kedua-dua negara untuk melihat kejayaan Wilayah Pembangunan Iskandar dan mengeratkan lagi hubungan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah, jawatankuasa khas peringkat menteri ini walaupun dimaklumkan dia bukan bersifat konservatif kerana Wilayah Pembangunan Iskandar bukannya projek *joint venture* antara dua negara.

Namun yang ingin saya bangkitkan di sini ialah apa perlunya jawatankuasa peringkat menteri ini? Apakah ini menyatakan bahawa kita akan terlalu bergantung dengan pelabur-pelabur Singapura untuk menjayakan WPI ini dan saya ingin tahu juga apakah ini tidak akan memberi ruang kepada Singapura untuk membangkitkan banyak perkara yang menyebabkan kita nanti serba salah dengan apa juga yang dibangkitkan.

Contohnya, ialah mungkin mereka akan mendesak kita jangan buat *theme park* di Wilayah Pembangunan Iskandar sebab sekarang ini mereka sedang membina *universal studio*. Termasuklah soal kereta api laju Kuala Lumpur-Singapura.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad sebentar tadi. Sebagaimana yang kita perlu tahu bahawa dalam kehidupan ini, seperti yang biasa diberitahu dan dipercakapkan bahawa ialah sejauh mana kita mampu bekerjasama dengan semua pihak.

Ini tidak bermakna apabila kita memberi ruang dan kita membuka sebahagian daripada tempat kita untuk mengundang pelabur-pelabur datang, ia mengurangkan sifat nasionalisme kita ataupun menggadaikan kedaulatan negara kita. Mungkin kalau kita dapat melihat contoh negara China misalnya membuka Shen Zhen dan juga tempat-tempat pertumbuhan yang lain. Negara China tidak menjadi kurang nasionalistik, tidak kurang daripada komunistiknya, tidak kurang dari segi patriotismenya dan ia menjadi sebuah negara yang besar dan kuat.

Jadi dalam konteks kita mengadakan jawatankuasa bersama dengan jawatankuasa khas peringkat menteri sebagaimana yang diberitahu, ianya adalah satu proses untuk kita mengadakan ruang kerjasama, perbincangan, dialog dan *repo* yang berterusan. Oleh kerana dalam konteks pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar, apa yang kita mahu ialah penglibatan masyarakat antarabangsa.

Khususnya pelabur-pelabur luar dan Singapura adalah merupakan salah sebuah negara ataupun yang mempunyai banyak pelabur, yang sepatutnya kita tidak boleh menghalang ataupun mengurangkan penglibatan mereka kerana ia adalah merupakan satu potensi besar bagi menjayakan Wilayah Pembangunan Iskandar itu. Tentang soal mereka menghalang, saya rasakan Singapura dan Malaysia patut berbincang apa yang mereka ada dan apa yang kita perlu ada.

Kalau kita dilihat bertanding atas perkara yang tidak perlu, kita rasa tidak perlu, tetapi kalau saling melengkapi antara satu sama lain, itu rasanya lebih cantik dan lebih baik kerana akhirnya apa yang kita mahu ialah manfaatnya kepada rakyat khususnya di Johor dan di Selatan Semenanjung. Terima kasih.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, negara kita juga mempunyai maruah. Sampai bila ini kita nak bertolak ansur dengan Singapura? Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam konteks Wilayah Pembangunan Iskandar, isu tolak ansur tidak timbul sama sekali. Soalnya kita nak bangunkan tempat kita.

Sebagaimana yang saya beritahu tadi, contoh seperti di China misalnya mereka membuka Shen Zhen dan pusat-pusat pertumbuhan yang lain. Mereka mengundang pelabur-pelabur daripada negara lain termasuk negara yang pada asas ideologinya berbeza sangat dengan ideologi komunisme yang dianuti oleh negara China. Namun akhirnya yang untung siapa? Yang menjadi kuasa ekonomi terbesar sekarang ini, yang akan menjadi kuasa ekonomi terbesar di rantau ini dan di dunia satu masa nanti. Yang mempunyai kekuatan politik, ekonomi dan pertahanan yang kuat akhirnya China itu sendiri walaupun ia membuka negaranya.

Jadi dalam konteks hubungan kita dengan Singapura, tidak timbul sama sekali kita katakan bahawa melalui Wilayah Pembangunan Iskandar ini, kita lemah. Kita bertolak ansur ataupun kita mengalah kepada Singapura atau mana-mana pihak. Dalam konteks ini kita kata untuk membangunkan tempat itu kita perlukan penglibatan masyarakat antarabangsa dan kita tidak boleh kata kita memerlukan penglibatan masyarakat antarabangsa misalnya kita mengundang negara-negara daripada Timur Tengah, Qatar, negara-negara *United Emirate* yang mempunyai kekuatan ekonomi yang cukup besar.

Dan mereka sekarang ini kalau boleh kurang pergi membawa wang mereka ke Amerika, ke Eropah yang mempunyai pandangan yang negatif kepada dunia Islam dan sebagainya dan mereka mahu membawa wang mereka ke Malaysia dan kita katakan ini tempat yang baik, Wilayah Pembangunan Iskandar. Kita mahu daripada Jepun, kita mahu daripada Australia, tetapi kita tidak boleh mengatakan bahawa Singapura tidak boleh sedangkan Singapura juga merupakan satu potensi yang besar untuk kita menarik pelabur mereka dan dimanfaatkan secara bersama.

Jadi dalam konteks ini, sebagaimana yang saya beritahu sebentar tadi Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya hidup ini bukan tentang soal siapa yang lebih kuat, tentang siapa yang boleh menang debat tetapi bagaimana kita dapat bekerjasama dalam meneruskan kehidupan kita. Terima kasih.

3. Datuk Soon Tian Szu minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pemegang kad kredit yang telah disenaraihitamkan oleh pihak bank akibat kegagalan membayar tunggakan dan data tersebut perlu diklasifikasikan berdasarkan umur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Soon. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon kebenaran untuk menjawab sekali gus dan juga soalan daripada Datuk Armani yang nombor 34 hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Nombor berapa? Sekali lagi.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: 34 hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua: 34?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya dan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin pada 17 Mei, esok dan Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan dan Yang Berhormat Puan Hajah Wan Ramlah pada 24 Mei.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini semua ada kaitan?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ada kaitan dengan soalan ini. Lebih kurang sama soalan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua: Dibenarkan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, secara keseluruhannya had penggunaan kad kredit adalah terkawal.

Walaupun penggunaan kad kredit sebagai instrumen pembayaran semakin meningkat, hutang melalui penggunaan kad kredit tidak berada pada tahap yang kritikal. Sehingga akhir bulan Februari 2007, hutang tertunggak ataupun *outstanding loan* kad kredit hanya merangkumi 3.4% daripada jumlah hutang tertunggak keseluruhan institusi perbankan iaitu sebanyak RM20.4 bilion berbanding daripada RM598.8 bilion.

Jadi secara purata hampir 60% daripada jumlah urus niaga kad kredit dibayar sepenuhnya pada tahun 2006 manakala bakinya di bawa ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa sejumlah besar pengguna kad kredit menggunakan kad kredit sebagai instrumen pembayaran secara elektronik dan bukannya sebagai sumber kredit.

Tahap pinjaman tidak dibayar ataupun *non performing loan* kad kredit daripada jumlah hutang kad kredit masih terkawal dan telah menurun daripada pada tahun 2006 - 4.3% telah menurun kepada 3.5% pada akhir bulan Februari 2007 berbanding dengan 16.1% pada tahun 1998 ketika krisis kewangan dulu Tuan Yang di-Pertua.

Kadar muflis yang disebabkan hutang kad kredit pula berada pada tahap rendah berbanding dengan kadar muflis yang berpunca daripada hutang bagi pinjaman yang lain. Kadar purata muflis disebabkan kad kredit dalam tempoh lima tahun yang lalu ialah 9.7% daripada jumlah keseluruhan individu yang diisytiharkan muflis. Bilangan individu muflis yang disebabkan oleh hutang kad kredit pula adalah hanya 1,696 individu ataupun 0.07% daripada jumlah pemegang kad kredit utama iaitu 2.5 juta individu pada tahun 2006.

Berhubung dengan kenyataan bahawa ramai pemegang kad kredit khususnya golongan muda diisytiharkan muflis, perkara ini perlu diselidiki kesahihannya. Ini adalah kerana buat masa ini hanya mereka yang berumur 21 tahun ke atas layak menggunakan kad kredit sebagai pemegang kad utama.

Dengan jumlah gaji yang puratanya rendah kerana baru bekerja, golongan ini dianggarkan tidak mungkin boleh mendapat kemudahan atau had kredit yang tinggi yang boleh menjerumuskan mereka kepada bebanan hutang melebihi RM30,000 iaitu jumlah yang layak diisytiharkan muflis. Lazimnya had kredit yang diberikan institusi pengeluaran kad kredit adalah antara dua hingga tiga bulan gaji sahaja.

Bank Negara Malaysia sentiasa memantau dan memastikan bahawa tahap menggunakan kad kredit adalah berhemat dan terkawal. Sebagai langkah untuk memastikan tahap pengeluaran dan penggunaan kad kredit adalah berhemat serta tahap perlindungan pengguna dan pendidikan mengenai penggunaan kad kredit diberikan sewajarnya.

Beberapa panduan telah dikenakan melalui Garis Panduan Kad Kredit ataupun GPKK. Sebagai contoh, Garis Panduan Kad Kredit memerlukan institusi pengeluaran kad kredit membuat rujukan kepada sistem maklumat pusat rujukan kad kredit ataupun CCRIS iaitu sistem yang mempunyai maklumat kredit pinjaman peminjam yang komprehensif semasa memproses bebanan permohonan kad had kredit untuk menilai kedudukan kewangan si pemohon.

Pemohon kad kredit perlu memenuhi syarat-syarat dalam GPKK ataupun Garis Panduan Kad Kredit seperti mempunyai kedudukan kewangan yang memuaskan. Pendapatan minimum pemohon hendaklah sekurang-kurangnya RM1,800 setahun selain pemohon hendaklah berumur tidak kurang daripada 21 tahun. Bagi pemohon kad kredit yang tidak mempunyai pendapatan tetap, mereka boleh meletakkan *proceed* tetap yang sama dengan had kad kredit mereka.

Daripada jumlah permohonan yang diterima oleh institusi-institusi pengeluaran kad kredit pada akhir tahun bulan Disember 2006, hanya lebih kurang 12.5 juta pemohon ataupun 8% daripada jumlah permohonan yang diterima telah diluluskan. Jumlah ini menunjukkan bahawa pengeluaran kad kredit tidak dilakukan sewenang-wenangnya.

Di samping garis panduan yang dikeluarkan, Bank Negara Malaysia turut melakukan pemeriksaan berkala terhadap pengeluar kad kredit bagi memastikan pengeluar

kad kredit sentiasa mematuhi garis panduan yang dikeluarkan dan proses penilaian serta pemberian pinjaman kad kredit oleh pengeluar kad kredit berkenaan dijalankan secara berhemat.

Selain itu langkah-langkah lain yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut, pengeluar kad kredit dikehendaki memberi peringatan kepada pengguna kad kredit di dalam penyata bulanan kad kredit mengenai akibat jika hanya membayar jumlah minimum pada setiap bulan dan memberikan pendidikan kepada pengguna mengenai penggunaan kad kredit secara berhemat melalui laman web *banking info* dan buku kecil bermaklumat.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia telah pun menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ataupun AKPK yang telah memulakan operasinya pada bulan April 2006 untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula pinjaman kepada individu termasuk kad kredit.

AKPK akan memberikan bantuan kepada peminjam individu bagi menyusun semula hutang berkaitan dengan pinjaman perumahan, sewa beli, kad kredit, kad caj dan pinjaman peribadi yang diperolehi daripada institusi kewangan di bawah pengawalseliaan Bank Negara Malaysia. Pada masa ini tiada statistik yang terperinci mengenai umur pemegang kad kredit yang gagal membayar tunggakan kad kredit.

Walau bagaimanapun, statistik daripada AKPK menunjukkan 40% daripada individu yang menyertai program penstrukturan semula hutang kad kredit adalah mereka yang berumur 30 tahun ke atas dan 44% berumur 40 tahun ke atas. Dalam usaha mempromosikan penggunaan kad pembayaran secara elektronik, Bank Negara Malaysia menggalakkan penggunaan kad kredit sebagai kaedah pembayaran secara elektronik dan bukannya sebagai sumber kredit yang mudah.

Bank Negara Malaysia sentiasa memantau kegiatan dan perkembangan kad kredit negara ini serta mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan penggunaan kad kredit adalah secara berhemat dan tidak menjurus kepada masalah keterhutangan yang berlebihan dan mufliis Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagi jawapan yang begitu terperinci. Soalan tambahan saya ialah sama ada kementerian berhasrat memperkenalkan kad debit kepada pengguna khasnya untuk umur yang di bawah 25? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada cadangan oleh pihak kementerian untuk membenarkan caj kad begitu, tetapi mereka boleh menggunakan *supplementary* kad di bawah umur 25 tahun dan bertanggungjawab pemegang kad utama manakala bapa dia ataupun emak dia dibenarkan menggunakan *supplementary* kad itu.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini *supplementary* kad kalau ikutkan, individu yang mempunyai kad kredit ialah 2.5 *million*, kad utama ada 7.9 *million*, kad utama maknanya seorang individu ada dua, tiga, kad utama, ada yang sampai 14 kad pun ada. Saya difahamkan pagi tadi. Jadi banyaklah Tuan Yang di-Pertua, bermakna jumlah *supplementary* kad semua kad 1.1 *million* di mana jumlah kad yang ada dalam pasaran 9 juta kad Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana jawapan yang banyak memberi maklum balas kepada Dewan yang mulia ini. Soalan tambahan saya, berapa peratuskah kad kredit yang dikesan mampu diklon dan apakah tanggungjawab bank terhadap kad-kad yang diklonkan?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, mutakhirnya ataupun keadaan sekarang tidak ada lagi laporan kad klon ini kerana kita sudah menggunakan cip di atas kad semua kad ada cip kalau yang dulunya menggunakan *magnetic tape* yang itu memang boleh diklon. Jadi sekarang sudah tidak ada laporan mengenai klon ini Tuan Yang di-Pertua.

4. **Dato' Gooi Hoe Hin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan projek perumahan yang masih terbengkalai dan bilangan pembeli yang terlibat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan projek perumahan yang masih terbengkalai bagi tempoh dari tahun 1990 sehingga Disember 2006 adalah sebanyak 158 projek dan melibatkan seramai 41,378 pembeli. Terima kasih.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atas jawapan tersebut di atas, pada hemat saya dan saya percaya Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bersetuju ramai pembeli rumah sengsara akibat sebilangan pemaju yang tidak bertanggungjawab dan masalah ini telah berlarutan begitu lama.

Pada hemat saya dan saya percaya Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bersetuju, ramai pembeli rumah sengsara akibat sebilangan pemaju yang tidak bertanggungjawab dan masalah ini telah berlarutan begitu lama. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang prihatin dan harus mengambil tindakan yang lebih tegas dan proaktif.

Soalan tambahan saya, sama ada kementerian akan memperketatkan lagi undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada, terdapat beberapa perkara dalam undang-undang yang masih memihak kepada pemaju seperti liabiliti terhad kepada 10%, jadual pembayaran adalah satu mekanisme yang tidak memihak kepada pembeli. Adakah kementerian bercadang untuk menukar peraturan ini? Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah projek-projek terbengkalai.

Daripada tahun 2002 sampai sekarang, kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk menegaskan dan mendekatkan lagi undang-undang yang sedia ada supaya kemungkinan projek-projek perumahan yang terbengkalai ini boleh dikurangkan. Baru-baru ini iaitu pada tahun yang lalu, kita telah membuat beberapa pindaan lagi kepada Akta Pemaju Perumahan yang memberi kuasa kepada menteri dan kementerian untuk mengambil beberapa tindakan untuk memastikan supaya pemaju-pemaju perumahan lebih bertanggungjawab.

Salah satu daripada cadangan yang telah dibuat dan telah dijawab di Dewan yang mulia semalam ialah untuk menggalakkan projek-projek perumahan di mana rumah dibina dahulu dan selepas itu dijual. Kalau pembeli lebih berjaga-jaga dan memastikan bahawa mereka membeli rumah yang tidak akan terbengkalai, mungkin ini adalah satu cara yang paling baik kerana mereka boleh tengok rumah yang sudah siap dan selepas itu mereka boleh beli rumah itu.

Untuk mengawal pemaju-pemaju perumahan, pada masa dahulu punca-punca yang kita telah kenal pasti yang menyebabkan projek-projek perumahan ini terbengkalai. Salah satu daripadanya ialah projek-projek yang dimulakan sebelum tahun 2002, ada yang dimulakan semasa krisis ekonomi negara kita di mana ramai pemaju yang terlibat. Sebab yang kedua ialah pemaju-pemaju yang memulakan projek-projek perumahan tanpa membuat kajian pemasaran (*market studies*) yang cukup, di mana selepas sudah mula jual, mereka mengenal pasti bahawa sambutan untuk membeli rumah-rumah itu adalah kurang.

Yang ketiga ialah masalah kewangan yang dihadapi oleh seseorang pemaju kerana mereka ingin jual, selepas itu ambil duit dan meneruskan projek. Manakala masa mereka sudah menghadapi satu situasi di mana mereka tidak boleh jual rumah-rumah yang dicadangkan itu, maka mereka menghadapi masalah kewangan.

Pada masa sekarang, kementerian melalui Borang F dan lain-lain peraturan yang telah disediakan di dalam akta, kita memantau semua projek perumahan daripada awalnya. Kalau pada masa sekarang contohnya, di dalam projek-projek perumahan yang dijalankan

sekarang iaitu lebih kurang 5,000 projek perumahan, kementerian telah mengenal pasti bahawa 4,547 daripadanya berjalan dengan lancar.

Cuma ada lebih kurang 300 projek lewat sedikit iaitu tidak mengikut jadual yang telah ditetapkan. Oleh itu, daripada kegiatan-kegiatan yang telah diambil oleh kementerian, ia sudah memberi kesan yang baik. Kita berharap bahawa isu perumahan terbengkalai ini tidak akan menjadi isu lagi pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Ir. Hiang A Li: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya juga ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana dapat berikan satu penjelasan yang begitu lengkap. Soalan saya ialah apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk menghidupkan semula projek-projek terbengkalai yang kita nampak ada banyak juga. Kalau ada, sejauh manakah ianya berjaya? Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, dari 158 projek terbengkalai yang saya telah beritahu tadi, selepas kajian telah dibuat oleh kementerian, kita telah mengenal pasti bahawa 147 daripada projek itu ada potensi untuk dipulihkan dan boleh dipulihkan. Cuma ada tiga projek yang kita telah kenal pasti yang mungkin tidak sesuai untuk dipulihkan kerana ia akan mengambil masa yang sangat lama dan menghadapi pelbagai jenis masalah. Lapan projek yang lain telah diambil oleh pemaju-pemaju yang lain yang sudi mengambil alih untuk pulihkan balik projek ini.

Dalam usaha-usaha ini, kita menggalakkan pihak-pihak pemaju yang lain yang hendak membantu dalam projek perumahan dan untuk projek-projek yang lain, kita minta bantuan daripada Syarikat Perumahan Negara Berhad yang telah banyak membantu kerajaan dan kementerian dalam usaha-usaha memulihkan projek perumahan ini. Terima kasih.

Puan Loga Chitra a/p M. Govindasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pembeli-pembeli yang terlibat dalam projek perumahan yang terbengkalai biasanya terikat dengan pinjaman perumahan dengan bank atau institusi kewangan dan membayar *installment* perumahan serta faedah. Soalan tambahan saya, adakah kementerian mempunyai mekanisme tertentu bagi membantu pembeli-pembeli yang terlibat dalam situasi sebegini dengan bank atau institusi kewangan?

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak mempunyai satu mekanisme yang tertentu kerana ini adalah satu perkara di mana pembeli mengambil pinjaman daripada bank dan selepas itu untuk bank, kalau dipinjam duit itu maka mereka mahu bayaran dibuat balik.

Walaupun demikian, di dalam kes-kes contohnya yang melibatkan rumah-rumah kos rendah dan melibatkan orang-orang miskin, kementerian selalu mengadakan mesyuarat di antara bank, pihak pembeli dan pihak pemaju serta meminta jasa baik bank supaya kalau boleh membantu di dalam mengatur balik jadual bayaran dan mengurangkan faedah sebanyak yang boleh. Ini adalah terpulang kepada bank kerana kita tidak boleh memastikan atau memaksa mereka untuk berbuat sedemikian. Terima kasih.

5. Datuk Jins Shamsudin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan tidakkah kementerian bercadang mengkaji semula jumlah kemasukan filem-filem asing sebanyak 340 filem berbanding dengan filem tempatan, hanya 28 filem setahun (pada tahun 2006).

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Jins Shamsudin.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula jumlah kemasukan filem asing tayangan di negara ini. Akta Penapisan Filem 2002 memperuntukkan semua filem yang hendak ditayang, dijual atau diedar di negara ini hendaklah terlebih dahulu diluluskan oleh Lembaga Penapisan Filem, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kemasukan filem luar negara bergantung kepada sambutan dan permintaan penonton dalam negara ini serta peranan syarikat pengedar filem. Sepanjang tahun 2006, sejumlah 713 filem sinematografi dari luar negara dan 29 filem sinematografi tempatan telah dikemukakan untuk ditonton tapis oleh Lembaga Penapisan Filem.

Jumlah pengeluaran filem sinematografi tempatan memang masih kecil dan untuk meningkatkan jumlah pengeluaran filem sebegini, untuk tayangan di pawagam adalah bergantung kepada pengusaha filem tempatan. Peranan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan melalui FINAS, bertanggungjawab dalam memaju pembangunan industri filem tempatan. Terima kasih.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, seperti yang diumumkan oleh Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi, semua stesen TV termasuk RTM telah pun mengamalkan 60% produk tempatan dalam bahasa Malaysia.

Tidakkah kementerian bercadang untuk mengenakan syarat yang sama kepada semua pawagam di Malaysia, menayangkan filem-filem tempatan 60% bagi menyelaraskan dasar kerajaan, dalam masa yang sama melindungi produk tempatan? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Senator Datuk Jins Shamsudin. Tayangan filem tempatan bergantung kepada permintaan dan juga kemampuan pengeluar-pengeluar filem tempatan. Sebagaimana Yang Berhormat telah kemukakan dalam soalan pada hari ini, daripada 713 filem luar negara, hanya terdapat 29 buah filem yang mampu dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar tempatan.

Maka kerana itu untuk meningkatkan jumlah peratus tayangan di pawagam-pawagam ia memerlukan jumlah pengeluaran yang mencukupi. Setakat ini saya difahamkan dan memanglah menjadi hasrat kerajaan, dan Yang Berhormat sendiri sebagai Pengerusi FINAS, yang dipertanggungjawab untuk memajukan pembangunan industri filem tempatan memahami keadaan sebenarnya. Terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, daripada 340 filem luar negara yang ditayangkan di Malaysia pada tahun 2006, filem luar negara manakah yang amat diminati oleh rakyat negara kita? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Daripada 713 filem sinematografi luar negara yang ditayangkan di negara ini, sebahagian besarnya adalah filem-filem Inggeris, Hindi dan juga filem-filem daripada Indonesia dan juga daripada China, daripada Taiwan. Jadi jumlah sebenarnya akan saya berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

6. Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan dalam kerancangan melaksanakan RMK-9, banyak bahan-bahan binaan juga turut melambung naik seperti simen, besi, kayu, bitumen dan lain-lain bahan terus meningkat naik serta diambil peluang oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab sehingga menjual barang-barang kawalan melebihi daripada harga yang diiktiraf oleh kerajaan setakat ini. Berapa banyak tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian di atas salah laku oleh pengedar-pengedar ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan hanya menetapkan simen dan besi keluli sebagai barang kawalan di dalam bahan binaan yang dinyatakan.

Justeru itu kementerian telah menetapkan harga siling jualan runcit barangan tersebut kepada pengguna. Oleh yang demikian peniaga harus mematuhi harga siling yang telah ditetapkan. Bermula 1 Disember 2006, harga runcit simen telah dinaikkan sebanyak 10% dan mulai 16 April 2007 harga runcit besi keluli telah dinaikkan sebanyak 20%

daripada harga sebelumnya. Kenaikan tersebut adalah berasaskan kepada peningkatan dalam kos pengeluaran masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, dari Januari hingga Mac 2007 terdapat 4 kes diambil tindakan berkaitan dengan simen dan 8 kes yang diambil tindakan melibatkan besi keluli, dan kesemua kes yang diambil ini tidak melibatkan jualan melebihi harga yang ditetapkan dan ia tertakluk di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Sekian terima kasih.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akui apa yang telah diberi penjelasan oleh Yang Berhormat tadi, tapi di dalam hakikat yang sebenarnya aku harga kawalan terutama besi keluli jauh lebih mahal, boleh dikatakan tiap-tiap kontraktor terpaksa bayar harga lebih daripada harga yang telah dikawalkan.

Soalan tambahan saya, cara manakah boleh kementerian ambil tindakan yang lebih dan drastik lagi supaya kejadian ini betul-betul dapat dibendung, supaya kerajaan tidak menampakkkan supaya melindungi 5 pengeluar besi keluli ini sahaja? Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di Pertua, walaupun penguatkuasaan di kementerian ini memang berusaha sedaya upaya untuk kita menjalankan siasatan, pemeriksaan dan sebagainya, dan walaupun mengikut jawapan ini cuma 8 kes dan 4 kes yang terlibat iaitu jumlah 12 kes, kita sangat-sangat perlu kerjasama daripada semua pihak, walaupun ada banyak cadangan untuk kita mengatasi masalah ini.

Akan tetapi buat setakat ini, misalnya mengikut kontraktor-kontraktor atau pun persatuan-persatuan berkenaan minta kerajaan supaya membenarkan mereka import dan sebagainya. Ini memang ada banyak cadangan dan untuk mengatasi perkara ini. Saya ingin mengatakan di sini, kita masih perlu banyak kerjasama daripada semua pihak termasuklah kontraktor-kontraktor atau pengguna sendiri untuk mengemukakan maklumat kepada kementerian kalau ada bukti yang kukuh. Kementerian tetap akan mengambil tindakan terhadap sesiapa yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak kementerian. Sekian terima kasih.

Datuk Armani binti Haji Mahiruddin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua guru di seluruh negara sebagai bekas guru juga... *[Tepuk]*

Soalan tambahan saya, saya ingin tahu bagaimanakah cara pihak kementerian memantau kenaikan bahan-bahan binaan yang melebihi daripada harga yang diiktiraf oleh kerajaan setakat ini. Adakah sebulan sekali, setahun sekali atau menunggu laporan salah laku daripada orang ramai. Kedua, apakah tindakan yang diambil oleh kementerian terhadap peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab ini. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kami di kementerian melalui penguatkuasaan dan pegawai penguat kuasa memang kita menjalankan tugas setiap hari.

Jadi berasaskan, selain daripada pemeriksaan yang biasa yang kita jalankan kalau ada aduan yang tertentu disampaikan kepada kementerian juga diambil kira. Kalau kita dapat aduan yang spesifik kes, kita juga akan menjalankan siasatan. Jika sesiapa dan peniaga-peniaga yang tidak mematuhi peraturan di bawah Akta Kawalan Harga 1946, sesiapa yang disabit kesalahan akan didenda RM15,000 ataupun dua tahun penjara. Sekian, terima kasih.

7. Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta Menteri Pengangkutan menyatakan dasar kerajaan dalam industri penerbangan Malaysia yang mana AirAsia Berhad (pengendali tambang murah) telah diberikan hak untuk mengendalikan penerbangan antarabangsa dan apakah ini akan menjadikan MAS kekal sebagai sebuah GLC yang tidak menguntungkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain yang telah mengemukakan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perkhidmatan tambang murah jarak jauh telah diberikan kepada *Fly Asian Express* atau pun FAX yang akan mengendalikan perkhidmatan ini ke beberapa destinasi tertentu di Asia, Australia dan Eropah menggunakan jenama *AirAsia Long Haul*, dengan izin.

AirAsia Long Haul dijangka memulakan perkhidmatannya ke destinasi-destinasi berkenaan secara berperingkat-peringkat. Ini akan membantu atau pun *compliment*, dengan izin. Perkhidmatan yang disediakan oleh *Full Service Area* dengan izin, seperti penerbangan Malaysia.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Oleh yang demikian operasi yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan tambang murah dijangka tidak akan menggugat operasi antarabangsa syarikat *full service carrier* dengan izin, memandangkan perkhidmatan yang ditawarkan mempunyai sasaran pasaran yang berbeza.

Dalam pada itu untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pelan pemulihan perniagaan MAS telah membolehkannya mengumumkan keuntungan untuk suku keempat tahun 2006 sebanyak RM121 juta. MAS menjangkakan sekiranya meneruskan usaha-usaha yang telah di kenal pasti di bawah pelan pemulihan perniagaannya dia akan berupaya mencatatkan prestasi yang lebih baik, terima kasih.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih timbalan menteri di atas jawapan. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan AirAsia sebagai penerbangan rasmi negara kedua, terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat setakat hari ini kerajaan amat berpuas hati dengan perkembangan MAS kita yang saya rasa dari semasa ke semasa telah menunjukkan satu prestasi yang lebih baik dan saya rasa setakat hari ini kita ada satu lagi perkembangan yang bertaraf nasional yang kedua, terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, saya ingin bertanya Yang Berhormat sejauh manakah rundingan yang dibuat oleh kerajaan bagi Fly AirAsia Express atau FAX yang diuruskan oleh AirAsia untuk diserahkan semula kepada MAS. Mengapa pula FireFly ditubuhkan adakah ia untuk menyaingi FAX atau AirAsia? Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat yang pertamanya untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, FAX ini bukanlah anak syarikat AirAsia. FAX adalah satu entiti yang berbeza, FAX ini menghadapi masalah.

Pertama, dari segi perkhidmatan *interline* yang mana mereka tidak mampu, itu sebab FAX juga telah berkemampuan untuk menyediakan satu perkhidmatan yang akan berwibawa. Banyak *flightnya* semasa memberi perkhidmatan pada *rural air services* yang dulu dikendalikan oleh pihak MAS, sebab mereka bercadang untuk menyerah balik perkhidmatan itu, kepada MAS.

Hari ini masih lagi dalam perbincangan dengan kaedah-kaedah saya rasa ini akan dikemukakan oleh pihak MAS sendiri perbincangan ini berlaku apabila mereka menyelesaikan perbincangan itu mereka akan membawa perkara itu kepada pihak kementerian.

Berkaitan dengan *Dragon fly*, ini adalah anak syarikat MAS 100%, ia hanya menawarkan khidmat kepada penerbangan ke arah kawasan-kawasan yang tertentu umpamanya Langkawi, Kota Bharu, Kuantan dan di rantau ini termasuk Kosomoi dan Phuket. Ini adalah anak syarikat MAS seperti yang telah saya katakan tadi, namun ia berbeza sedikit dengan tambang murah, ia dinamakan *community based airlines*, itu satu nama rasa saya barulah menawarkan khidmat kepada komuniti atau masyarakat kita ke destinasi-destinasi yang tertentu.

5 Ir. Hiang A Li minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan keputusan memasukkan kawasan Kuala Lumpur sebagai sebahagian Koridor Raya Multimedia MSC,

yang dilihat boleh menjejaskan tumpuan menjana pertumbuhan MSC di Cyberjaya kerana para pelabur industri ICT akan cenderung memilih Kuala Lumpur dan mengetepikan Cyberjaya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua keputusan memasukkan kawasan Kuala Lumpur sebagai sebahagian MSC Malaysia adalah sejajar dengan wawasan untuk menjadikan seluruh negara sebagai sebuah MSC Malaysia yang besar menjelang tahun 2020.

Sebagai kawasan MSC Malaysia, penekanan akan diberikan dalam perancangan pembangunan prasarana dan aktiviti-aktiviti ekonomi di Lembah Klang akan mendapati garis-garis panduan pembangunan MSC Malaysia yang lebih menjurus kepada pembangunan mencapai *knowledge and innovation economy*.

Ini tidak bermakna syarikat-syarikat ataupun pelabur-pelabur berstatus MSC Malaysia boleh menempatkan operasi mereka di mana-mana lokasi di Kuala Lumpur atau pun Lembah Klang. Sebagai makluman syarikat-syarikat perlu beroperasi di kawasan-kawasan yang telah diberikan status *hyper-city* dan *cyber-center* sahaja.

Di dalam konteks perluasan MSC Malaysia di Lembah Klang hanya KL Sentral telah diiktiraf sebagai *cyber-center* selain daripada lokasi-lokasi asal iaitu Cyberjaya, KLCC, Taman Teknologi Malaysia dan UPM - MTDC. Secara berperingkat lokasi-lokasi lain perlu menepati kriteria-kriteria status *cyber-city* ataupun *cyber-center* serta *value proposition* bagi menjana pembangunan industri ICT sebelum dipertimbangkan untuk dijadikan kawasan *cyber-city* ataupun *cyber-center* yang baru.

Ini adalah kritikal bagi memastikan jaminan kerajaan yang pertama *first MSC bill of guarantee* iaitu prasarana fizikal dan informasi bertaraf dunia, dapat disediakan secara berkesan untuk syarikat-syarikat berstatus MSC Malaysia. Keutamaan akan diberikan kepada pembangunan Cyberjaya sebagai hab ICT negara yang berdaya saing. Kelebihan-kelebihan dari segi kualiti, prasarana di Cyberjaya dapat menarik pelaburan-pelaburan yang memerlukan tahap dan jaminan kualiti tinggi yang tidak dapat di tawarkan di tempat-tempat lain, terima kasih.

Ir. Hiang A Li: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga ingin saya rakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk kerana telah memberikan Jawapan begitu jelas dan sempurna. Dalam hal ini soalan saya ialah, berapa pelabur ICT asing dan juga tempatan yang berjaya dalam MSC Cyberjaya dan juga Lembah Klang? terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat sehingga 15 Mac 2007, ini secara keseluruhan, terdapat sejumlah 1,759 buah syarikat yang berstatus MSC Malaysia termasuk 85 syarikat terkemuka dunia beroperasi secara besar-besaran di MSC Malaysia, kebanyakannya di MSC Cyberjaya.

Syarikat-syarikat seperti Microsoft, Sun Microsystem, Fujitsu, Oracle, Intel, IBM, Lotus, HSBC, DHL, Shell, BMW, Ericsson, Motorola dan lain-lain lagi menawarkan beribu-ribu peluang pekerjaan ICT bernilai tinggi, terima kasih.

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Tuan Yang di-Pertua. Perbadanan Pembangunan Multimedia baru-baru ini melancarkan dua inisiatif yang meningkatkan potensi negara sebagai pusat teknologi maklumat dan komunikasi ICT Asia, dua inisiatif tersebut ialah Program Dana Prapertumbuhan Usahawan Tekno dan Pusat Panggilan Pelanggan MSC Malaysia.

Program Dana Prapertumbuhan Usahawan Tekno dan di wujudkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan memperuntukkan dana sebanyak RM80 juta bagi membiayai 400 projek. Adalah diharapkan bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kedua-dua inisiatif akan membawa kejayaan. Soalan saya, sejauh manakah kejayaan Program Dana Prapertumbuhan Usahawan Tekno ini dan berapa ramai *'technopreneur'* kaum India yang memohon dan berjaya mendapat bantuan dalam pembangunan ini?

Profesor Datuk Dr. Mohd Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih dengan pertanyaan Yang Berhormat, sebenarnya untuk inisiatif "*technopreneur*" ini kita jalankan sama dengan banyak agensi-agensi kerajaan yang lain, seperti Kementerian Keusahawanan dan Pembangunan Koperasi begitu juga dengan MARA, begitu juga dengan MITI dan sebagainya.

Di dalam program-program ini kita memberi peluang sama rata kepada semua rakyat Malaysia. Kita tidak kira sama ada etnik Melayu, etnik Tionghoa ataupun Cina ataupun bumiputera yang lain. Peluang-peluang adalah diberi sama rata kepada mereka yang berminat. Jadi untuk bilangan *entrepreneur* India itu saya tidak ada *detail*, kalau itu saya akan beri secara bertulis. Terima kasih.

9. Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah indeks jenayah seluruh negara pada tahun 2005, 2006 dan empat bulan pertama pada tahun 2007; dan
- (b) jumlah indeks jenayah mengikut daerah di Kuala Lumpur pada tahun 2005, 2006 dan empat bulan pertama pada tahun 2007.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, daripada statistik PDRM, jenayah indeks yang dicatatkan di peringkat nasional atau keseluruhannya adalah seperti yang berikut:

Jenayah indeks peringkat nasional bagi tempoh 2005 hingga 2007.

Tahun	Indeks Jenayah
2004	156,455
2005	157,459
2006	198,622
2007 (Hingga Mac)	52,513

Timbalan Yang di-Pertua: Bahagian dua Yang Berhormat, sudah berjawab? Sekitar Kuala Lumpur.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya minta maaf, itu kita bagi untuk keseluruhan negara. Kuala Lumpur saya akan bagi secara bertulis. Sebab banyak sangat dia punya *figure* hendak disebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya memahami bahawa masalah jenayah adalah soal atau masalah yang berterusan. Malah Polis Diraja Malaysia sendiri ada menubuhkan Rakan Cop sebagai satu mekanisme pemantauan dan penyebaran maklumat orang ramai kepada polis bagi membanteras kegiatan jenayah.

Soalan tambahan saya ialah adakah penubuhan Rakan Cop ini telah benar-benar memberi keberkesanan dalam usaha membanteras kegiatan jenayah yang semakin meningkat ini dan sejauh mana respons oleh orang ramai kepada Rakan cop? Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan penubuhan Rakan Cop memanglah dialu-alukan oleh pihak PDRM dan juga kementerian. Di mana setakat hari ini kita mendapati bahawa sejak ditubuhkan Rakan Cop di Kuala Lumpur ia telah memberi banyak kerjasama kepada polis dalam usaha untuk membanteras jenayah. Jadi dalam banyak kes yang kita dapat kita selesaikan akhir-akhir ini sedikit sebanyak maklumat adalah daripada ahli-ahli Rakan Cop.

Sekarang ini kita menggalakkan supaya di daerah-daerah ditubuhkan Rakan Cop dan di Parlimen-parlimen tertentu saya sendiri telah turun untuk menubuhkan Rakan Cop ini. Saya rasa dengan keadaan sekarang ini pihak PDRM sendiri walaupun kita mempunyai peralatan yang telah ditambah seperti kenderaan baru-baru ini ditambah 2,000 lagi dan juga kita akan tambah dari segi keanggotaan.

Namun demikian, kita masih mengharapkan masyarakat bukan sahaja daripada Rakan Cop, daripada Rukun Tetangga dan sebagainya, daripada Relas dan agensi-agensi lain untuk membantu membanteras jenayah yang makin hari semakin meningkat, bukan sahaja dari segi kejadian-kejadian yang tertentu, kita tengok hari-hari dalam surat khabar memang meningkat, jadi kita memang mengalu-alukan.

Jadi kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekiranya ingin menubuhkan Rakan Cop di peringkat masing-masing iaitu di Parlimen atau di daerah masing-masing saya akan memberi kerjasama yang sepuuhnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Datin Dr. Norhayati

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tidak ada 'doktor' Tuan Yang di-Pertua belum lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Maaf, Datin Paduka Norhayati

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah berapa ramai penjenayah pendatang-pendatang asing ini telah dijatuhkan hukuman dan apakah jaminan kerajaan supaya mereka ini tidak datang lagi ke negara ini dan apakah kerjasama yang telah dilakukan bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam usaha menjayakan konsep bandar selamat - *safe city* di negara ini? Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya tidak ada angka yang tepat mengenai penjenayah-penjenayah yang melibatkan warganegara asing. Walau bagaimanapun, penglibatan mereka tidaklah begitu banyak seperti yang melibatkan rakyat Malaysia sendiri. Namun demikian mereka yang telah ditangkap, mereka akan dihantar balik oleh pihak imigresen atau ada sesetengah mereka yang dihantar ke Simpang Renggam untuk pemulihan dan apabila tamat mereka akan dihantar balik ke sana.

Jadi mengenai kerjasama dengan agensi-agensi yang lain terutama sekali dengan PBT. PBT memanglah kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan CCTV. CCTV ini setakat hari ini kita ada di Kuala Lumpur dan boleh dikatakan semua daerah polis telah di tubuh dan ada. Bagi negeri-negeri lain seperti bandar-bandar lain seperti Pulau Pinang, Johor Bahru dan sebagainya akan dipasang CCTV oleh pihak PBT, dan kita sama-samalah antara polis dan juga agensi-agensi yang lain akan monitor melalui CCTV ini.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, di samping tugas polis yang utama untuk membanteras jenayah adakah pihak polis mempunyai perancangan khusus untuk mencegah jenayah dari segi pendidikan kepada rakyat Malaysia? Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah kita sentiasa menggalakkan seperti mana tadi yang disebut oleh Yang Berhormat tadi penubuhan Rakan Cop dan sebagainya. Itu adalah di antara usaha kerajaan untuk memberi kemudahan kepada masyarakat untuk membanteras jenayah.

Begitu juga dengan agensi-agensi yang lain seperti AADK. Kita juga di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, menggunakan AADK untuk memberi ceramah dan sekarang ini *instead of* kita menggunakan majlis-majlis perusahaan, kita menggunakan institusi seperti masjid dan juga surau-surau di mana pegawai-pegawai seperti Pegawai AADK dan juga daripada Biro Narkotik akan turun ke surau dan sebagainya untuk memberi ceramah mengenai dadah di seluruh negara.

Oleh sebab dadah sekarang ini peningkatannya begitu tinggi sekali. Di mana penglibatannya melibatkan anak-anak muda yang hari ini, yang kita amat bimbang. Daripada penyeludupan dadah dan juga kejayaan pihak polis dalam merampas dadah dan

sebagainya, bererti dadah telah banyak masuk ke dalam negara kita. Jadi usaha kerajaan ini sedang dijalankan dengan kerjasama pihak sekolah dan juga NGO-NGO yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson.

Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyatakan ada pembetulan pada soalan nombor 10 yang saya telah kemukakan. Pembetulan adalah seperti berikut ianya berbunyi "*Menyatakan sebarang cadangan untuk menaikkan ganjaran pencen kepada pesara-pesara perkhidmatan awam seperti mana dijanjikan oleh kerajaan kepada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat*". Sekian, terima kasih.

10. **Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson** minta Perdana Menteri menyatakan sebarang cadangan untuk menaikkan ganjaran pencen kepada pesara-pesara perkhidmatan awam seperti mana dijanjikan oleh kerajaan kepada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Saya jawab, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun ada perubahan dalam soalan tadi, ianya lebih kurang sama juga seperti mana soalan ini, tetapi saya jawab soalan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya adalah ditegaskan bahawa kebajikan hari tua anggota sektor awam akan terus mendapat perhatian kerajaan. Oleh itu, kerajaan sedang meneliti dan memperhalusi skim faedah persaraan pencarum baru untuk anggota sektor awam yang sedang berkhidmat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di samping menjimatkan perbelanjaan kerajaan ke atas pemberian faedah persaraan, ia juga bertujuan untuk menyediakan satu pakej baru ataupun faedah persaraan merangkumi ganjaran sekali gus, pencen bulanan dan faedah perubatan yang lebih baik berbanding dengan faedah dan kemudahan yang disediakan di bawah skim pencen sekarang. Begitu juga kerajaan sedang meneliti faedah-faedah yang lain di dalam rancangan yang baru ini.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, jika umur persaraan yang dicadangkan itu ialah 60 tahun. Difahamkan yang ianya akan menguntungkan pihak kerajaan dari segi pembayaran pencen dan *gratuity*. Jika benar berapakah agaknya jumlah kewangan yang boleh diselamatkan oleh kerajaan dalam tempoh setahun? Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, inilah yang kita lihat skim pencen yang ada di negara kita. Ertinya orang yang sudah berhenti kerja pun kita bagi lagi. Macam gajilah kepada mereka. Inilah satu-satunya kerajaan saya rasa di dunia melihat pegawai dan anggota kerajaan walaupun selepas mereka bersara pun mereka teruskan. Jadi sebab itu apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu juga adalah satu perkara yang akan ataupun sedang dipertimbangkan.

Untuk makluman Dewan, kita sekarang membelanjakan untuk pembayaran pencen mereka yang berada di dalam persaraan lebih kurang 530,000 orang dan kita terpaksa berbelanja setiap tahun RM5.3 bilion setiap tahun dan ia sentiasa naik kalau kita terus gunakan sistem pencen yang ada sekarang lebih kurang 15% setahun.

Ini adalah satu perkara apabila kita ada skim faedah pencen yang baru ini, ia bukan saja menjimatkan jumlah wang yang saya sebutkan tadi. Maknanya ertinya kalau 15% setahun, bermakna itu sudah kita jimatkan oleh kerana adanya skim faedah yang baru ini di bawah Kumpulan Wang Amanah Pekerja dipanggil KWAP. Bukan KWSP. Dua perkara yang berlainan yang akan ditubuhkan.

Faedah-faedahnya adalah lebih baik lagi daripada yang ada sekarang. Cuma masalah sekarang ialah masalah sumbangan pekerja itu yang menjadi masalah dan pertimbangan. Masih lagi di peringkat perundingan di antara jawatankuasa-jawatankuasa di dalam perkhidmatan yang telah kita tubuhkan.

11. Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan dengan lebih lanjut bagaimanakah pencapaian sistem penyampaian terhadap pindah milik dan syarat tanah setakat ini dan banyak rungutan yang dinyatakan kerana kelewatan proses tersebut di kalangan pemohon. Apakah tindakan Kementerian untuk mempercepatkan urusan tersebut.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S. G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, masalah kelewatan pendaftaran pindah milik ini telah dikenal pasti sejak tahun 2003 dan kerajaan telah menubuhkan satu *taskforce* untuk menyelesaikan perkara ini.

Bahawa *taskforce* ini satu unit khas yang dipanggil *Flying Squad* telah ditubuhkan pada tahun 2004 untuk menyelesaikan kes-kes pindah milik urusan tanah yang lain, yang tertunggak. Sehingga kini pencapaiannya amat menggalakkan. Untuk meningkatkan kecekapan dan prestasi sistem penyampaian perkhidmatan urusan pentadbiran tanah, sistem e-tanah sedang dibangunkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Projek perintis sistem e-tanah telah pun dilaksanakan di Pulau Pinang mulai Oktober 2005 dan akan siap pada Oktober 2007. Sistem ini akan diperkenalkan secara berperingkat di negeri-negeri lain. Melalui penggunaan sistem ini, semua urusan tanah dapat dipercepatkan lagi melalui kemudahan ICT secara menyeluruh dalam pentadbiran tanah.

Prosedur-prosedur urusan tanah juga telah diubahsuai dan dibaiki melalui proses rekayasa bagi meningkatkan masa proses kerja dan kerehah birokrasi. Diharap dengan adanya sistem tanah ini rungutan mengenai kelewatan urusan-urusan tanah akan dapat dikurangkan. Terima kasih.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih di atas jawapan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, soalnya bidang kuasa tanah adalah hak negeri. Bagaimanakah Kementerian memastikan bahawa sistem yang sedang dalam pelaksanaan ini dapat berjalan lancar?

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, walaupun urusan tanah adalah di bawah bidang kuasa negeri tetapi kerajaan Persekutuan telah pun menubuhkan satu Majlis Tanah Negara di mana ianya diuruskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Melalui Majlis ini kita dapat juga menyelaraskan semua aktiviti-aktiviti urusan tanah di semua negeri supaya ia adalah selaras.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah berapa banyakkah kakitangan pejabat tanah yang sudah diambil tindakan kerana terlibat dengan sindiket yang memalsukan geran tanah yang timbul baru-baru ini? Apakah kerajaan bercadang untuk meminda *National Land Code* tadi yang disebut Yang Berhormat tadi untuk mengatasi masalah pemalsuan geran tanah ini?

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka tentang bilangan kakitangan yang diambil tindakan setakat ini. Namun demikian, tentang pemalsuan tanah ini memang sistem pengkomputeran yang sedang dikemaskinikan dan diperkenalkan ini mengambil kira semua perkara-perkara ini. Berkenaan dengan pindaan Kanun Tanah Negara seksyen 340 itu memang ada beberapa cadangan-cadangan untuk membuat pindaan.

Pada pandangan kementerian, memang undang-undang yang ada itu cukup ketat, tetapi apa yang kita perlu semak semula ialah tentang cara-cara, prosedur-prosedur yang digunakan itu perlu dikemaskinikan. Ini kita akan buat melalui nasihat daripada Jabatan Peguam Negara dan juga daripada pakar-pakar dalam bidang ini dan juga forum-forum yang diadakan untuk membincangkan perkara ini. Kita akan mengambil maklum balas daripada mereka untuk mempertingkatkan prosedur-prosedur pentadbiran ataupun pendaftaran ini. Sekian terima kasih.

Tuan Tan Bon You: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dalam sistem yang bakal digunakan, adakah pihak kementerian bercadang untuk supaya memendekkan proses itu. Turunkan kuasa untuk meneruskan *consent* ataupun kelulusan daripada Kerajaan Negeri ke Pejabat Daerah? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: *Delegation of power.*

Dato' S. G. Sothinathan: Kuasa untuk urusan-urusan seperti ini adalah di bawah bidang kuasa negeri.

Timbalan Yang di-Pertua: Terpulang kepada Kerajaan Negeri sama ada mahu *delegate* ataupun tidak.

12. Tuan Lee Sing Chooi minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan bilangan orang yang dilaporkan hilang, berapa pula yang dijumpai kemudian yang masih hidup, berapa orang pula telah mati, bagi setiap tahun untuk 5 tahun yang lepas, dengan statistik negeri, bangsa, jantina, umur dan apakah punca-punca utama kehilangan tersebut.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, daripada statistik PDRM jumlah mereka yang dilaporkan hilang dan yang berjaya ditemui semula daripada 2002 sehingga 2006 iaitu seperti pada tahun 2002, 4,845 orang telah hilang. Ditemui semula 3,178 orang. Tahun 2003 - yang hilang 5,105 orang, ditemui semula 3,421 orang. Tahun 2004 - 5,363 orang hilang, ditemui semula 3,561 orang. Tahun 2005 - 4,103 orang hilang, ditemui semula 2,527. Tahun 2006, 3,246 hilang dan 1,772 orang ditemui semula.

Pada tahun 2002, seramai 3,004 orang berbangsa Melayu, 833 orang berbangsa Cina, 712 orang berbangsa India dan 296 orang bangsa lain-lain yang didapati hilang. Daripada jumlah tersebut, didapati 1,684 orang lelaki dan 3,161 orang adalah wanita. Daripada jumlah mereka yang dijumpai semula pada tahun 2002, seramai 63 orang telah dijumpai mati, 12 orang telah mati dibunuh dan 3,103 orang dijumpai dalam keadaan yang selamat atau hidup.

Pada tahun 2003, seramai 3,272 orang berbangsa Melayu, 838 orang berbangsa Cina, 698 orang berbangsa India dan 270 orang adalah lain-lain bangsa yang telah dilaporkan hilang. Daripada jumlah tersebut, 2,206 orang berbangsa Melayu, 526 orang berbangsa Cina, 407 orang berbangsa India dan 182 orang lain-lain bangsa telah berjaya ditemui semula. Daripada jumlah tersebut, 99 orang telah ditemui mati, 13 orang telah mati dibunuh dan 3,309 orang masih hidup.

Manakala jumlah yang dilaporkan hilang dan ditemui semula adalah seperti berikut... Tuan Yang di-Pertua, saya ingat yang ini saya akan bagi secara bertulis sebab statistiknya banyak. Kalau hendak sebut memang panjang. Begitu juga yang lain-lain ini saya akan bagi secara bertulis sebab kesemuanya secara statistik. Kalau saya hendak sebut, ia memakan masa.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, bagi secara bertulis, Yang Berhormat.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga dengan jawapan yang terperinci. Pertanyaan saya ialah dalam siasatan kes kehilangan ini, adakah sindiket-sindiket wujud di dalam kes-kes sebegini di mana kehilangan itu disebabkan sindiket-sindiket yang beroperasi? Apakah aktiviti-aktiviti sindiket itu selepas penangkapan orang itu? Adakah sindiket-sindiket ini bergabung dengan sindiket-sindiket di luar negara? Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya dalam soal ini saya rasa ia tidak melibatkan sindiket. Kebanyakan mereka ini hilang di dalam lingkungan umur 12 tahun hingga 22 tahun. Kebanyakan mereka ini ada masalah keluarga, ada pergaduhan dalam keluarga, kadang-kadang mereka ini diabaikan oleh keluarga dan sesetengahnya mengikut kekasih. Itu yang banyak dan juga mengikut kawan. Mereka ini hilang begitu sahaja.

Jadi, kebanyakannya adalah terdiri daripada remaja. Jadi, sindiket tidak terlibat setakat ini. Belum ada laporan yang jelas melibatkan sindiket yang menganjur kepada perkara-perkara ini.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah tadi yang dikatakan punca-punca utama kehilangan tersebut. Cuma soalan saya adakah sebab-sebab ini sama bagi semua kaum ataupun adakah terdapat perbezaan di

antara kaum bumiputera, Cina, India dan sebagainya. Itu satu. Kedua, apakah tindakan diambil terhadap kes-kes yang belum dapat dijumpai? Nampaknya tiap-tiap tahun ada seribu lebih orang yang tidak dapat dijumpai. Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya ingat masalah keluarga ini merangkumi semualah. Saya pun tidak ada *detail* tentang masalah kaum India berapa orang yang tidak dijumpai tetapi saya rasa *family problem* ini merangkumi semualah.

Punca jenayah di negara kita ini, masalah sosial pun masalah kerana *family*. Ini kerana kebanyakannya berpunca daripada rumah, terabai di rumah, anak-anak mereka keluar, ibu bapa tidak jaga, dia bercampur dengan orang pun kita tidak ambil tahu, malam-malam anak kita merayau di mana. Kadang-kadang pukul 1.00 pagi pun masih tidak balik lagi. Jadi, ia melibatkan semua orang. Tidak tentulah sama ada daripada kaum India dan sebagainya, semua sama sahaja.

Satu lagi soalan, apa tadi? Saya lupalah...

Tuan M. Munusamy: Kes-kes yang tidak dapat dijumpai.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Jadi, sebenarnya statistik ini pun kebanyakannya diragui oleh polis sendiri sama ada statistik yang ada ini betul atau tidak. Kadang-kadang anak hilang dia tidak beritahu, dia malu hendak beritahu anak dia hilang, anak dia ikut kekasih dan sebagainya. Kadang-kadang ada anak yang telah balik ke pangkuan mereka, sudah balik semula kepada *family* tetapi tidak dilaporkan. Jadi, *figure* ini kita tidak berapa yakin sama ada ia betul tetapi itu statistik yang kita ada. Kalau kita tahu, kita akan ambil tindakan.

Sebenarnya Yang Berhormat, kita ada seksyen kita iaitu seksyen 33, di mana kalau ibu bapa cuai yang menyebabkan anak-anak mereka hilang, kita boleh ambil tindakan kepada mereka. Setakat hari ini belum lagi kita kenakan akta ini kepada mana-mana pihak. Sebaliknya apabila anak hilang, kalau kita tengok hilang di dalam *supermarket*, depan mata kita hilang, jadi akan diperbesar, media pun akan turut sama. Orang yang anaknya hilang itu akan jadi popular. Hari-hari *interview*, selepas itu UMNO pun pergi cari, polis, NGO pun datang dan sebagainya.

Jadi, lebih huru-hara. Sepatutnya kita ambil tindakan kepada bapa itu kerana anaknya hilang. Kita ada seksyen yang tertentu tetapi surat khabar ada bangkitkan, orang politik pun bangkit dan apabila jumpa semua jadi heboh. Sebenarnya seksyen ada, kita mesti kena menguatkuasakan seksyen itu supaya memberi pengajaran kepada ibu bapa, yang membenarkan anak-anak mereka berkeliaran pada tiap-tiap malam.

Yang Berhormat boleh tengok kalau malam minggu kita pergi ke Kuala Lumpur, Jalan Pinang dan sebagainya, kita tengok anak-anak belasan tahun yang terlibat. Kebanyakan daripada rekod yang hilang itu adalah mereka dalam lingkungan umur dari 10 hingga 22 tahun. Ini yang hilang mengikut rekod. Yang 10 tahun pun ada. Jadi, saya harap kepada pihak berkuasa supaya melaksanakan hukuman kepada ibu bapa yang cuai dalam soal ini. Kalau tidak, sampai bila-bila pun kita tidak boleh selesaikan masalah. Apabila ada *problem*, polis disalahkan dan sebagainya.

13. Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan impak ke atas pengeluar dan pengeksporn serta kedudukan daya saing dan ekonomi negara secara menyeluruh semenjak kawalan mata wang diliberalisasikan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah. Tuan Yang di-Pertua, kadar pertukaran ringgit ditentukan oleh pasaran berikutan peralihan pada rejim kadar pertukaran yang *inflexible*. Seperti ekonomi terbuka yang lain, terdapat segmen ekonomi yang memperoleh manfaat daripada pengukuhan nilai ringgit dan juga terdapat segmen yang menghadapi kesan sebaliknya.

Apabila ringgit menambah nilai, import barangan dan perkhidmatan yang disebut dalam mata wang asing akan menjadi lebih murah dalam sebutan ringgit. Sementara hasil eksport yang disebut di dalam mata wang asing akan berkurang semasa ditukar kepada

ringgit. Pengeluar dan pengeksport Malaysia pada umumnya tidak mengalami kesan buruk dari segi daya saing mereka di pasaran global.

Sebaliknya pengeksport komoditi telah menikmati peningkatan dalam hasil pergantungan mereka berikutan harga getah, minyak sawit dan minyak mentah sebanyak kira-kira 30% bagi harga getah, 66% bagi harga minyak sawit dan 29% bagi minyak mentah. Berbanding dengan pengukuhan ringgit sebanyak 11% berbanding dengan Dolar Amerika sejak tambahan tambatan ringgit dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah meliberalisasikan kawalan mata wang juga tidak menjejaskan daya saing negara. Berdasarkan senarai kedudukan daya saing dunia yang dikumpulkan oleh *International Institute for Management Development* yang berpusat di Switzerland. Daya saing Malaysia telah bertambah baik daripada kedudukan ke-26 pada tahun 2005 kepada kedudukan ke-23 pada tahun 2007.

Pelabur asing masih menganggap Malaysia sebagai pusat pelaburan yang menarik. Ini dapat dilihat daripada peningkatan aliran masuk Pelaburan Langsung Asing sebanyak 28% kepada RM22.2 bilion pada tahun 2006, berbanding dengan RM15 bilion pada tahun 2005.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan yang diluluskan oleh MIDA juga telah meningkat 48% kepada RM46 bilion pada tahun 2006, berbanding dengan RM31 bilion pada tahun 2005. Sektor perkilangan telah mencatat prestasi yang kukuh dengan pertumbuhan nilai ditambah dan eksport masing-masing sebanyak 7% dan 10.1% pada tahun 2006, berbanding dengan tahun 2005 sebanyak 5.1%.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat di Malaysia tidak harus bergantung semata-mata kepada kadar pertukaran untuk meningkatkan daya saing mereka. Sebaliknya, syarikat tempatan perlu sentiasa menambah produktiviti secara berterusan untuk meningkatkan kecekapan dan kualiti produk. Langkah ini termasuk bergerak naik dalam rangkaian nilai dengan menghasilkan produk yang mempunyai nilai tambah yang lebih tinggi untuk kekal berdaya saing.

Di samping itu liberalisasi peraturan-peraturan pertukaran wang asing untuk memudahkan perlindungan nilai (*hedging*) dan amalan pengurusan risiko yang lain akan juga membolehkan sektor swasta menguruskan risiko kadar pertukaran mereka dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Norraesah kemudian Tuan Lee Sing Chooi.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berasaskan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, ia menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam daya saing, dalam peningkatan eksport dan lain-lain. Ini menunjukkan bahawa liberalisasi daripada tambatan itu sudah pun merupakan satu kaedah yang baik dan membawa kepada satu *benefit* yang tidak dapat dinafikan. Adakah ini pandangan Yang Berhormat?

Keduanya, adakah kadar RM3.50 kepada Dolar Amerika itu merupakan satu kadar yang amat sesuai untuk kita, Malaysia dalam erti kata pertumbuhan ekonomi, pengeksportan dan lain-lain? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memanglah saya sudah sebutkan tadi dalam jawapan bahawa ada kebaikan peningkatan itu daripada segi yang disebutkan sebagai *manage float* itu, ada kebaikan kepada negara kita dan membuatkan kita menjadi lebih kompetitif dan sektor eksport dan import kita telah pun mendapat manfaat daripada *manage float* ini, dengan izin.

Berbanding dengan keadaan dulu di mana pada tahun lepas, 1 Julai 2005, selepas itu sudah kelihatan peningkatan dan sebenarnya nilai ringgit pun telah meningkat *against US Dollar* dan nampaknya seiring dengan mata wang di sekeliling kita di ASEAN nampaknya lebih utama peningkatan mereka. Pendapat bahawa *hedging manage float* ini telah pun manfaat kepada negara, itu baik.

Dalam hal nilai mata wang *against US Dollar* ini, setakat ini *manage float* bermakna Bank Negara juga mengambil tindakan jangan keterlaluan naik tinggi ataupun turun terlampau banyak. Bank Negara memang ada *interference* sedikitlah. Ini usaha Bank Negara untuk menstabilkan Ringgit ini, jangan terlalu rendah sangat dan terlalu tinggi sangat. Setakat ini nampaknya nilai kita nampaknya di *range* yang dikehendaki oleh negara kita di Bank Negara.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Liberalisasi kawalan wang ringgit ini telah mengukuhkan mata wang ringgit dengan *US Dollar* sebanyak 10%. Pengukuhan ini juga membawa kebaikan yang dibawa tadi kepada negara kita. Dulu sewaktu ringgit turun naik harga, sekarang ringgit sudah naik, bagaimana kementerian dapat mengawal menurunkan harga barang import itu sudah menjadi mudah, membawa kebaikan kepada rakyat jelata supaya kebaikan itu dapat dirasakan oleh rakyat. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, bila ekonomi kita meningkat ia akan dirasakan oleh semua pihak sama ada rakyat di bawah dan semuanya akan mendapat manfaat. Ini dapat dilihat daripada segi peningkatan maklumat yang telah saya berikan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengambil contohnya daripada segi pengilangan, kalau diimport *capital goods*, dengan izin di bawa masuk dalam *US Dollar* dan memang Malaysia, kita punya *trading* lebih daripada 85% bila diimport dengan *US Dollar*, maka kita mendapat dari segi *exchange*. Dari *exchange* duit itu kita sudah untung, nilai ringgit jadi tinggi - dibuat nilai tambah kemudian dieksport juga dalam *US Dollar*. Tidak ada kerugian di situ, tetapi kalau di jual di dalam negara, Amerika Syarikat akan untung lebih. Jadi maknanya akan berlaku peningkatan ekonomi, pewujudan banyak pekerjaan dan ini mendatangkan hasil dan manfaat kepada seluruh rakyat kita. Ini baik untuk kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen yang Kesebelas.” **[15 Mei 2007]**

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

11.36 pg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu izinkan saya bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berhubung dengan MOSTI semasa perbahasan Titah Diraja yang lalu.

Kami di MOSTI amat berbesar hati di atas minat dan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap usaha dan program-program serta strategi kementerian. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, masa depan ekonomi kita tidak boleh lagi bergantung pada sumber tradisi sahaja seperti getah ataupun kelapa sawit semata-mata ataupun industri yang berasaskan kepada upah yang murah atau nilai tambah yang rendah.

Negara kita perlu bergerak ke arah satu ekonomi baru seperti pertanian moden ataupun industri berteknologi tinggi. Kita juga patut menerokai bidang-bidang sumber ekonomi baru yang berasaskan kepada ilmu pengetahuan, inovasi dan nilai tambah yang tinggi seperti bioteknologi, ICT dan juga teknologi termaju seperti nanoteknologi melalui penemuan-penemuan penyelidikan yang dihasilkan sendiri oleh saintis-saintis kita.

Harapan kita ialah negara akan dapat menghasilkan produk-produk yang berasaskan pada teknologi kita sendiri bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara dan seterusnya membawa kepada kemakmuran negara yang dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan untuk anak-anak muda kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok berkaitan R&D supaya para penyelidik tempatan menghasilkan produk berorientasikan pasaran. Kementerian bertanggungjawab dalam merencanakan kajian penyelidikan dan inovasi teknologi baru bagi memastikan Misi Nasional negara mencapai matlamatnya.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan teras pembangunan adalah lebih fokus ke arah memanfaatkan sains, teknologi dan inovasi SDI sebagai pemacu utama dalam meningkatkan keupayaan negara untuk memperoleh dan menggunakan pengetahuan serta menggalakkan inovasi. Keutamaan akan diberikan kepada penyelidikan dan penggunaan yang berorientasikan pasaran dan meningkatkan kadar pengkomersialan hasil-hasil R&D. Selaras dengan keutamaan yang diberikan kepada R&D, mekanisme program-program R&D telah diperkemas.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian telah menggunakan pendekatan yang lebih holistik dalam memperkukuhkan sistem inovasi kebangsaan. Potensi pertumbuhan negara semakin bergantung pada keberkesanan keupayaan inovasi dan kemampuan untuk mencipta, menyebarkan dan menggunakan ilmu pengetahuan. Mekanisme pembiayaan R&D dan pengkomersialan telah disusun semula dan keutamaan sumber juga akan disalurkan kepada projek-projek yang lebih berorientasikan pasaran bagi meningkatkan kadar pengkomersialan.

Bagi tujuan tersebut...

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Pohon laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Cuma setakat ini saya ingin menanya, semenjak Rancangan Malaysia Kesembilan dilancarkan, di mana RM2 bilion sudah pun diperuntukkan untuk kementerian Yang Berhormat. Berapakah *percentage* ataupun peratusan daripada jumlah yang tidak termasuk *physical building* RM1 bilion itu sudah pun diperuntukkan untuk mengkomersialkan segala penemuan-penemuan yang sudah pun dijalankan di universiti-universiti?

Penemuan-penemuan yang sudah pun dijalankan R&Dnya, sebelum Rancangan Malaysia Kesembilan, sebab di Universiti Teknologi, di Universiti Kebangsaan dan lain-lain, Universiti Sains Pulau Pinang, beberapa penemuan sudah pun menunjukkan bahawa memang kita mempunyai kebolehan untuk mengkomersialkan barangan yang kita katakan

berasaskan biotech. Jadi, setakat ini, selama dua tahun ini, berapa banyakkah yang sudah dipergunakan?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih. Sebenarnya ada di dalam jawapan saya, tetapi tak mengapalah. Saya boleh berikan satu makluman yang lain.

Sebenarnya kita ada tiga dana. Dana sains, dana teknologi dan dana inovasi. Jadi, kebanyakan dana-dana ini yang digunakan untuk pra dan juga pengkomersialan adalah dana teknologi ataupun dana *techno*. Sehingga 19 April 2007, kita telah meluluskan untuk dana teknologi sebanyak RM55.143 juta. Ini adalah berupa 14 permohonan yang telah kita luluskan. Sedang menunggu adalah 37 permohonan lagi yang telah diperakukan dan untuk mendapat kelulusan Yang Berhormat Dato' Seri Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berpuas hati? Yang Berhormat tak berapa puas hati. Boleh beri laluan sekali lagi?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Boleh, boleh.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Yang saya maksudkan, yang hendak saya berikan tekanan di sini ialah penemuan-penemuan hasil R&D yang sudah pun dilakukan sebelum Rancangan Malaysia Kesembilan, sebelum wujudnya dana-dana yang disebutkan Yang Berhormat tadi. Memang banyak sudah pun diperkenalkan, akan tetapi tidak dikomersialkan.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, apa yang Yang Berhormat hendak tahu?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Yang saya hendak tahu ialah bagaimana dan apakah yang sudah dikomersialkan dengan bantuan dana-dana yang sudah pun disebutkan?

Tuan Yang di-Pertua: Penemuan sebelum peruntukan...

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Saya faham. Sebenarnya di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita telah pun mengkomersialkan lebih daripada 10 produk-produk hasil daripada penyelidikan yang telah kita pasarkan, bukan sahaja pasaran global malahan pasaran antarabangsa. Ini adalah merupakan produk di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Yang saya kata tadi adalah sebahagian daripada produk Rancangan Malaysia Kelapan ini yang hendak dikomersialkan pada Rancangan Malaysia Kesembilan, itu yang saya katakan, kita telah menyumbang sebanyak RM55.1 juta hasil daripada Rancangan Malaysia Kelapan yang hendak dikomersialkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih. Bagi tujuan tersebut di bawah rancangan Malaysia, dana sains ataupun *science fund* dan dana pembangunan teknologi ataupun *technology fund* telah dilaksanakan. *Science fund* merupakan skim geran R&D yang menyediakan pembiayaan bagi penyelidikan asas sehingga ke peringkat permohonan prototaip skala makmal.

Untuk bidang-bidang seperti teknologi maklumat ICT dan komunikasi ICT, bioteknologi, industri pertanian dan perkhidmatan sains dan teknologi. *Techno fund* sebenarnya adalah menyediakan pembiayaan untuk membangunkan dan mengembangkan teknologi hasil daripada R&D, dengan matlamat akhirnya adalah untuk tujuan pengkomersialan. Skop pembiayaan *techno fund* merangkumi pembangunan prototaip yang sedia dikomersialkan. *Pilot plant* ataupun teknologi perintis dan aktiviti-aktiviti informasi yang mana skop ini diharapkan berupaya menangani masalah kewujudan dan jurang pembiayaan sedia ada dalam rangkaian pendidikan pembangunan dan pengkomersialan.

Bidang-bidang keutamaan *techno fund* adalah sama dengan bidang-bidang di bawah *science fund*. Dalam menggalakkan penjana kekayaan negara dan kesejahteraan masyarakat melalui rangsangan elemen inovasi, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi juga telah memperkenalkan dana bagi aktiviti inovasi iaitu dana inovasi ataupun *ino fund*. Skim dana inovasi ini adalah bertujuan untuk membantu dan menggalakkan syarikat-

syarikat daripada kumpulan industri kecil dan mikro mahupun individu mereka cipta dan *innovator* untuk menghasilkan dan mengkomersialkan hasil inovasi mereka khususnya dalam bidang pertanian, bioteknologi, teknologi maklumat dan komunikasi serta industri.

Selain itu, dana ini juga untuk membantu kumpulan komuniti menterjemahkan pengetahuan ataupun idea mereka kepada produk ataupun proses dan perkhidmatan yang dapat mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat. Bagi memastikan kelancaran dan kejayaan sesebuah projek penyelidikan, Kementerian juga menitikberatkan aspek penyelarasan, pemantauan dan pengkomersialan. Pengeluaran dana mengikut fasa pelaksanaan juga dapat memastikan pencapaian sasaran yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan supaya Kementerian perlu mengadakan jaringan usaha sama dengan badan standard dunia seperti, *American Society of Mechanical Engineers (ASME)*, *American National Standards Institute (ANSI)*, *British Standard*, *European Standard*, *Japan Institute of Technology* dan lain-lain badan dunia yang memperkasakan bidang inovasi negara yang bertaraf dunia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Standard Malaysia dan SIRIM Berhad telah pun mempunyai hubungan kerjasama dengan badan-badan standard dunia seperti yang disarankan mengenai penglibatan aktif dalam pertubuhan-pertubuhan standard antarabangsa, seperti *International Organization for Standardization (ISO)*, *International Electro Technical Commission (IEC)*, *Pacific Area Standards Congress (PASC)* dan *Asia Pasific Economy Corporation Sub Committee on Standard and Conformance (APECSCSC)*.

Jabatan Standard Malaysia sentiasa terlibat aktif dan memantau perkembangan aktiviti dan jalinan kerjasama di kalangan anggota pertubuhan-pertubuhan tersebut. Di samping itu, dalam membangunkan standard kebangsaan, standard Malaysia di mana bersesuaian standard-standard antarabangsa akan diadaptasi sebagai standard Malaysia. Menyadari bahawa standard adalah salah satu pemangkin kepada perkembangan inovasi, jalinan kerjasama dengan badan-badan standard ini akan terus dipertingkatkan dan akan diperkukuhkan supaya bidang inovasi negara dapat diperkasakan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya MOSTI sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas minat serta keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap usaha, program dan strategi Kementerian ini. Seterusnya MOSTI berharap dengan kerjasama dan keprihatinan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat ini, akan dapat membantu Kementerian dalam mencapai matlamat dan visi sebagaimana harapan Yang Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri dan rakyat keseluruhannya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila Kementerian Pengangkutan.

11.48 pg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pengangkutan, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja yang menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan. Sesungguhnya Kementerian Pengangkutan menghargai semua pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya merujuk kepada pertanyaan daripada Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali Tan Sri Syed Abbas Alhabshee mengenai perkhidmatan Syarikat Firefly. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Syarikat Firefly tidak mengadakan sebarang perkhidmatan ke Sabah dan Sarawak. Ia hanya menyediakan perkhidmatan domestik ke Langkawi, Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Kuantan, selain daripada perkhidmatan serantau ke Phuket dan Koh Samui, Thailand.

Pada masa ini, hanya AirAsia menyediakan perkhidmatan tambang murah Malaysia. Itu sahajalah perkara yang telah dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai....

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Pohon laluan.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Mereka ini tak mahu lepas Yang Berhormat dengan mudah-mudah sahaja.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai dengan Firefly dan FAX tadi, saya ingin tahu apakah sebenarnya pengumuman kerajaan itu adalah *final*, iaitu untuk mengambil balik RAS ini iaitu *Rural Air Service* daripada AirAsia dan dikembalikan kepada MAS, kerana ini berlaku hanya sembilan bulan selepas AirAsia sendiri yang minta kebenaran untuk mengendalikan RAS ini melalui FAX dan MAS pula baru memulakan sebulan Firefly iaitu daripada Pulau Pinang ke Pantai Timur, ke Langkawi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Jadi apakah ini wajar sebenarnya? Ia tidakkah akan mengganggu sebenarnya dan ia tidakkah akan mengganggu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: ...*Business turnaround*.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan untuk dapat penjelasan itu, kewajaran itu.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya, ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah tidak mengganggu *business turnaround* kepada MAS mengambil alih tugas ini dan saya juga ingin penjelasan sedikit, berapa banyak subsidi yang telah dibayar kepada AirAsia bila ia mengambil alih RAS tadi?

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Laluan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, biar Yang Berhormat selesaikan sebab pertanyaan itu pun begitu kompleks juga, biar Yang Berhormat menguasai pertanyaan dahulu, kemudian baru bertanya.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan ataupun pandangan itu tadi. Pertama berkaitan dengan *Firefly*, saya telah menyentuh sedikit perkara ini dalam jawapan lisan tadi iaitu *Firefly* ini adalah semata-mata untuk sesuatu sasaran destinasi yang telah saya sebutkan.

Penerbangan ini adalah iaitu *based on [Masalah rakaman]* yang mana ia bukan menggunakan *palette*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *Palette aircraft* pernah juga digunakan di kawasan dalaman di sebelah Sabah dan Sarawak. FAX telah mengambil alih daripada pihak MAS, tetapi AirAsia pula adalah penerbangan tambang murah. MAS setakat hari ini nampaknya telah membuat satu kaedah pemulihan dari segi untuk mencapai keuntungan seperti yang saya telah jawab di waktu soal jawab lisan tadi.

Pandangan kementerian saya, ia tidak mengganggu-gugat usaha MAS pada hari ini dalam, dengan izin, *plan business turnaround* ini. Ia banyak melibatkan dalam *business turnaround* ini, hentikan destinasi-destinasi yang jauh yang mana tidak menguntungkan MAS. Walaupun kita tahu dalam perkhidmatan MAS di domestik ini ada destinasi-destinasi yang tidak *economical*, dengan izin, tetapi dalam *business turnaround* ini ia banyak menumpukan kepada destinasi jarak jauh (*the long haul*) yang mana MAS telah menghentikan perkhidmatan ini.

Umpamanya ke Manchester yang tidak menguntungkan kepada pihak MAS dan juga ada destinasi-destinasi ke sebelah South Africa dan juga ke sebelah South America itu, dengan izin. Jadi saya rasa MAS mengetahui apakah kelemahan-kelemahannya. Bagi mengadakan *Firefly* ini saya tidak akan mengurangkan dari segi *business turnaround*...

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Mohon laluan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum keadaan terkeluar daripada kawalan Yang Berhormat, tadi ada Datuk Hajah Dayang Mahani minta laluan. Sebelum saya izinkan Datuk Hajah Dayang Mahani kemukakan, saya ada satu perkara.

Mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat ingat tiga tahun dahulu saya pernah menyatakan dalam Dewan yang mulia ini, kerana setelah menang pilihan raya, mereka ini berhak tubuh dan bila mereka tubuh kerajaan, bila mereka bangun dalam Dewan yang mulia ini, mereka berhak menjawab cara berhema atau cara berhelah atau tidak mahu jawab langsung. Jangan lupa mereka berhak buat tidak dengar pertanyaan setelah memperkatakan itu, *having said that*.

Tadi Yang Berhormat cuba kaitkan isu *Firefly* di utara sana dengan *rural air services* di timur sana. Mungkin yang itu yang terlepas pandangan Yang Berhormat daripada hal itu. Kaitkan *Firefly* dengan *rural air services* dan adakah kaitan in munasabah? Adakah *Firefly* itu menyentuh soal *rural air services* di Sabah dan Sarawak? Walau bagaimanapun, Yang Berhormat berhak jawab berhelah atau tidak mahu jawab langsung.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat Senator ini saya rasa agaknye mereka ini... [Masalah rakaman] Kita semua dan mereka dapat penjelasan tentang... [Masalah rakaman]

Kita beri kefahaman kepada mereka, perbezaan antara *Firefly* ini dengan *rural air services*. *Firefly* ini macam saya perkatakan tadi, ia ada sasaran, destinasi tertentu tetapi bagi *rural air services* ini ia ada penerbangan di kawasan pedalaman di Sabah, di Sarawak dan ia dahulu juga terlibat dalam *rationalization* dan direalisasikan apabila AirAsia mengambil alih... [Masalah rakaman] Jadi saya rasa memang tidak ada kaitan antara apa yang telah diusahakan oleh MAS pada hari ini dan apa yang berlaku di Sabah dan Sarawak.

Firefly ini memang saya perkatakan tadi adalah 100% milik *Malaysia Airlines*. FAKS ini sekarang macam saya perkatakan tadi tidak berupaya *interlining* dan pelbagai... [Masalah pembesar suara] ...yang telah disediakan oleh MAS sebelum itu. Mereka telah mencadangkan balik kepada kerajaan untuk MAS mengambil alih balik *rural air services* ini. Ini masih dalam perbincangan, apakah kaedah-kaedah itu yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak itu akan di... [Masalah pembesar suara] ...dalam masa yang terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Hajah Dayang Mahani.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kerana memberikan saya laluan untuk mengemukakan soalan untuk mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut.

Pertama, saya ingin mengetahui tentang rasional, sungguh pun ia masih di peringkat pertimbangan ialah kalaulah kita mengetahui bahawa *rural air services* ini merugikan dan pada satu ketika telah diambil alih oleh FAX, sungguhpun kewangan mereka mungkin tidak membolehkan mereka untuk membuat *interlining* seperti apa *services* yang telah dibuat oleh MAS, sekarang ini memohon apa kiranya MAS mengambil alih sekali lagi.

Yang ingin saya tanyakan ialah apa rasionalnya untuk mengembalikan satu operasi yang merugikan MAS kerana pada satu sudut, kita sekarang ini bangga dengan pemulihan daripada keadaan rugi kepada keadaan untung, tetapi sekarang bukan sahaja ia berhadapan dengan masalah FAX yang mungkin akan dikembalikan dan mungkin terpaksa memikul beban yang lama sekarang ini MAS akan berhadapan dengan kelulusan yang baru yang diberikan kepada AirAsia untuk penerbangan *long haul* dan ia merangkumi juga kepada negara-negara di *Europe* dan tempat-tempat yang strategik.

Jadi kalaulah hari ini MAS menikmati keuntungan yang boleh kita banggakan, hanya dalam keadaan yang mana, memang tidak ada saingan kepada MAS yang memerlukan servis ke luar negara melainkan menggunakan MAS, keistimewaan ini telah mengakibatkan MAS mendapat keuntungan. Akan tetapi kalau sekiranya *long haul* ini sudah diberikan kelulusan kepada AirAsia dan ia diteruskan maka kita akan lihat

bahawasanya ada saingan kepada MAS sungguhpun mungkin apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawasanya mungkin *target group* berbeza.

Namun saya nampak kalau tidak ada alternatif kita tidak nampak kepada *target group*, tetapi apabila ada alternatif, ada tambang murah untuk *long haul* mungkin ia juga membawa sedikit sebanyak kesan yang boleh menjejaskan kepada prestasi keupayaan MAS dalam usaha untuk memulihkan keadaan ekonomi MAS itu sendiri. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bermula dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tentang kenapa kalau sudah kita fikirkan FAX itu tidak mampu menjalankan *rural of services* mengapa kita berikan kepada FAX dulu. Oleh kerana pada ketika itu MAS mencapai kerugian yang begitu besar.

Jadi MAS dan kerajaan telah memikirkan kemungkinan ada cara alternatif, kalau adanya syarikat yang lain yang boleh memberi perkhidmatan peringkat *rural area* terutama di Sabah dan Sarawak yang mana mereka boleh mencapai perhubungan ataupun mereka boleh membuat lebih baik daripada apa yang MAS telah lakukan. Namun nampaknya itu tidak berhasil. Jadi sebab itu mereka cadangkan MAS mengambil alih. Itu hanya baru cadangan dan masih lagi dalam perbincangan.

Kita juga mesti ingat bahawasanya kerajaan mesti juga mengambil kira tentang komitmen sesuatu kerajaan itu kepada rakyat Sabah dan Sarawak. Sebab dalam menjalankan sesuatu penerbangan nasional ini satu perkara mesti ingat bagi destinasi-destinasi yang tidak menguntungkan ialah komitmen kerajaan kepada rakyat Sabah dan Sarawak yang telah memilih Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah hendak mengatakan bahawa komitmen kepada rakyat itu nombor satu. Sama ada memihak atau tidak memihak kepada mana-mana syarikat itu... *[Masalah pembesar suara]*

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan Firefly ataupun AirAsia *long haul* ini, yang mana FAX menggunakan jenama AirAsia *long haul* ini ia tidak akan menjejaskan MAS kerana ia hanya akan pergi ke destinasi-destinasi yang MAS tidak pergi.

Ia tidak akan mengganggu dari segi perkhidmatan Malaysia Airlines, sebab perkhidmatan ke Manchester itu yang mana MAS memikirkan ia tidak akan mencapai keuntungan tapi pihak AirAsia *long haul* ini telah menyediakan kemungkinan menggunakan *low cost carrier* ini boleh menguntungkan mereka. Itu terpulang kepada perhitungan mereka.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee. Nanti dahulu Yang Berhormat, Yang Berhormat belum diberi laluan untuk ini. Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee telah diberi.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dalam perbahasan saya baru-baru ini saya ada mengemukakan mengenai dengan MAS dengan izin, *national carrier* yang kita banggakan selama ini yang mana saya melihat telah hilang fokusnya terhadap penerbangan antarabangsa. Oleh kerana apabila kita melihat baru-baru ini bahawa MAS telah menubuhkan sebuah anak syarikat yang dinamakan Firefly dengan membeli dua buah kapal terbang Fokker F27 Friendship.

Untuk saya kapal terbang ini Tuan Yang di-Pertua, kita pakai pada tahun 40-an, 50-an dahulu dan saya tak faham kenapa MAS menubuhkan sebuah anak syarikat pakai kapal terbang Fokker sedangkan AirAsia yang beroperasi sekarang telah membeli lebih 100 buah kapal terbang A320 iaitu kapal terbang *airbus*.

Saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat bahawa baru-baru ini kapal terbang yang begitu canggih iaitu A380 yang telah diperkenalkan di dunia dan telah pun mendapat tempahan daripada *Singapore Airlines, Qantas, Emirates* yang mana *Singapore*

Airlines telah pun menempah sebanyak 10 buah, Qantas - 12 buah dan Emirates - 43 buah. Walhal MAS ada menempah dan hari ini masih lagi tak menentu sama ada hendak membeli ataupun tidak.

Jadi soalnya Yang Berhormat, apakah MAS hilang fokus oleh kerana telah menubuhkan anak syarikat Firefly dan saya tengok sendiri dalam akhbar yang mana CEO MAS saudara Idris Jala berpakaian *t-shirt* dan topi seperti Tony Fernandes yang menunjukkan bahawa ini pun penerbangan murah.

Jadi saya haraplah MAS kena jaga standard MAS yang hari ini orang ramai di dunia amat suka menggunakan MAS kerana ia merupakan penerbangan kelas lima bintang. Jadi saya harap MAS mengekalkan prestasi ini dan menyatakan sama ada mahu bersama-sama dengan *airlines* lain dengan izin, Singapore, Qantas, dan Emirates untuk membeli A380 itu. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Kemungkinan satu ketika dahulu Malaysia Airlines hilang fokus tapi dengan perkembangan yang terbaru sudah ada perubahan Malaysia *Airlines System* kita ini dari segi apa yang saya katakan perancangan-perancangan mereka itu. Mereka menunjukkan iaitu daripada satu masa ke satu masa sudah ada sedikit-sebanyak pemulihan.

Dari segi pembelian kapal terbang-kapal terbang yang saya anggapkan A380 itu adalah satu kapal terbang yang bukan murah, mahal. Dalam kita hendak memulihkan keadaan MAS ini sudah tentu kita kena memikirkan semula sama ada dengan adanya A380 ini ia dapat menyelesaikan masalah kita ataupun ia boleh membebankan kita lagi. Ini yang masih lagi dikaji oleh kerajaan.

Daripada segi pembelian Fokker itu saya rasa ini memang diperlukan kerana apa yang telah saya perkatakan tadi kita memerlukan satu perkhidmatan ke Langkawi, Kota Bharu dan Kuantan yang sekarang kita melihat dari segi menggunakan jet ini katalah ke Kuantan kita kemungkinan mencapai kerugian kerana ramai rakyat kita atau masyarakat kita pada hari ini kalau hendak ke Kuantan dia menggunakan *highway* kerana hanya memakan masa dalam dua jam dan menggunakan jet *fuel 737 series 400* ini dari segi ekonomiknya sudah tak ekonomik.

Jadi kemungkinan menggunakan Fokker ini dapat menjimatkan sedikit dari segi *fuel* yang digunakan untuk suatu penerbangan. Perkara-perkara ini kenalah diambil kira kerana satu ketika dahulu kemungkinan 737/400 yang digunakan untuk perkara ke Kuantan boleh mencapai keuntungan. Akan tetapi dengan adanya *highway* pada hari ini yang mana ramai yang berminat untuk meneruskan perjalanan ke Kuantan dengan menggunakan kenderaan darat.

Jadi ini juga kita kena ambil kira. Kalau tak silap saya apa yang diberitahu kepada saya bahawa *highway* ke Kuantan ini begitu baik, perkhidmatan MAS mencapai kerugian... *[Masalah pembesar suara]* Ini adalah sesuatu yang diambil kira oleh MAS dengan menggunakan... *[Masalah pembesar suara]* ...*Aircraft* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta maaf. Yang Berhormat mohon laluan ya?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mohon maaf. Sektor penerbangan awam ini dia memang tarik perhatian seperti pramugari jugalah, dia tarik perhatian. Terima kasih. Silakan.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma hendak membetulkan kenyataan iaitu antara Firefly dengan Fax sebab AirAsia sendiri yang membuat kenyataan. Dia kata kalau diserahkan balik kepada MAS maka Firefly inilah yang akan melaksanakan teras itu tadi, sebab sama-sama menggunakan *fokker*. Jadi itu yang saya kata tidak ada perbezaan.

Cuma yang belum dijelaskan Yang Berhormat ialah tentang jumlah subsidi yang sudah pun diberi kepada AirAsia dalam tempoh bulan untuk penerbangan luar bandar itu tadi. Sebab saya takut wang yang sudah dibayar itu digunakan oleh AirAsia di kapal terbang boeing dan kemudian serah balik RAS kepada MAS. Itu yang membimbangkan saya sebenarnya. Jumlah subsidi yang dah dibayar itu berapa sebenarnya?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Kalau tak silap saya. Maklumat ini masih dalam perbincanganlah sekarang. Dia akan mengambil kira semua yang telah digunakan oleh FAX dari segi kemudahan-kemudahan yang di peringkat *ground services* yang diberi oleh pihak MAS itu perlu diambil kira semua.

Jadi saya rasa tak perlu saya menjawab perkara yang belum ditentukan dan segala kaedah-kaedah untuk MAS mengambil balik *rural air services* daripada FAX. Saya berharap Yang Berhormat akan bersabar sedikitlah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sudah selesai. Terima kasih

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Saya rasa itu sahajalah yang dapat saya jelaskan di dalam penggulungan saya yang mengaitkan Kementerian Pengangkutan. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Ini Senator jawab untuk Senator.

12.11 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayarantnam]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin yang telah membangkitkan perkara yang menyentuh mengenai bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawa kementerian melalui Lembaga Tembakau Negara telah memberikan tumpuan kepada usaha bagi merealisasikan visi kerajaan untuk membangun kenaf sebagai satu sumber pertumbuhan baru di tanah bris sebagai tanaman alternatif kepada tanaman tembakau. Lembaga Tembakau Negara telah berusaha untuk meningkatkan keluasan tanaman kenaf terutama di negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis kepada seluas 170 hektar dalam tahun 2006. Bagi tahun 2007 pula, LTN merancang untuk menanam 700 hektar lagi dengan tanaman tersebut.

Bagi menjamin pasaran yang tetap dan stabil, beberapa pelopor ataupun *champion* dengan izin, atau pengusaha di sektor hiliran telah dikenal pasti untuk membangunkan produk-produk berasaskan kenaf seperti bahan penebat ataupun *insulator* dengan izin, kertas, biojisim, papan gentian dan *plaster ceiling* dengan izin.

Bagi mengakhiri penggulungan ini, ingin saya maklumkan bahawa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi telah mengambil maklum terhadap segala pandangan, ulasan dan saranan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dan ingin menyatakan di sini bahawa saya dan pegawai-pegawai KPPK serta agensi-agensi di bawahnya akan memberi perhatian yang sepenuhnya kepada semua isu yang telah dibangkitkan dan akan berusaha untuk mengambil tindakan-tindakan yang difikirkan wajar dan sesuai. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

12.14 tgh.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyentuh bidang tugas kementerian saya.

Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin telah menyentuh empat perkara yang termasuk di bawah bidang kuasa kementerian. Pertama, beliau telah tanya sama ada kementerian bercadang untuk mengkaji semula peruntukkan undang-undang bagi mengenakan tindakan yang lebih berat terhadap mereka yang mengulangi kesalahan mencetak rompak CD dan DVD.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini undang-undang yang ada adalah memadai kerana bagi yang menjual CD/VCD, kalau sekeping sahaja boleh dikenakan denda minimum RM2000, maksimum RM20,000 dan juga boleh di penjara selama tiga tahun. Jadi kalau mereka mengulangi perkara ini, boleh dikenakan denda dua kali ganda. Jika mereka menggunakan alat-alat macam *burner*, *photostat machine* dan lain-lain, mereka boleh didenda sebanyak RM4000 hingga RM10,000 dan boleh di penjara selama 10 tahun, kalau mengulangi, dendanya adalah dua kali ganda.

Begitu juga bagi kilang-kilang yang beroperasi tanpa lesen, kalau ianya menjadi badan korporat, boleh didenda RM500 ribu, kali kedua RM1 juta. Jika mereka adalah perseorangan, bukan korporat boleh didenda sebanyak RM250 ribu dan juga boleh di penjara selama tiga tahun dan juga kalau diulang kali kedua, boleh diberi denda dua kali ganda.

Tuan Yang di-Pertua, soalan beliau yang kedua adalah sama ada kementerian bercadang untuk mewujudkan satu kawasan khas bagi tujuan percetakan CD dan DVD secara sah supaya urusan mengesan pengeluaran CD dan DVD haram dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian saya tidak ada apa-apa cadangan untuk memindahkan mereka semua ke satu tempat. Dulu kita ada sebanyak 44 kilang tetapi kementerian terus mengambil tindakan dan bagi 14 kilang kita telah batalkan lesen mereka. Ini adalah kerana kementerian saya begitu serius membasmi ataupun menentukan bahawa kegiatan cetak rompak ini boleh dihapuskan.

Soalan yang ketiga, adalah sama ada kementerian memantau pelaburan melalui internet. Ini adalah bidang kuasa kementerian lain. Aktanya adalah dalam Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 ataupun di bawah Akta Perindustrian Sekuriti. Akan tetapi kementerian saya memang memberi nasihat kepada orang ramai apabila kita ada program-program pengguna supaya jangan melabur melalui internet khususnya jika syarikat-syarikat itu adalah daripada luar negara. Jika syarikat itu ada di luar negara, apabila kita melabur melalui internet, satu hari nanti *website* itu hilang, wang kita pun hilang. Sesiapa pun tidak boleh menjadi cepat kaya. Itu nasihat kita. Kerja kuat baru boleh jadi kaya.

Bagi soalan yang keempat pula, sama ada kementerian menjalankan pemantauan ke atas kegiatan menjual barang-barang tiruan di pasar-pasar malam di sekitar Lembah Klang. Tuan Yang di-Pertua, memang kita telah menjalankan, kita telah memantau jualan barang-barang tiruan. Kita tidak mahu barang-barang tiruan dijual. Kita ada lebih 15 juta pelancong yang datang ke negara kita. Kita mahu apabila mereka memberi barang-barang ini, semua adalah barang-barang tulen.

Jadi, kementerian saya telah mengambil beberapa tindakan. Dalam 2006 sahaja kita telah memperoleh 2018 kes dan telah menyita barang-barang bernilai RM42 juta. Bagi Januari hingga 30 April 2007, kita telah memperoleh 249 kes dan juga telah menyita barang-barang yang bernilai RM14 juta. Ini adalah sesuatu yang sentiasa kita jalankan demi kepentingan peniaga-peniaga tempatan yang menjual barang-barang yang tulen.

Jadi saya minta orang ramai juga perlu bekerjasama; jangan beli barang-barang tiruan, melaporkan kepada kementerian saya jika didapati ada barang-barang tiruan. Begitu juga dengan cetak rompak, jangan beli. Kalau seseorang itu simpan lebih dari tiga, kementerian boleh mengambil tindakan. Kalau seseorang beli dan bawa balik rumah, dia

ada empat lima keping, kementerian boleh mengambil tindakan. Jadi saya mintalah orang ramai supaya jangan beli barang-barang tiruan atau barang-barang cetak rompak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin sama ada kementerian akan mengawal kenaikan harga berikutan cadangan penyelarasan gaji kakitangan awam. Mengenai perkara ini, saya ingin menjelaskan bahawa kementerian saya memang menjaga kepentingan orang ramai. Apabila ada harga barang naik di mana-mana tempat, kita menasihati orang ramai supaya jangan menaikkan harga barang-barang tetapi ada juga peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan bukan kerana disebut ada kenaikan gaji...

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat minta laluan.

Dato' S. Veerasingam: Ya.

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, saya cuma hendak bawa keluhan daripada rakyat jelata sebab sekarang ini kita nampak rakyat tidak begitu berkeyakinan dengan kementerian Yang Berhormat.

Ini kerana setiap kali isu-isu kenaikan harga barang-barang dibangkitkan di dalam media, kementerian Yang Berhormat mengatakan bahawa kita akan pantau supaya barang-barang ini tidak naik harga tetapi akhirnya barang-barang itu naik juga. Kalau kita tengok sejak harga petrol naik beberapa tahun yang lalu sampai sekarang ini, saya rasa lebih banyak harga barang-barang ini yang naik. Walaupun kementerian pantau tetapi masih lagi naik dan kementerian tidak kuasa seolah-olah macam terpaksa menerima hakikat bahawa barang-barang ini naik.

Jadi sebagai Ahli Dewan Negara, kita juga terpaksa menjawab kepada rakyat jelata. Jadi saya hendak taulah daripada Yang Berhormat, daripada kali pertama harga petroleum naik sehingga sekarang, berapakah jumlah barang-barang yang telah dinaikkan harga walaupun kementerian tidak bersetuju? Itu satu.

Yang kedua, berapakah barang-barang yang diminta untuk dinaikkan harga tetapi kerajaan tetap dengan keputusannya dan harga itu tidak naik?

Dato' S. Veerasingam: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang ini adalah sesuatu perkara yang kita sentiasa pantau bukan apabila disebut dalam surat khabar sahaja.

Tiap-tiap bulan, dua kali dalam satu bulan kita memantau harga 255 jenis barang-barang di seluruh negara. Laporan ini juga diberi kepada Kabinet supaya semua menteri tahu tentang keadaan harga barang-barang dalam negara kita. Kadang-kadang kita nampak ada barang yang naik harga dan juga ada barang yang turun harga tetapi semua barang yang dikawal di bawah Akta Kawalan Harga tidak boleh naik.

Kalau mereka menaikkan harga barang-barang itu, kita akan mengambil tindakan dan kita menyita barang-barang itu serta kita akan denda mereka. Jadi dengan cara itu, semua barang-barang kawalan khususnya barang-barang keperluan seperti beras, gula, minyak masak dan tepung. Ini semua adalah barang-barang kawalan termasuk roti dan lain-lain lagi. Jadi kalau mereka hendak naik harga, mereka mesti mendapat kebenaran daripada kementerian saya.

Memang mereka sentiasa meminta supaya kita naikkan harga, tetapi mereka mesti memberikan sebab-sebab yang tertentu supaya barang-barang itu boleh dinaikkan harga. Oleh itu, salah satu barang yang baru-baru ini kita naikkan harga adalah tepung. Selama hampir 10 tahun lebih harganya untuk satu kilogram adalah RM1.20. Mereka telah memohon kepada kementerian saya supaya menaikkan harga sehingga 50 sen, tetapi selepas perbincangan, kementerian saya bersetuju untuk menaikkan sebanyak 15 sen.

Ini bukan bermakna roti canai naik 15 sen kerana kita juga ambil kira kalau dalam satu kilogram tepung, kita boleh buat tujuh keping roti canai. Jadi kalau kita bahagikan kenaikan ini, barangkali 2 sen bagi tiap-tiap roti canai. Saya juga difahamkan bahawa mereka tidak menggunakan tepung yang dikawal itu. Mereka menggunakan tepung *value-added*. Maknanya ada vitamin dan lain-lain lagi dengan harga yang lebih sedikit dan mereka tidak ada sebab untuk menaikkan harga roti canai.

Kalau mi dan lain-lain kalau naik pun, mereka perlu mengikut kadar kenaikan. Kita tidak kawal semua barang-barang. Kita hanya mengawal barang-barang keperluan tetapi kita menjaga supaya harga-harga tidak melambung naik. Kita juga minta pengguna-pengguna supaya menjadi pengguna bijak supaya mereka membeli barang-barang daripada kedai-kedai yang menjual dengan harga yang berpatutan.

Semalam ada satu *reporter* telefon saya dan kata ada sejenis jambu yang dijual di Cameron Highlands harganya RM5.00 sebiji, saya kata jangan beli. Kalau harganya terlalu tinggi jangan beli. Beli barang-barang yang lain, jambu yang biasa dengan harga RM2.00 atau RM3.00, jambu tanpa batu harganya hampir RM5.00. Beli barang-barang yang kita mampu beli tidak perlu membeli barang-barang yang mahal. Bila kita tidak beli, barang-barang itu akan sendirinya turun harga. Jadi itu adalah kuasa pengguna-pengguna dan mereka perlu menggunakan kuasa itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik...

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, boleh minta laluan?

Dato' S. Veerasingam: Ya.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat. Tentang penjelasan Yang Berhormat tadi, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat sedikit tentang Yang Berhormat kata pengguna perlu menggunakan kebijaksanaan supaya jangan beli barang yang mahal.

Kalau barang seperti beras sudah naik harga dan tidak dibeli beras, hendak makan nasi macam mana Yang Berhormat? Kalau tepung naik harga dan tidak dibuat kuih, hendak makan kuih macam mana Yang Berhormat? Jadi bijaksana ini macam mana maksud Yang Berhormat ini?

Yang kedua, saya minta Yang Berhormat kalau boleh pihak kementerian Yang Berhormat ini tidak payah buat dalam media massa ini mengatakan tepung tidak naik, sardin tidak akan naik tetapi akhirnya naik juga. Jadi saya rasa kementerian Yang Berhormat ini satu kementerian yang pada saya publisiti banyak tetapi kerja tidak ada. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' S. Veerasingam: Itu satu tuduhan yang saya tidak boleh terimalah. Memang pegawai-pegawai saya bekerja kuat. Mereka menjalankan tugas dengan cukup baik. Di rata-rata tempat bukan senang tiap-tiap bulan dua kali hendak cari harga barang-barang untuk menentukan orang ramai tidak menghadapi masalah dan semua barang-barang kawalan tidak boleh naik harga lima sen pun tanpa kebenaran daripada kementerian saya.

Bila ada masalah berkaitan dengan minyak masak, dulu bila kita tetapkan harga RM2.50 satu kilogram dalam kampak, pada masa itu harga *olein* RM1,700 satu tan metrik tetapi sekarang harganya RM2,500. Jadi mereka terpaksa menjual dengan harga itu sebab itu menimbulkan masalah. Ada orang tidak sanggup menjual kampak satu kilogram itu tetapi kita mahu supaya orang ramai membeli barang-barang itu dengan harga yang terendah sekali.

Jadi dengan bantuan daripada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Yang Berhormat Datuk Peter Chin Fah Kui, kita telah berjumpa kilang-kilang yang juga *packers* dan mereka telah bersetuju untuk menjual dengan harga yang ditetapkan oleh kementerian saya. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi akan memberi subsidi kepada *packers* dan mulai bulan Jun kepada kilang-kilang supaya orang ramai boleh membeli dengan harga yang terendah sekali.

Itu adalah tanggungjawab kerajaan kepada orang ramai. Bagi tepung, kita terpaksa naikkan 15 sen kerana setelah begitu lama, satu sen pun tidak naik dan syarikat-syarikat menunjukkan kepada kita bahawa mereka mengalami kerugian. Ada juga orang ramai kata yang penting sekali kita perlu barang juga. Kalau kita tidak naikkan harga itu

dan mereka tidak dapat menyediakan tepung untuk orang ramai, orang ramai pula marah kerajaan kerana tidak ada tepung.

Jadi...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Biar Yang Berhormat selesai dulu, sudah habis?

Dato' S. Veerasingam: Sudah habis.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak bagi laluan lagi?

Dato' S. Veerasingam: Boleh, tidak ada masalah.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya kadang-kadang saya tertanya juga sejauh mana kekuatan Kementerian Yang Berhormat untuk menentukan bahawa harga tidak naik kerana pasaran bebas kita. Kalau sekiranya penawaran itu bertambah dan permintaan lebih, lambat-laun harga akan naik.

Saya ambil contohlah, antara barang kawalan ialah besi keluli. Pihak Kementerian meletakkan harga kalau tidak silap saya 1.8 maknanya RM1,800 untuk satu tan, tetapi kalaulah kita hendak beli dengan harga itu, katakan kita tidak dapat membeli dengan harga yang ditetapkan oleh kerajaan, harga di luar, pasar gelap mungkin 2.3 lebih.

Jadi katakanlah kalau sekiranya saya perlu, oleh kerana nasihat daripada Yang Berhormat kita kena beli harga yang terendah, harga yang telah ditetapkan. Saya perlukan barang itu, boleh tidak Kementerian Yang Berhormat mendapatkan harga seperti mana harga yang ditetapkan oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada masalah seperti itu, laporkan kepada Kementerian saya, mana satu syarikat yang enggan menjual dengan harga yang telah ditetapkan dan memang kita akan ambil tindakan atas syarikat itu, bagi laporan ataupun memberitahu secara rahsia pun boleh supaya kita siasat syarikat itu.

Ada satu soalan berkaitan dengan itu juga...

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, sekarang ini nampak macam ada satu trend Yang Berhormat di negara kita, sekiranya kalau satu-satu syarikat itu hendak menaikkan harga barang, dia akan sorok barang-barang itu, kononnya *shortage*.

Jadi selepas daripada berlakunya perkara-perkara ini, maka kerajaan masuk campur dan akhirnya barang-barang itu terpaksa dinaikkan, sama jugalah seperti yang disebut oleh rakan saya tadi, besi keluli, RM1,600 satu tan, dinaikkan kepada RM2,000 dan dinaikkan disebabkan oleh kononnya *shortage*, tetapi sebenarnya tidak ada *shortage* pun, sebab dibeli cara pasaran gelap dan dibeli pada harga yang lebih daripada RM2,000 yang telah ditetapkan oleh kerajaan setelah harga naik.

Jadi, kalau trend ini yang kita biarkan, saya takut makin banyak lagi produk-produk kita yang akan dikatakan *shortage* sekali lagi. Jadi, apakah kita tidak mahu trend ini berlaku lagi, supaya tidak ada menjadi satu contoh kepada syarikat-syarikat lain untuk terus menaikkan harga.

Dato' S. Veerasingam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memang berkaitan dengan keluli ada satu *steel*, ada satu soalan. Saya jawab itu dahulu, kalau ada soalan boleh tanya berkaitan dengan itu. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai cadangan Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik supaya tindakan tegas diambil ke atas pengeluar bar bulat keluli kerana menjual melebihi harga yang ditetapkan. Kita akan menyiasat mengenai perkara ini dan jika benar, kami akan mengambil tindakan sewajarnya.

Bagi pengetahuan Dewan ini, kementerian telah mengambil tindakan terhadap dua pengeluar bar keluli lembut yang didapati mengenakan *charge* palsu mengenai perkhidmatan kad dan bank. Jadi kita memang ambil tindakan. Yang mustahak kita perlu diberitahu, mana satu syarikat jual lebih daripada harga yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu juga, tindakan pengeluar meletakkan harga melebihi siling sepatutnya tidak berlaku kerana kerajaan telah menaikkan harga siling besi dan keluli sebanyak 20%, berkuat kuasa pada 16 April 2007.

Kenaikan harga ini dilaksanakan selaras dengan kenaikan harga, dengan izin *scrap iron* di pasaran dunia. *Scrap iron* dia punya harga dua kali ganda sebab itu kita terpaksa menaikkan sebanyak 20%. Jadi kita harap, semua peniaga-peniaga yang terlibat dalam industri ini jangan jual lebih daripada harga yang ditetapkan. Kalau ada mana-mana syarikat yang buat demikian, harap memberitahu kepada kementerian saya, supaya kita dapat siasat syarikat yang berkenaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae telah mengemukakan persoalan...

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Saya membangkitkan isu kenaikan harga besi keluli ini oleh kerana bagaimana yang saya jelaskan iaitu ada lima sahaja dalam negara kita ini tetapi dari segi pengeluaran ini, dia ada kaitan rapat sama dengan *distributors*, pengedar-pengedar.

Pihak pengedar tidak mempunyai kuasa dalam menentukan harga besi ini kerana dia mendapat daripada *manufacturers* dengan izin, *the millers*. Jadi harga yang telah ditetapkan daripada *millers* ini kepada *distributors* ialah jauh lebih tinggi daripada harga yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan iaitu daripada 1,884 sekarang ini kepada 2,010. Harga yang kita beli sekarang ini masih lagi RM200 lebih daripada harga yang telah ditetapkan.

Kepada pengguna melaporkan ini, kita boleh melaporkan sekali tindakan diambil hanya kepada pengedar, bukan kepada *millers*. Akibatnya kepada pengguna tadi, pesanan yang berikutnya, besi tidak sampai ke tempat, ini akibat apabila kita bekerjasama dengan kementerian, besi tidak sampai ke tempat. Akibatnya projek akan terbantut, terbengkalai dan akhirnya kontraktor akan menjadi rugi.

Ini yang di antara apa yang patut diambil iaitu kerajaan mesti tegas sebab pada fahaman kita telah berlarutan begitu lama, hampir-hampir 30 tahun kepada kelima-lima syarikat ini dan saya rasa dari segi keuntungan, mereka ini beratus juta setiap tahun daripada akaun yang telah diberi dan masih lagi yang kita menjadi ketakutan ialah kerajaan diugut supaya perkara ini masih lagi tidak boleh diselesaikan oleh pihak kerajaan, terima kasih Yang Berhormat. Apa pandangan?

Dato' S. Veerasingam: Terima kasih Datuk Haji Roslan bin Awang Chik. Memang apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu adalah satu perkara yang kementerian saya boleh mengkaji khasnya harga daripada pengilang kepada pengedar.

Jadi, kita juga ada kuasa supaya kita boleh menetapkan harga di kilang sampai ke pengedar, pengedar kepada pengguna. Jadi, barangkali dengan cara itu kita boleh mengelakkan kenaikan harga ini. Kita pernah mengambil tindakan dalam masalah gula. Kita tidak membenarkan mereka menaikkan harga gula dan kita telah menetapkan harga supaya kilang, pengedar kepada peruncit.

Jadi mereka semua ada untung tidak banyak, sedikit, tetapi pengguna tidak ada masalah mendapat bahan-bahan ini. Jadi, saya akan minta pegawai-pegawai saya mengkaji perkara ini supaya kita menetapkan harga di peringkat kilang dan kemudian kepada pengedar supaya pengedar juga ada untung dan pengguna tidak ada masalah. Kalau mereka menjual lebih daripada harga yang kita tetapkan, kita sudah bincang dengan pengilang-pengilang dan mereka bersetuju menjual dengan harga yang telah ditetapkan.

Kalau mereka mengambil tindakan untuk menjual lebih daripada harga yang ditetapkan itu, maknanya mereka menipu perjanjian mereka sendiri. Jadi, kementerian saya boleh mengambil tindakan tegas dalam hal ini dan saya ucapkan terima kasih kepada Datuk Haji Roslan bin Awang Chik yang telah menyebut harga berlebihan sebanyak RM200

yang dijual itu supaya kita boleh menggunakan itu untuk mengkaji kedudukan harga keluli di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae telah mengemukakan persoalan tentang sejauh manakah persiapan kementerian untuk menjadikan Malaysia sebagai Halal Hab. Mengenai dengan persoalan ini suka saya jelaskan, bahawa pembangunan keseluruhan Halal Hab akan dilaksanakan oleh JAKIM dan *Halal Industry Development Cooperation (HDC)*.

Peranan kementerian adalah dari segi menyediakan struktur perundangan bagi menyokong pembangunan Halal Hab ini iaitu di bawah Akta Perihal Perdagangan 1972. Sehubungan itu kementerian sedang mengkaji semula peruntukan di bawah akta ini bagi mengambil kira hal-hal berkaitan Industri Halal di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya sekali lagi ingin merakamkan...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan Yang Berhormat.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta laluan...

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun hairan sebab apa apabila orang hendak duduk adalah pertanyaan tambahan. Mengapa masa orang itu berucap tidak ada, tetapi tidak apalah hendak beri laluan Yang Berhormat?

Dato' S. Veerasingam: Boleh, *no problem*.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Sebab tadi tidak hendak mengganggu Yang Berhormat sedang menjawab Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini peguamkan?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, mengenai dengan kenaikan harga barang ini, tidakkah kementerian bercadang mewujudkan apa yang dipanggil sebagai Suruhanjaya Harga untuk mengawal tentang kenaikan harga-harga barang ini. Walaupun di barat ada...

Tuan Yang di-Pertua: *Price commission*.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: ...*Price commission* tetapi hanya ditumpukan kepada utiliti seperti air, elektrik dan sebagainya, tapi mungkin kita boleh ubahsuaikan untuk barang-barang keperluan sebab saya yakin lebih banyak barang akan naik harga tidak lama lagi. Jadi barangkali boleh dipertimbangkan tentang suruhanjaya harga ini yang melibatkan FOMCA mungkin Ahli-ahli Parlimen sekali.

Dato' S. Veerasingam: Terima kasih Yang Berhormat ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak jawab satu persatu?

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Saya rasa saya mintalah...

Dato' S. Veerasingam: Ada berkaitan.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: ...Ia tidak ada berkaitan, tapi saya hendak masuk sekalilah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak kaitkan.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Beberapa kali Yang Berhormat kata, sekiranya ada bukti-bukti tentang kenaikan harga sila laporkan kepada kementerian. Saya mohon bertanya kepada Yang Berhormat, semasa kementerian diterajui oleh Tan Sri Muhyiddin, kementerian dahulu ada wakil di kalangan suri-suri rumah tangga dan juga persatuan-persatuan yang memantau harga, apakah persatuan ini masih lagi berfungsi.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan *price commission* saya akan membawa perkara ini kepada menteri sayalah untuk mengambil tindakan

selanjutnya, tetapi harga kawalan memang tidak ada masalah. Harga kawalan semua kita ada memantau tiap-tiap bulan untuk menjaga harga.

Selain daripada itu, macam barang-barang makanan semua, mereka tidak memohon daripada kita untuk menaikkan harga-harga barang, tetapi apa yang kita buat apabila kita buat pemantauan, macam dahulu ada mi goreng dia jual RM2.50 dia naik RM3.00, kita minta persatuan restoran minta supaya diturunkan dan mereka turun semua kepada RM2.50. Itu adalah cara yang kita buat selama ini.

Bagi air, api dan semua ini mereka mesti mendapat kebenaran daripada kementerian. Dia menjadi monopoli, kalau monopoli di satu tempat, sesuka hati mereka boleh naik harga tetapi kerajaan tidak benarkan, kerajaan beri minyak yang bersubsidi dengan harga yang terendah sekali supaya orang ramai khususnya pengguna-pengguna tidak akan menghadapi masalah berkaitan dengan perkara ini. Walau bagaimanapun, perkara ini saya akan sampaikan dalam Mesyuarat Post Kabinet untuk melihat bagaimana kita boleh menjadikan satu badan, yang boleh juga melaksanakan tugas yang sedang dijalankan oleh pegawai-pegawai daripada kementerian saya.

Yang terhormat juga telah sebut tentang harga barang ya? Pemantauan, baru-baru ini kementerian saya telah minta beberapa Ahli Parlimen untuk membantu dalam perkara ini. Sebab sudah ada jawatankuasa yang dipengerusikan oleh pegawai daerah di semua daerah jawatankuasa pengguna. Apa yang kita nampak ia tidak berfungsi begitu aktif. Jadi kita, baru-baru ini kita melancarkan satu lagi program yang disebut "Rakan Pengguna".

Jadi ramai telah mendaftar dengan rakan pengguna ini dan kita akan minta Ahli-ahli Parlimen untuk membantu kita supaya Rakan Pengguna ini boleh bantu kita untuk menjalankan tugas. Walau bagaimanapun, saya beri jaminan kepada Yang Berhormat semua, apa sahaja yang disampaikan hujah-hujah ataupun teguran yang disampaikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat akan diambil kira.

Saya ucap ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat...

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Yang Berhormat minta lalui sedikit. Saya bertanya tadi berkenaan dengan pasukan pemantau harga semasa Tan Sri Muhyiddin menjadi menteri, di kalangan wanita-wanita dan juga suri-suri rumah tangga. Adakah pemantau-pemantau yang dilantik masih lagi berfungsi? Oleh sebab Yang Berhormat tadi ada menyatakan, apa-apa laporkan kepada kementerian, tapi ada tak pasukan-pasukan ini, adakah mereka ini masih berfungsi ataupun tidak?

Dato' S. Veerasingam: Kumpulan ini ada berfungsi di beberapa tempat, tetapi hanya semasa kita menjalankan kawalan harga barang-barang. Iaitu pada masa musim perayaan. Mereka ada memberi laporan kepada pejabat-pejabat pengguna di tiap-tiap satu kawasan supaya kita dapat tahu, apakah harga barang-barang dan pada masa itu hanya menetapkan kawalan semasa musim perayaan.

Macam hari raya ada 26 jenis barang. Jadi mereka hanya membuat laporan tentang 26 jenis barang ini. Adakah cukup dalam pasar, kalau tidak cukup ke satu tempat kita menentukan kita hantar. Kalau tidak cukup dalam negara, kita minta kementerian berkaitan untuk mengimport daripada luar negara supaya barang-barang itu cukup. Itu masih dikendalikan, tetapi kita mahu badan ini lebih berkesan dan boleh berfungsi tiap-tiap hari.

Jadi kita sekarang sedang bergiat mengadakan satu badan yang dipanggil "Rakan Pengguna". Semua Senator boleh bantu kita dalam perkara ini apabila ia dilaksanakan dengan mengikut syarat-syarat, bagaimana mereka boleh menjalankan tugas. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk memberi gambaran yang lebih seimbang kepada cabaran-cabaran di depan kementerian Yang Berhormat, saya ada tiga pertanyaan yang saya harap tidak melanggar peraturan mesyuarat, tetapi yang tidak memerlukan jawapan.

Pertama betul atau tidak hampir mustahil hendak diadakan pertumpahan ekonomi, kalau tidak ada inflasi (*recession*)... *Possible to achieve economic growth under the...* [Masalah pembesar suara]

Nombor dua, betul atau tidak kuasa pasaran lebih hebat daripada kuasa mana-mana sekali kerajaan dalam dunia dan nombor tiga betul atau tidak *price control are the double-edge sword... [Masalah pembesar suara] ...and cut the other way and... [Masalah pembesar suara] ...ourselves*. Jadi di masa hadapan... *[Masalah pembesar suara]* ...seperti gambaran yang seimbang saya harap supaya kita semua memahami cabaran-cabaran yang...

Dato' S. Veerasingam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kemajuan Luar bandar dan Wilayah.

12.47 tgh.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah atas perbahasan Titah Ucapan Diraja dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Osman bin Bungsu, telah mencadangkan supaya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli diletakkan di bawah bidang kuasa Timbalan Perdana Menteri seperti FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berpendapat bahawa Jabatan Hal Ehwal Orang Asli adalah lebih sesuai diletakkan di bawah kawalan dan seliaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kerana majoriti daripada kumpulan sasar kementerian dan jabatan ini, iaitu masyarakat Orang Asli masih berada di kawasan luar bandar.

Di samping itu juga program-program jabatan seperti pembasmian kemiskinan, penyediaan infrastruktur asas dan pembangunan ekonomi adalah selaras dengan program-program yang dilaksanakan oleh kementerian. Sejak jabatan diletak di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada 2003, semua program dan projek bagi kumpulan sasar telah dapat dilaksanakan seperti yang dirancang dan telah pun memberi impak yang positif.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Osman bin Bungsu supaya masyarakat Orang Asli diberi peluang untuk terlibat secara langsung dalam pembangunan tanah dan pembangunan kawasan Orang Asli dilaksanakan secara holistik adalah satu cadangan yang baik.

Untuk makluman Yang Berhormat, KKLBW melalui JHEOA telah pun melibatkan masyarakat Orang Asli dalam pembangunan tanah melalui projek perladangan sawit dan getah yang telah dibangunkan seluas 24,000 hektar melibatkan 10,000 orang peserta. JHEOA juga telah memberi peluang kepada kontraktor Orang Asli, melaksanakan projek-projek jabatan seperti projek perumahan miskin tegar, penyelenggaraan ladang dan pembinaan infrastruktur di penempatan Orang Asli.

Yang Berhormat bagi Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, mencadangkan supaya kakitangan KEMAS yang berkhidmat secara kontrak dibela dengan memberi kad bersara supaya mendapat layanan yang sama dengan pesara-pesara kerajaan yang lain setelah tamat kontrak. Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini KEMAS mempunyai seramai 14,396 anggota kontrak.

Pada masa kini mereka mendapat faedah dan juga kemudahan-kemudahan sama seperti kakitangan tetap yang meliputi imbuhan tetap perkhidmatan awam, imbuhan tetap perumahan, kolar dan kemudahan rawatan perubatan di hospital dan klinik kerajaan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2003 iaitu Panduan Pelantikan Pegawai Kontrak.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat supaya memberi kad pesara bagi anggota kontrak, sukalah dimaklumkan bahawa KEMAS sedang mengambil tindakan

bagi menyediakan kertas cadangan untuk dikemukakan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

Yang Berhormat Senator Siw Chun a/p. Eam mencadangkan supaya semua institusi prasekolah di KEMAS diselaraskan dan dipantau di bawah Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui KEMAS mengambil maklum berhubung cadangan Yang Berhormat supaya Kementerian Pelajaran menyelaraskan institusi prasekolah yang dilaksanakan oleh lain-lain agensi seperti KEMAS dan Jabatan Perpaduan. Kementerian Pelajaran telah pun mengambil tindakan tersebut yang mana KEMAS bukan ahli dan Jawatankuasa Pemantapan Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Pra-Sekolah.

Justeru itu, dalam mesyuarat jawatankuasa tersebut yang telah diadakan pada 20 April tahun ini, 2007 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran Malaysia, telah mengambil persetujuan seperti berikut:

- (i) menyelaraskan penggunaan kokurikulum pra sekolah kebangsaan;
- (ii) meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah; dan
- (iii) bahawa perlu ada kesinambungan pembelajaran di peringkat sekolah dan sekolah rendah.

Yang Berhormat Senator Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor mencadangkan supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi memantau petani-petani di Kelantan memajukan bidang pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, program-program Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang boleh dimanfaatkan oleh petani-petani khususnya bagi negeri Kelantan meliputi program latihan dan bimbingan seperti Kursus Teknologi Tanaman dan Ternakan yang dilaksanakan dengan kerjasama pihak MARDI.

Seterusnya Skim Pembiayaan Ekonomi Desa ataupun SPED yang di mana pinjaman tanpa cagaran diberi bagi tujuan pemerolehan mesin ataupun peralatan, bahan mentah dan modal pusingan untuk aktiviti-aktiviti penternakan.

Ketiga, iaitu pembinaan premis gerai, bengkel dan juga kilang perniagaan. Di sini mereka disediakan premis perniagaan kepada petani dan juga pengusaha luar bandar untuk memasarkan hasil-hasil pertanian.

Seterusnya pertanian komersial. Program ini menyediakan bantuan infrastruktur untuk projek-projek pertanian yang dilaksanakan oleh agensi kementerian seperti FELCRA, RISDA dan KESEDAR. Antara contoh bidang pertanian yang telah dilaksanakan di negeri Kelantan secara komersial ialah ternakan kambing *Boer* oleh RISDA di Kampung Wek, Machang, Kelantan.

Kelima, penglibatan agensi kementerian seperti FELCRA, RISDA. FELCRA membantu petani-petani iaitu peserta-peserta FELCRA melibatkan diri dalam penanaman getah dan kelapa sawit. Peserta-peserta FELCRA akan menerima faedah dividen dan juga mempunyai peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh FELCRA kepada peserta-peserta.

RISDA turut menyediakan program untuk membantu petani-petani di kalangan pekebun kecil dan khususnya golongan miskin tegar, iaitu:

- (i) melalui program pengeluaran produktiviti getah melalui bantuan peralatan dan baja; dan
- (ii) melalui program ekonomi tambahan iaitu tanaman kontang, industri desa, pertanian campur dan ternakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan perbahasan Titah Ucapan Diraja, yang menyentuh mengenai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

perkara-perkara yang telah di sentuh dan dibangkitkan akan di ambil perhatian serius oleh kementerian ini.

Bagi perkara-perkara lain yang telah di sentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi tidak sempat di jawab hari ini, kementerian ini akan mengambil perhatian dan tindakan susulan seharusnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

12.54 tgh.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan kementerian semasa membahaskan Titah Ucapan Diraja pada kali ini.

Mengenai isu Dasar Ekonomi Baru dan Masyarakat Perdagangan Perindustrian Bumiputera yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed, Senator Datuk Jins Shamsudin, Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi dan Senator Maijol bin Mahap, maafkan saya.

Kementerian saya mengambil empat pendekatan strategi, seperti berikut:

- (i) pembudayaan keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah, peringkat universiti termasuk keusahawanan koperasi;
- (ii) mengujudkan peluang perniagaan dan bantuan kepada golongan sasaran meliputi usahawan mikro dan IKS;
- (iii) menyemarakkan pembangunan modal insan melalui pelbagai program latihan, kemahiran dan *hands on*; dan
- (iv) meningkatkan pemilikan aset oleh Bumiputera melalui program penyediaan premis-premis perniagaan dan kilang bimbingan.

Di samping pendekatan di atas, kementerian juga telah melalui pembiayaan misalnya telah memberi bantuan secara mudah kurang daripada RM50,000 kepada para usahawan sebagai salah satu dari usaha untuk mengeluarkan mereka dari kemiskinan, dengan menjadikan keusahawanan itu kerjaya pilihan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin supaya ibu tunggal diberi pengecualian daripada dikenakan bayaran, untuk mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh kementerian. Suka saya maklumkan kementerian saya amat prihatin dengan perkara ini dan akan memberi pertimbangan sewajarnya dan telah pun memberi beberapa kemudahan kepada ibu-ibu tunggal...

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat minta laluan.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Emm..

Tuan Yang di-Pertua: Emm, itu makna benar ke tidak benar?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya, boleh, boleh. *[Ketawa]*

Dato' Omar bin Faudzar: Saya hendak ucap tahniahlah kepada kementerian yang begitu kreatif dalam mengeluarkan idea-idea yang bernas hendak membantu bumiputera, tapi yang saya rasa tak begitu memuaskan ialah kementerian ini seolah-olah macam tak ada penghubungnya.

Saya masih ingat pada tahun 1991 hingga 1995, seramai 236 kontraktor berwibawa yang diwujudkan oleh kementerian dan selepas itu pada tahun 1996 hingga 1998, seramai 54 kontraktor berwibawa yang diwujudkan oleh kementerian. Ini satu idea yang baik sebab kita hendak membantu kontraktor-kontraktor ini untuk mendapatkan

pekerjaan-pekerjaan, dan kita bagi taraf berwibawa disebabkan oleh kemampuan kontraktor-kontraktor ini, tetapi malangnya kebanyakan kontraktor-kontraktor ini dah gulung tikar.

Sepatutnya kontraktor-kontraktor ini diberi kontrak secara runding terus dan dibantu oleh kementerian, tapi sekarang ini nampak kontraktor-kontraktor ini dah tak dapat kerja dan kebanyakan kontrak-kontrak diberi seolah-olah macam bukan lagi yang mempunyai teknikal *know how*, lebih kepada teknikal *know who*, jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat ada sedikit silap faham kerana kementerian MECD, kita mengeluarkan lesen sama ada kelas A, B, D, E or F.

Tentang memberi kontrak penagihan sama ada kontraktor berwibawa atau tidak berwibawa, memang kita yang menentukan kontraktor yang memang bagus, tetapi yang memberi projek terpulang kepada agensi pelaksana atau kementerian yang menjalankan atau yang memberi projek. Lebih-lebih lagi kalau dia bercakap pasal kontraktor secara runding terus, ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan. Saya juga seperti rakan saya Yang Berhormat Dato' Omar ingin mengatakan bahawa idea-idea yang dikeluarkan oleh kementerian begitu banyak sekali, ini bukan sahaja bermula daripada sekarang tetapi sudah pun menunjukkan...

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup. Masa cukup, Yang Berhormat boleh habiskan pertanyaan kemudian Yang Berhormat boleh jawab petang.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Pohon satu, dua minit.

Tuan Yang di-Pertua: Habiskan pertanyaan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tetapi idea-idea ini ialah untuk memberangsang atau menghidupkan sejumlah MPPB yang lebih besar untuk mendekatkan jurang perbezaan dalam pendapatan antara kaum dan etnik umpamanya, tetapi saya nampak dan lihat lagi banyak program, lagi banyak aktiviti yang di wujudkan jurang perbezaan masih juga semakin melebar, kalau tidak pun melebar jauh tetapi tidak mendekat daripada jumlah ataupun jurang nisbah yang sudah ada.

Keduanya, ialah masalah Bumiputera. Saya terpaksa sebut Bumiputera di sini sebab Dasar Ekonomi Baru merupakan satu dasar yang harus kita pegang. Ia untuk menyelaraskan satu *level playing field* untuk semua...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau soalan Yang Berhormat panjang lagi, saya akan bahagikan kepada dua. Soalan di sebelah pagi dan soalan di sebelah petang.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Sambung Petang? Atau pun saya bagi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat akan sambung tanya petang.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Setengah minit boleh tak? Setengah ye.

Tuan Yang di-Pertua: Tanya, tak boleh. Kalau Yang Berhormat...

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Okey, kalau tak boleh saya sambung soalan saya sebelah petang, lagi panjang soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Habiskan, saya benarkan 30 saat sebelah petang.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: 30 saat sebut satu patah perkataan saja!

Tuan Yang di-Pertua: Nak habiskan pertanyaan tak?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Yang sana kata habis, yang sini kata... Yang mana? Ialah saya memanglah akur kepada Tuan Yang di-Pertua. Masalah *excess* kepada *funding* kepada dana-dana itu semakin berleluasa kesukaran yang di hadapi oleh MPPB yang ingin menjadi masyarakat MPPB terutama sekali keluhan yang saya dengar

ialah daripada SME Bank. Jadi di sini juga saya nak tahulah, apakah tindakan keras ataupun tidak keras yang diambil oleh pihak kementerian untuk menentukan bahawa keluhan-keluhan ini hilang?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Mungkin saya pun telah langgar peraturan mesyuarat. Walau bagaimanapun, kita biarlah isu ini terbuka. Mesyuarat ditangguhkan 1 minit 25 saat setelah patut ditangguhkan. Biarkanlah ia. Masa cukup. Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ada menerima satu Usul daripada pihak kerajaan. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri untuk mengemukakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran semua kementerian menjawab perbahasan Titah Diraja dan diputuskan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari esok, 17 Mei 2007.”

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya minta Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk menyambung jawab.

2.33 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan sambung sahaja. Tuan Yang di-Pertua, tadi ada soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Norraesah, saya rasa Yang Berhormat ingin menyambung semula soalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta maaf, silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Dato' Khamsiyah. Tadi saya menyarankan soalan tetapi oleh kerana harus dipercakapkan dengan begitu cepat sekali mungkin terlari, tergelincir daripada kefahaman ramai bila saya bercakap...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak ulang sekali lagi?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya akan ulang dan akan tambah apa yang hendak saya nyatakan tadi. Jadi pokok pangkalnya ialah niat yang ikhlas daripada Kementerian Usahawan dan Koperasi untuk menanam dan mewujudkan satu semangat budaya keusahawanan sebagai kerjaya.

Sungguhpun idea-idea itu adalah baik, tetapi ia tidak akan diterjemahkan kepada sesuatu realiti sekiranya ada fakta-fakta lain, komponen-komponen lain yang akan mengizinkan adanya kerjaya keusahawanan itu tidak akan menjadi penyekat. Umpamanya akses kepada dana-dana yang sudah pun disediakan di bawah kementerian khususnya Kementerian MECD dan juga kementerian-kementerian lain.

Yang pentingnya Yang Berhormat hendak saya sebutkan di sini ialah budaya keusahawanan yang hendak ditanamkan khususnya kepada peniaga-peniaga, usahawan-usahawan bumiputera harus juga difahami dan *diinternalizekan* dihayati oleh mereka yang memproses segala permohonan dana-dana ini.

Kalau mereka juga tidak tahu menilai dan menghargai keusahawanan itu sebagai kerjaya yang penting, ia akan mendekati jurang perbezaan pendapatan antara etnik-etnik dan juga antara bandar dan luar bandar, selagi itulah segala usaha, aktiviti dan aspirasi kerajaan terutama sekali kementerian Yang Berhormat tidak akan tercapai sehingga mereka ini meletakkan nilai yang tinggi terhadap keusahawanan itu sendiri dan memahami bahawa masa itu adalah penting dalam *business* dan keusahawanan. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi menjawab soalan Yang Berhormat sebenarnya ramai juga keliru dengan pinjaman daripada SME Bank. Sebenarnya katalah SME Bank, ia memproses beberapa dana daripada Kementerian Luar Bandar, Kementerian Pelancongan dan beberapa kementerian lain. Kementerian ini mengepakkkan duit di SME setelah diproses oleh kementerian berkenaan.

Contohnya, SPED – Skim Pinjaman Ekonomi Desa, pinjaman daripada Kementerian Luar Bandar. Pinjaman ini diproses, diperakui dan diperakukan layak untuk diberi pinjaman, baru dibawa kepada bank. Bank proses membuat analisa segala-galanya layak atau tidak permohonan itu, mencukupi syarat dan sebagainya. Kemudian dipulangkan balik kepada Kementerian Luar Bandar untuk diluluskan.

Jadi saya nampak sekarang persoalan Yang Berhormat itulah di antara kriteria kemungkinan melambatkan. Begitu juga berlaku dengan Kementerian Pelancongan. Jadi bila dua, bukan terus SME, ia proses, ia bagi. Ini mungkin masa tidak lama, tapi kerana dari kementerian pergi ke SME, patah balik, mungkin ini mengambil masa. Bagi kementerian dan pinjaman-pinjaman lain yang pergi *direct*, terus kepada bank, ini tidak mengambil masa yang panjang. Walau bagaimanapun terdapat beberapa masalah pinjaman.

Pertama, yang dipersoalkan kenapa sukar diperoleh maklumat berkaitan produk serta borang permohonan pembayaran SME Bank. Borang yang dipersoalkan boleh didapati daripada laman web. Selain dari itu, bank juga melaksanakan aktiviti promosi secara berterusan seluruh negara sama ada *road show* di seluruh negara ataupun seminar yang dianjurkan oleh kementerian, agensi kerajaan atau persatuan.

Di samping itu, ia boleh bagi membolehkan bank membuat keputusan ke atas sesuatu pinjaman, bank perlu memastikan pelanggan memenuhi kriteria pembiayaan yang ditetapkan oleh pemberi dana. Mempunyai sikap dan tabiat peminjam yang baik, mempunyai modal untuk menyumbang terhadap keperluan projek pada setiap masa. Perniagaan yang bakal diceburi adalah perniagaan yang berdaya maju dan mempunyai keupayaan untuk membayar balik pinjaman yang bakal diperoleh dan pinjaman mempunyai keupayaan untuk melaksanakan atau mengurus projek.

Bagi melaksanakan analisis ini bank memerlukan maklumat dan perlu melaksanakan proses analisis kredit sebelum sebarang keputusan pembiayaan dibuat. Seandainya pelanggan dapat bekerjasama mengemukakan maklumat yang diperlukan, proses kelulusan menjadi amat mudah...

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya pohon laluan. Saya tidak bercakap tentang orang yang mengetahui tentang bagaimana membuat permohonan. Saya bercakap tentang mereka yang sudah pun lama berniaga dan tahu segala-gala syarat dan juga apa yang diperlukan oleh SME Bank.

Saya tidak bercakap tentang SPED. SPED saya dulu pun dalam Bank Kerjasama Rakyat, saya tahu memakan masa, tetapi kadang-kalanya tidak begitu memakan masa. Yang dipersoalkan di sini ialah kontrak daripada kerajaan itu sendiri, umpamanya, pembiayaan yang diperlukan daripada SME Bank. Masa untuk proses begitu lama sekali, walhal segala-gala kenyataan, permintaan, keperluan semua pun disediakan.

Jadi sekarang ini saya pohon ialah janganlah kita rasa hendak mempertahankan sesuatu. Kita sebagai rakyat jelata yang menerima keluhan daripada rakyat ingin menyuarakan bagaimana hendak diperbaiki kedudukan. Itu sahaja. Kita di sini mengharapkan Kementerian yang sememangnya bermatlamat dan mempunyai visi untuk membangunkan satu masyarakat perniagaan dan perdagangan bumiputera.

Kalau pun tidak terus menerus daripada Kementerian, permohonan dana itu tetapi oleh kerana Kementerian ini adalah satu *pillalah* ataupun satu platform landasan yang terpenting untuk MPPB ini, haruslah ada kaitan yang amat rapat koordinasi dan jugalah kalau boleh tekanan-tekanan yang penting yang datangnya daripada Kementerian untuk menentukan bahawa hajat, visi dan misi Kementerian itu dapat direalisasikan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat. Saya menyambut baik pandangan Yang Berhormat dan Kementerian sememangnya memantau dalam hal-hal ini. Namun Yang Berhormat, bila kita bercakap pasal faktor kemanusiaan, faktor *delivery* kadang-kadang di luar daripada kemampuan kita. Bukan semua orang kadang-kadang yang kita beri mereka dapat *deliver* dengan tepat dan baik. Terdapat juga segelintir manusia ataupun saya cakap faktor kemanusiaan atau insan yang tidak berdaya maju mungkin. Ini kita akui ada kelemahannya di situ. Walau bagaimanapun, saya menyambut baik pandangan Yang Berhormat dan akan saya kemukakan kepada Kementerian.

Yang Berhormat, kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat saya percaya ada syarikat-syarikat tertentu yang perlu mendapat perhatian dari Kementerian. Saya harap Yang Berhormat boleh bagi nama syarikat untuk kita lihat di mana sebenarnya masalah supaya kita dapat sama-sama mengatasi dan membantu peminjam tersebut. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan dan tertarik dengan ucapan Yang Berhormat tadi tentang tanggungjawab Kementerian Pembangunan Usahawan. Kementerian Pembangunan Usahawan membangunkan usahawan. Akan tetapi tadi saya dengar penjelasan Yang Berhormat mengatakan bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan ini hanya mengeluarkan lesen untuk kontraktor dan menamakan kontraktor wibawa atau tidak.

Bagi saya masyarakat kita melahirkan anak dan namakan anak itu wibawa. Selepas itu, kita tinggalkan anak-anak itu. Kalau anak-anak itu mati, anak itu sakit, tetapi apabila anak itu berjaya kita kata kitalah yang melahirkan anak ini, kitalah yang jaga anak ini. Jadi saya rasa anak ini apabila ditinggalkan, dia kena carilah bapa angkat dia Dato' Sri Samy Vellu kah, ibu angkat dia Dato' Seri Rafidah Aziz kah, datuk angkat dia Tan Sri Normah Yacob kah. Jadi tidak ada siapa yang hendak pedulikannya.

Jadi saya rasa Yang Berhormat, sebenarnya Kementerian Pembangunan Usahawan ini dia melahirkan ataupun mengeluarkan lesen untuk kontrak kita yang wibawa ataupun tidak, tetapi dia kena mengawasilah, kena tolong bantu mereka ini. Kalau tidak

apa nama Kementerian Pembangunan Usahawan? Lebih baik kita letak Kementerian Lesen Wibawa. Apa penjelasan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau beri kita peluang di kementerian memanglah kita hendak Yang Berhormat. Namun soalnya, ini dasar kerajaan. Bila kita keluarkan lesen kita hendak pastikan lesen itu lesen berwibawa yang bukan lesen bertaraf bumiputera ke ataupun lesen yang tidak berfungsi ke atau lesen yang memang ada lesen tetapi tidak ada dia punya kegiatan atau aktiviti.

Jadi Yang Berhormat soal hendak jaga anak. Memang kita jaga. Kalau kita nampak dia sudah *dormant*, dia tidak aktif kita buat kursus. Kita bagi latihan, kita bagi perundingan dan kita memberi tunjuk ajar dan sebagainya. Soal projek ini dia ada di kementerian masing-masing. Kalau di luar bandar kita ada di pejabat majlis daerah atau di pejabat daerah atau pejabat kesihatan.

Jadi agensi masing-masing yang mengawasi projek masing-masing. Kita mengeluarkan lesen untuk menjalankan projek itu. Sebab itu, setengah daripada agensi dia tidak memberi tugas atau memberi pemantauan baik. Kadang-kadang projek tidak berdaya maju atau tidak dilaksanakan oleh kontraktor itu dengan baik pun dia lulus juga. Ini luar dari kemampuan kita, tetapi kalau dia *mereport*, memberi laporan ataupun memberi aduan kepada kita bahawa kontraktor Kelas F ini menjalankan kerja tidak memenuhi spesifikasi yang dikehendaki. Kita boleh batal atau kita boleh *black list*kan kontraktor itu. Jadi Yang Berhormat, ini dasar kerajaan yang perlu kita bahaskan panjang lebar Yang Berhormat. Terima kasih.

SME Bank juga mengadakan pakatan strategik bukan saja dengan bank-bank komersial lain seperti CIMB Berhad, Bank Muamalat Berhad tetapi juga dengan MARA. Termasuk mengadakan kaunter informasi, khidmat nasihat dan hebahan produk SME Bank. Melalui jalinan strategik ini adalah diharapkan rakan strategik bank akan dapat membantu dari segi penyebaran maklumat kemudahan SME Bank memandangkan mereka mempunyai rangkaian cawangan yang luas.

Mengenai saranan untuk menggabungkan syarikat-syarikat IKS yang kecil seperti *Global Players*, perkara ini sememangnya menjadi sebahagian dari agenda kementerian saya untuk menetapkan daya maju syarikat IKS tersebut. Sebagai mana Yang Berhormat sedia maklum pada masa ini kita telah dapati ramai usahawan bumiputera yang telah berjaya memasuki dan bersaing di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, bagi mereka yang belum bersedia proses pemantapan akan terus dilaksanakan melalui pelbagai program yang dianjurkan oleh kementerian seperti Program *Groom Big*, Usahawan Glokal, promosi dan pemasaran bagi meningkatkan daya saing produk, daya maju syarikat dan daya tahan usahawan sebagai persediaan memasuki pasaran global.

Bagi membantu usahawan bumiputera memasarkan produk mereka di luar negara kementerian saya telah mewujudkan lima agen promosi dan pemasaran di luar negara yang akan memasarkan produk-produk usahawan di *outlet* atau *trading house* mereka seperti di Norway, Ireland, Dublin, Jepun, Bangladesh dan United Kingdom.

Di samping itu, kementerian juga telah mewujudkan tiga saluran pasaran bagi membantu usahawan bumiputera iaitu menerusi pasaran *Halmart*, *Forest Secret* dan *Malaysian Kitchen* yang mana aktiviti-aktiviti ini dilaksanakan di dua-dua peringkat domestik dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan bahawa agensi ini di bawah kementerian terutama UDA Holding, MARA, perbadanan-perbadanan kemajuan ekonomi negeri akan memainkan peranan yang lebih aktif dalam memastikan usahawan bumiputera dapat turut serta dalam arus perdana pembangunan negara termasuklah Wilayah Pembangunan Iskandar.

Selaras dengan saranan Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin bagi membendung dan memecah monopoli ruang perniagaan di kompleks-kompleks perniagaan oleh sesuatu kaum. Kementerian melalui agensi MARA, UDA dan PKEN secara proaktif sememangnya menyediakan pelbagai bentuk premis perniagaan di lokasi-lokasi strategik di

seluruh negara yang selama ini dimonopoli oleh golongan tertentu untuk disewa oleh usahawan bumiputera.

Antaranya seperti di kompleks membeli belah, arked, rumah kedai, bazar, bengkel, bistro dan gerai. Misalnya bagi tahun 2006, jumlah lot yang telah disediakan oleh MARA adalah berjumlah 5,302 unit, 1,556 unit yang disediakan oleh UDA, 3,325 unit oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan 195 unit oleh kementerian. Usaha-usaha juga sedang rancak dilaksanakan bagi membolehkan produk usahawan bumiputera memasuki *hypermarket* seperti Giant, TESCO dan Carrefour.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Roslan Awang Chik dan Tuan Haji Ahmad Husin telah menyentuh isu ketirisan kualiti kontraktor bumiputera. Kementerian melalui pusat perkhidmatan kontraktor sentiasa melakukan penelitian dalam menguruskan prosedur pendaftaran usahawan.

Justeru itu, ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa PKK telah pun diberi pengiktirafan MS ISO 9001 dan 2000 dan ini bererti perkhidmatan dan kemudahan yang diberi oleh kementerian sememangnya menepati piawaian dan sekali gus diharap dapat mengatasi masalah ketirisan dan mempertingkatkan kualiti kontraktor.

Perincian latar belakang dan *credentials* usahawan akan dinilai agar memenuhi semua syarat yang telah ditetapkan. Ketika ini PKK sedang berusaha ke arah mengatasi masalah 'Ali Baba'. Melalui kerjasama dengan semua agensi pelaksana bagi mengumpul maklumat dan seterusnya mengenal pasti kontraktor yang benar-benar aktif.

Kementerian juga sentiasa mengadakan kursus-kursus pengukuhan bukan sahaja berbentuk teknikal, tetapi juga berbentuk pengurusan bertujuan meningkatkan kemahiran kontraktor Kelas F, bahkan setiap kontraktor yang ingin memperbaharui lesen mereka disyaratkan menghadiri kursus pengukuhan.

Di samping itu, kursus-kursus motivasi juga diberikan kepada kontraktor-kontraktor bagi mewujudkan kesedaran dan sikap yang lebih bertanggungjawab serta komited dalam melaksanakan sesuatu projek kerajaan. Melalui pelaksanaan dasar tamat penyertaan atau *exit policy*, usahawan-usahawan akan terus dibimbing oleh...

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, minta laluan. Saya hendak tanya Yang Berhormat, di antara kontraktor-kontraktor Kelas A yang meng'Ali Baba'kan projek-projek yang dapat daripada kerajaan, berapa banyak tindakan dan berapa banyak syarikat yang telah diambil tindakan oleh pihak kementerian? Yang meng'Ali Baba'kan projek yang dapat daripada kerajaan.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, bagi saya jawab selepas saya habis ini. Pada tahun 2006, sebanyak 283 syarikat kontraktor telah dinaiktarafkan daripada kelas rendah ke kelas yang lebih tinggi. Jadi, bagi menjawab berapa banyak yang kita telah dapat kesan kontraktor Kelas A di Ali Babakan setakat ini, saya tidak mempunyai angka tersebut. Saya akan beri jawapan secara bertulis. Akhir kata, sekali lagi saya...

Tuan M. Munusamy: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan sedikit.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya, ya.

Tuan M. Munusamy: Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Dasar Ekonomi Baru adalah sesuatu kaum tidak diperkenalkan ataupun dikategorikan dengan sesuatu sektor pekerjaan sahaja. Seperti kaum Melayu hanya sebagai nelayan ataupun petani dan bermastautin di kampung, kaum Cina sebagai peniaga dan kaum India sebagai pekerja ladang.

Menteri Kewangan Kedua semalam telah menjelaskan bahawa kek ekonomi telah diperbesarkan supaya objektif ini dicapai. Nampaknya dalam rancangan menyusun semula masyarakat, kaum India telah tertinggal jauh ke belakang dan belum mencapai kemajuan yang mencukupi dalam banyak aspek pembangunan.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa kerajaan akan mengambil langkah-langkah positif bagi meningkat ekuiti kaum India ke 3%. Saya percaya Kementerian Pembangunan Usahawan

dan Koperasi boleh memainkan peranan yang penting bagi mencapai objektif ini. Apakah program-program khas yang telah diambil, dan sejauh mana bantuan telah diberi semenjak setahun RMK diumumkan?

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: [*Bangun*] Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Di kementerian kita memberi peluang kepada masyarakat India untuk melibatkan diri dalam Giat MARA. Giat MARA mempunyai di setiap kawasan Parlimen yang mana ia membolehkan kita bersama membangunkan kaum India dalam memberi kemahiran dari segi teknikal, elektrik, automotif, mekanikal dan sebagainya. Itu di antara yang memang diberi peluang.

Begitu juga pinjaman-pinjaman di bank, SME Bank dan sebagainya. Kita tidak hadkan kepada bumiputera sahaja. Kita juga ada INSKEN, Institut Latihan Keusahawanan Negara. Masyarakat India boleh memohon untuk mengadakan kursus yang boleh kita atur untuk kaum India. Baru-baru ini kita lancar program peruncitan.

Peruncitan juga tidak terhad kepada masyarakat bumiputera sahaja malahan peruncit boleh, kalau kaum India mempunyai *anchor* ataupun tauke besar yang hendak diperuncitkan jualan, macam contoh kalau saya cakap Mydin, dia kata itu bumiputera. Itu contoh yang dekat, dia mempunyai satu kedai yang besar, dia boleh membuat peruncitan untuk orang-orangnya berniaga di bawah induk itu.

Tuan M. Munusamy: Tambahan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Semenjak program-program ini diperkenalkan, adakah permohonan diterima daripada masyarakat India dan berapa banyak telah diluluskan.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Bahagian peruncitan kita belum lagi mendapat sebarang permohonan, tetapi Giat MARA memang sudah ada penglibatan kaum-kaum India. Jadi, kepada soalan Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar yang bertanyakan Kelas A, saya telah pun mendapat jawapan, iaitu setakat ini 14 kontraktor yang di Ali Baba telah dibatalkan.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih...

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bagaimanakah kementerian memantau terhadap pengeluaran lesen-lesen kontraktor ini supaya memastikan bahawa lesen-lesen yang dikeluarkan itu menepati pasaran peluang-peluang kontrak yang ada.

Umpamanya di Perlis, kontraktor Kelas F yang dikeluarkan lesen adalah sebanyak lebih kurang 1,200 lesen. Manakala kerajaan hanya mampu memberi kerja-kerja kontrak hanya ratusan sahaja. Oleh sebab itu, akan kedapatan kontraktor-kontraktor yang ada lesen tetapi tidak ada kerja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Lebih kontraktor daripada kerja.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Sebab itulah kalau Yang Berhormat tengok di akhbar dan banyak laporan kita sediakan, setakat ini kita bekukan Kelas F. Ini di antara sebab mengapa kita bekukan Kelas F, kita tidak mahu lambakan Kelas F.

Kalau di kawasan saya sendiri mempunyai 400 Kelas F, lambakan yang begitu banyak tetapi kerja yang datang, sesekali dia datang hanya dalam 20 atau 30. Itu pun sudah banyak dan terpaksa melalui proses undi dan untuk memenuhi semua kontraktor itu sudah tentulah ia akan menghadapi masalah.

Inilah persoalannya, ada kontraktor yang tidak berdaya maju, ada kontraktor yang diberi kepada pihak-pihak lain untuk menjalankannya terpaksa di beku atau *blacklist*kan. Proses pembekuan ini ialah bertujuan untuk kita memberi pengukuhan, pemantapan supaya Kelas F yang ada lebih berkualiti, walaupun sedikit tetapi dapat menjalankan projek-projek kerajaan lebih baik dan lebih berkualiti. Kita menggalakkan Kelas F, bukan hanya kekal di Kelas F, malahan melalui kursus-kursus seminar yang kita beri, kita mengharapkan supaya Kelas F dapat ditingkatkan kepada Kelas D, E, A dan sebagainya. Terima kasih, Yang Berhormat.

Akhir sekali, ya. Cadangan dan saranan yang membina kepada beberapa perkara yang berkaitan di bawah kementerian, saya telah...

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati bangun.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Yang Berhormat Menteri saya hanya ingin bertanya mengenai disenaraihitamkan oleh kontraktor tadi. Berapa ramai agaknya senarai kontraktor wanita yang telah disenaraihitamkan dan berapa ramaikah wanita yang telah koperasi atau kementerian biayai, yang telah menjadi wanita cemerlang, kalau boleh disenaraikan berapa orangnya.

Saya ingin tahu sama ada kementerian ada bercadang untuk mengkaji balik Akta Francais 1985, agar ia lebih menjadi cita rasa dan ciri-ciri mesra perniagaan daripada bersifat mengongkong. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Saya akan jawab bidang francais. Yang Berhormat, industri francais hari ini memang sudah lama kita perkenalkan di negara tetapi ramai juga tidak mendapat pendedahan. Sebenarnya francais ini adalah suatu perniagaan yang mudah, berdisiplin, yang siap dengan struktur untuk menjalankan perniagaan.

Yang dikatakan kontrol tadi, untuk mendaftar sebagai francaisor, induknya, ia memanggil masa tiga tahun. Kenapa kita mengambil masa begitu lama. Ini kerana untuk menjadi francaisor, ia akan melahirkan anak-anak yang dipanggil franchisee. Kalau induk francaisor ini sendiri tidak kukuh dari segi kewangannya, keupayaannya, *delivery* dan sebagainya, macam mana ia boleh melahirkan anak.

Oleh sebab itu, kementerian mengambil sifat melihat dan mengkaji francaisor yang bakal melahirkan francais itu kukuh dari segi kewangannya, *deliverynya* baik dan ia mempunyai keupayaan untuk membuat rantaian ataupun melahirkan seberapa banyak francais yang dibuat. Itu persoalan yang dikemukakan yang mengatakan kita adalah ketat dan kita mengalu-alukan.

Hari ini kita hendak supaya francaisor diberi *home-grown*, maknanya kita hendak nasi lemak, mi goreng ataupun rojak yang belum pun ada lagi usahawan-usahawan kita yang lahir untuk kita permudahkan dengan bayaran fi yang murah seperti Malaysia 10,000 atau Malaysia RM20,000 dan sebagainya. Setakat ini, francaisor yang besar yang kita tengok ialah seperti *Secret Recipe*, *Marrybrown* dan lain-lain lagi.

Untuk menjawab soalan kedua, senarai hitam pelbagai kelas tadi, setakat ini kontraktor wanita yang terlibat ialah 5,000 - ramai, besar. Yang Berhormat sahaja yang tidak merasakan bahawa penglibatan wanita adalah baik dan apa yang kita perhatikan bahawa wanita sememangnya boleh menjadi seorang kontraktor yang baik...

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Ia tidak ada yang disenaraihitamkanlah?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ada. [Ketawa]

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Berapa itu, Yang Berhormat?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Daripada 5,000 tadi, seramai 137 sudah disenaraihitamkan. Oleh sebab itu kita cuba memutihkan semua kerana wanita berupaya walaupun untuk menyusun bata. Terima kasih.

Jadi, saya rasa itu sahaja jawapan yang saya boleh kemukakan. Jika ada sebarang masalah yang tertinggal dan perlu saya jawab, kementerian akan tetap memberi perhatian dan mengambil tindakan sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Pengajian Tinggi.

3.02 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun sudi memberikan pandangan, cadangan dan ulasan dalam perbahasan mengenai pengajian tinggi di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar, adalah dimaklumkan kementerian sedar bahawa AUKU mempunyai beberapa peruntukan yang memerlukan ia dipinda supaya bersesuaian dengan tuntutan zaman.

Sehubungan itu, bagi memastikan bahawa AUKU dapat memberi ruang yang lebih luas dan terbuka dalam menjadikan IPTA kita lebih progresif dan bermutu, Kementerian Pengajian Tinggi telah menubuhkan sebuah jawatankuasa menyemak, mengkaji dan meminda AUKU tahun 1971.

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti, mengkaji dan membuat cadangan pindaan terhadap AUKU. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pindaan AUKU terutama yang berkaitan dengan *governance* seperti peranan Menteri Pengajian Tinggi, peranan Lembaga Pengarah Universiti, Senat, Naib-Canselor dan perkara-perkara lain sedang diperhalusi oleh semua pihak yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar juga mencadangkan supaya bahasa ketiga diwajibkan di IPT bagi memberi nilai tambah kepada graduan dalam menghadapi persaingan global. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian sedar bahawa kebolehan menguasai pelbagai bahasa antarabangsa akan memberi sesuatu nilai tambah bagi seorang graduan.

Dengan hal yang demikian, kementerian sedang berusaha untuk mengadakan kursus pengajian bahasa antarabangsa di beberapa buah universiti tempatan khususnya di universiti-universiti baru. Selaras dengan hasrat tersebut, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang akan memulakan pengambilan pelajar pada Julai tahun ini akan menawarkan pengajian bahasa Cina dan bahasa Arab.

Semua pelajar adalah diwajibkan untuk mengambil mata pelajaran yang ditawarkan oleh universiti. Selain daripada itu, IPTA yang lain seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah pun memperkenalkan sistem bahasa ketiga sejak awal penubuhannya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu prestasi akademik siswa lelaki yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae, sukacita saya maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Malaysia pendidikan di Malaysia ataupun di mana-mana negara sekalipun tujuannya adalah untuk membangunkan potensi setiap warganegaranya tanpa mengenal perbezaan jantina, kaum dan Malaysia Sistem pendidikan di Malaysia khususnya digubal untuk memastikan setiap anak-anak muda kita mempunyai peluang yang sama bagi membangunkan potensi mereka. Hasil keprihatinan kerajaan terhadap isu-isu wanita telah memperlihatkan peningkatan prestasi golongan wanita dalam pelbagai bidang.

Dalam bidang pendidikan, prestasi pelajar wanita terus cemerlang terutamanya semasa di universiti. Bidang-bidang yang selama ini secara tradisinya didominasi oleh kaum lelaki umpamanya bidang kejuruteraan, seni bina, ukur bahan dan banyak bidang lain telah pun diterokai oleh golongan wanita.

Di UiTM misalnya, pada tahun 2007 setakat ini terdapat 119 orang pelajar wanita yang mendapat ijazah kelas pertama dibandingkan dengan hanya 56 orang pelajar lelaki. Berdasarkan data Kajian Pengesanan Graduan IPT yang dijalankan pada tahun 2006 pula, didapati bahawa 2.9% daripada keseluruhan 20,307 orang pelajar lelaki di IPTA mendapat ijazah kelas pertama sedangkan 3.4% daripada 38,627 orang pelajar wanita mendapat ijazah kelas pertama.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan pelajar wanita yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki Malaysia satu fenomena yang ketara di Malaysia sahaja namun turut dialami oleh beberapa negara lain.

Umpamanya sebagai misalan, nisbah pelajar lelaki kepada pelajar wanita adalah:

NEGARA	KADAR NISBAH
Kanada	1:1.3
UK	1:1.23
Amerika	1:1.34
Mauritius	1:1.3
Australia	1:1.22
New Zealand	1:1.53
Brunei	1:1.7
Filipina	1:1.3
Arab Saudi	1:1.4
Qatar	1:1.3

Data ini adalah berdasarkan perangkaan yang diumumkan oleh *United Nations Statistics Division*.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, kemasukan ke IPTA adalah berdasarkan kepada prinsip meritokrasi. Pelajar yang lebih baik tanpa mengambil kira faktor jantina akan diterima untuk meneruskan pengajian di IPTA. Pada tahun 2006 dan 2007, jumlah pelajar lelaki yang memasuki IPTA peringkat ijazah pertama adalah seramai 77,031 orang manakala bilangan pelajar wanita adalah seramai 140,918 orang. Maksudnya nisbah yang terlibat adalah 1:1.83.

Perbezaan kecemerlangan akademik antara pelajar lelaki dengan pelajar wanita mungkin disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya adalah kerana pelajar lelaki adalah lebih banyak terlibat dan aktif dalam aktiviti kokurikulum dan sukan berbanding dengan pelajar wanita yang lazimnya didapati lebih tertumpu pada pelajaran.

Bagi mewujudkan keseimbangan jantina keseluruhan dalam kemasukan ke IPT, beberapa langkah telah dan sedang dirancang dan dilaksanakan seperti mengadakan pelbagai program dan aktiviti yang mampu meningkatkan lagi motivasi kepada pelajar lelaki supaya memberi lebih tumpuan kepada pelajaran dan tidak melibatkan diri dalam aktiviti yang tidak berfaedah.

Selain daripada itu, pelbagai program lain juga dilaksanakan. Antara lain termasuk usaha meneruskan kerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memberi khidmat kaunseling mengenai pengajaran dan pembelajaran di IPT kepada penuntut-penuntut sekolah, supaya mereka membuat persiapan awal dan sedar akan laluan kerjaya yang relevan yang akan mereka hadapi kelak.

Yang keduanya, menjalinkan kerjasama lebih erat dengan agensi-agensi kerajaan yang lain, umpamanya Kementerian Belia Dan Sukan, Kementerian Pembangunan Usahawan, di samping merapatkan lagi usaha sama dengan pihak industri untuk mendapatkan input dan maklum balas mengenai keperluan, kehendak dan cita-cita dalam pelbagai bidang sosioekonomi dan kerjaya yang bersesuaian dengan minat jantina.

Maklum balas ini akan diguna pakai dalam pembentukan kurikulum dan kokurikulum di IPTA supaya sesuai dengan kehendak jantina berkenaan dan seterusnya dapat memenuhi kehendak industri.

Yang ketiganya, kementerian akan meneruskan usaha-usaha untuk mewujudkan suasana IPT yang lebih kondusif dengan mengadakan pelbagai kemudahan pengajaran dan pembelajaran di samping melaksanakan aktiviti-aktiviti dan kursus-kursus yang dapat menarik cita rasa pelajar dari kalangan pelajar lelaki.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, walaupun statistik menunjukkan bahawa bilangan pelajar wanita di IPTA dan IPTS adalah lebih ramai berbanding dengan pelajar lelaki, tetapi senario di politeknik dan kolej komuniti adalah sebaliknya. Dalam erti kata lain, pelajar lelaki di politeknik dan kolej komuniti setakat ini adalah mengatasi bilangan pelajar wanita. Enrolmen pelajar lelaki di politeknik dan kolej komuniti sekarang berjumlah 52,039 orang berbanding dengan 38,936 orang pelajar wanita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kualiti dan masalah pengangguran di kalangan graduan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Syed Mohamed, adalah dimaklumkan bahawa kementerian telah dan sedang melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan siswazah yang dikeluarkan oleh IPT tempatan adalah berkualiti dan berdaya saing.

Antara usaha-usaha yang terbabit adalah pembentukan standard program pengajian dan bidang yang memenuhi keperluan tempatan dan juga menepati amalan bijak antarabangsa. Sehubungan itu, kerjasama dan jalinan berterusan dengan pakar bidang pihak industri dan badan profesional menjadi amalan berterusan dalam pembentukan standard ataupun piawaian.

Pihak kementerian juga memberi tumpuan pelaksanaan pembelajaran berasaskan hasil bagi memastikan kursus pengajian di IPT tempatan mempunyai *syllabus* yang seimbang dan dalam waktu yang sama, responsif kepada keperluan bidang kerjaya. Bahagian jaminan kualiti IPTA dan Lembaga Akreditasi Negara ataupun LAN menjalankan proses jaminan kualiti berterusan ke atas kualiti pendidikan di setiap IPT dengan menilai 9 aspek teras iaitu visi, misi dan hasil pembelajaran, reka bentuk dan penyampaian kurikulum, penilaian pelajar, pemilihan pelajar dan sistem khidmat sokongan, staf akademik, sumber-sumber pendidikan, pemantauan dan penilaian program, kepimpinan, urus tadbir dan pentadbiran serta penambahbaikan berterusan.

Menerusi pendekatan dan pelaksanaan yang dinyatakan, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi berkeyakinan *syllabus* dan kurikulum pengajian yang ditawarkan di IPT sekarang adalah seimbang dan mampu melahirkan graduan-graduan yang menepati kehendak pasaran pekerjaan. Dalam pada itu bagi memastikan *syllabus* pengajian adalah relevan dan responsif dengan bidang kerjaya, pihak IPT diarah mendapatkan input dari pihak industri, majikan, badan profesional, alumni dan pihak lain yang berkepentingan dari semasa ke semasa dalam pembangunan dan semakan semula kurikulum pengajian.

Untuk meningkatkan lagi kualiti graduan-graduan IPTA, pihak kementerian telah mengambil beberapa inisiatif. Antara lain termasuk usaha merangka beberapa kurikulum baru iaitu modul, kemahiran insaniah ataupun *soft skills*, dengan izin dan juga modul keusahawanan. Modul kemahiran insaniah ataupun *soft skills*, dirangka untuk menangani isu kualiti graduan IPT yang secara langsung berkait rapat dengan isu pengangguran di kalangan siswazah tempatan.

Antara kemahiran yang cuba diterapkan melalui modul ini adalah kebolehan berkomunikasi, penguasaan bahasa, keupayaan berfikir secara kritis, kemampuan menyelesaikan masalah, keserasian bekerja dalam pasukan, memiliki daya keusahawanan, bakat kepimpinan serta nilai moral dan etika yang tinggi.

Modul keusahawanan pula dilaksanakan untuk memberi pendedahan asas kepada para pelajar tentang ilmu keusahawanan supaya mereka dapat menceburi bidang perniagaan apabila menamatkan pengajian kelak. Ini menunjukkan bahawa pihak kementerian amat peka kepada isu ini dan sedang berusaha untuk meningkatkan kualiti siswazah bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga secara holistik.

Untuk makluman Yang Berhormat, statistik daripada kajian pengesanan graduan IPT yang dijalankan pada tahun sudah yang melibatkan 108,275 orang responden yang terdiri daripada graduan dari 18 buah IPTA, 18 buah politeknik, 34 buah kolej komuniti dan

13 buah IPTS. Jelas menunjukkan bahawa hanya 30.7% responden yang belum mendapat pekerjaan selepas enam bulan menamatkan pengajian masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, kita sering kali kedengaran adanya keluhan mengenai soal pengangguran. Ini satu dimensi yang kita sama-sama prihatin, tetapi kadangkala definisi ataupun pentakrifan pengangguran itu adalah samar-samar di kalangan kita, ada yang berbeza-beza.

Di sini suka saya hendak maklumkan Dewan yang mulia ini, bahawa sesungguhnya mengikut kajian yang kita jalankan menerusi Kementerian ini, pentakrifan yang kita setuju adalah seseorang pelajar itu kalau beliau mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan setelah menamatkan pengajiannya, maka ia akan dirangkumi dalam kategori yang berjaya, bahkan ataupun berjaya mendapat pekerjaan.

Sedangkan mereka yang tidak berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh yang sama, tidak bermaksud juga mereka ini akan menganggur selama-lamanya. Pada keseluruhannya yang kita nampak, majoriti ataupun kebanyakan dari kalangan siswazah kita, siswazah keluaran IPT kita berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh setahun sesudah tamat pengajiannya. Ini jelas membuktikan bahawa walaupun masih terdapat ruang lagi bagi penambahbaikan, pada keseluruhannya, IPT kita mampu melahirkan graduan yang berkualiti dan boleh diterima dalam pasaran kerjaya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu tawaran kemasukan ke IPT, adalah dimaklumkan bahawa dasar pemilihan kemasukan ke IPTA adalah berasaskan prinsip meritokrasi yang mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum mulai sesi akademik tahun 2006 dan 2007. Markah merit calon dihasilkan dari 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum. Ini mengambil kira mata pelajaran mengikut aliran sama ada sains ataupun sastera.

Pemohon mesti memenuhi syarat am dan syarat khas program pengajian yang ditawarkan oleh IPTA mengikut aliran. Hanya calon yang memenuhi syarat am, syarat khas program serta mempunyai kombinasi mata pelajaran yang diperlukan dan memenuhi gred mata pelajaran yang ditetapkan bagi tahun pengkhususan akan terpilih ke sesuatu program pengajian yang ditawarkan oleh IPTA.

Contohnya, untuk dipilih ke Program Asasi UIAM, USIM ataupun Universiti Sains Islam Malaysia atau dahulunya dikenali sebagai KUIM. Program Asasi Pengajian Islam memerlukan pemohon mempunyai kepujian dalam Pendidikan Islam di peringkat Program Pengajian SPM ataupun setaraf dengannya. Manakala bagi peringkat ijazah pertama pemohon lepasan STPM ataupun setaraf dengannya yang layak mengikuti program pengajian yang berteraskan Pengajian Islam memerlukan kepujian tinggi di peringkat SPM atau STPM bagi mata pelajaran Pendidikan Islam.

Justeru itu kementerian tidak mewajibkan calon memerlukan gred tinggi dalam mata pelajaran Pendidikan Agama Islam atau Pendidikan Moral sebagai satu keutamaan dalam pengiraan merit menentukan kelayakan kemasukan ke IPTA kecuali bagi program pengajian yang berteraskan pengkhususan dalam Pengajian Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad telah menyentuh tentang proses kelulusan khusus oleh LAN. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak kementerian melalui LAN sentiasa berusaha memastikan proses kelulusan kursus pengajian yang dipohon oleh IPTS dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Sehubungan itu Sistem Pusat Sehati telah pun diperkenalkan mulai Jun 2004, di mana Piagam Pelanggan menetapkan bahawa tempoh bagi memproses kelulusan adalah tiga bulan tiga minggu bagi permohonan kelulusan baru, manakala dua minggu bagi pembaharuan kelulusan. LAN juga sentiasa mengkaji proses penilaian dalam memperbaiki tempoh yang diambil.

Namun LAN tidak akan berkompromi dengan keperluan melaksanakan prosedur yang berkualiti dan berkesan. Di samping memerlukan penglibatan pakar bidang yang berkelayakan dan masa yang mencukupi bagi pakar menilai serta menyediakan laporan

yang komprehensif, yang menyeluruh, pendekatan yang telus dalam membimbing IPTS juga diterapkan.

Menerusi pendekatan yang disebutkan tadi, mulai bulan April tahun 2006, IPTS telah diberikan ruang untuk mengetahui kelemahan dan kekuatan kursus pengajian masing-masing dengan memberikan sesalinan Laporan Penilaian Kursus Pengajian kepada IPTS yang berkenaan. Pelaksanaan prosedur baru ini tidak semestinya melambatkan, tidak semestinya melambatkan pemprosesan penilaian kelulusan. Namun ianya amat berkesan untuk meningkatkan kualiti kursus pengajian di IPTS kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keberkesanan *one stop agency*, dengan izin, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad dan Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong, adalah dimaklumkan bahawa pihak kementerian telah pun menyasarkan untuk meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian di IPT tempatan.

Bagi memastikan hasrat tersebut dapat direalisasikan, pihak kementerian dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia mengatur strategi dalam mewujudkan jawatankuasa panel yang dikenali sebagai *one stop agency*, dengan izin, bagi mempercepatkan proses pengeluaran pas pelajar antarabangsa.

Calon pelajar antarabangsa yang berminat untuk melanjutkan pengajian ke IPTS kita akan mengemukakan permohonan kepada IPTS yang terbabit. Seterusnya permohonan calon pelajar berkenaan akan dipanjangkan terus oleh IPTS berkenaan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi melalui sistem *online* yang dinamakan e-pas pelajar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penglibatan pihak kementerian dalam e-pas pelajar adalah hanya pada peringkat awal sahaja, di mana semua permohonan akan diverifikasikan bagi memastikan calon pelajar yang akan datang ke Malaysia adalah calon pelajar yang *genuine*, dengan izin, dan mempunyai kelayakan akademik yang memadai.

Sokongan permohonan yang telah dibuat melalui e-pas pelajar akan disalurkan secara *online*, dengan izin, kepada *one stop agency* yang dimaksudkan. *One stop agency* yang bersidang seminggu sekali akan membuat keputusan ke atas semua permohonan pas pelajar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, *one stop agency* yang dimaksudkan turut dianggotai oleh wakil dari PDRM selain daripada wakil daripada Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia.

Setelah keputusan diperakukan, surat kelulusan untuk *calling visa*, dengan izin, akan dikeluarkan kepada IPTS untuk kemasukan pelajar. Proses keseluruhan *one stop agency* ini dijangka mengambil masa selama dua minggu.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan saya terhadap pertanyaan-pertanyaan dan cadangan yang telah pun dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Pihak kementerian menghargai segala pandangan, cadangan dan teguran yang telah pun diberi...

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Yang Berhormat, minta laluan sekejap sebelum Yang Berhormat tamat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Dato' Hajah Saripah Aminah.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Saya mendapat penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat berkenaan dengan *calling visa* untuk pelajar-pelajar luar negara adalah proses yang begitu terperinci dan begitu ketat sekali.

Namun demikian terdapat juga beberapa tangkapan yang dibuat oleh pihak PDRM dan juga pihak-pihak yang menguatkuasakan ini, penuntut-penuntut yang memakai visa pelajar tetapi ditangkap membuat kerja-kerja yang luar daripada seorang pelajar. Yang mana...

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinan beliau, khususnya terhadap kes-kes yang membabitkan pelajar antarabangsa yang menuntut di negara kita.

Sebenarnya apa yang saya huraikan tadi itu merupakan satu-satunya tindakan yang tengah diambil dan dijangka ianya akan berkuat kuasa dalam masa yang terdekat. Kalau diizinkan Tuhan, saya berharap ianya dapat kita laksanakan mulai Jun tahun ini.

Apa-apa kelemahan yang berbangkit selama ini tetap diambil kira, tetap diambil maklum dan inilah satu-satunya penyelesaian yang telah pun dicapai kata sepakat, bukan sahaja di kalangan pegawai kementerian saya, tetapi juga membabitkan pihak PDRM dan juga Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan juga pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun memberikan kita teguran, pandangan dan cadangan yang bernas dan saya berharap sebarang cadangan yang baru mengenai penambahbaikan sistem kita, khususnya sistem urus tadbir kementerian ini, tetap dialu-alukan dari semasa ke semasa.

Dan dengan ini, saya sekali lagi berharap kiranya terdapat perkara-perkara yang tidak sempat saya jawab, tercicir daripada perhatian saya, saya sanggup memberikan maklumat yang lebih lanjut secara bertulis. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Silakan.

3.29 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini dari 7 hingga 14 Mei 2007 yang menyentuh perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Mereka ialah Yang Berhormat Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain, Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md. Nawi dan Yang Berhormat Tuan Majjol bin Mahap. Ahli-ahli Yang Berhormat jelas sekali telah menunjukkan minat yang begitu tinggi dalam membahaskan perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini memohon izin untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain mengenai pengambilan pekerja asing di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Disember 2006 terdapat seramai 1,869,209 pekerja asing di Malaysia di mana mereka adalah pemegang pas lawatan kerja sementara yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Dasar kerajaan berhubung dengan pekerja asing di negara ini adalah jelas di mana keutamaan pekerjaan adalah diberikan kepada rakyat tempatan atau atas dasar *local first*. Dasar kerajaan dalam pengambilan pekerja asing juga adalah selaras dengan strategi buruh negara.

Keperluan pekerja asing di negara ini tidak dapat dielakkan disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

- (i) pertumbuhan ekonomi negara yang sangat memberangsangkan telah menggiatkan aktiviti-aktiviti di sektor perkilangan, pembuatan, pertanian, perkhidmatan dan lain-lain yang memerlukan lebih ramai buruh separuh mahir dan kurang mahir;
- (ii) kekurangan minat rakyat tempatan untuk menceburi bidang pekerjaan yang tergolong dalam kategori 3D iaitu dengan izin

dirty, difficult dan *dangerous* menyebabkan beberapa sektor terpaksa membuka peluang kepada pekerja asing; dan

- (iii) kadar gaji dan upah yang rendah menyebabkan rakyat tempatan kurang berminat untuk bekerja di sektor-sektor tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan pengambilan pekerja asing dipantau oleh kerajaan melalui Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing ini dianggotai oleh kementerian-kementerian yang ada kaitan dengan pekerja atau buruh asing. Urus setia jawatankuasa ini adalah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Bagi memastikan bahawa pekerja asing adalah teratur dan terkawal, kerajaan telah memperkenalkan beberapa mekanisme seperti berikut:

- (i) mewujudkan *one stop centre* untuk membuat permohonan bagi pekerja asing di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan ditempatkan di Jabatan Imigresen Malaysia;
- (ii) mewujudkan syarikat-syarikat *outsourcing* bagi membawa pekerja asing dan membekalkannya kepada syarikat-syarikat yang memerlukan pekerja asing; dan
- (iii) memperkenalkan sistem biometrik bagi memastikan bahawa pekerja asing yang melanggar peraturan dan undang-undang negara tidak akan dibenarkan lagi memasuki negara ini.

Tidak dapat dinafikan juga bahawa pengurusan pekerja asing merupakan satu industri yang menguntungkan. Walau bagaimanapun, tidak kurang juga risiko-risiko kewangan yang perlu ditanggung oleh seseorang pembekal pekerja asing.

Kerajaan tidak membenarkan mana-mana syarikat yang tidak berdaftar dengan kerajaan untuk membekalkan pekerja asing. Sehingga kini kerajaan hanya mengiktiraf agensi pekerjaan pembantu rumah dan syarikat-syarikat *outsourcing* yang sudah berdaftar dengan Jabatan Imigresen Malaysia dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, minta laluan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Silakan.

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, kita ada agensi-agensi untuk melantik, untuk mengambil pekerja-pekerja asing. Saya hendak tanya Yang Berhormat. Kenapa kita tidak boleh mewujudkan agensi-agensi untuk mengambil pekerja di dalam negeri sendiri?

Sebab seperti mana yang telah dijawab oleh seorang menteri semalam, mengatakan bahawa di kilang-kilang kita bagi sampai maksimum 50% kepada kilang-kilang untuk mengambil pekerja asing sedangkan kita boleh dapat pekerja-pekerja daripada dalam negara sendiri, tapi sebab yang diberi oleh kilang-kilang ialah pekerja-pekerja Malaysia ini tidak berminat.

Saya yakin kalau kita juga membenarkan agensi-agensi ini mengambil pekerja-pekerja dalam negara, saya rasa masalah pekerja asing ini sudah boleh kita selesaikan. Itu satu, Yang Berhormat.

Yang kedua Yang Berhormat, pendatang asing tanpa izin kita telah beri kuasa kepada pihak polis, pihak imigresen dan juga kepada pihak RELA untuk menangkap pendatang-pendatang tanpa izin. Saya hendak tanya Yang Berhormat. Apakah kriteria yang kementerian gunakan untuk, satu menubuhkan RELA di daerah-daerah? Apakah kriteria yang digunakan oleh kementerian untuk melantik pegawai-pegawai RELA dalam sesuatu kawasan?

Saya menunjukan soalan ini sebab ada satu dua, mungkin yang saya dapat lihat sendiri pegawai-pegawai RELA ini yang diberi tugas untuk bekerjasama dengan polis untuk

memastikan bahawa pendatang tanpa izin ini ditangkap. Akan tetapi masalahnya sekarang pegawai yang dilantik ini bukanlah pegawai yang boleh diharapkan sangat.

Dia sendiri tak bekerja dan malam-malam dia sepatutnya menangkap pendatang asing tanpa izin tapi dia tak buat kerja itu, tapi malam dia bawa pula gadis-gadis daripada Indonesia untuk berseronok. Jadi saya hendak tahu, apakah kriteria yang diguna pakai oleh kementerian?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Mengenai pengambilan pekerja tempatan untuk pelbagai sektor yang ada di dalam negara ini, kerajaan telah menetapkan semua majikan sebelum mengambil pekerja asing mestilah terlebih dahulu mengiklankan jawatan yang ada di sektor masing-masing dalam tempoh satu bulan. Sekiranya tidak mendapat sambutan daripada pekerja tempatan barulah mereka dibenarkan untuk mengambil pekerja daripada luar.

Berhubung dengan kriteria penubuhan satu pasukan RELA. RELA boleh ditubuhkan oleh Pejabat RELA Daerah atas permohonan pemimpin-pemimpin sesuatu tempat sekiranya mempunyai anggota yang cukup. Berhubung dengan persepsi Yang Berhormat mengenai kriteria pengambilan pegawai RELA dan tugas-tugas mereka.

Untuk maklumat Yang Berhormat, RELA adalah sebuah pertubuhan sukarela tapi pegawai-pegawai RELA di peringkat negeri dan daerah adalah dilantik di kalangan pegawai-pegawai kontrak yang bergaji iaitu Pegawai RELA Daerah dan Penolong Pegawai RELA Daerah. Mereka dikehendaki menjalankan operasi-operasi yang tersusun dan terancang yang dibenarkan oleh pegawai di peringkat negeri.

Anggota RELA tidak boleh sembarangan menjalankan operasi tanpa mendapat kebenaran pegawai atasan mereka dan dalam konteks tugas dan tanggungjawab dan kuasa yang diberikan, hanya Pegawai RELA Daerah dan Penolong Pegawai RELA Daerah sahaja yang mempunyai kuasa untuk mengetuai operasi menjalankan pemeriksaan dan menangkap. Anggota RELA biasa tidak boleh melakukan tugas-tugas tersebut, mereka mestilah diketuai oleh seorang pegawai bertauliah yang telah diberikan kuasa untuk menangkap dan menahan pendatang asing tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan bahawa pekerja-pekerja asing diurus dengan efisien dan teratur, kerajaan sentiasa memantau kehadiran pekerja-pekerja asing. Bagi tujuan ini operasi penguatkuasaan dilaksanakan secara terancang dan berterusan menangkap, mendakwa serta mengusir PATI di negara ini. Langkah ini juga bagi memastikan supaya insiden Top Glove Operation Berhad seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain tidak berulang lagi.

Tindakan kerajaan ini menampakkan kesan yang positif dalam menangani masalah PATI. Kerajaan juga telah mewujudkan mahkamah-mahkamah khas di depot-depot tahanan imigresen bagi tujuan mempercepatkan proses pendakwaan dan seterusnya mengusir PATI keluar daripada Malaysia.

Sistem biometrik juga diperkenalkan di mana cap jari pekerja asing diambil. Pekerja asing yang pernah didakwa di negara ini tidak akan dibenarkan lagi masuk semula ke negara ini kerana sistem biometrik dapat mengesan kehadiran mereka. Selain dari itu, syarikat-syarikat *outsourcing* juga bertanggungjawab ke atas pekerja-pekerja asing mereka yang dibawa masuk.

Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, laluan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Silakan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, dulu ada cadangan daripada pihak polis yang mencadangkan supaya diwujudkan kawasan penempatan khas kepada pekerja-pekerja asing ini.

Maksudnya mereka jangan bercampur sebab kalau tidak kita melihat di kawasan perumahan, rumah-rumah kedai, tempat-tempat tertentu penuh dengan pendatang asing. Kita rasa tidak selesa dan mengganggu kita sebenarnya. Jadi sebab itulah apakah ada

perbincangan khas antara Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, bagaimana penempatan-penempatan khas ini yang dikawal untuk pekerja asing ini supaya kita lebih rasa selamat.

Saya juga ingin tahu apakah ada kajian dibuat, bagaimana negara-negara lain seperti Singapura atau Australia menerima kehadiran pekerja asing ini dari segi keselamatan. Saya amat setuju dengan rakan-rakan dalam Dewan ini bahawa barangkali sudah sampai masanya untuk kita memberhentikan pengambilan pekerja dari Indonesia dan Bangladesh sebagai contohnya sebab mereka ini banyak mendatangkan kesan sosial kepada negara kita. Jadi apakah memberhentikan pengambilan pekerja-pekerja asing dari negara luar khususnya Indonesia ini tidak boleh dilakukan?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat untuk mengadakan penempatan khas bagi pekerja-pekerja asing, kerajaan sememangnya bercadang untuk berbuat demikian tetapi buat masa ini pelaksanaannya belum dapat dilakukan dan kajian sedang dibuat oleh pihak kementerian dengan menghantar pegawai ke beberapa buah negara dan siri-siri lawatan sedang diatur sekarang ini untuk mendapatkan pandangan dan juga meneliti bagaimana program ini dapat dilaksanakan di negara-negara yang kita lawati.

Berhubung dengan cadangan supaya dihentikan pengambilan pekerja asing dari Indonesia dan Bangladesh, sebagaimana yang kita sedia maklum, pekerja dari Indonesia dan Bangladesh adalah sebahagian daripada pekerja asing yang datang ke Malaysia dan pekerja Indonesia sememangnya disedari merupakan pekerja yang teramai.

Namun begitu, usaha-usaha untuk mengurangkan pekerja asing ini memanglah merupakan satu perancangan kementerian yang akan dilakukan secara jangka panjang supaya pergantungan kerajaan atau sektor-sektor pekerjaan ini tidak lagi semata-mata bergantung kepada pekerja dari Indonesia dan Bangladesh. Oleh itu kita telah menambah bilangan negara sumber ketika ini kepada beberapa negara yang lain. Terima kasih.

Tuan Munusamy a/l Mareemuthu: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Ini berkenaan dengan pekerja-pekerja asing yang masuk melalui ejen telah ditipu, mereka tidak dibayar gaji dan sebagainya.

Pihak MIC sering mendapat banyak kes khasnya dari negeri India, mereka di bawa ke sini, selepas itu ditipu dan ejen tidak diperkenalkan. Mereka datang jumpa kita dengan berbagai-bagai masalah. Bagi menghantar mereka balik ke negeri India, kita juga menghadapi masalah kewangan. Adakah kementerian mencadangkan ataupun adakah kementerian mempunyai rancangan untuk mengadakan deposit bagi tambang balik apabila mereka tamat kontrak ataupun apabila ada kes-kes tertipu seperti ini? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan memang menyedari adanya sindiket yang menipu pengambilan pekerja asing ini. Sebab itulah kerajaan telah memutuskan untuk melesenkan ejen-ejen ini ataupun dengan mewujudkan lesen atau meluluskan penubuhan syarikat *outsourcing* di mana syarikat-syarikat yang diberi lesen *outsourcing* ini bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlakunya perkara-perkara yang seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Misalnya sekiranya didapati pekerja-pekerja yang dibawa masuk tidak diberi pekerjaan atau menghadapi masalah, syarikat-syarikat *outsourcing* inilah yang akan bertanggungjawab dan sekiranya perkara-perkara ini timbul, syarikat berkenaan akan disenaraihitamkan dan dibatalkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain... *[Masalah pembesar suara]* ...yang menyumbang kepada kemiskinan bandar dan masalah-masalah sosial yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, permit masuk merupakan satu anugerah tertinggi yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Imigresen kepada orang asing yang diberikan kebenaran masuk dan tinggal di negara ini. Pemastautin tetap atau *Permanent Resident* (PR) pula ditafsirkan sebagai seseorang yang telah diberikan kemudahan permit masuk di bawah

undang-undang yang membolehkan mereka menetap di Malaysia tanpa sebarang had masa.

Pemberian taraf penduduk tetap hanya boleh berlaku setelah kelulusan permit masuk dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Pemohon yang telah diluluskan permit masuk akan dikeluarkan satu dokumen pengenalan diri iaitu MyPR.

Dokumen ini dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Pemberian permit masuk boleh dipertimbangkan berdasarkan ciri-ciri utama seperti berikut:

- (i) seseorang yang mempunyai kelulusan profesional atau kemahiran atau kepakaran tinggi yang mampu menyalurkan kepakaran mereka kepada negara ini tanpa menjejaskan kepentingan dan peluang warganegara Malaysia;
- (ii) seseorang yang kemasukan atau keberadaannya di Malaysia yang dapat membawa faedah kepada ekonomi Malaysia;
- (iii) isteri atau suami yang sah kepada warganegara Malaysia yang telah tinggal bersama pasangannya di negara ini secara berterusan selama lima tahun atau lebih;
- (iv) anak-anak kepada warganegara Malaysia yang berumur enam tahun; dan
- (v) seseorang yang dibenarkan masuk ke Malaysia oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas dasar belas kasihan.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan Februari 2007 terdapat seramai 377,842 orang yang diberikan penduduk tetap di Malaysia. Berdasarkan kepada syarat-syarat yang dikenakan untuk mendapatkan taraf penduduk tetap atau PR, dapat ditegaskan bahawa syarat-syarat tersebut adalah ketat.

Kerajaan sangat teliti dalam memberi taraf PR kerana ia bukan merupakan satu hak tetapi merupakan satu anugerah tertinggi kerajaan Malaysia kepada orang asing. Faktor ini berdasarkan pemprosesan permohonan PR mengambil masa yang lama. Setiap permohonan PR perlu melalui tapisan keselamatan yang sangat ketat.

Berdasarkan kepada penerangan di atas, PR bukanlah merupakan punca utama, mungkin salah satu daripada banyak faktor yang menyumbang terhadap kemiskinan bandar dan masalah-masalah sosial yang lain. Faktor-faktor lain yang menyumbang kepada masalah sosial ini adalah seperti kehadiran PATI, penghijrahan rakyat Malaysia dari luar bandar ke bandar, *urbanization* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memantau kehadiran warganegara asing untuk memastikan supaya mereka tidak menimbulkan masalah ekonomi, politik dan sosial. Bagi tujuan ini, kerajaan menjalankan operasi-operasi penguatkuasaan secara berterusan untuk menangkap, mendakwa dan mengusir PATI di negara ini.

Operasi-operasi penguatkuasaan di jalankan oleh agensi-agensi seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan RELA. Tindakan ini akan memastikan bahawa keadaan keselamatan negara akan sentiasa terkawal, bukan sahaja bagi tempoh lima tahun tapi untuk selamanya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Maijol bin Mahap telah membangkitkan isu mengenai pemberian dokumen IMM13 kepada warga asing. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen hanya bertanggungjawab dari segi dokumentasi.

Pemberian IMM 13 adalah berdasarkan rujukan dan maklumat daripada Pasukan Khas Persekutuan, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri. Jika pemegang kemudahan tersebut didapati melakukan kesalahan jenayah, kemudahan tersebut boleh ditarik balik atau dibatalkan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, isu permohonan pas pelajar asing telah disentuh oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad. Mengikut Piagam Pelanggan Bahagian

Visa, Pas dan Permit Ibu Pejabat Jabatan Imigresen, masa untuk memproses pas pelajar dan visa pelajar adalah selama tujuh hari bekerja sekiranya permohonan yang dikemukakan oleh IPTS adalah lengkap dan teratur.

Walaupun bagaimanapun, terdapat kes-kes di mana pas pelajar tidak dapat dikeluarkan dalam tempoh tujuh hari di atas sebab-sebab yang tidak dapat dilakukan seperti berikut:

- (i) permohonan yang dikemukakan oleh IPTS adalah tidak lengkap dan tidak teratur termasuk dokumen, sijil dan diploma yang meragukan;
- (ii) bakal pelajar memohon lebih dari satu kolej;
- (iii) tempoh sah laku pasport pemohon kurang dari enam bulan; dan
- (iv) bakal pelajar memiliki pas-pas lain seperti pas pengajian, pas lawatan ikhtisas atau pas lawatan kerja sementara dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mempercepatkan pemrosesan pas pelajar Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pengajian Tinggi seperti mana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi sebentar tadi bahawa kedua-dua kementerian ini telah bersetuju mewujudkan *one stop centre*. Pada masa ini kedua-dua kementerian sedang mengadakan perbincangan dan ianya akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Untuk memasuki negara ini pelajar asing perlu memohon visa terlebih dahulu. Walaupun bagaimanapun pelajar asing boleh memasuki negara ini tanpa visa sekiranya surat tawaran pengajian telah diluluskan oleh IPT yang di pohon dengan syarat IPT berkenaan telah memohon pas pelajar untuk mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bersama Kementerian Pengajian Tinggi sedang dalam proses penambahbaikan permohonan pas pelajar yang melalui sistem yang dikenali sebagai e-Pas Pelajar. E-Pas Pelajar adalah satu aplikasi di mana permohonan boleh dibuat secara talian melalui Kementerian Pengajian dan Jabatan Imigresen Malaysia.

IPTS bertanggungjawab memohon permohonan pelajar asing yang ingin memasuki institusi di Malaysia secara *online* tanpa perlu hadir ke kaunter-kaunter permohonan pas pelajar di Jabatan Imigresen Malaysia. Aplikasi e-Pas Pelajar dibangunkan dan akan dilancarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi apabila sistem ini telah sedia untuk digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Mohammad juga telah membangkitkan isu mengenai anggota RELA yang didakwa telah membuat penangkapan terhadap pelajar-pelajar asing yang mempunyai pas pelajar yang sah. Yang Berhormat juga telah meminta maklumat meminta berapakah permohonan pas pelajar yang telah diterima dari tahun 2001 sehingga akhir 2006.

Tuan Yang di-Pertua, pihak pengurusan RELA, kementerian telah mengarahkan supaya anggota RELA supaya lebih berhati-hati dalam operasi terutamanya apabila ianya melibatkan pelajar-pelajar asing dan mengarahkan mereka supaya sentiasa berhemah dan berdisiplin di dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

Mengikut rekod terdapat tiga orang Nigeria yang telah ditangkap di Manjong, Perak. Pada waktu tangkapan dijalankan didapati pelajar-pelajar berkenaan sedang berniaga iaitu menjual barangan kulit dan jam tangan. Tangkapan dijalankan kerana pelajar tersebut didapati telah menyalahgunakan visa pelajar untuk tujuan berniaga.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Imigresen Malaysia telah meluluskan pas pelajar dari tahun 2000 hingga 2006 seperti berikut:

Tahun	Bilangan Pas Pelajar
2000	29,853
2001	32,949
2002	39,244
2003	41,823
2004	37,560
2005	50,503
2006	58,025

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawawi telah mengemukakan dua cadangan kepada Kementerian saya. Pertama, beliau mencadangkan supaya diwujudkan pendaftaran daftar pemilih automatik bagi mereka yang telah berumur 21 tahun melalui MyKad. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tugas-tugas pendaftaran daftar pemilih adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Pihak Kementerian bersedia membantu SPR jika memerlukan sebarang bantuan terutama yang melibatkan sistem MyKad. Cadangan kedua Ahli Yang Berhormat ialah menambahkan aplikasi bayaran dan agihan zakat di dalam aplikasi MyKad. Setakat ini MyKad telah mempunyai sembilan aplikasi termasuk aplikasi *Frequent Travelers Card*, FTC iaitu salah satu aplikasi yang baru dimasukkan dalam MyKad. Kemampuan cip setakat ini masih mempunyai ruang untuk menambah aplikasi-aplikasi baru.

Walau bagaimanapun pihak bertanggungjawab berhubung pengurusan zakat perlulah mengemukakan cadangan kepada pihak Jabatan Pendaftaran Negara. Yang Berhormat Tuan Maijol bin Mahap juga telah membangkitkan isu kad pengenalan palsu di Sabah terutamanya di kalangan peniaga-peniaga kain yang berasal dari Pakistan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak Kementerian memang menyedari isu dokumen palsu yang berlaku di Sabah. Dokumen yang sering dipalsukan ialah sijil kelahiran, kad pengenalan dan dokumen IMM-13. Isu ini berlaku disebabkan oleh adanya permintaan yang tinggi dari kalangan pendatang asing dan pendatang tanpa izin yang memang berhasrat untuk dapat menetap di Sabah sama ada bekerja ataupun berniaga.

Oleh yang demikian pihak Kementerian telah mengambil tindakan bagi membanteras pemilikan dokumen palsu ini dan ianya adalah merupakan tugas yang berterusan. Program menukarkan kad pengenalan daripada Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT) kepada MyKad telah banyak membantu di dalam menapis semula sama ada kad pengenalan tersebut palsu atau sebaliknya atau kad pengenalan tersebut dikeluarkan secara tidak teratur.

Walau bagaimanapun isu utama yang wajar diberikan keutamaan ialah membasmi penggunaan dokumen palsu tersebut iaitu pendatang tanpa izin yang menetap di Sabah. Tugas ini adalah di bawah bidang kuasa pasukan petugas khas persekutuan dan bukannya di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Saya telah pun menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh dalam jawapan saya tadi pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan mengambil perhatian terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ada bangun.

Dato' Yip Kum Fook: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Saya tidak mahu mengganggu tadi itu sebab saya tunggu. Yang Berhormat, apakah perundangan atau amendemen yang telah memberi kuasa kepada pasukan RELA untuk membuat

penangkapan? Adakah RELA telah diberi kuasa seperti mana atau setaraf polis atau setakat *citizen arrest* sahaja? Dengan izin.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Pegawai-pegawai RELA daerah dan penolong-penolong pegawai RELA daerah telah diberi kuasa imigresen kuasa yang membolehkan mereka menahan, memeriksa dan menangkap seperti mana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri dalam masa pelancaran program pemakaian pangkat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Parlimen dan ADUN dan juga Exco seluruh negara. Terima kasih.

Tuan Lee Chee Keong: Yang Berhormat minta laluan, terima kasih. Tadi pun saya tidak mahu ganggu sebab sedap dengar jawapan tadi. Saya pernah bangkit dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua iaitu tentang permohonan visa oleh pelajar-pelajar luar negara. Saya pernah katakan di sini yang lewat tetap lewat yang angkuh tetap dengan keangkuhan mereka.

Maksud saya didapati ada pegawai-pegawai kaunter servis imigresen di Putrajaya sengaja menyenaraihitamkan IPTS-IPTS tertentu, itu saya rasa cukup tidak puas hati. Yang kedua, pegawai-pegawai ini menyenaraihitamkan negara-negara tertentu. Pelajar-pelajar misalnya daripada Nigeria di *blacklisted* dengan izin sebagai pelajar yang jahat atau permohonan daripada negeri China (PRC).

Jadi pegawai-pegawai kita anggap dia orang datang ini buat kerja tidak senonoh dekat Bukit Bintang. Jadi saya kira kita harus tukar *mind set* pegawai-pegawai kita:

- (i) jangan pilih kasih;
- (ii) kerja kita tetap jalan; dan
- (iii) budaya budi bahasa kita, orang Malaysia berbudi bahasa, itu harus kita tanamkan kepada pegawai-pegawai kita kalau tidak imej yang kita beri kepada pelajar-pelajar asing kita cukup negatif.

Sekian, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Berhubung dengan IPTS yang disenaraihitamkan. Pegawai imigresen tidak mempunyai kuasa atau berhak menyenaraihitamkan sebarang IPTS tetapi ada IPTS yang disenaraihitamkan setelah kita mendapati IPTS berkenaan telah menyalahgunakan kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada mereka.

Misalnya pada tahun yang lalu kita telah membuat tinjauan ke beberapa buah dan salah satu daripada IPTS ini mendaftar pelajar daripada beberapa negara. Daripada 212 pelajar yang didaftarkan bila kita membuat pemeriksaan didapati tidak ada seorang pun pelajar luar negara yang berada di kolej tersebut dan kita dapati mereka telah berada di merata tempat dan sebahagian daripada mereka menjalankan perniagaan.

Jadi IPTS yang demikian sememangnya akan diambil tindakan. Bagi negara-negara pula, tidak ada juga negara yang kita senarai hitamkan, tetapi imigresen sentiasa berhati-hati apabila kita dapati ada rakyat negara-negara tertentu yang sering melakukan kesalahan-kesalahan dan didapati di dalam pemeriksaan yang kita buat kita dapati ramai rakyat daripada negara-negara tersebut misalnya di dapati melanggar peraturan-peraturan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi kita akan ambil tindakan, tetapi tidak ada negara yang di *blacklist*, tetapi kita pihak pegawai-pegawai atau Jabatan Imigresen telah memberi perhatian yang serius kepada mana-mana negara yang mempunyai rekod rakyat yang menjalankan kegiatan ataupun melakukan banyak kesalahan. Jadi, kita akan bagi perhatian begitu, tetapi tidak ada kita *blacklisted* secara sukarela oleh pegawai-pegawai di pejabat Imigresen.

Berhubung dengan teguran Yang Berhormat supaya pegawai-pegawai sentiasa bersopan santun memanglah dari semasa ke semasa kita mengingatkan pegawai, malah kerajaan pun telah melaksanakan program Kempen Budi Bahasa dan ini mestilah diterima

oleh seluruh kakitangan kerajaan tanpa mengira di mana jabatan mereka bekerja. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya dia sudah lalu sampai... saya... Okey, lepas ini saya ada satu hendak cakap.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya terpanggil apabila mendengar fakta-fakta Yang Berhormat tentang proses permohonan yang dikeluarkan setiap tahun kepada pelajar-pelajar antarabangsa. Puratanya kalau dilihat tadi lebih kurang 40,000 visa pelajar dikeluarkan setiap tahun.

Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Imigresen kerana dengan tugas beban kerja yang begitu banyak dan ditambah pula dengan masalah-masalah sampingan yang lain, masih boleh menjalankan tugas dengan baik. Di sini saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat tentang tanggungjawab bahagian penguat kuasa Jabatan Imigresen.

Dengan beban tugas yang mereka tanggung hari ini, apakah *justify* dengan jumlah yang sedia ada dengan beban tugas hampir jutaan termasuk pelajar-pelajar asing yang salah guna kad pelajar dan juga kehadiran PATI dan juga adanya pekerja-pekerja asing yang tamat tempoh, tetapi masih berada dalam negara. Jadi, apakah jumlah yang sedia ada ini mencukupi untuk menangani beban tugas yang semakin meningkat, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob bin Haji Mohammad. Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana bersimpati dengan pegawai-pegawai penguat kuasa Jabatan Imigresen. Dua tahun yang lalu jumlah penguat kuasa di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Imigresen, yang menjalankan pelbagai tugas penguasaan hanyalah 600 orang.

Akan tetapi, hasil daripada perkara-perkara ucapan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada di Dewan Rakyat atau Dewan Negara, menyokong kami untuk membuat permohonan tambahan kepada JPA dan Alhamdulillah pada tahun akhir tahun lalu seramai sejumlah 1,000 jawatan baru telah diluluskan untuk bahagian penguat kuasa. Itu pun sebenarnya belum dapat menampung keseluruhan tugas mereka.

Ada pegawai-pegawai kementerian pegawai penguat kuasa yang bekerja sehingga jam enam pagi kemudian jam lapan pagi masuk ke pejabat untuk bertugas. Jadi itulah keadaannya. Kalau hendak kira beban tugas mereka memanglah berat, namun begitu mereka telah melaksanakan tugas dengan cemerlang, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, boleh bagi saya laluan sedikit lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bagi laluan? Silakan, tetapi selepas ini apabila saya bercakap nanti pedih tahu.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: [Ketawa] Okey, sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya tadi dengar banyak daripada jawapan yang diberikan kepada kami. Saya hendak tanya sedikit mengenai agensi pembantu rumah yang rata-rata kini telah mengenakan bayaran berbeza kepada majikan yang hendak menggunakan pembantu rumah daripada harga serendah-rendah RM2,000 hingga ke RM6,000 - RM7,000. Jadi, apakah tindakan kementerian, bolehkah kementerian menyelaraskan pembayaran ini kepada majikan yang hendak menggunakan orang gaji, khasnya daripada Indonesia? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn. Dalam perbincangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan menteri

yang berkaitan di Indonesia pada hujung tahun lalu telah dipersetujui bahawa bayaran yang sepatutnya dikenakan kepada seseorang untuk mengambil pembantu rumah ialah RM2,400 dan RM1,300 dibayar oleh pekerja di Indonesia.

Namun begitu, kita menerima pelbagai pandangan dan juga aduan daripada agensi yang mengatakan bahawa bayaran RM1,300 tidak dapat menampung keperluan-keperluan di Indonesia. Mereka meminta bayaran yang lebih dan seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semalam ketika menjawab satu soalan di sini, bahawa perundingan semula akan diadakan antara Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal dalam Negeri dengan pihak Indonesia dalam sedikit masa lagi, bagi melihat apakah perkara-perkara yang boleh sehingga dapat kita perbaiki keadaan ini, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sebelum saya menjemput Kementerian Kesihatan, ada sedikit panduan. Pertama, tidak manis apabila orang itu sudah kata terima kasih hendak duduk, timbulkan sesuatu, paksa dia bangun semula dan mungkin tergagap-gagap malu dia.

Kedua, jika isu itu begitu penting mengapa tidak timbul dalam ucapan supaya pihak kerajaan boleh jawab dengan persiapan yang cukup sempurna. Ketiga, sesuatu isu itu sesuatu *afterthought*, bagaimana pula harus dilihatnya oleh pihak awam. Makna remehlah *afterthought* - baru teringat. Kerajaan pun jawab tanpa persiapan, *not fair*. Seperti saya katakan, panduan sahaja, nasihat demi menambah baik perjalanan dan mutu perbahasan Dewan, terima kasih. Saya jemput Kementerian Kesihatan.

4.08 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke atas Titah Diraja yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad yang telah membangkitkan isu berhubung langkah-langkah kementerian dalam menangani wabak HIV AIDS di negara kita dan bilangan anggota yang mengendalikannya di peringkat kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini terdapat sembilan orang pegawai perubatan pelbagai gred serta lapan orang pegawai sambilan bertugas di Cawangan AIDS di ibu pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia. Di setiap negeri pula terdapat seorang pegawai perubatan yang mengetuai Unit HIV AIDS negeri dan dibantu oleh seorang atau dua orang pegawai sokongan. Di setiap daerah pula terdapat seorang penolong pegawai kesihatan persekitaran atau inspektor kesihatan yang menyelaras aktiviti pencegahan HIV AIDS peringkat daerah.

Bagi menangani HIV AIDS ini, kerajaan telah merangka satu pelan strategik kebangsaan bagi HIV AIDS yang baru untuk lima tahun akan datang bagi tahun 2006 hingga 2010. Penglibatan pelbagai kementerian serta agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan adalah digembleng bagi menjayakan aktiviti-aktiviti yang digariskan di dalam pelan tindakan untuk pelan strategik kebangsaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya mohon ganggu sebentar. Jangan pula sampai tidak mahu bangun minta laluan langsung. *[Ketawa]* Silakan terus.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Buat masa ini kerajaan sedang melaksanakan satu inisiatif baru bagi membendung HIV AIDS serta penagihan dadah melalui jarum suntikan iaitu melalui program pertukaran jarum suntikan atau *needle/ ringe exchange program* (NSEP), dan program rawatan ganti metadon. Sehingga setakat ini, kedua-dua program ini telah menunjukkan kejayaan yang memberangsangkan.

Berhubungan isu tentang kekurangan pegawai perubatan dan kakitangan sokongan di hospital-hospital kerajaan dan langkah-langkah kementerian untuk mengatasinya sebagaimana yang disentuh oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, pihak kementerian ingin menekankan bahawa sesungguhnya keperluan untuk meningkatkan bekalan tenaga kerja dan pakar perubatan telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan sebagai satu strategi yang utama bagi membangunkan sektor kesihatan di Malaysia dan teras ini akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Kementerian Kesihatan sememangnya menyedari bahawa terdapat kekurangan doktor dan jururawat di kebanyakan hospital kerajaan. Walau bagaimanapun, pihak kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan perkhidmatan kesihatan di negara ini tidak terjejas, ekoran kekurangan doktor dan jururawat di hospital kerajaan.

Bagi mengatasi kekurangan doktor dan jururawat, Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) laksanakan dasar pelantikan kontrak secara automatik, doktor pakar dan doktor biasa yang telah mencapai umur persaraan wajib. Di mana doktor pakar boleh terus berkhidmat sehingga umur 60 tahun, manakala doktor biasa adalah tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan. Bagi jururawat pula, kerajaan telah meluluskan banyak jawatan untuk melantik jururawat secara kontrak selepas bersara wajib sehingga umur 60 tahun;
- (ii) mewujudkan lebih banyak jawatan-jawatan kenaikan pangkat bagi doktor dan jururawat;
- (iii) penambah baik skim perkhidmatan doktor dan jururawat. Baru-baru ini kerajaan telah meluluskan Skim Perkhidmatan Jururawat Bersepadu di mana penambahan gred-gred baru bagi skim jururawat sehingga kepada kumpulan pengurusan dan profesional telah dilaksanakan. Ini bermakna mereka boleh juga dilantik sebagai pengarah hospital juga;
- (iv) mengadakan pelbagai insentif kepada doktor seperti gaji, elaun pakar, elaun kerja di luar waktu bekerja biasa, bayaran insentif pegawai kesihatan awam dan sebagainya;
- (v) memberikan pelbagai kemudahan kepada doktor dan jururawat yang layak seperti pinjaman kenderaan, pinjaman perumahan, pinjaman komputer, kemudahan kuarters dan sebagainya;
- (vi) bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam program menggalakkan warganegara Malaysia yang berkepakaran, yang berada di luar negara kembali berkhidmat sebagai doktor pakar dan doktor biasa di Malaysia; dan
- (vii) bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk menambah kuota pengambilan mahasiswa dalam bidang perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, yang menyentuh tentang usaha-usaha kementerian...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Datuk Yaakob bin Haji Mohammad ada minta laluan tadi. Kena habiskan selepas Yang Berhormat sebut... *[Masalah pembesar suara]* ...ada minta laluan.

Dato' Lee Kah Choong: Baik Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan isu menggalakkan pelancongan kesihatan di negara ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi memantapkan usaha galakan pelancongan kesihatan, Kementerian Kesihatan melalui penstrukturan semula telah mewujudkan unit pelancongan yang berperanan sebagai *focal point* untuk semua pihak yang terlibat dalam pembangunan produk pelancongan kesihatan terutamanya penyelaras dan membantu aktiviti promosi dan pemasaran di luar negara dengan mengoptimalkan penggunaan sumber dan kepakaran.

Kementerian Kesihatan juga meninjau dan membuat penyelidikan pasaran supaya dapat menasihati perancangan pemasaran yang lebih efektif serta merangka strategi dan hala tuju pembangunan industri pelancongan kesihatan secara keseluruhannya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Soalan yang hendak saya bangkitkan ialah menyentuh dari segi kekurangan pakar-pakar dan doktor-doktor di hospital kerajaan. Pada ketika ini sejauh manakah seriusnya dari segi kuota jumlah penduduk dengan sepatutnya pihak hospital mempunyai doktor. Adakah kekurangan 500, 1,000 atau 2,000 doktor atau kepakaran pada masa ini. Itu yang pertama.

Yang kedua, sejauh manakah serius dari segi doktor-doktor atau pakar-pakar perubatan ini yang berhenti daripada perkhidmatan kerajaan untuk berkhidmat di pihak swasta dan apakah usaha-usaha untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh ingat penjelasan diminta, Yang Berhormat?

Dato' Lee Kah Choon: Cuba.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sebelum itu sebelum Yang Berhormat menjawab saya hendak terangkan sedikit, muslihat saya buat panduan tadi ialah untuk mengelak keadaan, bila orang jawab kita tidak ada di tempat kita. Bila orang hendak selesai baru kita lari masuk dan tanya bertubi-tubi, kesianlah dekat orang. Itu sahaja hendak elak satu daripada dalam doa kita kata muslihat mentadbir, muslihat masyarakat pergaulan. Hendak mengelakkan muslihat. Silakan.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan kekurangan doktor ini pada masa sekarang kita mempunyai satu doktor kepada lebih kurang 1,200 penduduk, dan kita harap untuk masa akan datang kita dapat menambah baikkan atau menambahkan angka ini kepada satu doktor kepada 600 penduduk di negara kita. Ini adalah satu rancangan jangka panjang.

Berkaitan dengan usaha untuk mengurangkan doktor-doktor kita yang berhijrah kepada perkhidmatan di swasta ini, kita seperti langkah-langkah yang saya katakan tadi, kita memang adalah di antara langkah yang kita ambillah. Iaitu kita bagi ruang yang lebih banyak supaya mereka boleh menambah pendapatan mereka seperti elaun yang kita beri kepada mereka dengan banyaknya dan juga kita beri peluang kepada mereka untuk naik pangkat, kerana apabila naik pangkat itu dia ada dua aspek yang baik untuk mereka.

Yang satu itu adalah penambahan pendapatan, yang kedua itu pengiktirafan kerja mereka. Ini adalah dua aspek yang saya rasa penting yang boleh menolong untuk menggalakkan mereka terus berkhidmat di hospital kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, program promosi pelancong...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Ir. Hiang A. Li minta laluan Yang Berhormat.

Dato' Lee Kah Choon: Sila.

Ir. Hiang A. Li: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Langkah-langkah yang dirancangan oleh kementerian memang satu langkah yang baik.

Saya nampak bagus dan baik, tetapi adakah ini benar, doktor-doktor pakar enggan pergi ke luar dari Lembah Klang. Iaitu bermakna dia enggan pergi ke hospital-hospital luar

di luar bandar. Terutamanya macam hospital di Temerloh. Hospital Temerloh memang satu hospital yang besar, ada 500 *beds* tetapi doktor-doktor pakar hanya 40% yang kosong hanya diisi. Jadi memang hospital di Temerloh menghadapi masalah besar yang tidak cukup doktor dan biasanya tidak menerima pesakit-pesakit yang serius tidak dapat di rawat di hospital itu.

Jadi saya hendak tanya, adakah pihak kementerian rancang supaya dapat menghantar lagi doktor-doktor dan pakar-pakar untuk hospital. Hospital Temerloh itu adalah satu hospital pakar sebenarnya. Jadi doktor tidak mencukupi dan doktor pakar memang tak dapat digunakan dengan sempurna. Itu saja yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Memang betul bahawa kita memang kekurangan doktor terutamanya di klinik-klinik dan juga di hospital-hospital pedalaman.

Kita telah ambil langkah dengan kita menggalakkan doktor-doktor baru kita supaya mereka boleh menjalani *tour of duty* dengan izin, supaya mereka dapat pergi ke hospital pedalaman ini di Sabah, Sarawak dan sebagainya supaya mereka dapat satu pengalaman yang lebih menyeluruh. Kita juga beri galakan kepada mereka jika mereka pergi ke hospital atau *facility* pedalaman, kita akan bagi dia *points* yang lebih banyak apabila mereka memohon bagi mendapatkan biasiswa untuk menjalankan pengajian lanjutan mereka di dalam atau luar negeri. Ini adalah beberapa langkah yang kita telah ambil.

Kita juga tidak berapa layan baru-baru ini Yang Berhormat Menteri juga ada mengatakan kita tidak layan lagi jikalau ada permohonan daripada ibu bapa atau daripada doktor-doktor baru ini supaya mereka dikekalkan atau pergi kepada hospital-hospital yang telah banyak mempunyai doktor-doktor ini. Ini adalah langkah-langkah yang kita ambil...

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan Yang Berhormat,

Dato' Lee Kah Choon: Silakan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat bertanya, izinkan saya untuk mengalu-alukan dan penghargaan Dewan Negara atas kehadiran Yang Berhormat Menteri Penerangan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam kes kekurangan doktor kepakaran ada juga masalah yang timbul di hospital-hospital yang ada alat-alat yang begitu canggih di mana tidak ada doktor yang dapat mengendalikan alat-alat ini sehingga alat yang berjuta-juta ringgit ini menjadi rosak kerana tidak dipakai dan sebagainya.

Pernah saya melihat satu ketika dahulu seorang pesakit yang mengalami sakit jantung. Apabila pergi membuat *stress echo*, tidak ada doktor dapat memahami dan membaca keputusan daripada *stress echo* itu. Bukan saja kekurangan doktor tapi alat yang dipakai pun sudah rosak dan tidak boleh diguna pakai. Tidakkah ini membazirkan dua perkara iaitu satunya dari segi alat dan keduanya yang lebih teruk kepada pesakit, yang tidak dapat satu *diagnosis* atau *prognosis* yang lebih tepat tentang kesakitan ataupun penyakit yang dihadapinya.

Inilah kalau boleh pihak Kementerian Kesihatan boleh mengatasi masalah-masalah selain daripada doktor ialah alat-alat seperti *CT scan* dan sebagainya yang begitu mahal tapi tidak dapat dikendalikan oleh doktor. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Cadangan yang dikatakan tadi itu kita menyambut baiklah dan memang tidak menafikan bahawa kadang-kadang peralatan yang kita ada itu kita menghadapi cabaran untuk menyelenggarakannya seperti *maintenance*. Namun pada masa sekarang, kebanyakan *maintenance* ini dijalankan oleh syarikat konsesi perkhidmatan sokongan seperti Mediserve dan sebagainya.

Saya rasa memang kita menghadapi cabaran tetapi masalah itu bukan satu masalah yang besar. Berkaitan dengan peralatan canggih ini, kita sentiasa mengambil maklum balas daripada pegawai-pegawai perubatan kita dan kita hanya akan beli apa yang diperlukan, tetapi dari kementerian juga kita mesti mempunyai peralatan yang canggih juga, kadang-kadang kita memerlukan peralatan ini untuk menjalankan kerja-kerja atau rawatan kita yang lebih rumit supaya perkhidmatan penjagaan kesihatan ini dapat dinaiktarafkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan program promosi pelancongan kesihatan biasanya dilakukan di luar dan di dalam negara dengan usaha sama Perbadanan Pembangunan Pelancongan Malaysia (*Tourism Malaysia*), Perbadanan Pembangunan Industri Malaysia (MIDA), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Negara (MATRADE), Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) dan kerajaan-kerajaan negeri.

Selaras dengan hasrat Malaysia untuk menjadi pusat kecemerlangan penjagaan kesihatan di rantau ini, Kementerian Kesihatan juga sedang berusaha mewujudkan penjenamaan atau *branding* bagi pelancongan kesihatan dan industri kesihatan secara umumnya. Bahan-bahan promosi dan pengiklanan multimedia akan disebar ke pasaran yang disasarkan seperti Indonesia, Jepun, Amerika Syarikat, negara-negara Asia Barat, Asia Selatan dan Eropah.

Hospital-hospital dalam negara juga digesa supaya mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dengan mendapatkan akreditasi daripada *Malaysia Society for Quality in Health* ataupun MSQH iaitu sebuah badan tanda aras bagi kualiti kesihatan yang diberikan oleh sesebuah hospital. Kementerian Kesihatan juga bertindak memantau profesionalisme pengamal perubatan, keselamatan, standard dan mutu perkhidmatan supaya perkhidmatan yang diberikan adalah setanding di peringkat antarabangsa melalui penguatkuasaan akta dan peraturan di bawah kementerian ini seperti Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta...

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Omar bin Faudzar: Soalan saya ini *afterthought*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Di tengah-tengah Yang Berhormat jawab, di tengah-tengah isu itu bukan *afterthought*.

Dato' Omar bin Faudzar: Sekarang ini Yang Berhormat, kita tengok banyak ubat-ubat yang digunakan di salun-salun kecantikan seperti *'placenta'*, *titration* dan vitamin C. Ada pelancong-pelancong yang datang, ramai yang pergi ke salun-salun kecantikan di negara kita.

Ada yang keluar kelabu jadi putih, ada yang keluar yang berkedut jadi cekang dan ada juga yang keluar tak jadi apa-apa, tapi lebam di tangan Yang Berhormat. Lebam di tangan ini disebabkan oleh suntikan itu silap. Sepatutnya disuntik di tempat yang sepatutnya disuntik tapi dia disuntik di tempat yang tak sepatutnya disuntik. Akhirnya lebam, tak jadi putih dan tak jadi muda.

Jadi saya nak tanya Yang Berhormat adakah kementerian memberi kebenaran kepada salun-salun ini untuk membuat suntikan-suntikan untuk kecantikan?

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat di bawah Akta Perubatan, semua *operation* atau pembedahan tidak dibenarkan melainkan kepada mereka yang mendapat pentauliahahan atau mendapat pengajian kedoktoran sebelum mereka boleh buat *invasive operation*. Kalau bagi urutan-urutan itu kita tidak ada pada masa sekarang dan kita tidak mempunyai undang-undang untuk menyekat perkhidmatan ini.

Untuk masa yang akan datang Kementerian Kesihatan sedang mengkaji untuk mengadakan satu akta iaitu Akta Kosmetik di mana kita akan mengambil tindakan untuk *regulate* industri ini. Ini kerana kita dapati industri ini ialah satu industri yang sangat baik dan ada potensi untuk dikembangkan dan kita akan ambil tindakan untuk *regulate* industri ini pada masa yang akan datang.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak: Minta laluan,

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan. Khidmat kedokteran ini selalunya kita tidak dapat mengiklankan, tetapi dalam usaha kita mendapatkan pelancong perubatan (*medical*), apakah cara kita hendak menarik mereka? Boleh atau tidak kita nyatakan kepakaran-kepakaran yang ada sebab secara kebetulan semalam saya terbaca dalam *magazine Reader's Digest* dan ada satu iklan tiga muka surat oleh pihak Singapura yang mengatakan satu jenis perubatan yang mereka boleh buat di mana doktor di Rusia tidak boleh buat.

Jadi adakah ini caranya untuk kita mengiklankan *medical* pelancongan inilah. Terima kasih, apa pandangan?

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan pengiklanan berkaitan dengan kepakaran yang kita ada ini, pada masa sekarang kita memang ada satu mekanisme di mana kita kena jaga etika kedokteran kita iaitu pengiklanan yang bukan-bukan itu atau *claim* yang bukan-bukan itu tidak dibenarkan, tetapi kita juga faham, berkaitan dengan untuk menarik pelancongan perubatan ini kita memerlukan *information* atau *facts* kepada bakal pesakit-pesakit ini datang ke Malaysia.

Kita tengah kaji semula mekanisme ini supaya kita akan berikan satu garis panduan yang boleh bersaing di dalam pasaran antarabangsa ini terutamanya dari segi pelancongan perubatan ini. Dalam masa yang terdekat ini, kita akan mengumumkan dan kita akan bekerjasama dengan doktor-doktor supaya kita tahu apa yang kita boleh beritahu, boleh iklankan dan apa yang tidak boleh supaya dia boleh jelas.

Tuan Yang di-Pertua...

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Minta laluan.

Dato' Lee Kah Choon: Sila

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada kementerian apakah tindakan yang diambil oleh kementerian kepada doktor-doktor yang mengamalkan *general practice* dan sekarang ini telah mengalih kepakarannya kepada pakar kecantikan yang bak kata rakan saya tadi yang boleh mengubah muka seseorang daripada hitam kepada putih dan sebagainya.

Apakah benar sekarang ini kementerian telah menguatkuasakan satu undang-undang baru bahawa satu tempat *slimming centre* dengan izin, mestilah ada satu orang pakar *surgeon* berada dalam itu jika tidak mereka akan didenda RM500 ribu ataupun diarah tutup *slimming centre* tersebut? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah pertanyaan Yang Berhormat berkaitan? Silakan.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan pakar, doktor biasa yang menjalankan kerja doktor pakar ini, pada masa sekarang kita sedang mewujudkan satu *registry* atau pendaftaran pakar iaitu *specialist registry* di mana kita akan register pakar-pakar yang kita ada. Apabila kita telah wujudkan *registry* ini, ini bermakna kita akan dapat siasat. Jikalau mereka tidak ada dalam pendaftaran ini dan jikalau mereka jalankan kerja kepakaran, bermakna mereka bersalah dari sisi undang-undang.

Berkaitan dengan *slimming centre* ini seperti yang saya katakan jikalau pengendali *slimming centre* ini dia tidak menjalankan kerja *invasive*, atau pembedahan *invasive*, kita tidak masalah pada masa sekarang. Cuma mereka menjalankan *invasive operation* barulah salah di sisi undang-undang kerana dia telah melanggar Akta Perubatan yang kita ada pada masa sekarang.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: [Bangun]

Dato' Lee Kah Choon: Sila

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih, penjelasan. Kita lihat di Chow Kit, di Pudu, banyak gerai-gerai di tepi jalan menjual ubat tradisional yang diimport daripada China, Indonesia untuk memperkasakan *libido*, *sexual stimulation drug*, tanpa kelulusan Kementerian Kesihatan.

Jadi adakah kementerian ambil tindakan untuk hentikan aktiviti ini kerana saya difahamkan pada tahun 2006, di Tiong Nam ada seorang pemandu teksi meninggal dunia disebabkan oleh memakan ubat ini. Jadi ini serius kerana nampak di Lorong Haji Taib dekat ofis saya tiap-tiap malam lima atau enam gerai di tepi-tepi jalan menjual ubat-ubat ini secara terbuka tanpa kawalan. Jadi minta penjelasan daripada kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Meninggal dunia kerana keracunan ubat atau kerana *libido* terlalu tinggi.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Kerana ubat.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Dari pendapat Kementerian Kesihatan, kita dapati bagi ubat yang kita adakan pada masa sekarang, untuk lelaki, ubat kuat adalah yang digemari oleh kaum lelaki. Bagi kaum perempuan adalah ubat kecantikan. Ini adalah pendapat kita.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna lelaki dia suka kuat, perempuan dia suka cantik ya?

Dato' Lee Kah Choon: Lebih kurang macam itulah... [Ketawa]

Dato' Lee Kah Choon: Kita telah mengambil langkah yang banyak dari semua segi, dari semua aspek. Yang pertama adalah serbuan yang kita telah jalankan di semua farmasi-farmasi yang kita ada dan juga di kaki-kaki lima dan di pasar malam, pasar pagi dan sebagainya, kita telah menjalankan penguatkuasaan kita.

Pada masa yang sama kita juga menjalankan program pendidikan kepada orang ramai bahawa jikalau kita memerlukan ubat-ubatan kita kena pergi jumpa dengan doktor untuk beli daripada doktor ini kerana setiap individu itu mengandungi kebiasaan yang tidak sama, dia punya *constitution of the everyone is not the same*, dia punya badan, dengan izin. Jadi bermakna kita kena pergi jumpa dengan doktor, baru dapatkan ubat yang bersesuaian untuk setiap orang.

Kita harap pendidikan ini dapat pulangan yang baik supaya kita orang rakyat Malaysia ini dia faham apa yang kita beli di pasaran yang bukan di *prescribe* oleh doktor itu akan mendatangkan masalah kesihatan kepada mereka. Terutamanya kalau mereka makan ubat yang tidak berdaftar, yang mempunyai racun yang akan menjahanamkan badan mereka. Terima kasih.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Mohon laluan.

Dato' Lee Kah Choon: Sila.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang ini bukan ubat kuat untuk lelaki atau ubat cantik untuk wanita, cuma sedikit minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Kebelakangan ini, Ahli-ahli Parlimen dimaklumkan oleh klinik Parlimen, kita tidak boleh mengambil ubat-ubatan yang dipesan kepada pihak doktor di situ walaupun ada preskripsi

Kita dimaklumkan arahan ini datangnya daripada Menteri. Apakah ianya benar dan sekiranya ianya benar, pihak kami terpaksa meminta Dewan memberi kelonggaran untuk hendak pergi ke HKL, beratur seperti mana pesakit biasa, pesakit luar untuk mendapatkan ubat-ubatan untuk kegunaan harian. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan klinik yang kita adakan di Parlimen ini, ia adalah bertujuan untuk memberi perkhidmatan penjagaan kecemasan. Jikalau kita memerlukan rawatan yang selanjutnya, sepatutnya kita akan hantar Yang Berhormat-Yang Berhormat ke hospital untuk mendapatkan perkhidmatan kepakaran. Sepatutnya itu adalah perkhidmatan kita, tetapi berkaitan dengan ubat-ubatan ini, saya akan semak dan kita akan sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang datang untuk bermesyuarat di Parlimen ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan penguatkuasaan atau mempertingkatkan lagi, berkaitan dengan *medical tourism* ini, kita telah mengambil banyak

langkah. Antaranya ialah penguatkuasaan akta dan peraturan di bawah kementerian seperti Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta, Akta Farmasi, Akta Jururawat, Akta Racun dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad juga telah meminta pihak kementerian menyatakan strategi untuk mengurangkan nisbah jumlah katil dengan penduduk yang pada masa ini hanya 1.3 buah katil pada seribu penduduk dan angka ini adalah jauh berbeza berbanding di United Kingdom di mana nisbahnya adalah 4 katil pada setiap seribu penduduk, manakala di Amerika Syarikat adalah 3.3 katil kepada setiap seribu penduduk.

Bagi menjayakan matlamat di atas, kementerian sedang mewujudkan konsolidasi perkhidmatan hospital dalam usaha untuk mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan perubatan secara keseluruhan kepada rakyat Malaysia. Tumpuan perkhidmatan hospital di masa akan datang adalah pemberian rawatan ke atas kes-kes kritikal melalui pengurangan kemasukan pesakit dalam wad yang lain. Pengurangan ini boleh dicapai melalui peningkatan penyampaian perkhidmatan pesakit luar, perkhidmatan rawatan *ambulatory* serta rawatan pra hospital.

Bagi mencapai maksud berkenaan, lebih banyak pusat rawatan *ambulatory* akan diwujudkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Pada masa ini terdapat lima buah hospital negeri bertindak sebagai pusat *ambulatory* iaitu Hospital Tuanku Ampuan Rahimah Klang, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Hospital Pulau Pinang, Ipoh dan Hospital Sultanah Nur Zahira Kuala Terengganu. Perkhidmatan prahospital pula akan dipertingkatkan melalui pewujudan *call centre* di hospital-hospital besar dan ia sedang dalam peringkat proses perancangan terakhir untuk dilaksanakan sebelum Rancangan Malaysia Kesembilan berakhir.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah mengemukakan pelbagai cadangan, teguran dan saranan kepada Kementerian Kesihatan sepanjang sesi perbahasan usul Menjunjung Kasih Titah Diraja ini berlangsung. Sesungguhnya segala cadangan, teguran dan saranan akan diambil perhatian serta tindakan oleh pihak kementerian bagi memastikan kementerian ini dapat menjalankan fungsinya dengan cekap dan berkesan. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Belia dan Sukan.

4.43 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di atas pandangan, pendapat, pertanyaan, teguran dan cadangan sepanjang perbahasan Usul Titah Diraja pada sesi sidang Parlimen Dewan Negara pada kali ini. Saya menganggap bahawa segala teguran Ahli Yang Berhormat sebagai tanda prihatin dan sokongan terhadap usaha-usaha kementerian untuk memartabatkan lagi kecemerlangan sukan negara di mata dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kita sememangnya bertuah dan semestinya berbangga kerana mempunyai Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong selaku pemimpin tertinggi negara yang begitu prihatin dalam perkara-perkara yang melibatkan pembangunan sukan negara. Baginda juga merupakan seorang atlit yang bergiat aktif dalam sukan lasak berkuda.

Walaupun usia Baginda telah mencecah 45 tahun, namun Baginda masih mampu untuk menyertai pelbagai pertandingan dan telah memenangi banyak pingat. Faktor usia bukanlah satu halangan atau alasan untuk tidak terlibat secara aktif dalam sukan. Kita sedia maklum bahawa sukan lasak berkuda yang diceburi Baginda bukanlah satu sukan yang mudah, bahkan ianya memerlukan kekuatan fizikal dan mental yang kental bagi menamatkan sesuatu pertandingan.

Tuan Yang di-Pertua, berbekalkan semangat Malaysia Boleh maka Baginda telah berjaya menempa nama di peringkat antarabangsa dan merupakan antara atlit sukan

berkuda yang dikenali dan disegani oleh pihak lawan. Penglibatan Baginda secara langsung dalam sukan seharusnya menjadi pendorong dan sumber inspirasi kepada kita semua khususnya atlit-atlit negara yang sememangnya diberi kepercayaan dan tanggungjawab untuk memartabatkan nama negara di pentas sukan antarabangsa.

Selaku pemimpin tertinggi negara, Baginda sememangnya mempunyai jadual yang begitu tetap dan masa yang amat terhad untuk bersukan. Namun, Baginda telah menunjukkan satu contoh yang baik kepada seluruh rakyat Malaysia tentang betapa pentingnya mengamalkan gaya hidup sihat. Ini bersesuaian dan selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang sihat, cergas dan cerdas.

Penglibatan Baginda dalam sukan juga jelas bahawa tidak ada batas sempadan untuk sesiapa sahaja terlibat dalam arena sukan termasuklah yang berkelebihan dan tinggi taraf hidupnya. Oleh itu, saya menyeru kepada Ahli-ahli dewan yang mulia ini dan semua pihak yang berada, semua pihak untuk sama-sama dengan Kementerian Belia dan Sukan berganding bahu dalam memartabatkan sukan negara ke suatu tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan daripada Yang Berhormat Puan Wan Zubaidah binti Omar meminta supaya Kementerian Belia dan Sukan membuka *channel* sendiri dengan adanya *channel* tersebut akan dapat meningkatkan lagi minat rakyat Malaysia kepada sukan. Dengan adanya *channel* tersebut banyak perkara seperti teknik-teknik sukan dan sebagainya boleh dilihat secara lebih dekat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan Ahli Yang Berhormat Senator supaya Kementerian Belia dan Sukan mewujudkan saluran atau stesen televisyen sendiri adalah satu cadangan yang baik dan kerajaan amat mengalu-alukan cadangan dan pandangan seperti itu. Sememangnya kementerian telah mengorak langkah ke arah meningkatkan lagi meningkatkan lagi ke arah meningkatkan lagi penyampaian maklumat sukan dengan lebih berkesan kepada semua lapisan rakyat.

Antara usaha yang telah dibuat oleh kementerian ialah oleh kementerian ialah dengan menaja akhbar *Malaysian Today* pada peringkat awal penerbitannya. Akhbar tersebut diterbitkan dua minggu sekali dengan memaparkan berita-berita sukan dan juga gaya hidup ahli sukan. Sebanyak 65% daripada cetakan akhbar tersebut diedarkan secara percuma dan 35% lagi dijual dalam akhbar dalam kadar yang murah.

Selain itu, kementerian turut menjalinkan kerjasama yang erat dengan pihak media massa dan sama ada stesen televisyen kerajaan mahupun swasta. Jalinan kerjasama yang baik ini dapat dilihat melalui penyiaran secara langsung pertandingan-pertandingan sukan yang berprestij oleh stesen-stesen televisyen.

Ini secara langsung menjadi saluran kepada kementerian untuk menyampaikan maklumat berhubung perkembangan sukan kepada seluruh peminat sukan tanah air. Liputannya yang meluas dan menyeluruh sudah tentu dapat memberi impak positif terhadap mutu dan perkembangan sukan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sememangnya maklum bahawa Kementerian Pelajaran telah pun mempunyai TV pendidikannya sendiri dan Institut Kefahaman Malaysia dengan siaran Radio IKIM FM. Justeru itu, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Kementerian Belia dan Sukan tidak ketinggalan dalam perkara ini di mana pihak kementerian juga telah menandatangani perjanjian dengan ESPN iaitu sebuah stesen sukan antarabangsa pada awal 2007 yang lalu.

Melalui stesen ASTRO saluran ESPN iaitu saluran 81, telah mewujudkan *sport centre* bagi menyiarkan laporan serta berita semasa berkaitan sukan tanah air. Penyiaran telah dimulakan pada April 2007 ini. Program disiarkan pada hari Isnin hingga Jumaat mulai pukul 7.00 malam hingga 7.30 malam. Manakala siaran ulangan ialah pada pukul 9.30 malam, 2.30 pagi dan 4.30 pagi waktu tempatan.

Antara faedah yang diperoleh dengan tertubuhnya *sport centre* ini adalah:

- (i) memberi impak positif terhadap sektor pelancongan negara;

- (ii) meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang penyiaran sukan di kalangan kakitangan kementerian; dan
- (iii) membawa program-program sukan tempatan dan antarabangsa kepada peminat sukan tanah air dan negara Asia Pasifik termasuklah negara India, Hong Kong, Taiwan, Filipina, Indonesia, Thailand, Singapura dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan daripada Yang Berhormat Senator Puan Mumtaz binti Md Nawī bahawa supaya kerajaan dan Kementerian Belia dan Sukan mengeluarkan kod etika pakaian sukan wanita Islam memandangkan mereka ini ada keinginan tinggi bergiat aktif dalam sukan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kementerian Belia dan Sukan tidak mempunyai sebarang dasar berhubung dengan penetapan kod etika pakaian etnik wanita khususnya bagi wanita Islam. Sehingga kini etnik wanita termasuk wanita Islam memakai pakaian sukan mengikut peraturan sukan masing-masing. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa tiap-tiap acara sukan mempunyai jenis pakaian sukan masing-masing.

Berhubung dengan pandangan daripada Yang Berhormat Dato' Haji Roslan bin Awang Chik, berpandangan bahawa masa permainan futsal olah golongan muda kini kurang sesuai iaitu pada lewat malam hingga ke awal pagi. Selepas itu, mereka lazimnya untuk ke kedai untuk minum dan makan dan dikhuatiri akan menjejaskan kesihatan. Sehubungan itu, mencadangkan supaya tidak membenarkan permainan futsal lebih daripada jam sepuluh atau jam dua pagi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kemudahan gelanggang futsal yang ada di negara kita secara umumnya disediakan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan. Ada juga disediakan oleh kerajaan tempatan dan juga pihak swasta dan pihak persendirian. Bagi gelanggang di bawah seliaan kerajaan kawalan masa pemain mungkin kita dapat kita selaraskan.

Walau bagaimanapun, bagi gelanggang persendirian memang ia dikawal oleh pihak kerajaan tempatan. Pada hemat saya masa permainan futsal masih tidak menimbulkan masalah. Aktiviti seperti ini merupakan alternatif yang sihat kepada para belia kita berbanding sekiranya mereka menghabiskan masa dengan aktiviti-aktiviti yang kurang sihat dan kurang berfaedah.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan, Yang Berhormat?

Dato' Liow Tiong Lai: Ya, sila.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Saya rasa, pada pandangan saya, sebelum saya melanjutkan, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan semalam telah dengan jayanya merayakan Hari Belia.

Saya berkata demikian kerana dalam hujah saya itu masa yang dimainkan futsal ini kalau bermula pukul 12, memakan masa satu atau dua jam, sudahnya pukul dua. Pukul dua, dia akan pergi kepada kedai-kedai, minum teh tarik, roti canai atau sebagainya, kemudian terus balik.

Ada dua perkara negatif pada pandangan saya, iaitu yang pertama sekali dia terus tidur, penghadamannya sudah menurun. Menurun memakan masa begitu lama dan lemak akan ada di dalam saluran darah. Kedua, keesokan harinya produktiviti kepada orang-orang ini akan menurun oleh kerana kurang tidur dan sebagainya. Saya berkata demikian sebab cara atau trend muda-mudi sekarang, yang bersukan ini telah bertukar, dahulunya siang, petang selepas waktu kerja.

Petang dia pergi main tenis, dia pergi main golf dan sebagainya atau bermain bola, tetapi sekarang ini malam. Pukul 10.00 baru *start* dan saya melihat memang ianya perlu untuk jangka masa depan supaya negara kita perlu mengadakan masyarakat yang lebih sihat. Kalau ini dibiarkan ia akan menjadi satu masalah. Mungkin efeknya tidak nampak sekarang tetapi mungkin dalam masa 15 tahun, 20 tahun yang akan datang, mungkin

melalui kementerian ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh mengehendkan masa, maksimumnya pukul 12.00 malam, kena balik ataupun tutup.

Ini kerana akhirnya yang menanggung kerugian nanti ialah kerajaan sendiri kerana banyak masalah-masalah penyakit yang akan timbul pada ramalan saya, pada masa-masa yang akan datang. Itu pandangan saya, terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa bermain terlalu lewat, larut malam itu mendatangkan kesan kesihatan. Kita memang faham bahawa ini adalah satu trend yang kita perlu lihat dengan teliti. Buat masa ini kita perlulah mengkaji. Saya bersetuju bahawa kita perlu mengkaji tentang kesan negatif berhubung dengan permainan futsal yang terlalu lewat malam. Kalau sebelah malam, mulai pukul 8.00 hingga 11.00 malam, saya rasa kita boleh terima.

Pada masa ini apabila kita menganjurkan sukan malam juga tidak terlalu lewat dan apabila terlalu lewat itu memang akan mendatangkan masalah. Saya rasa dalam hubungan ini kerana trend futsal yang dimainkan pada waktu lewat malam ini, saya rasa perlu mendapat kajian yang lebih mendalam dan sekiranya perlu memang kementerian akan menjalankan kajian impak terhadap kesihatan dengan kerjasama daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Kita rasa perkara ini perlu dilihat dengan lebih mendalam. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. berhubung dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berkenaan dengan pakaian sukan untuk wanita Islam.

Saya sekali lagi memohon kepada pihak kementerian untuk mengkaji cadangan ini kerana kita melihat kalau melibatkan sukan-sukan di sekolah, pelajar-pelajar sekolah agama juga akan terlibat dengan sukan. Jadi, kalau pun tidak dibenarkan untuk kod etika pakaian sukan wanita Islam untuk keseluruhan pertandingan tetapi adakah boleh dipertimbangkan kod pemakaian etika wanita Islam ini untuk diguna pakai oleh pelajar-pelajar di sekolah menengah agama kebangsaan ataupun di sekolah agama rakyat di seluruh Malaysia. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa pakaian di sekolah ini memang telah pun pakaian seragam dan telah pun ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.

Saya rasa dari segi sukan memang kita mempunyai kod etika yang tersendiri dan telah pun saya terangkan tadi bahawa semua jenis sukan, kalau berenang dia punya uniformnya begini, kalau dia berbasikal, apa uniformnya, kalau dia berlari dia ada uniformnya yang tersendiri. Saya rasa ini telah pun jelas dan kementerian memang mempunyai dasar yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, kenapa sekarang ini kita lihat kalau ada program-program atau aktiviti di kawasan, kementerian menggunakan syarikat-syarikat promosi ini untuk menganjurkan program ataupun aktiviti di kawasan atau di Parlimen. Apakah tidak kementerian menggunakan pegawai kementerian ataupun gunakan persatuan di daerah itu atau kawasan itu sendiri untuk menganjurkan. Jadi, saya minta penjelasan, Yang Berhormat?

Dato' Liow Tiong Lai: Tuan Yang di-Pertua, apa-apa program kegiatan belia dan sukan ini memang kita galakkan anjuran persatuan belia. Itu pun tujuan kita bahawa hendak melibatkan belia kita di peringkat akar umbi untuk menyertai aktiviti-aktiviti sihat di peringkat kawasan. Oleh itu, sekiranya ada apa-apa agensi yang mengambil alih anjuran ini, saya rasa ini adalah kes-kes yang tertentu dan ia bukan satu dasar kerajaan bahawa kita hendak beri kepada agensi untuk menganjurkan apa-apa aktiviti.

Ini kerana yang penting sekarang, kita perlu melibatkan persatuan belia. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi bahawa penting persatuan-persatuan

belia kita diperkasakan dan diberi peluang untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti yang sihat. Saya sekali lagi ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan...

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Yang Berhormat!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah cakap terima kasih dua kali. Nak suruh dia ucap terima kasih lagi sekali.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat Yang Berhormat banyak lagi hendak hujah...

Dato' Liow Tiong Lai: Sila, sila.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat sebut tentang memartabatkan kegemilangan sukan negara dan semangat Malaysia Boleh. Saya ingin meminta penjelasan untuk pandangan Yang Berhormat mengenai kecemerlangan sukan badminton kita.

Terutamanya saya bagi pihak seluruh rakyat Malaysia ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas, tahniah kepada kementerian dan Persatuan Badminton Malaysia. Ini kerana baru-baru ini kita telah mengembalikan semangat Lee Chong Wei sehingga memenangi Terbuka Indonesia. Ini disebabkan pertukaran jurulatih daripada Li Mao kepada Misbun Sidek. Kemudian beregu kita Koo Kien Keat dan Tan Boon Heong digabungkan dengan sekelip mata di bawah jurulatih Remy Mainaky, dahulu mereka di bawah *partner* yang lain.

Memenangi dua, tiga kejohanan, akhirnya dengan sekelip mata merampas kembali kejuaraan Badminton All England. Balik ke Malaysia mereka diberi peluang untuk merayakan sedikit, relaks sedikit. Selepas itu berlatih semula di bawah Remy Mainaky, di mana di masa yang sama Remy Mainaky juga memecahkan pasukan beregu iaitu menggabungkan semula Fairuzizuan Tazari dan Zakry Latif dan dalam masa sebulan mereka hampir memenangi Terbuka Indonesia. Di masa yang sama, Koo Kien Keat dan Tan Boon Heong merudum jatuh.

Jadi, masalahnya apa kena dengan sukan badminton negara kita. Adakah disebabkan oleh jurulatih ataupun pemain itu sendiri? Di bawah jurulatih yang sama atau di bawah jurulatih yang lain, dulu Li Mao sekarang Misbun, mereka berjaya. Di bawah jurulatih yang sama dua beregu kita mula-mula naik selepas itu merudum, kemudian yang satu terus naik dan akan naik. Salah pemain ataupun salah jurulatih. Minta pandangan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat yang berminat dalam sukan badminton. Memang sukan badminton adalah satu sukan yang kita amat ambil berat kerana ia merupakan satu-satunya sukan yang dapat menjulang pingat Olimpik, yang kita harapkanlah pada 2008 ini. Ini kerana ia adalah satu sukan yang diminati oleh semua rakyat Malaysia ini.

Saya hendak memaklumkan kepada Dewan ini bahawa sistem latihan badminton - *coaching system* kita adalah terbaik di dunia. BAM (*Badminton Associate Malaysia*) dengan kerjasama MSM, Kementerian Belia dan Sukan ini cukup rapat. Dengan adanya sistem seperti ini iaitu kerajaan dengan pertubuhan sukan kebangsaan dan juga sistem *coaching* yang ada pada hari ini kita telah pun dapat mewujudkan satu sistem yang begitu baik.

Tambahan lagi dengan adanya Jawatankuasa Kabinet yang telah ditubuhkan baru-baru ini yang telah memastikan bahawa bukan *coaching* sahaja, malah kita masukkan lagi sumber-sumber sains sukan untuk memastikan atlet kita bukan sahaja mahir, bahkan kita masukkan input sains sukan untuk mereka menjadi lebih stabil dari segi kemahiran mereka.

Oleh itu, dengan adanya semua unsur ini dan adanya, sekarang kita mengarahkan supaya setiap pasukan mempunyai selain daripada jurulatih ada *dieticiannya*, ada *massagemya*, ada kaunselor atau pun ahli pakar psikologinya. Kalau kita lihat pada satu pasukan ia memerlukan begitu banyak input daripada pelbagai pihak. Kita bukan lihat *coaching* sahaja atau mana-mana kesilapannya tetapi saya rasa dengan adanya input yang

baru ini semua, sistem *coaching* ataupun sistem latihan negara kita akan terus meningkat dan akan bertambah stabil.

Berhubung dengan naik turunnya atlet kita baru-baru ini, Ahli-ahli Yang Berhormat janganlah khuatir atau bimbang kerana kita tahu prestasi badminton kita *single* dan *double* adalah di peringkat tertinggi sekarang, terutamanya *double* memang kita mempunyai peluang yang amat cerah. Saya rasa ada pun nampak turun sedikit, tetapi saya rasa itu hanya sementara. Dengan izin, *sometimes we have to let the athlete pick at the right time*, kadang-kadang ada turun sedikit tetapi kita jangan khuatir, kementerian dan BAM akan sentiasa memastikan perkara ini dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu soalan yang tertinggal. Yang Berhormat Senator Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn mencadangkan bahawa kementerian menyokong supaya adanya wakil belia dilantik sebagai Ahli Dewan Negara. Saya rasa ini adalah satu cadangan yang baik. Memang Majlis Belia Malaysia ataupun kesatuan pemimpin-pemimpin belia adalah rakan kongsi Kementerian Belia dan Sukan. Kita adalah rakan kongsi dan kita memang telah pun mewujudkan baru-baru ini dengan rang undang-undang yang baru, yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat dan akan dibentangkan di Dewan Negara tidak lama lagi. Kita juga telah mewujudkan Majlis Perundingan Belia Negara.

Ini pun kerana kita hendak mendapatkan maklumat dan input daripada pemimpin-pemimpin belia. Kalau diberi cadangan ataupun diberi peluang untuk dilantik ke peringkat yang tertinggi, ini kita memang memberi sokongan. Dengan itu sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan menegaskan bahawa usaha untuk pembangunan sukan negara adalah usaha kita bersama dan kementerian amat memerlukan sokongan padu daripada semua pihak bagi merealisasikan hasrat negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Kementerian Penerangan sekali gus memberi penghormatan dan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri yang hadir untuk menjawab dan menggulung sendiri. Terima kasih. [*Tepuk*]

5.04 ptg.

Menteri Penerangan [Datuk Seri Zainuddin bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa Perbahasan Titah Diraja 2007 di Dewan yang mulia ini.

Saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae terhadap rancangan RTM yang terikut-ikut dengan rancangan ASTRO iaitu Channel 9 yang menyiarkan drama-drama Indonesia yang jelas bercanggah dengan budaya dan dasar kerajaan.

Contohnya drama Indonesia yang menayangkan pembuangan bayi di mana drama tersebut terlepas untuk tayangan. Kadang-kadang drama Indonesia melalui TV RTM hanya terikut-ikut dengan kecenderungan stesen televisyen yang lain dan drama berkenaan juga tidak dibuat secara melulu asal jalan cerita yang menarik dan boleh memikat khalayak. Namun begitu berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan, ini termasuk aspek kualiti, kecenderungan serta jalan cerita yang tidak bercanggah dengan adat, norma dan nilai kehidupan masyarakat Malaysia serta dasar-dasar kerajaan.

Pilihan drama untuk siaran di TV RTM juga melalui proses penapisan dan penilaian yang ketat daripada Lembaga Penapis Filem dan Panel Penilaian Rancangan RTM. Elemen *violent, horror and sex culture*, dengan izin yang dijadikan panduan sentiasa diberikan keutamaan. Adegan yang tidak sesuai akan dipotong dan jika terlalu banyak suntingan sehingga menjejaskan jalan cerita, drama berkenaan tidak akan diluluskan untuk tayangan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, peratusan drama Indonesia di RTM2 hanyalah sekitar 2.98% ataupun lima jam sahaja daripada keseluruhan masa 168 jam seminggu. Manakala di RTM1 pula sekitar 1.7%, dua jam setengah daripada keseluruhan

140 jam seminggu. Persoalan cerita yang berkisar kepada hubungan luar nikah dan pembuangan bayi pula ia bukanlah satu kecenderungan cerita yang disiarkan oleh RTM. Terdapat persoalan seperti itu penyiaran drama berkenaan lebih cenderung memaparkan keburukan budaya tersebut yang patut diambil sebagai iktibar dan pengajaran kepada penonton supaya dijauhi atau dijadikan teladan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ini merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin berkenaan jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Kabinet yang dianggotai oleh Kementerian Penerangan, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan bagi menilai program siaran TV serta metodologi pelaksanaan jawatankuasa yang ditubuhkan dalam memantau rancangan dan program yang tidak sesuai dengan nilai-nilai timur.

Saya ingin memperjelaskan di sini bahawa Kementerian Penerangan tidak mempunyai apa-apa kuasa pemantauan ke atas media elektronik swasta berikutan dengan pemansuhan Akta Penyiaran 1984 yang digantikan dengan Akta Komunikasi dan Multimedia di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi atau KTAK pada tahun 1998. Perkara ini telah beberapa kali dibangkitkan dan dijelaskan di Dewan Rakyat dan dibahaskan oleh saya sendiri, dibahaskan oleh kementerian dan rakyat.

Selain daripada itu, Jemaah Menteri pada 20 Julai 2005 telah membuat keputusan supaya ditubuhkan jawatankuasa khas bagi mengkaji peranan dan tanggungjawab stesen penyiaran sebagai media elektronik yang merupakan agenda rakyat, kerajaan dan negara dalam membina bangsa Malaysia yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Jawatankuasa tersebut dianggotai antara lain oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Yang Berhormat Menteri Penerangan - saya sendiri, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Ehwal Pengguna, Yang Berhormat Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili - Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Tidaklah benar bahawa KTAK yang bertanggungjawab dalam soal ini tidak prihatin terhadap siaran-siaran yang menyinggung perasaan kaum ataupun melanggar etika yang dihormati oleh rakyat negara ini ataupun dari segi nilai-nilai agamanya. Umpamanya baru-baru ini atas tindakan KTAKlah maka sebuah rancangan dalam TV3 telah diharamkan dan berikutan dengan itu juga kita telah mengharamkan pelakon yang terlibat, iaitu adalah kerana keprihatinan pihak KTAK. Itu adalah satu perkara yang amat serius bila perkara yang benar-benar menyinggung dari segi agama atau kaum maka KTAK juga prihatin.

Kita memikul tanggungjawab bersama dan terserahlah kepada orang ramai untuk menyampaikan teguran, kritikan dan sebagainya dari semasa ke semasa dan tidak hanya membuat teguran dalam Parlimen ataupun hanya bercakap di luar Dewan atau hanya sekadar menulis di dalam akhbar tetapi harus juga menghantar teguran yang berkenaan terus kepada kementerian yang berkenaan. Saya percaya mereka akan memberikan perhatian...

Tuan M. Munusamy: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan M. Munusamy: Minta penjelasan.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Ya, ya.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma saya hendak tanya adakah kementerian hendak mempunyai *hotline* ataupun sebarang perhubungan supaya penonton boleh serta-merta berhubung dengan pihak kementerian sekiranya terdapat program-program ataupun episod-episod ataupun *scene-scene* yang tidak begitu menyeronokkan? Terima kasih.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Kementerian Penerangan khususnya RTM sentiasa terbuka dan boleh dihubungi 24 jam. Hanya kita kena mengambil berat untuk

mengetahui nombor telefonnya dan pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan. Tidaklah semestinya teguran itu dibuat dengan serta-merta tetapi boleh dihantar dengan surat ataupun sekarang kita ada banyak laman web dan kita ada *e-mail*, semuanya boleh dibuat. Tidak ada masalah. Tidak menjadi suatu masalah saya kira dalam perkara ini.

Saya juga ingin menjelaskan perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Puan Wan Ubaidah binti Omar mengenai peranan media elektronik di dalam mempengaruhi pemikiran rakyat yang kini semakin jauh daripada adat budaya timur yang dapat dilihat dengan jelas di dalam majlis-majlis anugerah dengan hiburan yang disiarkan secara langsung di TV RTM mahupun TV swasta lain, yang di luar tanggungjawab Kementerian Penerangan. Di mana cara berpakaian artis-artis tempatan lebih kebaratan dengan mendedahkan aurat. Terdapat dalam soalan ini juga telah membangkitkan cara artis kita berpakaian yang dilihat kurang sopan dan agak terlampau sepertimana dilihat dalam Rancangan Hits 1 di RTM baru-baru ini.

RTM sentiasa menyanjung tinggi budaya masyarakat timur yang kaya dengan nilai-nilai murni yang luhur. Bukan sahaja dari aspek kandungan siaran tetapi juga melibatkan penampilan personaliti di kaca TV termasuk aksi dan cara berpakaian. RTM mempunyai kod etika siaran yang meliputi garis panduan membuat persembahan dan panduan berpakaian artis yang tidak boleh keterlaluan, menjolok mata dan kelihatan kurang sopan serta tidak menyalahi undang-undang.

Garis panduan ini sentiasa dipatuhi termasuk memberi taklimat dan peringatan awal kepada artis sebelum menyiarkan persembahan mereka dalam sesuatu rancangan atau siaran. Walaupun dalam era persaingan bidang penyiaran masa kini, RTM tidak boleh terlalu tegas dengan peraturan ini sehingga mengongkang kreativiti mereka berpakaian selagi fesyen pakaian tersebut tidak keterlaluan, tidak melanggar enakmen tiap-tiap negeri dalam soal agama dan tidak melanggar batas kesopanan.

Kita ada terpisah. Nilai yang dibuat oleh parti yang di luar kerajaan adalah terpisah dalam soal ini. Jadi kita tetap berasingan, tidak sama nilainya. Jadi saranan agar RTM menjadi satu...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, mohon laluan.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Ya.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab RTM ini ada dua saluran iaitu RTM1 dan RTM2. Untuk barangkali mengatasi masalah-masalah peranan RTM dari segi pembentukan minda masyarakat dan sebagainya, apakah tidak difikirkan iaitu RTM1 barangkali kita jadikan seperti BBC lebih kepada pembentukan minda, perbincangan dan sebagainya. Mungkin RTM2 itu ada sedikit hiburan.

Saya juga ingin menyatakan di sini iaitu bila bercampur-aduk, saya terkejut baru-baru ini bila melihat Bintang RTM kalau tidak salah saya, rupa-rupanya pemenang juga ditentukan melalui undian SMS. Jadi seolah-olah seperti terikut dengan rancangan TV yang lain. Jadi saya harap kalau boleh, mungkin diberi *value-added* sendiri seperti *'American Idol'*.

Sekarang ini ia ada *percentagenya* iaitu jikalau daripada 70 juta SMS, 50 juta yang pertama itu, 10 sen yang diSMS itu akan dimasukkan dalam tabung khas untuk kebajikan. Keuntungannya ialah RM9 bilion, tetapi bila diambil 10 sen daripada 50 juta SMS yang pertama iaitu sebanyak RM18 juta terkumpul dan diberi kepada orang miskin khususnya di Afrika. Apakah tidak boleh dibuat begitu? Jangan kita terikut sangat seperti sistem di TV swasta.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat kalau Yang Berhormat meneliti melalui siaran RTM1 dan RTM2, apa yang Yang Berhormat anjurkan itu, itulah yang sedang dijalankan di RTM1. Iaitu RTM1 mengutamakan dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.

Dalam pada itu, siaran-siaran yang bertujuan untuk membentuk minda dan perbincangan yang sihat tentang keperibadian Malaysia adalah penuh dengan program umpamanya kita mempunyai Bicara Isu Semasa, Bersama Menteri, Bicara Islam, Bicara Mufti, Fenomena Seni, Anjung Budi dan sebagainya. Sebahagian besar dari program-

program RTM, siaran-siaran langsung menyiarkan ucapan-ucapan ataupun upacara-upacara seumpamanya yang kita siarkan malam tadi, Upacara Hari Belia yang telah kita korbankan berjuta-juta ringgit pada *primetime*, pada waktu yang penting demi untuk kepentingan membentuk keperibadian bangsa.

Jadi itu kalau diperhatikan berapa banyak *percentage* yang kita gunakan untuk menambah ilmu? Dari pagi-pagi lagi kita ada *authoritative*, dengan izin. Untuk orang yang bercakap, kita tidak mengambil sebarang orang agama, tetapi ada pada tiap-tiap pagi. Malangnya barangkali orang tidak melihat. Pagi-pagi kita telah pun mengadakan *nursery rhyme*. Dari pagi sudah ada tentang pembentukan anak-anak. Bangun pagi sebelum pergi sekolah, dengarkan nyanyian ini kepada anak-anak untuk keperibadian mereka sebagai suatu bangsa. Itu pagi-pagi sudah ada seawal pukul 6.30 pagi.

Kemudian pada pukul 6.45 pagi ada Bicara Mufti iaitu tentang mufti dari seluruh negara, pada tiap-tiap hari. Sudah berjalan sejak beberapa bulan, tetapi banyak orang yang tidak tahu. Lihat hanya barangkali syarahan-syarahan agama di tempat lain tetapi kita memanggil orang yang berkuasa, yang *authorities* yang boleh dirujuk. Itu sedang berjalan sekarang dan banyak lagi usaha yang kita jalankan umpamanya apabila kita mengadakan program-program yang serentak apabila berlaku pembunuhan di Palestin. Kita mengadakan pembacaan sajak yang langsung dengan serta-merta kita adakan.

Banyak lagi program yang membawa nilai-nilai dan misi-misi negara yang kita siarkan. Contohnya Deklamasi Angkasapuri setiap tahun kita adakan. Program-program ini penuh dengan program kita sendiri. RTM sedar dalam keadaan menghadapi cabaran daripada TV swasta, daripada Astro, daripada TV-TV yang terpaksa mementingkan komersial, maka kita cuba membangunkan *niche* kita sendiri, audiens kita sendiri. Kalau tidak, kita akan tenggelam dan tidak dapat bersaing. Kita harus membangunkan satu *niche* audiens kita.

Umpamanya saya bagi contoh, yang selalu saya contohkan ialah tentang Radio Klasik. Radio Klasik dahulu ialah Radio Nasional. Tak sampai 200 ribu pendengarnya, tetapi setelah kita ubah, kita menyedari bahawa Radio Klasik tidak mendapat sambutan. Kita tukar dan kita jadikan Radio Klasik menyiarkan lagu-lagu Melayu bukan hanya lagu-lagu Melayu lama, tetapi juga lagu-lagu pop Melayu dan lagu-lagu Melayu yang popular.

Maka daripada 200 ribu pendengar, sekarang kita mempunyai lebih 1 juta pendengar di seluruh negara termasuk orang-orang PAS sendiri dengar, datang beli dan datang minta di pejabat kita, boleh dijual dan dibeli. Jadi kita sudah jelas arah tuju Radio Klasik. Ertinya *niche* penonton-penonton yang selama ini dilupakan dan dilalaikan telah kembali kepada kita lebih 1 juta pendengar. Itu tidak termasuk Sabah dan Sarawak.

Ia kini menjadi suatu siaran radio yang paling popular malah saya boleh katakan Panglima Angkatan Tentera menyatakan kepada saya dalam satu majlis, dia kata ini adalah satu terapi. Terapi yang membangunkan nostalgik kita kepada zaman lalu dan juga kepada zaman kini di mana kita akan menganjurkan Pertandingan Klasik Nasional dan Klasik Nusantara yang akan diadakan dalam tahun ini juga.

Kemudian selain daripada itu ialah soal SMS. Soal SMS ini ialah soal perimbangan. Perimbangan di mana SMS kita tidak hanya memakaikan semata-mata SMS. Kita memakai juri. SMS itu hanya sebagai satu pemilihan popular tetapi yang kita pakai ialah keputusan yang dibuat oleh juri. Kita tidak pakai SMS. Akan tetapi kalau kita tidak berbuat demikian, kita harus cerdik, harus melihat bagaimana kita dapat mengekalkan populariti kita di samping kita hendak membangunkan diri kita tetapi jangan sampai kita terkesamping daripada arus perdana.

Ini yang telah berlaku kepada RTM1. Kita hendak siarkan agama banyak-banyak, kita hendak siarkan hanya orang Melayu, kita hanya mementingkan *inward looking* kita, maka RTM1 telah menjadi satu siaran yang tidak popular. Itu telah berlaku, dikesampingkan, tidak pernah diperkatakan. Ini adalah hakikat kerana kita seronok sendiri tetapi hakikatnya, akhirnya, maksud kita untuk mempengaruhi suara bangsa yang dapat mempengaruhi seluruh, membentuk belia bangsa, apa gunanya kalau hanya 200 ribu menonton kita, sedangkan radio-radio swasta mempunyai penonton 2 juta, 3 juta yang lebih mantap, yang lebih kuat, yang lebih luas pengaruhnya.

Maka dalam soal ini, kecerdikan dan kebijaksanaan adalah lebih penting daripada hanya kita mementingkan kehendak dan emosi kita. Inilah yang menjadi panduan dan saya rasa RTM cukup sedar terhadap misinya, terhadap matlamatnya, terutama dalam menghadapi cabaran globalisasi yang amat mencabar yang kalau kita silap kita akan tidak didengar langsung. Inilah yang ditakuti.

Inilah umpamanya tadi macam soalan tadi tentang pakaian sukan. Pakaian sukan hanya hendak pakaian sukan cara kita, setakat di Kelantanlah. Apakah nanti anak-anak kita bersukan boleh masuk ke arena antarabangsa? Untuk Islam di Kelantan, boleh. Kalau kita hanya setakat pengaruh untuk Kelantan, tetapi kita hendak jadi orang-orang yang universal, hendak jadi orang global, kita harus bijak dalam soal ini. Tiap-tiap apa juga kehendak kepada hendak mengadakan waktu sembahyang – golongan kanak-kanak ini mengganggu waktu sembahyang – kita hanya memikirkan orang Melayu sahaja dalam negara ini. Kanak-kanak orang bukan Melayu bagaimana?

Kalau kita tidak apalah. Kalau negeri Kelantan itu ia memikirkan ia hanya hendak berkuasa di Kelantan, tetapi yang kita hendak berkuasa di Malaysia untuk selama-lamanya. Pemikiran-pemikiran yang begitu biarlah di negeri itu sahaja. Jangan dicampuradukkan dengan kita. Kita mesti tegas, umpamanya dalam soal tarian. Kita boleh menari. Kita boleh menyanyi. Kalau tidak kenapa UiTM mengadakan kelas Akademi Seni?

Dahulu Tuanku pun menari juga, Tun Razak menari juga, tetapi Hashim Gera apabila menari dalam Parlimen, seorang wakil PAS telah dipecat oleh PAS, tetapi itu bukan nilai kita daripada awal lagi. Itulah Islam Hadhari, Islam yang semasa, Islam yang menilai bagaimana kita dapat hidup dalam satu masyarakat yang terbuka, yang mempunyai maruah, bukan hanya hendak memencilkan diri dengan nilai-nilai kita tersendiri, akhirnya kita dikesampingkan daripada arus perdana. Akhirnya orang-orang kita adalah menjadi orang-orang yang tidak dapat bergaul dengan masyarakat yang luas, tidak dapat bergaul dengan masyarakat yang lain. Itulah Islam Hadhari yang membenarkan perkongsian kuasa daripada awal lagi sebab saya cakap sebab ada...

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Minta laluan.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Dari awal lagi ada perkongsian kuasa. Bukan hari ini boleh bertanding dalam pilihan raya, hari ini wanita boleh bertanding dalam pilihan raya, kemudian tidak boleh bertanding, kemudian boleh bertanding, ini hari tidak boleh menyanyi, besok boleh menyanyi, lusa tidak boleh menyanyi, kita *very consistent*. Jadi ini yang kita harus faham dan saya kata nilai mereka berbeza dengan nilai kita. Jadi kita harus sedar kepada nilai kita yang telah memantapkan dan telah mengangkat maruah kita, maruah orang Islam di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya nyatakan dalam ucapan saya ialah untuk supaya kita melihat nilai-nilai kita sebagai orang Islam dan orang Melayu. Contohnya kalau dalam pakaian sukan yang Yang Berhormat sebutkan.

Maka telah terbukti bahawa seorang atlet dari Qatar telah menunjukkan bahawa berpakaian sukan secara Islam tidak menghalang beliau daripada mendapatkan pingat emas dalam Sukan Asia di Qatar baru-baru ini dan juga dalam hal RTM selaku TV yang seharusnya memaparkan rancangan-rancangan untuk membentuk masyarakat yang lebih berilmu dan supaya tidak ada siaran-siaran yang sepatutnya bercanggah dengan nilai-nilai Islam Hadhari itu sendiri, saya tidak lihat bagaimana Hitz1 itu sesuai dengan Islam Hadhari.

Saya juga melihat RTM2 contohnya, terlalu banyak menyiarkan siaran-siaran yang bukan dalam bahasa Melayu. Saya tidak lihat mengapa dan apakah rasionalnya RTM2 tidak menyiarkan lebih banyak rancangan-rancangan dalam bahasa Melayu dan saya berharap pihak RTM ataupun pihak menteri sendiri janganlah merasakan bahawa apa-apa pandangan yang kami berikan itu hanya untuk negeri Kelantan sebab kami juga bercita-cita satu hari nanti untuk memerintah Malaysia, insya-Allah

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Saya tidak dapat mencegah untuk Yang Berhormat bermimpi. Itu hak untuk bermimpi bagi sesiapa pun, tetapi kalau dengan

pandangan-pandangan yang seumpama itu, yang tidak dapat melihat apakah jalan tengah yang diambil oleh RTM, maka itu adalah kegagalan untuk melihat kelemahan diri sendiri. Itu masalah yang dihadapi. RTM2 adalah RTM yang lebih membantu anak-anak mempelajari bahasa Inggeris dan sebagainya sebab bahasa Inggeris tidak boleh dinafikan...

Puan Mumtaz binti Md Naw: Boleh saya minta laluan?

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Nanti sekejap ya. Demikian juga, kita bukan mengorbankan. Kalau kita memakai dasar yang terlalu keras, akhirnya orang akan menolak kita, hanya kita kekal di Kelantan sahaja.

Kecuali kalau parti Yang Berhormat meninggalkan pemikiran-pemikiran yang sempit, yang hanya melihat cara orang Melayu di Kelantan, maka saya percaya parti Yang Berhormat akan dapat menguasai. Akan tetapi kalau tidak, minta maaf. Saya ingat bolehlah terus bermimpi dan akhirnya hanya sekarang PAS pun sakaratul maut sahaja, hanya menunggu masa untuk lenyap di Kelantan. Itu yang saya difahamkan sebab orang muda tidak dapat terima. Ya, sila.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat. Soal yang kita perbincangkan tadi tentang pakaian wanita, kod etika wanita yang memakai pakaian cara Islam untuk bersukan ialah perkara ini dulu kita tidak pernah timbulkan.

Sekarang kita timbulkan kerana kita melihat dalam prinsip Islam Hadhari yang sepuluh itu ada hak untuk menghormati wanita. Semalam jawapan yang diberikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan pakaian yang boleh dipakai oleh wanita Islam juga menyebut tentang Surah An-Nur, ayat 31 yang menerangkan tentang kod etika pakaian wanita Islam.

Jadi berdasarkan kepada ini, yang saya minta kepada kerajaan ialah untuk memberi hak kepada seorang wanita Islam untuk memilih cara pakaian sukan yang beliau gemari dan kita tidak berniat untuk memaksa kerana kita telah buat di negeri Kelantan baru-baru ini, bila kita buat Sukan Nisa' dan kita dapati sambutan lebih daripada 1,000 orang remaja. Walaupun perkara ini mungkin di peringkat Pusat melihat ia satu benda yang tidak baik, tetapi bagi saya sebagai seorang wanita Islam, kita seharusnya diberi hak untuk memilih pakaian mana yang kita hendak pakai.

Jadi, kalau kerajaan memberi sedikit kelonggaran untuk membenarkan atlet wanita Islam memakai pakaian cara Islam dan tidak memaksa kepada orang lain untuk pakai pakaian yang sama, adakah perkara ini salah? Saya minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Saya tidak mengatakan salah, tetapi itu terserahlah kalau negeri Kelantan hendak buat, tetapi kita memikirkan kalau kita mengadakan satu etika pakaian yang umum, kita tidak memikirkan hanya orang Melayu tetapi bagi semua orang.

Terserah kepada orang Melayu, kalau dia tidak mahu pakai, dia tidak pakailah. Kita tidak memaksa, tetapi soal yang saya kadang-kadang bila kita buat di Malaysia, kalau Mawi ataupun Siti Nurhaliza di luar Kelantan, bukan Islam. Akan tetapi bila pergi Kelantan, Islam. Semua sudah jadi Islam seolah-olah di Kelantanlah yang mempelopori, tetapi sebenarnya kita daripada awal lagi, kita ada P. Ramlee, kita tidak mengharamkan P. Ramlee.

Akan tetapi di Kelantan dahulu, konsert tidak boleh. Budak-budak UiTM di Terengganu mengadakan tunjuk perasaan di UiTM kerana mengadakan konsert. Budak-budak UiTM mengadakan konsert. Bukan konsert yang haram pun, yang biasa sahaja. Namun sekarang sudah berubah. Mawi boleh, Siti Nurhaliza boleh, tidak ada konsisten dalam pegangan dasar. Ini masalah yang kita mesti...

Puan Wan Ubaidah binti Omar: [Bangun]

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Saya ingat tidak payahlah, panjang ni. Kita mesti konsisten, mesti tahu, dapat melihat tidak hanya menilai ikut sentimen politik. Bila

sudah nampak kemaraan liberalisme yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat, maka kita pun merasakan perlu, "Oh, sekarang kita juga perlu menggunakan Mawi. Oh, sekarang kita juga perlu gunakan Siti Nurhaliza." Kalau dahulu tidak boleh. Di mana ada konsisten? Tidak ada konsistensi...

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Sedikit sahaja laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya perlu perelaskan mengenai dengan konsert. Bagaimana konsert dilakukan di negeri Kelantan di mana anak-anak wanita, anak-anak lelaki dipisahkan di dalam stadium yang begitu besar dan bagi konsert wanita diadakan khas dalam tempat yang tertutup, hanya untuk wanita sahaja. Bukan kita menghalalkan yang haram tetapi kita melaksanakan perkara ini dalam tempat yang sesuai dengan kehendak Islam itu sendiri.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Inilah masalahnya. Seolah-olah bila negeri kita buat, PAS buat, orang lain tidak buat, padahal di negeri lain pun orang buat juga. Saya baru pergi ke majlis konsert diraja di Kedah dan di Perlis, duduk juga lelaki dan perempuan berasingan tetapi kita tidak kata, "Ha, ini Islam untuk politik". Kita tidak ada.

Kita tak jual benda-benda ini untuk politik. Tak ada. Kita buat bukan untuk politik tapi kerana kepercayaan. Ini yang harus kita lihat. Kita adalah tegas. Dasar kita memang sudah ada, jadi kita hanya menjalankan apa yang telah kita tetapkan tanpa mempunyai, umpamanya katalah saya tengok dengan mata kepala saya sendiri *just* untuk membuka mata. Di Kelantan buat konsert perempuan dengan perempuan, lelaki dengan lelaki, tapi dia buat pameran perniagaan di Dungun saya pergilah, pameran perniagaan di padang di Dungun. Macam mana hendak buat?

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Pameran Islam, perniagaan PAS di Dungun saya pergi sendiri. Bercampur, kawallah. Kita buat perkara yang logik, yang munasabah yang boleh diterima akal. Kita tidak membuat sesuatu yang tidak logik dan semasa. Itulah Islam Hadhari, Islam yang semasa terutamanya pendekatan Islam dalam Islam Hadhari akan membuktikan bahawa ajaran Islam dapat mendorong penganutnya menjadi umat yang maju bagi mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat.

Pendekatan Islam Hadhari memberi penekanan kepada aspek pembangunan dan pembinaan peradaban yang berdasarkan pandangan semesta islamik *world view* dengan memberi tumpuan kepada usaha mempertingkatkan mutu kehidupan melalui penguasaan ilmu. Pendekatan Islam Hadhari adalah untuk membuktikan keupayaan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh yang sentiasa mengamalkan prinsip kesederhanaan.

Ini yang kita banyak hal, yang menyebabkan kita berada dan saya ingat untuk itu Pak Lah adalah satu contoh yang cukup melihat bahawa itu adalah Islam Hadhari yang kita kehendaki, yang boleh hidup, yang boleh memahami Islam dan juga memahami kehendak-kehendak sebagai sebuah negara yang pelbagai bangsa. Itulah saya ingat saya telah jawab apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir mengenai peratusan sebanyak 60% bagi rancangan disiarkan oleh stesen TV yang sepatutnya diperuntukkan dalam Bahasa Kebangsaan, iaitu bahasa Malaysia dan rancangan import dari Korea dan Jepun yang dikatakan terlalu banyak disiarkan di kaca televisyen. Terlebih dahulu saya ingin membuat sedikit pembetulan terhadap perkara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebenarnya yang dimaksudkan dengan 60% itu ialah kandungan tempatan atau *local content*, dengan izin di mana penerbitan yang dibuat di Malaysia sama ada dalam bahasa Malaysia, Cina dan Tamil dengan mengambil kira aspek penggambaran, pelakon dan tenaga kerja yang berasal daripada penerbitan tempatan. *Content* 60%. Bahasa Malaysia sememangnya menjadi bahasa utama bagi siaran RTM1 sekitar 91.43% di samping 8.76% dalam bahasa Inggeris. Itu bagi RTM1.

Di RTM2 pula bahasa Malaysia masih digunakan sebanyak 22% di samping fokusnya terhadap bahasa lain termasuk Inggeris sebanyak 25%, Mandarin dan Kantonis sebanyak 19%, Tamil sebanyak 10% dan Hindi sebanyak 30.6%. Rancangan dalam bahasa asing ini termasuklah bagi berita dan beberapa rancangan lain seperti Bicarawara, dokumentari, majalah, filem, drama dan hiburan.

Pembahagian rancangan mengikut bahasa ini mengambil kira faktor masyarakat majmuk di Malaysia di samping rancangan-rancangan dari luar yang diterbitkan dalam bahasa Inggeris atau bahasa negara berkenaan. Adalah tidak benar RTM terlalu banyak menyiarkan rancangan diimport dari Korea dan Jepun kerana terdapat juga filem atau rancangan dalam bahasa Tamil dan Hindi yang diimport dari India di samping Indonesia, China, Filipina dan lain-lain.

Namun satu perkara yang kita harus ingat iaitu kebanyakan siaran-siaran televisyen kita menyiarkan banyak... [*Masalah pembesar suara*] ...dan sebagainya, tapi kita harus sedar bahawa budaya filem-filem Asia telah mengambil tempat filem-filem Inggeris sekarang, baik dari China, dari Korea, dari negara Asia. Ini adalah juga sesuatu yang saya kira baik untuk kita lebih memahami budaya Asia daripada hanya melihat daripada yang datang daripada barat.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, saranan dan teguran mengenai hal-hal yang berkaitan dengan Kementerian Penerangan...

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yang Berhormat, mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi laluan. Isu tentang dasar negara amat penting. Kalau dilihat rata-rata di dunia Kementerian Penerangan mempunyai kuasa dan diberi amanah oleh negara-negara asing untuk menjalankan dasar-dasar kerajaan, untuk sampai ke peringkat bawah untuk keamanan dan untuk kestabilan negara. Mesej kerajaan amat penting.

Di sini saya lihat peranan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi khususnya dari segi komunikasi kurang berkesan kerana mungkin beban tugas kementerian tersebut yang begitu banyak dan berat dan tidak ada fokus. Kalau dilihat masalah air, masalah sumber tenaga juga banyak dan di sini saya juga sering bangkitkan kerana Kementerian Penerangan adalah merupakan tunggak kepada sesuatu perkara dari segi keselamatannya, dari segi penyebaran agenda yang positif untuk rakyat.

Apakah pandangan Yang Berhormat dari segi pengawalan, yang pada pandangan saya tentang komunikasi media cetak dan media elektronik khususnya, tidak berkesan. Saya juga ingin mendapat pandangan Yang Berhormat, kadang-kadang yang diamanahkan oleh kerajaan terlalu berat tetapi tidak ada kawalan dan menyebabkan isu-isu yang berleluasa sekarang ini kelihatan seperti tidak terkawal.

Apakah boleh, oleh kerana satu ketika dahulu, kuasa komunikasi ini berada di tangan Kementerian Penerangan dan cubalah justifikasikan kerana telah kelihatan prestasi yang diberikan kepada kementerian yang berkenaan dengan tanggungjawab yang begitu berat. Jadi tidak ada fokus untuk melaksanakan dasar-dasar yang penting yang diperuntukkan oleh sebuah kerajaan untuk disampaikan kepada rakyat.

Kalau boleh saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Menteri, apakah kerana terlalu banyak justifikasi boleh kita lontarkan bagi membolehkan kementerian yang begitu penting bukan sahaja - untuk contohnya, di negara-negara luar perlu dikembalikan kepada Kementerian Penerangan. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Saya menghormati apa yang diberikan kepada saya, tapi dalam pada itu kita harus sedar bahawa perkara ini telah pun diputuskan kerana adanya *convergence* antara tugas Kementerian Penerangan dan juga Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

Sekarang masalahnya penguatkuasaan terhadap media ini tidak hanya bergantung kepada soal sekadar hanya penerbitan ataupun program-program tertentu, tapi juga ia melibatkan multimedia dari segi elektronik dan sebagainya yang juga bukan di bawah penguasaan Kementerian Penerangan. Jadi keadaan menjadi semakin *complicated* dengan peluasan terhadap *website* dan pelbagai lagi teknologi baru dalam industri media.

Jadi dalam soal ini maka telah ditentukan sejak dari zaman Tun Dr. Mahathir lagi maka kuasa ini harus diserahkan kepada... [*Masalah pembesar suara*] ...maka sebagai jalan penyelesaian seperti yang saya terangkan tadi, iaitu kerajaan telah menggantikan dengan satu pembentukan jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri untuk menangani masalah-masalah yang timbul. Namun begitu, masalah-masalah yang timbul itu saya kata bergantung kepada bantahan dan juga teguran orang ramai.

Kementerian akan tetap - kadang-kadang kalau ada perkara-perkara yang dibangkitkan kepada Kementerian Penerangan tidak bererti Kementerian Penerangan tidak menyampaikannya kepada pihak Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Saya akan sampaikan kalau ada tapi mesti disampaikan jangan hanya sekadar kita tidak bertindak atau hanya menyampaikan secara umum.

Dalam pada itu mereka sensitif umpamanya macam isu yang saya katakan tadi iaitu tentang program *Sensasi* itu. Kita ada *Fenomena Seni* tapi bila kita buat *Fenomena Seni*, jadi TV stesen yang lain hendak bersaing dengan kita dia telah membuat *Sensasi*. Bila *Sensasi* mereka telah menyatakan sesuatu terhadap Siti Khatijah, kalau siapa yang tengok program itu.

Maka itu saya rasa kementerian yang berkenaan adalah sensitif. Maka itulah kita telah mengambil keputusan untuk gam artis ini untuk setahun, selama setahun. Jadi, dalam soal ini saya menghormati tindakan dan pandangan Yang Berhormat maka terserahlah kepada pihak kerajaan untuk mempertimbangkannya. Terima kasih banyak.

Jadi, saya ingat saya telah menjawab semuanya dan saya sekali lagi berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, saranan dan teguran mengenai hal-hal yang berkaitan dengan Kementerian Penerangan semasa perbahasan Titah Ucapan Diraja 2007. Semua pandangan, saranan dan teguran akan diberikan perhatian sewajarnya oleh warga kementerian ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Wilayah Persekutuan.

5.41 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mewakili pihak Kementerian Wilayah Persekutuan merakamkan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan semasa Perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke Atas Titah Ucapan Diraja. Izinkan saya memberi penjelasan terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar telah mempersoalkan tentang pembinaan tandas awam berciri istimewa iaitu *Automatic Strict Toilet (AST)* yang bernilai RM400,000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tandas mencerminkan tahap pembangunan sesebuah negara. Kesempurnaan kualiti dan piawai penyelenggaraan tandas awam yang disediakan adalah *benchmark infrastructure* sesebuah negara maju. Kawasan Kuala Lumpur adalah untuk menjadi sebuah bandar raya bertaraf dunia. Bagi tujuan ini, Kuala Lumpur wajar memastikan tandas-tandas awam yang disediakan memenuhi keperluan dalam mempertingkatkan kualiti hidup penduduk serta imej sebagai sebuah bandar raya.

Pada masa kini, kemudahan tandas yang berkualiti dan bersih merupakan satu kelebihan persaingan iaitu *competitive edge* dengan izin, di mana-mana negara yang

terlibat dalam industri pelancongan. Tandas awam juga merupakan *the first and the often the last thing impression of the city* dengan izin, untuk para pelancong asing. Pembinaan AST di kawasan Bukit Bintang, Kuala Lumpur dan di kawasan-kawasan tumpuan pelancongan bertujuan supaya Kuala Lumpur lebih bersedia menyambut kedatangan para pelancong dari dalam dan luar negara sempena Tahun Melawat Malaysia 2007.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos RM400,000 ini untuk membina AST ini adalah berdasarkan ciri-ciri istimewa yang dimiliki iaitu seperti berikut:

- (i) boleh digunakan oleh OKU;
- (ii) *automatic seat cleaner* untuk jenis *sitting* dan *sensors activated fraught in any change station and waiting seat*;
- (iii) *hand free* pili air dan alat pengering tangan;
- (iv) *high tech sliding door*;
- (v) penghawa dingin;
- (vi) *coin collection machine*; dan
- (vii) kerja kemasan bermutu tinggi.

Secara amnya kos pembinaan AST ini adalah berpatutan oleh kerana selain dari dilengkapi dengan ciri-ciri istimewa, kos ini juga meliputi kerja-kerja penyelenggaraan yang agak tinggi termasuk kos penyelenggaraan peralatan elektronik dan alat ganti bagi AST dan perkhidmatan *janitor* serta bil-bil *utility* bagi tempoh tiga tahun yang akan datang dan ini akan mengurangkan kos kepada DBKL...

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Yang Berhormat, boleh bagi laluan?

Tuan Yew Teong Look: Silakan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Tuan Yew Teong Look. Saya hendak tanya tandas awam bernilai RM400,000 ini yang sering diperdebatkan, katanya mahal.

Yang pertama sekali, tandas ini ada bilik tidur ke? Ada *air cond* tadi saya dengar tu. Boleh tidur ke di bilik air ini? Lepas itu ada bilik persalinan ke? Ini bubuh *air cond* ini, apa pasal taruk *air cond*? Nak bagi sejuk ke nak bagi seronok?

Yang keduanya saya nak tanya juga pembinaan ini, adakah ianya dipersetujui oleh Kabinet kerana tadi disebut untuk tujuan pelancongan? Mesti dipersetujui. Bolehkah Yang Berhormat bagi tahu saya, adakah kos RM400,000 ini kalau dibandingkan dengan tandas yang serupa ini di luar negeri, adakah tandas kita lebih mahal atau lebih murah? Terima kasih.

Tuan Yew Teong Look: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan, kawan baik saya [*Ketawa*] Memang tandas-tandas yang saya sebutkan ini adalah AST yang berciri istimewa seperti yang telah saya sebutkan tadi. Memanglah tandas itu dibina oleh DBKL, supaya imej bandar raya dijaga.

Untuk kos pembinaannya memang ada perbandingan sebelum keputusan ini dibuat. Memang kajian secara perbandingan ataupun *competitive study* telah pun dilaksanakan oleh DBKL, agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terhadap keteknologian dan kos pembangunan yang dijalankan oleh Tetuan Govan Huan. Govan Huan adalah satu-satunya sahaja syarikat di Malaysia yang mampu membiayai kos dan mempunyai teknologi untuk membina tandas AST di negara ini...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, laluan Yang Berhormat.

Tuan Yew Teong Look: Sila tunggu, saya habiskan perenggan ini. Perbandingan ini telah dijalankan dengan negara-negara maju seperti Australia, Jerman, New Zealand, Amerika Syarikat, Perancis, Jepun, China dan Rusia. Sila.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, saya cuma nak tanya sahaja sebab saya tak pernah masuk tandas tersebut. Tandas tersebut dia ada lagu semua ke, macam karaoke itu?

Tuan Yew Teong Look: Sebenarnya saya pun tak pernah masuk [*Ketawa*] Walaupun saya ada di Kuala Lumpur, tapi saya difahamkan memang ada *soft music* lah dan memang ada *janitor* menjaga kebersihan dan *air cond* dan segala dan kos penyelenggaraan adalah di bawah kontrak untuk selama tiga tahun dan dijaga oleh kontraktor tersebut...

Dato' Omar bin Faudzar: [*Bangun*]

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: [*Bangun*]

Tuan Yew Teong Look: Maksudnya, dalam tempoh tiga tahun ini DBKL tak perlu menanggung apa-apa kos, dan juga ada kutipan atau caj iaitu sebanyak RM0.20 sekali masuk sempena Tahun Melawat Malaysia sahaja. Caj sebanyak RM0.20 ini akan dikaji semula setelah Tahun Melawat Malaysia...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sekali kutipan sebanyak RM0.20. Berapa puluh tahun baru nak balik modal Yang Berhormat? RM400,000 dan dari segi pandangan Yang Berhormatlah, bukankah ini satu pembaziran? Terima kasih.

Tuan Yew Teong Look: Jikalau kita hendak menjaga imej negara atau hendak menuju status sebuah bandar raya bertaraf dunia, imej mesti diutamakan. Kita tidak boleh mengira kos, berapa pulangnya atas kutipan caj sebanyak RM0.20 ini. Itu mesti diambil kira sebagai berhasrat menuju untuk menjadi bandar raya bertaraf dunia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat...

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, minta laluan ya.

Tuan Yew Teong Look: Okey.

Dato' Omar bin Faudzar: Sebab ini soalan saya, jadi saya nak kena tambah balikkah. Yang Berhormat mengatakan sebab kita nak jagakan imej dan tandas pintar yang Yang Berhormat maksudkan ialah segala-galanya adalah sistematik. Kita tak payah kalau kita pergi *toilet*, kita tak payah *flush* ya. Betul ya?

Tuan Yew Teong Look: Betul. Automatik.

Dato' Omar bin Faudzar: Itu satu daripada fakta yang kita bercakap tentang kebersihan *toilet*, tapi dari segi *flooring* Yang Berhormat ya, kalau saya masuk dengan selut, saya buang sampah di situ, tak ada sistem automatik yang boleh membersihkan lantai. Jadi kita belanja kepada satu bahagian sahaja tapi di satu bahagian lagi kita tak tengok sama ada boleh bersih secara automatik atau tidak. Kita masih memerlukan tenaga manusia untuk membersihkan lantai.

Jadi, kalau begitulah Yang Berhormat, lebih baik saya belanjakan satu tandas dengan harga cuma sebanyak RM50,000 ataupun kurang daripada RM50,000 tapi saya gunakan tenaga pekerja untuk membersihkan. Tak perlu saya belanja sebanyak RM400,000 seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Musa tadi.

Kalau saya kira, satu hari seribu orang masuk ke dalam *toilet*, dengan harga RM0.20, ia akan mengambil masa selama lebih kurang 5.9 tahun untuk mendapat balik modal yang kita *invest* ya. Itu pun tidak termasuk baiki semula kalau termasuk itu mungkin 10 tahun baru kita dapat balik.

Tuan Yew Teong Look: Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat. Sebenarnya tandas ini memang ada dijaga oleh kontraktor. Ini di bawah kontrak iaitu selama tiga tahun seperti yang saya katakan untuk menjaga kebersihan. Jikalau mengikut maklumat yang dikemukakan kepada kementerian saya, untuk menjaga sebuah tandas biasa atau tandas seperti ini termasuk kos penyelenggaraan dan bil-bil utiliti maksudnya *electricity*, *water* dan lain-lain, kos penyelenggaraannya mungkin boleh sampai sebanyak RM5,000 sebulan.

Oleh itu AST ini adalah di bawah kontraktor yang menjaganya selama tiga tahun. Kalau kita ambil RM1,000 sebulan kali 36 bulan maksudnya kos penyelenggaraan itu bukan sangat tinggilah. Lagipun perbandingan telah dibuat dengan negara-negara lain. Saya bagi sedikit maklumat seperti di Australia satu tandas seperti ini dalam aspek kurang sedikit juga dia kena belanja RM444,000, untuk Jerman RM450,000, untuk New Zealand RM630,000, USA RM1 juta, Perancis RM750,000, China RM370,000 dan sebagainya.

Oleh itu dikatakan tandas yang disediakan oleh DBKL itu kalau dengan perbandingan ini bukan sangat tinggi dan boleh di...

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin bertanya tadi Yang Berhormat sebut bahawa sebenarnya pembinaan tandas ini kerana hendak menjaga imej negara lebih kurang begitulah ataupun imej DBKL. Adakah menjaga imej DBKL ini lebih baik dengan pembinaan tandas yang sebuah berharga RM400,000 ataupun kita mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku ini? Terima kasih.

Tuan Yew Teong Look: Memanglah imej bandar raya mesti dijaga keseluruhannya. Tandas adalah satu-satunya yang mesti ditimbangkan secara serius, itu sahaja...

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Laluan. Yang Berhormat saya tadi dengar ramai rakan sudah bercakap tadi mengenai tandas yang RM400,000 ini. Tidakkah Kementerian terfikir bahawa dengan tandas RM400,000 itu lebih baik kita mendidik orang-orang kita daripada *civic minded* dengan izin, sebab kadang-kadang kalau RM400,000 kalau tidak reti pakai tandas satu hal juga, hendak masuk kat mana picit kat mana, kemudian satu sahaja tandas bukan semua.

Kalau hendak tukar imej *the whole of* Malaysia tukar imej barangkali boleh diajar. Saya rasa duit RM400,000 itu kalau digunakan untuk memberi pelajaran kepada mereka ini, bagaimana hendak menggunakan tandas lebih baik daripada mengeluarkan wang RM400,000 membina satu buah tandas. Terima kasih.

Tuan Yew Teong Look: Terima kasih pandangan Yang Berhormat, memang saya setuju tetapi ini langkah mesti berjalan serentaklah. Jangan sebab ada pandangan ini kita tidak membina tandas. Dalam perancangan DBKL memang sebanyak 22 tandas akan dibina di seluruh pusat bandar Kuala Lumpur. Semua kontrak sudah diberikan dan ini memanglah satu langkah untuk menjaga imej bandar raya yang merujuk kepada bandar raya yang bertaraf dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Chong Meng pula telah membangkitkan isu berkenaan kehadiran peniaga warga asing di tapak penjaja Jalan Petaling yang mana telah menjejaskan imej kawasan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tapak penjaja Jalan Petaling telah dinaiktarafkan dan diperindah bagi tujuan untuk keselesaan peniaga dan pengunjung. Secara tidak langsung ia juga merupakan salah satu tempat tumpuan pelancong sama ada dalam atau luar negeri yang terkenal dan dengan ini akan mencerminkan imej negara. Oleh yang demikian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur iaitu agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan tidak membenarkan peniaga menggunakan khidmat pekerja warga asing di sini.

Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Minta laluan. Yang Berhormat tadi saya bangkitkan bukanlah pembantu kepada penjaja tetapi pekerja asing tanpa izin telah berniaga di Petaling Street tanpa lesen. Jika kita pergi ke Jalan Petaling, kita lihat bukan orang Malaysia buat *business*, tetapi orang asing dari Bangladesh, dari Myanmar berniaga di situ tanpa lesen.

Mereka juga telah mencerobohi kawasan lain, dari Petaling Street kepada Jalan Sultan. Jadi ini akan menimbulkan masalah kerana Jalan Petaling telah dipertingkatkan dengan imej yang baik tetapi di Jalan Sultan, di sebelah jalan itu ramai penjaja bergerak di

situ tanpa lesen ini menimbulkan masalah kerana para peniaga, pekedai selalu membuat aduan kepada saya bahawa ini perlu diselesaikan. Sekian.

Tuan Yew Teong Look: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Chong Meng. Sebenarnya DBKL sedar akan kewujudan gerai-gerai di tapak penjaja Jalan Petaling yang menggunakan pembantu daripada kalangan warga asing terutamanya dari warganegara Myanmar, Bangladesh, China dan Nepal. Oleh demikian, DBKL telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menangani masalah ini seperti berikut iaitu:

- (i) DBKL telah memanggil semua 773 peniaga dan menjelaskan peraturan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pelesen termasuk menggunakan pembantu warga asing;
- (ii) DBKL telah bekerjasama sepenuhnya dengan Persatuan Penjaja Jalan Petaling dan membuat pemantauan secara berterusan;
- (iii) DBKL telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan notis kompaun kepada mereka yang menggunakan pembantu warga negara asing serta tindakan sita ke atas lot-lot yang dijalankan oleh warganegara asing; dan
- (iv) pihak DBKL akan sentiasa membuat pemantauan dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sepanjang tempoh tahun 2006, sebanyak 32,000 kes telah diambil tindakan dan untuk tahun 2007 dari Januari sehingga Mei sebanyak 10,000 kes telah diambil tindakan. Bilangannya agak banyak dan tindakan ini memang juga melibatkan penglibatan warga asing di Jalan Petaling.

Tambahan pula tentang persoalan di Jalan Sultan, DBKL sekarang memang sudah mengambil tindakan yang tegas supaya penjaja-penjaja yang bilangannya sejumlah 773 orang sahaja dibenarkan di Petaling Street. Jika ada sesiapa yang hendak berniaga di Jalan Sultan memang tindakan tegas akan dijalankan oleh DBKL.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah yang dapat saya perjelaskan terhadap isu-isu yang dibangkitkan. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Kementerian Pelancongan.

5.49 ptg.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pelancongan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah bersama-sama membahaskan perkara-perkara mengenai kementerian serta memberikan pandangan dan cadangan yang amat berguna dalam memajukan industri pelancongan negara.

Saya percaya segala pandangan dan cadangan yang diberikan oleh Ahli Dewan yang mulia ini dapat membantu kementerian di dalam melaksanakan Misi Nasional ke arah mencapai wawasan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir bertanyakan mengapa Kementerian Pelancongan mesti membawa konsultan daripada luar negara bagi menganjurkan Majlis Pelancaran Citra Warna Malaysia Tahun 2007.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan melalui agensinya telah berunding dengan agensi konsultan dari luar negara iaitu syarikat *Media Services Travel Pvt Ltd* dengan kerjasama syarikat tempatan iaitu AD Suria Sdn Bhd. serta syarikat pembekal tempatan untuk melaksanakan Majlis Pelancaran Citrawarna Malaysia tahun 2007.

Penggunaan kepakaran asing ini adalah untuk memberi nafas baru pada persembahan Citrawarna Malaysia yang telah memasuki tahun ke-9 penganjurannya. Jururunding atau konsultan ini mempunyai kepakaran dalam melaksanakan program yang besar dan berjaya seperti Majlis Pembukaan dan Penutupan Sukan Asia Doha 2007, Majlis Pembukaan dan Penutupan Sukan Olimpik Sydney dan Sukan Komanwel serta banyak lagi acara besar yang mendapat liputan di seluruh dunia.

Sehubungan itu, kementerian ini percaya dengan kepakaran yang dimiliki oleh kumpulan ini dan persembahan yang masih melibatkan elemen kebudayaan tempatan. Persembahan ini akan menjadi lebih menarik dan penggunaan kepakaran tersebut juga serta pemindahan teknologi akan dapat dimanfaatkan oleh syarikat tempatan pada masa hadapan.

Penggunaan teknologi dan peralatan canggih ini dapat menambahbaikkan persembahan yang cuba ditunjukkan oleh peserta kebudayaan tersebut. Secara tidak langsung wakil-wakil media asing pembeli pakej Citra warna dari luar negara akan terhibur dan dapat berkongsi kebudayaan yang kita tunjukkan pada malam tersebut.

Adalah diharapkan mereka dapat menceritakan pengalaman mereka kepada sahabat handai dan ahli keluarga yang lain dan kembali lagi ke Malaysia pada masa hadapan. Begitu juga dengan stesen televisyen asing yang turut membuat liputan acara ini. Diharapkan persembahan yang menarik telah dapat disiarkan di stesen masing-masing dan secara tidak langsung mempromosikan Malaysia secara percuma.

Ini dapat menjimatkan wang kerajaan sekiranya ingin memberi ruang masa atau *air time* yang tentunya menelan belanja berjuta-juta ringgit. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kumpulan kebudayaan yang akan menjayakan acara ini kelak terdiri daripada kumpulan atau persatuan di Malaysia. Kementerian ini sedia maklum bahawa kebudayaan Malaysia datangnya dari rakyat Malaysia.

Oleh yang demikian, tiada kesatuan atau kumpulan kebudayaan dari luar negara digunakan untuk majlis tersebut. Antara kumpulan kebudayaan negeri yang terlibat adalah Seni Budaya Sabah, Kelab Budaya Borneo, Taman Budaya Terengganu, Kumpulan Kebudayaan Istana Budaya serta Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur.

Selain itu terdapat beberapa kumpulan atau persatuan kebudayaan akan menjayakan segmen berdasarkan etnik seperti Persatuan Siam Kelantan, Kuala Lumpur dan Selangor, *The Temple of Fine Arts* Malaysia, Punjabi Banghra, *Portugis Settlement* dan Kumpulan Sanga Budaya atau Orang Asli.

Komposisi peserta persembahan mengambil kira tema tahun iaitu *Millions of Colors; Millions of Smiles* tanpa menepikan mana-mana kaum di Malaysia. Selain itu, pengisian Citrawarna Malaysia 2007 turut merangkumi persembahan kebudayaan makanan dan kraf di hotel-hotel kompleks membeli-belah dan beberapa tempat tumpuan utama pelancong di sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya.

Aktiviti ini disertai oleh sebelas buah negeri iaitu Terengganu, Sarawak, Johor, Negeri Sembilan, Perak, Kelantan, Kedah, Melaka, Pulau Pinang dan Pahang. Selain itu persembahan kebudayaan dan kraf juga akan dilaksanakan di Sungai Wang Plaza, Bukit Bintang Plaza, Lot 10, Alamanda Putrajaya, Mid Valley City, Taman Warisan Putrajaya, Pasar Seni, Saloma Theater Restoran, Menara Kuala Lumpur, KLIA dan LCCT.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee bertanya mengapa pengiklanan dibuat melalui *sticker* pada badan kapal terbang yang dilihat sebagai tidak menarik. Tuan Yang di-Pertua, pengiklanan telah dibuat melalui penampalan *sticker* pada badan 80 buah pesawat MAS dengan kos berjumlah ringgit RM378,476. Selain daripada itu *Tourism Malaysia* juga telah melaksanakan pengiklanan dengan mengecat sebuah pesawat AirAsia air *craft wrapped around* pada kos RM140 ribu.

Pengiklanan secara air *craft wrapped around* tidak dapat dilaksanakan dengan lebih banyak disebabkan oleh kos pengiklanan yang terlalu tinggi. Di samping itu, pengiklanan juga perlu dilaksanakan melalui media-media lain seperti majalah, akhbar, papan tanda jualan dan banyak lagi di pasaran dalam dan luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee juga bertanya mengapa tidak ditukar tema *Malaysia Truly Asia* kepada Malaysia *Uniquely Malaysia*. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan telah dan sentiasa melipatgandakan usaha dan strategi di dalam program-program promosi yang dijalankan di luar negara untuk meningkatkan jumlah ketibaan dan para pelancong ke negara ini dan seterusnya menggalakkan penerimaan *tourist visit*.

Segala aktiviti promosi yang dijalankan adalah selari di dalam memberi tumpuan kepada promosi imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan unggul dan *value for money* rantau ini menerusi kempen pengiklanan antarabangsa dengan *planning* yang konsisten iaitu *Malaysia Truly Asia*.

Kempen ini menegaskan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang terdiri dari pelbagai kaum, kebudayaan, adat resam dan cara hidup yang berbeza, tetapi dapat menggambarkan satu kehidupan yang aman damai, harmoni dan bersatu padu. *Malaysia Truly Asia* ini juga bermakna para pelancong tidak perlu ke negara-negara Asia yang lain memandangkan Malaysia mempunyai pelbagai produk dan tarikan pelancongan menara yang terdapat di mana-mana Asia yang lain.

Sebagai contoh adat resam dan budaya pelbagai kaum seperti Melayu, Cina dan India yang mendapati Malaysia memaparkan keunikan Malaysia sebagai satu destinasi unggul di rantau ini. Tema Malaysia *Truly Asia* telah diperakui sebagai *tagline* yang berjaya dalam mempromosikan pelancongan Malaysia dibuktikan melalui pelbagai anugerah yang diterima sebagai penggunaan *tagline* ini pada tahun 1999.

Ini termasuklah pengiktirafan Malaysia sebagai destinasi terbaik oleh *Global Travel Award* yang juga telah diletakkan balik sebagai destinasi kedudukan keenam. Di samping itu *tagline Malaysia is Uniquely Malaysia* mungkin kurang sesuai kerana ia mungkin dilihat sebagai meniru usaha Singapura yang menggunakan *tagline Uniquely Singapore*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee juga telah membangkitkan perbezaan jumlah kedatangan pelancong bagi tahun 2006 dan 2007 itu semasa penganjuran Tahun Melawat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sempena Tahun Melawat Malaysia 2007, Kementerian Pelancongan telah mengenal pasti sebanyak 240 acara untuk menarik pelancong masuk ke Malaysia. Acara-acara ini termasuk 50 acara utama yg telah dipromosikan dan diiklankan seawal tahun 2006. Berikutan usaha-usaha promosi yang gigih kementerian ini serta kerjasama yang rapat dari sekitar swasta, ketibaan pelancong telah meningkat dengan kadar yang menggalakkan iaitu sebanyak 9.3% bagi tempoh Januari dan Februari 2007 di banding dengan bulan Januari dan Februari tahun 2006.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir bertanyakan tentang kesahihan angka jumlah kedatangan pelancong ke Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, statistik kemasukan pelancong asing yang diumumkan oleh Kementerian Pelancongan adalah dikumpulkan mengikut definisi yang ditetapkan oleh *World Tourism Organization (WTO)*, iaitu pelancong merujuk kepada rakyat asing yang masuk ke Malaysia bukan untuk tujuan bekerja dan bermalam sekurang-kurangnya semalam.

Sekiranya terdapat pelawat asing yang transit beberapa jam atau kurang daripada satu malam di Malaysia, maka mereka tidak akan diambil kira di dalam kiraan statistik pelancong. Tambahan itu golongan pelawat yang transit di lapangan terbang yang tidak melalui semakan imigresen juga tidak dimasukkan dalam pengiraan bilangan pelancong. Memang angka-angka yang kita ada kita memang dapat daripada Jabatan Imigresen yang memberi angka kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir telah meminta Kementerian Pelancongan...

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, minta laluan. Saya hendak tanya Yang Berhormat, pada bulan Januari pelancong dari Singapura lebih kurang 830,700 orang. Ini pelancong daripada Singapura. Pada bulan Januari yang sama juga, pada tahun 2006, pelancong dari Singapura ialah 791, 897. Ini pelancong dari Singapura dan daripada rekod

yang ditunjuk, ia seolah-olah macam *on the average* pelancong dari Singapura tidak kurang daripada 500,000 setiap bulan.

Ia menampakkan seolah-olah bahawa pelancong-pelancong ini bukanlah pelancong yang bermalam di Malaysia, ia seolah-olah nampak macam, sebab ia punya *figure* itu terlalu dekat setiap bulan. Nampak macam seolah-olah macam dia orang ini adalah *working tourist*, ataupun *daily travelers*. Kalau itu benar, pada tahun 2005 pelancong yang datang ke negara kita adalah sebanyak 16 juta dan pada tahun 2006 ialah sebanyak 17 juta.

Daripada 16 juta itu, 14 juta adalah di kalangan pelancong-pelancong orang-orang Asia dan pada tahun 2006, 15 juta adalah pelancong daripada Asia. Jadi, kalau saya kirakan *on the average*, 500,000, pelancong daripada Singapura bermaksud kata dalam masa setahun lebih kurang enam juta pelancong daripada Singapura. Jadi, hampir setengah daripada pelancong Asia ini adalah daripada Singapura.

Kalaulah benar dia orang ini pelancong-pelancong yang bermalam as a *tourist*, itu memang menguntungkan, tetapi kalaulah dia orang ini sebagai *working tourist* ataupun *daily travelers*, saya rasa ini mungkin tidak mencapai hasrat kerajaan untuk mengaut pendapatan yang disasarkan sebanyak RM44.5 bilion ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya baru membuat penjelasan tadi iaitu *according to the World Tourism Organization (WTO)*, iaitu definisinya ialah pelancong kita merujuk kepada sesiapa yang duduk di negara luar, iaitu sekurang-kurangnya semalam.

Definisi itu memang kita ikut. Apa yang kita ada, angka-angka dari Singapura itu bukan sahaja *residence of Singapore*, bukan sahaja *citizen of Singapore including residence of Singapore*, mana-mana warga negara asing yang duduk di *Singapore* pun kita kira. Angka itu kita dapat daripada Jabatan Imigresen. Memang angka itu betul. Kalau Yang Berhormat tidak percaya Kementerian Pelancongan, Yang Berhormat boleh tanya Jabatan Imigresen. Itu sahaja yang saya hendak beritahu Yang Berhormat.

Memang seperti negara yang lain, bukan sahaja Malaysia, negara yang lain selalunya jiran yang selalu memberi sumbangan yang besar kepada pelancongan. *Every country in the world is the same*, dengan izin. Seperti negara China, *tourist arrival is from Korea, Japan and Russia*. Untuk Thailand memang Malaysia. Untuk Singapura memang Malaysia. *So, I think* ini memang adalah hakikatnya. Kita memang harap dengan usaha kita lebih ramai pelancong asing, *the long haul tourist* akan datang ke Malaysia untuk melancong.

Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir telah meminta Kementerian Pelancongan perlu mengambil satu daya usaha untuk menarik pelancong dari segi sejarah. Kepelbagaian kemahiran pemandu pelancong dan program-program menarik bagi pelancongan. Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Tourism Malaysia telah memperkerusi sejarah Malaysia kepada negara luar, malah terdapat program lawatan khas untuk para pelancong yang khusus meminati sejarah.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kebanyakan program pelancongan bebas akan meliputi tempat-tempat sejarah seperti Bangunan Sultan Abdul Samad, Istana Negara, Dataran Merdeka dan lain-lain lagi. Program lawatan *bas hop on-hop off* turut meliputi kawasan bersejarah tersebut. Selain itu topik sejarah adalah merupakan salah satu daripada sukatan pelajaran yang mana pemandu pelancong perlu mahir sebelum mendapatkan lesen.

Tuan Yang di-Pertua, kini kebanyakan pelancong asing telah membeli atau memilih program pelancongan mereka dahulu sebelum sampai ke Malaysia. Program atau pakej ini adalah diatur terlebih dahulu oleh agensi pelancongan, yang mana menawarkan pelbagai produk pelancongan mengikut kehendak dan kesesuaian pelancong.

Untuk makluman, tahun ini adalah merupakan Tahun Melawat Malaysia 2007, pihak Kementerian Pelancongan telah menyediakan pelbagai program untuk menarik bilangan pelancong. Malah Kementerian Pelancongan telah memilih 50 upacara utama

untuk dipromosikan kepada pelancong. Selain daripada itu produk-produk *niche* seperti menyelam, ikut pelancongan, program *homestay* dan pelbagai lagi telah mendapat tumpuan daripada para pelancong asing.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekali lagi saya ingin merakam ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan dan apa yang saya tidak dapat jawab, saya akan menjawab secara bertulis. Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Akhir sekali saya minta Jabatan Perdana Menteri sebagai kementerian yang bertanggungjawab untuk menggulung perbahasan Titah Diraja dan sekali gus mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri dan yang hadir sendiri untuk menggulung perbahasan... [Disampuk] Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menggulung bagi pihak Jabatan Perdana Menteri. Silakan.

6.18 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Diraja, dan menyentuh perkara-perkara yang berkaitan agama Islam dan sanggup menunggu sehingga ke saat ini untuk mendengar jawapan dalam penggulungan saya dan juga rakan saya selepas ini nanti. Sesungguhnya di Jabatan Perdana Menteri sangat menghargai segala pandangan dan teguran dan juga saranan serta cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Titah Diraja ini ada beberapa isu berkaitan agama Islam yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh itu, izinkan saya untuk menjawab isu-isu yang ditimbulkan, di antaranya Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar. Beliau ingin mengetahui apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan sesuai dengan pendekatan Islam Hadhari untuk mencegah kemungkaran.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) telah, sedang dan akan mengambil langkah-langkah bagi mencegah kemungkaran yang berlaku dalam masyarakat.

Langkah-langkah yang telah diambil ialah dengan mengadakan kempen-kempen kesedaran seperti seminar, kursus, bengkel dan penguatkuasaan undang-undang oleh penguat kuasa jabatan agama Islam negeri-negeri. Langkah-langkah berkenaan telah pun diambil oleh kerajaan sejak dahulu lagi dan sekarang dimantapkan lagi melalui beberapa pendekatan iaitu pendidikan, kegiatan dakwah dan sekiranya memerlukan penguatkuasaan, maka dijalankan penguatkuasaan undang-undang.

Walau bagaimanapun, tugas mencegah kemungkaran adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak, bukan hanya terletak kepada kerajaan sahaja. Pendekatan yang dilaksanakan kerajaan adalah berbentuk mendidik bukan semuanya menghukum. Kesemua langkah yang telah diambil ini adalah selaras dengan pendekatan Islam Hadhari.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar telah mencadangkan agar Majlis Fatwa dan pihak mufti mengeluarkan fatwa mengenai isu-isu berikut:

- (i) orang Islam yang bekerja dengan syarikat Genting dan kilang Carlsberg;
- (ii) isu berkaitan riba dan rasuah; dan
- (iii) etika berpakaian terutamanya golongan lelaki yang memakai subang.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya fatwa akan dikeluarkan jika sesuatu perkara itu tidak jelas hukumnya. Maka sesuatu fatwa akan dikeluarkan mengikut prosedur yang telah ditetapkan melalui muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi hal

ehwal agama Islam. Oleh yang demikian, isu-isu yang telah jelas hukumnya seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tidak perlu kepada suatu fatwa dikeluarkan kerana ia telah jelas kitab-kitab fikah.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee mencadangkan agar Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga hal ehwal Islam dan JAKIM untuk memantau dan memastikan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh mufti-mufti tidak mengelirukan umat Islam di Malaysia. Beliau merujuk kepada kenyataan oleh Mufti Perak berkenaan pengharaman "Jom Heboh" dan kenyataan seorang mufti mengenai Maulidur Rasul adalah bidaah. Beliau seterusnya mencadangkan agar JAKIM diberi lebih kuasa untuk memantau isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau JAKIM sentiasa memantau dari semasa ke semasa kenyataan-kenyataan mufti yang disiarkan oleh media massa supaya tidak mengelirukan umat Islam. Mekanisme pemantauan yang dilaksanakan sehingga kini telah memantau kenyataan-kenyataan segelintir mufti yang boleh dianggap mengelirukan itu dengan di bawa isu-isu tersebut dalam perbincangan jawatankuasa seperti Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir mencadangkan agar kerajaan mewujudkan jawatan Mufti Negara supaya dengan pelantikan ini dapat mengelakkan kekeliruan yang sering wujud dari fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pendapat atau pandangan mufti bukan merupakan fatwa. Fatwa tidak boleh dikeluarkan secara individu, kerana ia mesti dipersetujui dan diputuskan melalui Jawatankuasa Fatwa. Setakat ini tidak timbul kekeliruan terhadap fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh negeri-negeri. Kekeliruan yang timbul hanya merupakan pandangan peribadi segelintir mufti yang dianggap oleh masyarakat awam sebagai fatwa.

Oleh itu cadangan untuk mewujudkan jawatan Mufti Negara tidak perlu setakat ini kerana jawatan dan fungsi mufti serta Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan seperti yang sedia ada telah memadai dan berjalan dengan baik selaras dengan peraturan dan peruntukan undang-undang.

Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawi mencadangkan agar kerajaan mewujudkan jawatan Peguam Syarie Negara, Mufti Negara dan Ketua Hakim Syarie Negara - ada persamaan dengan apa yang telah disebutkan dahulu cuma ada beberapa tambahan di peringkat negara.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak berhasrat buat masa ini untuk mewujudkan Peguam Syarie Negara, Mufti Negara dan Ketua Hakim Syarie Negara. Ini kerana melibatkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, ia boleh dikaji atau diteliti di masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Armani binti Haji Mahiruddin mencadangkan agar bidang kuasa Mahkamah Syariah diperluas dan tidak hanya mengendalikan kes munakahat sahaja malahan kes-kes syariah, hukum-hakam syariah lain, seperti muamalat, inayah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang kuasa yang berjalan dan dilaksanakan oleh Mahkamah Syariah di Malaysia adalah tidak hanya mengendalikan kes-kes munakahat sahaja malah merangkumi bidang kuasa seperti berikut, di antaranya ialah:

- (i) Mal seperti perceraian, harta sepencarian dan lain-lain;
- (ii) pentadbiran agama Islam;
- (iii) jenayah syariah; dan
- (iv) sebahagian bidang kuasa muamalat seperti hibah, wasiat, wakaf dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Armani binti Haji Mahiruddin juga telah mencadangkan agar Mahkamah Syariah ditukar namanya kepada Mahkamah Hadhari. Ini melambangkan

bahawa mahkamah ini juga untuk semua kaum bangsa di Malaysia dan tidak hanya untuk orang Islam sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Jadual Kesembilan, Senarai Kedua, Perlembagaan Persekutuan dan akta ataupun Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri dengan jelas menggunakan Mahkamah Syariah di dalam peruntukan kuasa yang diberikan kepadanya. Setakat ini kerajaan belum bercadang untuk mengubah nama Mahkamah Syariah kepada Mahkamah Hadhari.

Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad ingin mengetahui apakah tindakan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia atau JKSM bagi menyeragamkan undang-undang syariah terutama isu kesukaran penghantaran surat saman kepada pihak-pihak yang berkaitan dalam sesuatu kes terutama yang melibatkan berlainan negeri. Beliau juga merujuk kepada penguatkuasaan perintah nafkah dan perintah tahan gaji yang masih tidak berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menyeragamkan lima undang-undang Islam yang telah dipersetujui melalui Majlis Raja-Raja pada 23 Mac 2002 yang lalu, JKSM telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan arahan amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia untuk diguna pakai oleh Mahkamah Syariah negeri-negeri.

Sejak tahun 2000 sehingga 2006 sebanyak 97 arahan amalan telah dikeluarkan dan pada tahun 2007 ini sebanyak 17 arahan amalan akan dikeluarkan. Arahan amalan tersebut antaranya adalah berkenaan dengan pemakaian 'suluh', etika peguam syarie, saman gantian, Pengendosan ataupun Perakuan Perintah Bersaling dan sebagainya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri yang seragam telah memperuntukkan peruntukan Perintah Bersaling bagi menguatkuasakan perintah termasuk saman, waran dan sebagainya. Berkenaan penguatkuasaan Perintah Nafkah dan Perintah Tahanan Tenaga Pendapatan telah diperuntukkan dalam Akta Perempuan Bersuami dan Kanak-kanak Menguatkuasakan Nafkah 1968 - Semakan 1988 - Akta 356 telah diguna pakai di seluruh negeri-negeri bagi menguatkuasakan perintah tahanan gaji kepada suami yang mempunyai isteri dan anak-anak.

Yang Berhormat Puan Mumtaz...

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf, ada satu soalan saya tidak berjawab dan juga ada satu cadangan saya yang tidak dijawab. Bolehkah saya bertanya di sini?

Soalan yang tidak dijawab itu ialah saya difahamkan ada seorang yang telah meminjam daripada Bank Islam untuk membuat *commercial business* memelihara ikan perhiasan, tetapi jawapan daripada Bank Islam itu adalah perniagaan yang haram tidak boleh dijalankan. Saya hendak tahu sama ada itu haram atau tidak, sebab kita semua ada memelihara ikan di kolam ataupun dalam akuarium di rumah masing-masing pun ramai yang ada.

Yang kedua, saya difahamkan ramai yang menulis surat dan menelefon kepada saya sendiri bahawa banyak kedai-kedai *souvenirs* yang bukan kepunyaan orang-orang Islam telah menjual ayat-ayat Al-Quran tetapi setelah saya selidik, saya cuba panggil JAKIM dan bertanya sama ada akta yang membenarkan mereka menjual ayat-ayat Al-Quran tetapi tidak ada, hanya ada panduan yang mengatakan tidak benar. Selepas itu saya cuba mencari Akta Perdagangan. Akta Perdagangan pun tidak ada yang mana tindakan boleh di ambil ke atas mereka. Terima kasih, Yang Berhormat.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Saya juga memohon laluan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Awak duduklah dulu. Nanti soalan-soalan ini saya tidak terjawab. Terima kasih yang soalan-soalan ataupun beberapa tambahan

soalan yang tidak disediakan di sini yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad.

Di antaranya beliau ingin mendapat penjelasan ataupun kalau hukum itu dikatakan fatwa. Kalau fatwa, jika hendak menjawab dengan senangnya sila rujuk kepada Jawatankuasa Fatwa. Supaya tidak menghampakan Yang Berhormat Senator, untuk pelihara ikan ini saya rasa tidak ada masalah. Pelihara ikan adalah suatu yang baik. Tambahan pula kalau dia hendak buat *business*. Saya rasa mungkin ini kes-kes *isolated* sahaja, individu sahaja yang terus agaknya malas hendak memproses. Jadi katakan haram sahaja.

Sebenarnya dalam agama Islam kita tidak digalakkan sewenang-wenang menggunakan haram, haram, haram ini. Banyak zon-zon yang natural. Natural itu kawasan yang mungkin yang haram pun jelas, banyak yang jelasnya dan yang tidak haram pun banyak yang jelasnya, tetapi zon-zon yang kurang pasti itu saya rasa jangan mudah untuk mengeluarkan pandangan-pandangan individunya.

Sebab itu perlunya ada Jawatankuasa Fatwa. Maknanya zon yang tidak jelas itu. Zon yang jelas, tidak usah tanya Jawatankuasa Fatwa. Dalam buku pun sudah ada banyak. Tentang pakaian katakan, sudah ada dalam surah sebagaimana yang kita bincangkan. Tidak payah buat fatwalah. Zon yang lain pun serupa.

Jadi kes-kes begini saya rasa kita mengharapkan supaya kalau menurut pengajian Islamnya, kalau kita seorang *jurist* ataupun seorang ahli fikah itu, kalau dia cuba mencari jalan bagaimana untuk membolehkan dia adalah benar-benar ahli fikah, tetapi bukanlah mengharuskan semua yang tidak boleh. Janganlah kata, "Oh, menurut kitab yang ada dalam koleksi saya, boleh semuanya."

Ataupun yang tidak jelas itu, katakan sebenarnya dalam perkara ini ada dua pendapat. Dua pendapat semua, jadi susah jugalah. Mana satu yang hendak diikuti? Jadi, saya rasa maknanya saya tidak bersetujulah ikan hiasan dikatakan haram, sedangkan kerajaan menggalakkan supaya peniaga-peniaga berkecimpung dalam bidang ikan hiasan ini. Sudah tentu kita akan dapat memperluaskan bidang tersebut.

Tentang kedai-kedai yang menjual al-Quran dan sebagainya, saya rasa yang ada dalam enakmen sebagaimana yang saya ketahui iaitu menyentuh masalah yang ada kaitannya dengan orang Islam. Itu sudah cukup-cukup jelaslah, maknanya dalam enakmen. Cuma dalam Undang-undang sivil, kalau sekiranya ada menghina. Menghina itu boleh diambil di bawah peruntukan tersebut.

Saya rasa dalam kes tadi tidak timbul masalah, tidak menghina, dia hanyalah menjual sahaja. Saya rasa, itu bagi saya, makna ada ruang di situ. Kita cari dalam undang-undang pun tidak jumpa, jadi saya rasa Datuk Senator tidak usahlah penat-penat di situ. Biar dia juallah saya rasa, bagus juga. Tetapi kalau menghina, di bawah peruntukan itu ada...

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Yang Berhormat, minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat, maksud saya ini ayat-ayat itu seperti Allah, Muhammad, Bismillahir rahmannir rahim, dicampakkan atau diletak di bawah-bawah sahaja. Jadi kemungkinan ia boleh terlengkap atau boleh terlengkap, itu maksud saya. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Itu lain Tuan Yang di-Pertua. Berbezalah kalau macam itu. Ini untuk menghina dan sebagainya di bawah peruntukan tadi. Kalau ada unsur-unsur tadi, saya rasa ada di bawah undang-undang biasa yang boleh diambil tindakan, tetapi kalau setakat yang ditimbulkan tadi, saya rasa kita tidak ada masalah. Boleh saya teruskan?

Puan Mumtaz binti Md Nawli: Minta laluan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey.

Puan Mumtaz binti Md Nawli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa kebanyakan cadangan yang telah dikemukakan oleh rakan-rakan saya termasuk saya sendiri tentang jawatan Mufti Negara ini berpunca

daripada kekeliruan dan kesukaran masyarakat untuk membezakan pada masa bilakah seseorang mufti itu dikatakan mengeluarkan pandangan individunya dan pada masa bilakah pula dia akan mengeluarkan satu fatwa?

Jadi perkara ini saya mungkin memerlukan jawapan yang cukup jelas daripada pihak kerajaan agar rakyat memahami bila had masa seseorang itu akan bercakap dalam konteks individu dan bila pula akan memberi satu jawapan yang berbentuk fatwa supaya dapat diikuti oleh semua orang? Itu yang pertama.

Yang kedua, dari segi sekarang masyarakat banyak masalah. Tiap-tiap hari ada perkara berbeza yang berlaku dan mungkin perkara ini bukanlah jelas sama ada dari segi 'muhakkamat' ataupun 'syubahah'. Maknanya perkara-perkara ini perlu jawapan yang segera. Jadi berapa kerapkah Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bersidang?

Adakah persidangan ini dibuat secara tiga kali setahun macam Parlimen yang ada jadualnya yang boleh kita hantar soalan sebelum jadual persidangan? Atau akan diadakan satu perbincangan apabila ada aduan ataupun kemusykilan yang ditimbulkan oleh masyarakat? Itu yang kedua.

Yang ketiga, berkenaan dengan jawatan Peguam Syarie Negara dan juga Ketua Hakim Syarie Negara. Isu ini mungkin kita boleh lihat berbeza dengan pandangan isu tentang Mufti Negara. Jadi kalau Mufti Negara, mungkin kita ada majlis jawatankuasa yang boleh bersidang dan mengeluarkan fatwa dari semasa ke semasa?

Akan tetapi berbanding dengan jawatan Ketua Hakim Syarie Negara, di bawah artikel kalau tidak silap saya, Artikel 145 di bawah Perlembagaan Negara, menyebutkan bahawa AG ataupun ketua pendakwa di negara kita ini tidak boleh mengeluarkan apa-apa pandangan ataupun pendapat berkenaan kes-kes yang melibatkan syariah.

Jadi ini kita lihat satu *lacuna* yang besar telah pun berlaku. Ada kelompangan di situ tentang siapakah yang harus memberikan keadaan ini? Bila ada pindaan Artikel 121A, di mana sudah diberitahu bahawa mahkamah yang boleh membicarakan tentang hal-hal orang Islam yang berkait dengan perkara-perkara Islam, hanya boleh dibuat di Mahkamah Syariah.

Saya kira perkara ini sudah menjadi wajar kepada kita untuk kita mendapatkan seorang Peguam Syarie Negara yang boleh memberi pandangan sebab kalau fatwa, mungkin satu negara boleh pakai satu fatwa yang sama, senang, tetapi kalau Ketua Peguam Syarie Negara tidak ada, akan berlaku masalah di antara mahkamah-mahkamah kerana yang berkahwin itu bukanlah daripada satu negeri. Kemungkinan orang Kelantan berkahwin dengan orang Johor ataupun orang Negeri Sembilan berkahwin dengan orang Melaka.

Jadi kalau pendapat yang berbeza dari segi Ketua Hakim Syarie ataupun dari segi Peguam Syarie negeri masing-masing, ini mungkin menimbulkan sedikit masalah. Kadang-kadang mungkin masalah lebih besar. Dalam konteks ini, kita lihat banyak perkara-perkara yang telah pun ditimbulkan oleh masyarakat termasuk juga dalam Dewan Negara berkenaan dengan hal-hal antara orang Islam dan bukan Islam.

Pada pandangan saya, pada tahap ini kita sudah pun terlalu amat memerlukan Ketua Hakim Syarie Negara serta Peguam Syarie Negara bagi kita memberikan ruang kepada orang-orang yang benar-benar layak untuk berbicara tentang hal Islam dan juga kepada orang yang benar-benar layak untuk bercakap tentang Mahkamah Sivil.

Jadi dalam konteks ini, saya rasa kerajaan kalau perlu pun buat pindaan Perlembagaan, perlulah buat pindaan. Kalau hendak buat pindaan ini, hendaklah disegerakan demi kita mengelakkan masalah yang lebih besar berlaku pada masa hadapan. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih di atas soalan ataupun pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Saya rasa ada tiga perkara yang telah disebut tadi iaitu yang pertama tentang mufti, mana satu fatwa mana satu pendapat?

Cukup jelas sebenarnya dalam enakmen, seseorang mufti itu apabila dia mengeluarkan pendapat peribadinya ataupun pendapat dengan tidak dibawa berunding

dalam Jawatankuasa Fatwa negeri-negeri, maka itu adalah pendapatnya sahaja. Itu cukup jelas dalam pengamal undang-undang ataupun syariah. Jadi dia mesti, sebab itu saya fikirkan, soal Mufti Negara ini tidak perlu juga. Kalau menurut Perlembagaan dan juga 'Akta Wilayah Persekutuan' dan juga enakmen bahagian negeri-negeri, dia tidak ada kuasa.

Apabila hendak keluaran fatwa, dia kena bawa dalam jawatankuasa. Diputuskan dalam jawatankuasa dan dia hanya mepengerusikan sahaja. Saya rasa baik juga. Maknanya dengan adanya keunikan sebegini, mufti-mufti tidak sewenang-wenangnya mengeluarkan fatwa. Jadi terpaksa dibawa dalam jawatankuasa. Jawatankuasa terdiri daripada pakar-pakar, kalau di peringkat negeri. Kalau di peringkat Persekutuan, Muzakarah Fatwa Kebangsaan di bawah Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam terdiri daripada seluruh mufti-mufti, ada 14 kesemuanya.

Kemudian ada tambahan lagi yang dilantik oleh Agong untuk menjadi ahli yang terdiri dari pakar-pakar dalam bidang-bidang yang tertentu. Jadi, mereka berbincang. Jadi kalau di peringkat Persekutuan, saya rasa Yang Berhormat Senator berperakui tidak perlulah. Maknanya buat masa sekarang tidak perlulah. Jadi untuk hendak membezakan itu kita perlu tulis banyak-banyaklah dalam media massa perlu dijelaskan.

Jadi kalau mufti adalah merupakan pendapat mufti sahaja, kita dapat sebagaimana *learner* ataupun *scholar* yang lain, tetapi kalau sekiranya dibawa dalam Jawatankuasa Fatwa, kemudian diputuskan dalam Jawatankuasa Fatwa, tambahan pula diwartakan, maka sudah jadi kuat kuasa undang-undang ataupun dia hanya putuskan dalam Jawatankuasa Fatwa, tidak bawa dalam Dewan Undangan Negeri ataupun tidak diwartakan, hanya sebagai fatwa ataupun nasihat yang tidak berkuat kuasa. Saya rasa itu perlu diperjelaskan.

Yang kedua, iaitu Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ini, mesyuarat kekerapannya saya rasa kerap juga mesyuarat tetapi kalau sekiranya ada, ia ada mempunyai beberapa mekanisme untuk menggerakkan. Di antaranya kalau sekiranya diminta atau diarahkan oleh Majlis Raja-raja, maka ia kena mesyuarat kalau isu-isu yang besar dan telah berlaku di sepanjang ini.

Banyak diarahkan juga kalau isu yang menyentuh masalah perpaduan umat Islam, soal kafir mengkafir dan sebagainya, diminta supaya dibincangkan dan terpaksa dibincangkan dan *wording* yang telah diputuskan, keputusan yang dipersetujui dalam muzakarah Majlis Fatwa ini kena dibawa ke negeri-negeri kerana kuat kuasa di negeri-negeri dan tidak boleh ubah.

Maknanya *wording* yang diputuskan itu tadi tidak boleh ubah, tetapi kalau sekiranya di atas inisiatif pihak-pihak yang tertentu, misalnya diminta oleh orang ramai ataupun individu-individu yang tertentu ataupun NGOs dan sebagainya, kemudian dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa. Jadi apabila diminta, persetujuan tadi diminta supaya dibincangkan dalam Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri sebab agama adalah kuasa negeri. Jadi ia boleh berubah sedikit sebanyak dan boleh sebenarnya kalau dia tidak mewartakan, tidak menjadi fatwa pun boleh.

Saya rasa jelas sekali bahawa hendaklah diputuskan oleh negeri-negeri, kuasa agama sebagaimana yang ada dalam Perlembagaan adalah kuasa negeri-negeri. Saya rasa mungkin kalau ada banyak masalah, yang itu boleh diminta fatwa tetapi dilihat jugalah. Kalau isu yang sudah jelas, ia tidak dibawa. Sebelum prosesnya, Majlis Muzakarah Fatwa Kebangsaan ini, isu yang dikemukakan itu ditapis oleh panel syariah ataupun panel akidah, kita ada di JAKIM, melalui proses itu.

Panel akidah kalau menyentuh masalah akidah, syariah kalau menyentuh masalah selain daripada akidah. Jadi dibincangkan di situ, disiapkan kertas kerja dan kemudian apabila kertas kerja disiapkan, dibawa dalam Mesyuarat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Jadi saya rasa bolehlah kemukakan ke sana.

Tentang jawatan Ketua Hakim, saya mungkin kata, maknanya buat masa sekarang kerana pengalaman saya apabila tengok penyeragaman ini pun, lima rang undang-undang dibawa. Maknanya sehingga kini terutama di Wilayah Persekutuan terpaksa melalui Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Sebenarnya sesetengah pihak dok ingat ini adalah apabila diluluskan oleh Parlimen, apabila diluluskan oleh Dewan Negara,

maka berkuat kuasa semua sekali, seluruh Malaysia. Sebenarnya tidak. Hanya di Wilayah-wilayah Persekutuan sahaja, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dan negeri-negeri telah pun menyeragamkan.

Kelima-lima ini ada sebahagiannya menyeragamkan. Ada setengah negeri tidak sentuh langsung pun ada. Maknanya itu hak dia. Sebab itulah saya rasa biar dulu, kita tahap demi tahap. Jadi yang ini pun tidak selesai, terus kita *ambitious* hendak apa yang lebih besar lagi, takut nanti diketawakan. Saya mungkin berfikir cara amali sedikit, maknanya kita tahap demi tahap. Maknanya yang ini pun duduk tidak berapa selesai lagi dan dalam penyeragaman keseluruhan ini apabila boleh selesaikan, maka di antara kebbaikannya kita boleh bergerak ke arah apa yang diminta tadi.

Jadi sekarang ini saya tidak mahu lagi perkara itu disebut. Belum sampai masanya. Sekian. Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Seterusnya Yang Berhormat Puan Mumtaz menimbulkan dan mencadangkan agar kerajaan menambah kaunter untuk penagihan zakat. Beliau juga menyarankan agar aplikasi MyKad dan MyKid diperluaskan dengan memasukkan golongan-golongan sasaran yang menerima zakat dimasukkan apabila pembayaran dibuat, maka ianya boleh dikesan secara sistematik.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang dikemukakan agar kerajaan menambah kaunter untuk pengagihan zakat merupakan satu cadangan yang baik dan boleh diperhalusi lagi. Ianya boleh disampaikan kepada negeri-negeri melalui Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji. Ia merupakan agensi pusat dan untuk menyeragamkan atau menyelaraskan dengan pusat-pusat zakat ataupun majlis-majlis agama Islam yang buat pungutan zakat di negeri-negeri.

Berhubung dengan cadangan memasukkan maklumat penerima zakat ke dalam MyKad dan juga MyKid adalah lebih bersifat teori perlu diperhalusi. Dari sudut hukum syarak juga perlu diperhalusi seperti kedudukan penerima zakat yang tidak kekal di mana dalam keadaan-keadaan tertentu terputus kelayakan sebagai asnaf untuk menerima zakat. Selain itu ia juga melibatkan agensi-agensi dan juga jabatan-jabatan lain serta melibatkan penggunaan teknologi terutama sistem ICT.

Jadi dari segi teorinya bolehlah diperhalusi lagi tetapi dari segi hukum juga boleh. Sebab apa kena perhalusi juga, kerana orang yang telah disenaraikan pada tahun ini, mereka ini terdiri daripada golongan miskin dan fakir yang layak menerima, tiba-tiba hilang kelayakan ini juga. Dia pun tidak cuba *updatekan* dalam sistem ini. Jadi saya rasa mungkin kita boleh perhalusi lagilah cadangan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin, beliau mencadangkan bahawa perkara agar bantuan zakat diberikan dan diagihkan kepada golongan yang disiarkan dalam rancangan realiti TV selain daripada mereka yang tersenarai dalam senarai penerima zakat. Tuan Yang di-Pertua, wang zakat diagihkan oleh Majlis Agama Islam mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Fakir miskin sememangnya layak menerima bantuan wang zakat termasuklah mereka yang disiarkan dalam rancangan-rancangan realiti TV tersebut. Sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis Fatwa Negeri-negeri seperti tergolong dalam asnaf yang telah ditetapkan, pemantauan lanjut akan dibuat oleh majlis bagi menentukan kelayakan dan bentuk bantuan yang boleh diberikan.

Yang kedua, selanjutnya beliau telah menimbulkan dan mencadangkan supaya mewujudkan kaunter-kaunter zakat, *one stop center*, satu untuk menerima wang zakat dan satu lagi untuk mengagihkan wang tersebut kepada kumpulan yang berkelayakan. Cadangan Yang Berhormat adalah satu cadangan yang saya rasa cukup baik dan boleh dihalusi, boleh dikaji. Saya berterima kasih dengan cadangan tersebut.

Walau bagaimanapun, dalam proses agihan ataupun pembahagian wang zakat, kita mempunyai cara agihan tertentu dan memerlukan proses penyiasatan sama ada seseorang tersebut mempunyai kelayakan ataupun sebaliknya. Ini bertujuan bagi mengelakkan penyelewengan pengagihan wang zakat.

Sebagai contoh, di Wilayah Persekutuan, walaupun tidak secara langsung kaunter agihan diwujudkan iaitu sekali dengan kaunter menerima zakat iaitu kita menyediakan borang-borang permohonan bantuan zakat. Jika didapati layak, bantuan akan diberikan. Maksud saya ialah mereka ada peluang untuk mengisi borang.

Bukan boleh beri terus kerana kita perlu siasat dahulu, takut nanti banyak, terutama di Wilayah Persekutuan ramai yang mendakwa ini, mendakwa itu, datang ke Pejabat Pengagihan Zakat Majlis Agama Islam (Baitulmal). Jadi perlu siasat. Kalau benar-benar termasuk dalam senarai, maka boleh diagihkan kepada mereka.

Seterusnya Datuk Jins Shamsudin juga telah mencadangkan supaya wang zakat untuk membina hospital, pusat rawatan dan hotel, tempat penginapan daripada wang kutipan zakat. Dengan ini perkhidmatan yang lebih rendah dapat diberikan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, maksud *fisabilillah* dalam asnaf lapan pengagihan zakat itu adalah luas, termasuk merangkumi juga tujuan-tujuan rawatan, perubatan dan sebagainya.

Jika memenuhi kriteria yang telah ditetapkan, sebagai contoh di Wilayah Persekutuan, kita telah membina Hospital PUSRAWI daripada pusat rawatan yang kecil sahaja, sekarang sudah *diupgrade* kepada hospital yang tarafnya sama dengan pusat-pusat rawatan yang lain dan kita kenakan bayaran yang lebih rendah daripada tempat lain bagi tujuan memberi rawatan kepada masyarakat di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWIP).

Begitu juga MAWIP telah membina Hotel Putera berdekatan dengan Hospital PUSRAWI untuk menyediakan kemudahan kepada orang ramai terutama yang datang melawat keluarga mereka yang sedang dirawat di Hospital PUSRAWI.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah telah mencadangkan agar urusan penjenamaan halal dan pensijilan halal dipindahkan daripada JAKIM kepada KPDNHEP untuk membolehkan JAKIM memberi tumpuan kepada urusan perundangan dan fatwa Islam.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini adalah tidak relevan kerana keputusan jemaah menteri telah mengambil maklum bahawa JAKIM telah dipertanggungjawab untuk melaksanakan pensijilan halal dan logo halal Malaysia. Perkara ini telah diputuskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 April 2004 supaya JAKIM dilantik sebagai agensi badan pensijilan tunggal di Malaysia dan agensi lain tidak diakreditasi sebagai badan pensijilan halal.

Mesyuarat jemaah menteri pada 6 April 2005 pula telah bersetuju supaya JAKIM dibangunkan sebagai badan pensijilan tunggal di Malaysia melalui pindaan ke atas Akta Perihal Dagangan 1972. Mesyuarat juga bersetuju supaya JAKIM mengadakan perbincangan dengan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri untuk menyelaras aspek-aspek keselamatan dan pencapaian maksud ini.

Seterusnya Yang Berhormat Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin, beliau berpendapat cadangan pembinaan masjid untuk orang Islam daripada kaum Cina akan membawa kepada kaum-kaum lain yang beragama Islam turut membuat tuntutan agar masjid-masjid juga turut dibina untuk kaum mereka. Beliau juga menyatakan bahawa cadangan pembinaan ini tidak sealiran dengan Islam Hadhari dan juga elemen keuniversalan Islam serta menjejaskan perpaduan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Sesungguhnya pembinaan masjid merupakan lambang kesejagatan universal Islam serta menjadi tempat memupuk perpaduan. Selain itu, ia berfungsi sebagai tempat ibadah, penyebaran dakwah, perkembangan ilmu, kegiatan kemasyarakatan, kebudayaan, ekonomi dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, cadangan pembinaan masjid untuk orang Islam dari kaum Cina ataupun lain-lain kaum adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri-negeri. Sehubungan dengan itu, pihak berkuasa agama boleh mengadakan apa-apa kaedah pembinaan dan pengurusan masjid oleh orang Islam dari kaum-kaum lain tertakluk kepada akta dan enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri.

Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn beliau mencadangkan agar mas kahwin diselaraskan di semua negeri agar dapat menghakis sikap egois dengan menunjuk-nunjuk pemberian mas kahwin yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Islam tidak menentukan kadar tertentu bagi mas kahwin tetapi ia merupakan pemberian wajib oleh suami kepada isteri. Walau bagaimanapun, dalam masyarakat kita kadar mas kahwin tidak menjadi isu tetapi yang menjadi pokok perbincangan adalah jumlah hantaran. Dalam isu ini ia lebih kepada bersifat peribadi sama ada jumlahnya adalah tinggi ataupun sebaliknya, tapi perlu diingat Islam menggalakkan kesederhanaan dan menegah daripada sifat menunjuk-nunjuk.

Jadi saya rasa yang perlu diberitahu kepada masyarakat supaya kalau menurut Islam ialah mas kahwin ini pemberian wajib dan berlaku di sesetengah negeri mas kahwinnya cukup murah. RM80 pun ada, RM70 pun ada tapi hantaran yang mahal, kecuali di Kelantan, Terengganu dan mungkin beberapa tempat lain ia menamakan mas kahwin itu kalau RM10,000 jadi RM10,000 mas kahwinnya.

So, ada bezanya dengan hantaran. Kalau hantaran kalau berlaku misalnya perceraian maka hantaran itu mungkin hangus, tapi apa yang dinamakan mas kahwin itu dengan sebab-sebab yang tertentu boleh dituntut. Ada beberapa peruntukan. Jadi yang berlaku ini saya rasa ialah hantaran. Kadang-kadang dipilihnya nombor-nombor yang glamor.

Yang ini saya rasa kita menggagap bahawa ini adalah merupakan perkara yang berlaku adat dalam masyarakat kita dan saya suka menyatakan bahawa kesederhanaan adalah sangat penting dan pentingnya ialah kesederhanaan. Kalau duit banyak pun tak usah tunjuklah duit banyak, pergi melabur senyap-senyap.

Saya rasa itulah sedikit penjelasan saya terhadap isu-isu Tuan Yang di-Pertua yang telah dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri dalam isu-isu agama Islam dan mana-mana yang tidak disentuh secara langsung, kita sudah catatkan kita akan berikan perhatian kepada apa yang telah dikemukakan...

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Bangun cepat sebelum orang kata terima kasih.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Saya bangun sebelum cakap terima kasih. Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat Menteri terima kasih kerana sudi datang dan menjawab sendiri semua soalan yang berkaitan dengan agama bawah Jabatan Perdana Menteri.

Kalau tak silap, saya ada bawa satu lagi hal yang saya rasa *consider* besar juga mencadangkan perbicaraan cerai wanita Islam yang dibuat secara tertutup. Saya fikir saya hendak petik kenyataan daripada Ketua Hakim Syarie Selangor baru-baru ini di kamar beliau pada 21 Mac 2007 yang mengatakan, "kes-kes perceraian di Mahkamah Syariah perlulah diadakan dalam kamar tertutup memandangkan peruntukan yang serupa ada pada Mahkamah Sivil iaitu Undang-undang Malaysia Akta 114 Prosiding Kehakiman Pengawalan Laporan 1962, yang di antara lain memberi perlindungan kepada kanak-kanak dan wanita untuk mencegah kerosakan moral akibat cetakan media massa dan akhbar." Rujukan 114(2), 114(3) (a), (h) dan 1 yang saya bawa hari ini.

Jadi saya ingin tahu oleh kerana kita sebuah negara Islam yang merupakan agama rasmi Malaysia saya melihat bahawa sebagai umat Islam patutnya pengaiban ini berlaku semasa perceraian haruslah ditutup bukan dibuka kepada orang ramai kerana masalah ini adalah hanya melibatkan kepada dua orang tapi tidak perlu di umum secara umum kepada orang ramai kerana tidak ada apa faedah pun, malah merosakkan lagi masa depan wanita mahupun anak-anak yang terlibat sama mahupun keluarga.

Jadi saya lihat dalam undang-undang sivil boleh dilakukan tersebut. Itu bukan untuk agama Islam. Sepatutnya agama Islam yang buat macam itu tapi yang sivil boleh buat yang agama Islam tidak boleh buat begitu.

Saya juga pernah melihat satu kes di Singapura di mana saya sendiri hadir di mana perceraian ini hendak dilakukan dan saya dibawa teman saya ingatkan sebagai teman boleh masuk dalam perbicaraan rupa-rupanya Singapura yang bukan mengamalkan agama Islam sebagai agama rasmi juga menentukan hanya dua orang sahaja masuk dalam *court* bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Jadi saya minta pandangan daripada Jabatan Perdana Menteri sama ada perkara ini boleh dilaksanakan supaya diubah akta ini memberikan peluang kepada wanita dan membicarakan kes-kes perceraian ini secara tertutup demi kebaikan semua pihak. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih di atas soalan tambahan yang telah disinggung dahulu tapi tidak dicatat dalam jawapan saya ini. Sebenarnya untuk perbicaraan di Mahkamah Syariah secara tertutup ini boleh dipohon. Ada sebenarnya. Boleh dipohon oleh mereka yang terlibat kerana sebab-sebab yang tertentu. Beri alasan-alasan supaya dibicarakan dan insya-Allah akan dilihat kepada hujah-hujah dan alasan-alasan terutama yang boleh membawa kepada porak-peranda, kepada imej dan sebagainya.

Jadi saya rasa...

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk dulu. Bagi Yang Berhormat Menteri selesai kemudian bangun semula.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: ...Jadi kemukakan permohonan supaya kes itu dibicarakan secara tertutup dengan mengemukakan alasan-alasan. Saya rasa boleh dipertimbangkan oleh pihak Mahkamah Syariah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tadi bangun sekali lagi. Hendak beri peluang? Dia ada sikit yang terkilan.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya yang saya bawa ini saya hendak mencadangkan supaya dibuat secara automatik kerana sekarang ini tak semua anak guam faham dan tak semua wanita faham.

Kadang-kadang dia pergi sana pun tidak dinasihatkan oleh peguam bahawa dia boleh minta secara tertutup dan ada masa juga bila diminta mahkamah tidak izinkan. Dia masih membenarkan lagi *reporter* dan orang ramai untuk masuk. Jadi kalau boleh yang kita minta ini dicadangkan supaya sistem ini dibuat secara automatik. Apabila perbicaraan wanita Islam dibuat secara tertutup. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Undang-undang tidak boleh dibuat sekelip mata. Kalau ada kes terus hendak buat. Jadi tak apalah dulu, guna peruntukan itu dulu. Mohon.

Jadi kalau misalnya pada masa depan mungkin boleh dicadangkan. Kalau ada kebaikannya mungkin boleh dipertimbangkan dalam pindaan sebab undang-undang ini maknanya yang lengkapnya hanya Allah sahaja. Maknanya pindaan-pindaan boleh berlaku tapi biasanya pindaan janganlah hari ini pinda, esok pinda lagi. Jadi biasanya memerlukan sedikit masa. Jadi saya rasa boleh memohon...

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, itu pasal saya katakan tadi, saya minta, saya mencadangkan supaya ia dikaji...

Tuan Yang di-Pertua: Maafkan saya sekiranya mengganggu. Yang Berhormat, ada lagi Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati tidak berpuas hati. Yang Berhormat nak beri lagi laluan?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*... sebab bukan apa, kesian Yang Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman dari tadi menunggu untuk menjawab.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: *[Ketawa]* Last sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya nak minta supaya apa yang saya cadang ini supaya dikaji untuk dipinda akta itu sebenarnya. Jadi saya mulakan supaya benda ini dibuat kajian oleh kementerian supaya ia dapat dilaksanakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Itu pun yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi itu. Cuma dia kata undang-undang ini bukan dibuat dalam sehari. Yang Berhormat nak dengar ungkapan kita akan kaji!

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey, okey. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua menolong saya untuk menjawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]* Sekian penggulungan saya dan dalam masa penggulungan itu kalau ada lagi ketinggalan, mungkin telah dicatat oleh pegawai-pegawai saya dan kita akan ambil perhatian ya. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

7.01 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita telah mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai isu-isu agama dan saya mengambil peluang untuk menjelaskan perkara-perkara yang lainnya pada petang ini.

Kepada begitu ramai Ahli Yang Berhormat yang telah bahagian dalam Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja dan menyentuh perkara-perkara lain di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri, selain yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung gesaan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi agar langkah-langkah diambil untuk membentuk mentaliti kelas pertama rakyat Malaysia. Sebenarnya pembangunan modal insan dan pembentukan minda kelas pertama di kalangan rakyat merupakan salah satu agenda besar kerajaan ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Hasrat kerajaan adalah untuk meningkatkan cara berfikir rakyat supaya mereka lebih mampu bersaing dan berjaya dalam ekonomi global berlandaskan pengetahuan. Dengan cara itu, negara akan dapat meningkatkan daya saing dan kesejahteraan rakyat agar lebih terjamin pada masa hadapan.

Walau bagaimanapun, seperti Yang Berhormat sedia maklum, proses untuk merealisasikan hasrat tersebut memakan masa yang panjang. Sepanjang masa tersebut, masyarakat akan menghadapi pelbagai cabaran sama ada daripada unsur luaran mahupun unsur dalaman. Justeru kerajaan bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa perhatian perlu diberi kepada unsur-unsur yang boleh memesongkan pencapaian agenda pembentukan minda kelas pertama tersebut.

Sebagai langkah awal, kerajaan sedang berusaha menerapkan nilai-nilai positif di kalangan rakyat sambil menggalakkan pembangunan masyarakat yang berpengetahuan inovatif, kreatif dan mampu bersaing. Dengan berbekalkan nilai-nilai positif tersebut, diharap rakyat akan lebih mampu menangani cabaran-cabaran pada masa hadapan.

Berhubung cadangan Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan agar kerajaan memperhebatkan usaha agar semua rakyat Malaysia memahami dan seterusnya menghormati artikel-artikel penting dalam Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa Perlembagaan Persekutuan mestilah dihormati.

Sememangnya kerajaan telah meletakkan prinsip Keluhuran Perlembagaan sebagai prinsip ketiga Rukun Negara yang memberi erti bahawa Perlembagaan Persekutuan adalah satu undang-undang utama yang luhur serta unggul dan setiap rakyat

Malaysia mestilah dituntut supaya menerima, mematuhi, menyanjung dan mempertahankannya.

Rakyat Malaysia perlu sedar bahawa Perlembagaan Persekutuan kita adalah hasil dari perbincangan dan semangat tolong menolong pelbagai pihak ketika negara kita masih lagi di bawah jajahan pihak British. Contohnya kaum Melayu telah bersetuju untuk menerima kaum bukan Melayu sebagai warganegara, manakala kaum bukan Melayu bersetuju mengiktiraf kaum Melayu sebagai penduduk asal yang diberi kedudukan istimewa.

Kerajaan mengakui bahawa terdapat sesetengah pihak yang tidak memahami atau terlupa mengenai sejarah pembentukan Perlembagaan negara ini sehingga kadangkala mempertikaikan artikel Perlembagaan itu sendiri atau undang-undang yang digubal berdasarkan prinsip Perlembagaan. Sehubungan ini kerajaan sentiasa berusaha menyemai perasaan menghormati Perlembagaan Persekutuan di kalangan rakyat Malaysia dari usia muda lagi.

Kerajaan percaya dengan adanya usaha-usaha tersebut, maka rakyat Malaysia terutamanya generasi muda akan lebih memahami sejarah pembentukan perlembagaan negara dan seterusnya menghormati undang-undang tertinggi negara yang selama ini menjadi panduan kerajaan dalam mentadbir negara sehingga mencapai tahap kemakmuran yang dirasai kini.

Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar mencadangkan agar Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Hasutan 1948, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1991 dihapuskan selari dengan prinsip Islam Hadhari bagi melahirkan rakyat yang berjiwa merdeka.

Untuk makluman Yang Berhormat, pendekatan Islam Hadhari yang diambil oleh kerajaan bertujuan membawa pembangunan yang menjurus kepada pembinaan peradaban dan mewujudkan masyarakat yang bertamadun tinggi berlandaskan prinsip-prinsip yang telah digariskan. Prinsip Rakyat Berjiwa Merdeka yang merupakan salah satu prinsip utama pendekatan Islam Hadhari merujuk kepada masyarakat yang berfikiran kreatif, inovatif, bebas daripada belenggu pemikiran yang terjajah dan bersikap terbuka terhadap faktor dari luar lingkungan budaya dan tradisi yang tidak bercanggah dengan nilai etika sejagat.

Prinsip Rakyat Berjiwa Merdeka bukanlah bermaksud bahawa masyarakat terlepas daripada peraturan, undang-undang dan etika. Sebaliknya asas-asas murni itu hendaklah menjadi landasan ke arah membangunkan masyarakat dan negara yang teguh dan utuh. Prinsip tersebut perlu dibaca bersama secara harmoni dengan prinsip-prinsip lain berhubung pendekatan Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh kerajaan demi memenuhi hasrat untuk memastikan rakyat bebas dari isu yang membelenggu kehidupan mereka. Justeru pelaksanaan semua undang-undang berkenaan perlu dikekalkan bagi menjamin keselamatan negara dan keharmonian hidup rakyat serta bagi mengelakkan kemudaratan kepada bangsa dan negara.

Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar ingin mengetahui sama ada Akta Profesion Undang-undang 1976 akan dipinda sekali lagi kerana terdapat peruntukan yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa bersedia untuk mengkaji dan menimbang cadangan pindaan Akta Profesion Undang-undang 1976 sekiranya benar terdapat peruntukan yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Setakat ini kerajaan berpendapat tiada peruntukan dalam akta tersebut yang boleh disifatkan bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar juga telah menimbulkan dan mencadangkan agar beberapa peruntukan dalam *Law Reform Act* dipinda terutamanya yang berkaitan dengan peruntukan-peruntukan nafkah, cerai, harta pusaka dan penjagaan anak di Mahkamah Sivil tetap mempunyai kuasa terhadap pasangan yang berkahwin melalui perkahwinan sivil walaupun salah seorang pasangan telah memeluk agama Islam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan dalam proses memuktamadkan pindaan kepada akta membaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian 1976

(Akta 164). Mengikut cadangan pindaan tersebut, perkahwinan yang diupacarakan menurut undang-undang sivil hendaklah dibubarkan menurut undang-undang sivil oleh Mahkamah Sivil walaupun seorang pasangan telah memeluk agama Islam. Pindaan itu nanti turut mencadangkan supaya Mahkamah Sivil boleh juga memutuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan nafkah, cerai, harta pusaka dan hak penjagaan anak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh mengambil masa sebab banyak nak cari itu. Kita tunggu dengan sabarlah. Jangan gundah gulana.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar juga mencadangkan agar Jawatankuasa Undang-undang Keluarga Islam dipinda dengan mengambil kira cadangan-cadangan Ahli Dewan Negara pada Disember 2006 yang lalu. Beliau seterusnya mencadangkan agar *Sister In Islam* dijemput bersama dalam perbincangan pindaan ini.

Semasa Rang Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan Pindaan 2005 dibentangkan di Dewan Negara pada 22 Disember 2005, beberapa orang Senator wanita telah mempertikaikan beberapa peruntukan dalam rang undang-undang tersebut atas alasan bahawa peruntukan-peruntukan tersebut mendiskriminasikan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada itu Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 11 Januari 2006 telah bersetuju supaya Jabatan Peguam Negara mengkaji semula Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan (Pindaan) 2006 iaitu Akta A1261. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam mesyuarat tersebut berpendapat bahawa adalah wajar akta tersebut segera dikaji semula dengan mengambil kira semua pandangan yang dikemukakan oleh pelbagai pihak dan pindaan-pindaan yang sewajarnya dibuat.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga antara lain telah memberikan pandangan bahawa dalam membuat kajian tersebut, Jabatan Peguam Negara hendaklah mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar-pakar perundangan, pensyarah-pensyarah institusi pendidikan tinggi awam termasuklah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan mufti-mufti tertentu.

Bagi melaksanakan persetujuan Jemaah Menteri, Peguam Negara telah mengengeruskan sebanyak lapan mesyuarat dengan wakil daripada badan-badan bukan kerajaan NGO, terutamanya NGO wanita termasuklah *Sisters In Islam* seperti Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar sebut dalam ucapannya, pakar-pakar Undang-undang Keluarga Islam, wakil daripada kementerian dan jabatan kerajaan yang berkaitan iaitu Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, mufti-mufti tertentu, pensyarah-pensyarah universiti, Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Peguam Syarie Malaysia dan Persatuan Ulama Malaysia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, hampir keseluruhan pihak telah dijemput untuk berbincang mengenai perkara ini. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin agar Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan memasukkan agama Islam amalan Ahli Sunah Wal Jemaah sebagai agama rasmi di samping agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan harmoni.

Untuk makluman Yang Berhormat, Islam merupakan suatu cara hidup yang sempurna kerana ia merangkumi empat cabang utama dalam kehidupan iaitu akidah, ibadah, munakahat dan muamalat. Pegangan dan amalan Ahli Sunah Wal Jemaah yang diamalkan di negara ini merupakan pegangan dan amalan yang diiktiraf oleh ulama seluruh dunia. Ia juga merupakan pegangan empat mazhab termasyhur yang diiktiraf iaitu mazhab Syafie, Hanafi, Maliki dan Hambali.

Menurut Perlembagaan Persekutuan bidang kuasa untuk menggubal Undang-undang Islam sebagaimana yang diperuntukkan dalam Senarai Kedua, Jadual Kesembilan adalah bidang kuasa eksklusif negeri-negeri. Undang-undang pentadbiran agama Islam negeri-negeri telah memperuntukkan bahawa mazhab yang menjadi asas dalam pengeluaran fatwa ialah Mazhab Syafie. Misalannya dalam seksyen 54 - Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003. Peruntukan serupa juga didapati dalam undang-undang pentadbiran agama Islam negeri-negeri yang lain.

Walau bagaimanapun, qaul muktamad mazhab-mazhab lain iaitu Mazhab Hanafi, Maliki dan Hambali boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam. Oleh itu walaupun fasal (1) Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan tidak menyatakan dengan khusus bahawa Islam yang diamalkan di Malaysia adalah berdasarkan pegangan Ahli Sunah Wal Jemaah, namun peruntukan undang-undang pentadbiran agama Islam di negeri-negeri telah memperuntukkan sedemikian. Oleh yang demikian fasal (1) Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan tidaklah menjadi perlu untuk dipinda Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin ingin mengetahui apakah pelan sifar rasuah yang telah diambil oleh kerajaan menjelang Wawasan 2020. Kerajaan sentiasa berpandangan jenayah rasuah jika tidak dibendung secara menyeluruh pasti akan menggagalkan pencapaian wawasan negara. Dengan demikian adalah perlu bagi semua pihak bertindak secara bersepadu, menyeluruh dan berterusan bagi membanteras jenayah rasuah dari bumi Malaysia ke arah mewujudkan *corrupt free society* dengan izin.

Badan Pencegah Rasuah BPR menumpukan usaha untuk membanteras jenayah rasuah melalui strategi-strategi seperti strategi punitif yang melibatkan tindakan siasatan dan pendakwaan kes-kes rasuah di mahkamah serta tindakan tatatertib ke atas pegawai-pegawai yang melanggar peraturan-peraturan tatatertib perkhidmatan awam dan strategi pencegahan yang meliputi dua aspek iaitu:

- (i) melalui khidmat nasihat tentang bagaimana peluang dan ruang rasuah dapat dicegah dalam amalan, sistem dan tatacara kerja; dan
- (ii) mendidik orang ramai untuk membenci rasuah dan memberi sokongan ke atas usaha-usaha menentang rasuah.

Sesungguhnya BPR komited untuk memerangi rasuah dan pembanteras jenayah rasuah merupakan tindakan berterusan yang memerlukan perancangan rapi, masa dan sokongan semua lapisan masyarakat. Kerajaan berkeyakinan hasil daripada segala usaha yang dilaksanakan ini, *corrupt free society* Insya-Allah akan tercapai Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Datuk Armani binti Haji Mahiruddin mencadangkan agar BPR dijadikan sebuah badan bebas untuk membolehkan gejala rasuah dibendung dengan lebih efektif serta dapat bertindak dengan cekap dan cepat. Untuk makluman Yang Berhormat kerajaan tidak bercadang menjadikan BPR sebagai sebuah badan bebas sebagaimana yang disarankan. Sebagai sebuah agensi penguatkuasaan yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan siasatan kes-kes jenayah rasuah, kebebasan BPR untuk menyiasat mengikut perundangan sedia ada tanpa *fear or favor* dengan izin, akan terus dijamin tanpa mengira kedudukan atau status mereka yang terlibat.

BPR pada masa ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan kedudukan struktur organisasi ini tidak menghalang kebebasan dalam tindakan pencegahan dan penyiasatan jenayah rasuah yang dijalankan oleh BPR. Peletakan BPR di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz selaku menteri yang bertanggungjawab adalah hanya bersifat pentadbiran dan tidak berkaitan dengan operasi penyiasatan kes-kes jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Secara khususnya peletakan BPR di bawah JPM adalah untuk urusan bajet, keanggotaan, perkhidmatan dan sokongan pentadbiran sahaja. Kerajaan sentiasa bersedia mempertimbangkan keperluan kewangan dan keanggotaan BPR. Sebagai contoh dalam tahun 2007, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM148,077,600 berbanding RM99,438,400 dalam tahun 2006 iaitu satu peningkatan sebanyak RM48,639,200 atau 48.9% dari tahun sebelumnya.

Jabatan Perkhidmatan Awam pada 1 April 2007 yang baru lalu juga telah meluluskan cadangan BPR untuk mewujudkan pusat pengurusan maklumat dan tatatertib dan BPR cawangan Klang, Selangor dengan keanggotaan seramai 40 orang atau 2.2% daripada jumlah 1,810 orang ataupun 1,810 perjawatan yang diluluskan sebelum ini.

Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin juga ingin mengetahui kenapa terdapat kes-kes rasuah yang telah dilaporkan oleh BPR tidak diambil tindakan oleh ketua-ketua jabatan. Beliau memberi contoh di negeri saya, di negeri Perak di mana terdapat laporan mengenai rasuah di kalangan anggota perkhidmatan awam tetapi tiada tindakan yang diambil oleh ketua-ketua jabatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kes yang dibangkitkan oleh BPR Perak merupakan kes-kes tatatertib yang telah dirujuk oleh BPR kepada ketua-ketua jabatan. Penyediaan laporan BPR adalah merupakan salah satu hasil dari siasatan kes-kes rasuah yang dijalankan oleh BPR setelah diteliti dan diputuskan oleh Timbalan Pendakwa Raya. Laporan BPR disediakan untuk melaporkan kepada ketua-ketua jabatan kerajaan mengenai sesuatu kes yang melibatkan kesalahan tatatertib atau salah laku anggota-anggota perkhidmatan awam di bawah Kesalahan Tatatertib Atau Salah Laku Anggota-Anggota Perkhidmatan Awam mengikut Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa ke atas anggota perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab ketua jabatan yang menerima laporan BPR itu untuk mengambil tindakan mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 1997. Laporan BPR tersebut perlulah diteliti, disemak dan seterusnya ketua jabatan mengambil tindakan yang sesuai berdasarkan peraturan-peraturan tatatertib yang berkaitan.

Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara sendiri telah memberi perhatian serius di atas kelewatan ketua-ketua jabatan mengambil tindakan terhadap laporan BPR dan semua jabatan telah diarahkan untuk mengambil tindakan untuk menyelesaikan kes-kes laporan BPR dalam tempoh enam bulan. Pada pandangan BPR, kegagalan ketua-ketua jabatan mengambil tindakan di atas laporan BPR berkemungkinan disebabkan oleh beberapa faktor seperti yang saya akan sebutkan berikut:

- (i) kurang penyeliaan yang diberikan kepada isu berbangkit;
- (ii) kluatir dengan mengambil tindakan tersebut akan menjadikan mereka kurang popular;
- (iii) kurang memahami prosedur atau tatacara yang perlu diambil ke atas pegawai terbabit;
- (iv) pertukaran ketua jabatan menyebabkan tindakan tatatertib tergendala dan memakan masa yang panjang; dan
- (v) tiada pemantauan oleh urus setia tatatertib jabatan dalam mengendalikan sesuatu kes.

Itulah pendapat pihak BPR kenapa ketua-ketua jabatan tidak mengambil tindakan.

Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin juga mencadangkan agar BPR menyita harta pelaku-pelaku rasuah. Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Parlimen 1997 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001, memang memperuntukkan kepada BPR kuasa untuk menyita harta alih di bank dan harta tidak alih untuk tujuan penyiasatan. Jadi sudah ada dalam peruntukan.

Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad ingin tahu strategi yang diambil oleh badan kehakiman untuk mengisi kekosongan jawatan hakim-hakim. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya badan kehakiman telah mengambil beberapa tindakan untuk mengisi kekosongan jawatan hakim.

Misalnya seramai lapan orang Pesuruhjaya Kehakiman telah dilantik pada 1 Mac 2007 yang baru lalu dan seramai lapan orang Hakim Mahkamah Tinggi juga telah dilantik pada 11 April 2007 yang baru lalu dari kalangan Pesuruhjaya Kehakiman Seluruh Malaysia. Badan kehakiman telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengisi kekosongan jawatan hakim. Walau bagaimanapun, asas pelantikan tersebut perlulah melalui proses dan prosedur tertentu seperti yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad ingin mengetahui strategi yang diambil untuk menyelesaikan kes-kes sivil dan jenayah yang

tertunggak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, badan kehakiman telah mengambil langkah-langkah berikut bagi mengatasi kes-kes tertunggak:

- (i) operasi pelupusan kes-kes sivil dan jenayah yang didaftar sebelum tahun 2000. Operasi ini telah menunjukkan pencapaian semenjak tahun 2003 sehingga bulan Februari 2007, sebanyak 95% kes-kes sivil dan sebanyak 99% kes-kes jenayah sebelum tahun 2000 telah diselesaikan;
- (ii) operasi pelupusan kes-kes jenayah yang didaftar sebelum 2004 di mana sebanyak 90% kes telah diselesaikan;
- (iii) mengeluarkan arahan dan pekeliling kepada hakim-hakim, pegawai kehakiman, timbalan pendakwa raya dan peguam-peguam bertujuan untuk mengurangkan penangguhan perbicaraan;
- (iv) memantau, mengkaji serta membaiki prosedur-prosedur dan undang-undang sedia ada bagi mempercepatkan proses perbicaraan dan penyelesaian kes-kes;
- (v) menambah bilangan hakim, pegawai kehakiman dan kakitangan sokongan bagi mengatasi masalah kekurangan anggota;
- (vi) melaksana sistem pengkomputeran pendaftaran dan kes bagi mempercepatkan penyelesaian kes-kes; dan
- (vii) melaksana Projek e-Kehakiman. Salah satu modul dalam projek kehakiman yang telah dimulakan pada penghujung tahun 2004 ialah Sistem Merekod Keterangan Kes (*Court Recording and Transcription - CRT*). Sistem ini bertujuan merekod perbicaraan yang sedang dijalankan dalam bentuk audio. Rakaman dari sistem ini akan ditranskrip oleh *transcriber*, dengan izin. Setakat ini, dua mahkamah perintis telah dipilih iaitu satunya Mahkamah Dagang 1 dan yang keduanya Mahkamah Tinggi Sivil 1 di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, panjang lagi Alhamdulillah saya bercakap yang terakhir. Jadi saya minta maaf kerana ia mengambil masa supaya saya dapat menjawab semua perkara yang telah ditimbulkan.

Yang Berhormat Datuk Armani binti Haji Mahiruddin mencadangkan agar satu jawatankuasa khas yang diketuai oleh Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia diwujudkan untuk membuat kajian khusus mengenai pentadbiran dan pengurusan keadilan pelbagai agama. Sebenarnya harus diingat kes-kes yang melibatkan penganut pelbagai agama akan diputuskan oleh mahkamah dan keputusan mahkamah haruslah dihormati dan diterima umum.

Walau bagaimanapun, kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara masih menimbangkan mekanisme terbaik bagi melicinkan penyelesaian isu-isu berkaitan pentadbiran dan pengurusan keadilan pelbagai agama. Dalam menimbangkan pelbagai cadangan yang diberikan, penekanan akan diberikan untuk memastikan bahawa penyelesaian yang dicapai adalah adil, boleh diterima ramai, menghasilkan penyelesaian jangka panjang dan mampu untuk mengelak isu yang sama timbul di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung gesaan Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawi dan Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar, ini macam sama sahaja pertanyaan iaitu agar Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) lebih adil kepada semua pihak yang terlibat dalam proses pilihan raya agar demokrasi dapat ditegakkan. Sebenarnya SPR selama ini tidak pernah bersikap tidak adil kepada mana-mana pihak.

Oleh itu cadangan Yang Berhormat supaya SPR lebih adil kepada semua pihak tidak berbangkit kerana SPR tidak pernah menghalang mana-mana pihak untuk terlibat

dalam proses pilihan raya dengan syarat mereka memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan mematuhi peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.

Berhubung dengan cadangan diadakan penjelasan tatacara pilihan raya kepada pihak-pihak yang berkepentingan, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, sebenarnya tatacara dan peraturan pilihan raya yang dilaksanakan di Malaysia sememangnya telah begitu jelas kerana ianya dinyatakan secara terperinci dalam Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981.

Perkara tersebut sebenarnya difahami oleh semua pihak. Namun oleh kerana adanya agenda tertentu dari pihak-pihak tertentu, maka ianya sengaja dimanipulasikan. Dalam hal ini amatlah sukar untuk meyakinkan pihak-pihak yang sengaja tidak mahu menerima hakikat sebenar kerana adanya kepentingan tertentu, Wallahualam di Sarawak.

Berhubung perkara pendaftaran pengundi secara automatik melalui MyKad seperti yang dicadangkan Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Naw, ia perlu dikaji secara mendalam kerana ia akan memberi implikasi yang amat besar disebabkan sebahagian besar rakyat Malaysia jarang menukar alamat tempat tinggal apabila mereka berpindah ke tempat tinggal baru. Pendaftaran secara automatik juga tidak begitu sesuai kerana mempunyai unsur-unsur paksaan yang bercanggah dengan sistem demokrasi yang diamalkan oleh negara kita.

Berhubung dengan wang deposit yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Naw, sebenarnya mengikut peraturan 15(4) peraturan-peraturan pilihan raya (pendaftaran pemilih 2002) bayaran RM10 yang dikenakan untuk setiap bantahan bukanlah satu deposit. Ia merupakan satu bayaran yang dikenakan atas bantahan yang dibuat. Oleh itu mengikut peraturan kewangan kerajaan yang berkuat kuasa sekarang ia tidak boleh dikembalikan melainkan peraturan tersebut dipinda dengan menjadikan bayaran tersebut sebagai deposit bantahan daftar pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi mencadangkan Ahli Dewan Negara turut menjadi Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, untuk makluman Yang Berhormat penubuhan PAC (*Public Account Committee*) dengan izin, tidak diperuntukkan dalam peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara. Perkara 67 Perlembagaan Persekutuan jelas memperuntukkan bahawa apa-apa rang undang-undang atau usul berkenaan pindaan kepada cukai, perbelanjaan negara dan lain-lain tidak boleh dimulakan di Dewan Negara tetapi kena mulakan di Dewan Rakyat.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi juga mencadangkan agar *Public Account Committee* diberi lebih kuasa agar kredibilitinya terjaga. Beliau seterusnya merujuk kepada kes bekas Ketua Pengarah BPR. Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 76 Dewan Rakyat, penubuhan *Public Account Committee* dengan izin, adalah lebih bersifat sebagai pemeriksa kepada kira-kira wang kerajaan dan peruntukan kewangan yang telah diluluskan oleh Parlimen dan juga apa-apa perkara yang difikirkan patut oleh Jawatankuasa itu atau apa-apa perkara yang diserahkan oleh Majlis kepada Jawatankuasa itu.

Kuasa ini lebih bersifat kepada pemantauan dan juga semakan dan bukannya penguatkuasaan. Jawatankuasa ini hanya boleh membuat syor-syor atau cadangan melalui penyata atau laporan yang dikeluarkan kepada Majlis dari semasa ke semasa. Sebarang penambahan kuasa hendaklah dibuat pindaan kepada peruntukan peraturan mesyuarat yang berkenaan.

Berkenaan dengan isu pemanggilan bekas Ketua Pengarah BPR, jawatankuasa berpendapat sekiranya diteruskan juga dengan keputusan memanggil bekas Ketua Pengarah BPR berkenaan ia boleh menimbulkan subjudis.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah mencadangkan pelawat-pelawat Parlimen turut diberi buku kecil Dewan Negara dan Dewan Rakyat sebagai cenderahati selain daripada jamuan dan taklimat. Untuk makluman Yang Berhormat, memang pelawat-pelawat rasmi ke Parlimen dibekalkan senaskah *brochure* ringkas mengenai fungsi dan tanggungjawab Parlimen. Sebanyak 40,000 naskhah *brochure* dicetak setahun bersesuaian dengan jumlah pelawat ke Parlimen.

Berhubung cadangan Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin dan Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong, agar lagu Negaraku dinyanyikan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara selepas aturan membaca doa. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya peraturan Mesyuarat Dewan Negara dan Dewan Rakyat tidak memperuntukkan sebarang kewajipan untuk menyanyikan lagu Negaraku dalam sesi persidangan.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat boleh mencadangkan pindaan kepada peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara untuk memasukkan peruntukan sedemikian melalui Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat Dewan Negara. Jadi Yang Berhormat telah mencadangkan mungkin Jawatankuasa ini akan mempertimbangkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Maijol bin Mahap...

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mencadangkan itu berdasarkan kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang menyebut berbunyiya begini, "*Beta menyeru Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat untuk membuktikan kesetiaan kepada Raja dan negara*". Jadi berdasarkan itu, untuk membuktikan kepada kesetiaan kepada raja dan negara.

Di dalam membuktikan itu kita ada Rukun Negara yang kedua, melibatkan Rukun Negara yang kedua. Iaitu, "*Kesetiaan kepada Raja dan Negara*". Kesetiaan kepada Raja dan Negara, saya berpendapat bahawa bila kita menyanyikan lagu Negaraku, bahawa kita telah menyampaikan hasrat Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Itulah sebabnya saya mencadangkan. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Terima kasih Yang Berhormat, itu saya sebutkan tadi. Maknanya kita kena pinda dari segi peraturan itu. Jadi ini adalah pihak-pihak yang tertentu. Walau bagaimanapun, kita semua pun maklum, bahawa semua kita di sini bila hendak melaksanakan tugas pun kita telah angkat, sudah ikrar itu pun kira hebat juga ikrar kita itu pun Yang Berhormat. Jadi ini satu cadangan dan insya-Allah akan dibawa dalam Jawatankuasa yang berkenaan.

Yang Berhormat Tuan Maijol bin Mahap dan Yang Berhormat Datuk Armani binti Haji Mahiruddin menggesa agar Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Perdana Menteri atau APMM, memainkan peranan utama lebih berkesan dan teratur dalam mengawal perairan dan mengatasi masalah pencerobohan pelarian di Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat, APMM telah mula melaksanakan operasi rondaan dan penguatkuasaan di perairan negeri Sabah mulai pada 21 Jun 2006 tahun lalu. Sehingga 30 April 2007 yang baru lalu, APMM telah menahan 43 orang PATI. PATI ini pendatang asing tanpa izin di perairan Sabah. APMM sentiasa berusaha meningkatkan pengawalan terhadap pencerobohan PATI dan pelarian. Saya tidak berapa sedap hendak sebut PATI Tuan Yang di-Pertua, jadi pendatang asing tanpa izin dan pelarian. Dia catit di sini PATI sahaja, dan pelarian dalam operasinya.

Walau bagaimanapun, APMM masih belum menemui bot-bot yang membawa PATI secara langsung ke Sabah. Bagi meningkatkan keberkesanan operasi, APMM sedang berusaha untuk mendapatkan maklumat pengawasan udara dari Angkatan Tentera Malaysia dan Unit Udara Polis Diraja Malaysia. Sehubungan ini APMM akan terus melaksanakan tugas yang diamanahkan kerajaan untuk menentukan keselamatan dan kesejahteraan perairan maritim negara terjamin dari sebarang pencerobohan.

Berhubung dengan pandangan Yang Berhormat Tuan Maijol bin Mahap bahawa masalah pendatang asing dan pelarian di Sabah yang berbeza dari segi kaum dan agama boleh membawa kepada konflik perkauman jika kerajaan tidak mengatasinya, sebenarnya pendatang Filipina yang diberi taraf pelarian ialah mereka yang masuk ke Sabah antara tahun 1972 hingga 1984, dan berasal dari bahagian selatan negara tersebut.

Kerajaan memberi kebenaran kepada mereka tinggal dan bekerja di Sabah semata-mata atas sebab kemanusiaan. Pada masa ini terdapat lebih kurang 62,000 pelarian Filipina di seluruh Sabah. Sejak kemasukan mereka belum ada konflik perkauman berlaku di sebalik perbezaan kaum dan agama.

Mengenai pendatang asing tanpa izin pula, dasar kerajaan adalah jelas dan tegas iaitu mereka akan ditangkap, dihukum, dan diusir pulang ke negara asal. Bagi tempoh Januari hingga April 2007, seramai 5,682 pendatang asing tanpa izin telah diusir pulang. Iaitu purata 1,421 orang diusir setiap bulan. Oleh itu adalah tidak benar jika dikatakan kerajaan tidak mengambil tindakan agresif dan tegas dalam perkara ini.

Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan mencadangkan supaya kerajaan perlu bersiap sedia untuk menghadapi bencana seperti banjir. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya kerajaan sememangnya sentiasa bersedia dan telah menyediakan peruntukan untuk membantu mangsa-mangsa bencana dengan mewujudkan Tabung Bantuan Bencana Negara (TBBN) sejak tahun 1957 lagi.

Pada tahun 2005, TBBN telah tutup dan fungsinya telah diambil alih oleh Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara dan diuruskan oleh Majlis Keselamatan Negara. Objektif Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara atau pun KWABBN ialah untuk memberi bantuan kepada mangsa-mangsa bencana di dalam dan di luar negara. Membiayai program atau aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan dan pengendalian bencana serta memberi bantuan kepada kerajaan negeri. Jabatan atau agensi yang tidak mempunyai peruntukan di peringkat jabatan atau agensi masing-masing.

Setakat ini KWABBN mempunyai dana yang di salurkan oleh kerajaan sebanyak RM250 juta dan daripada tabung inilah sumbangan atau peruntukan diberikan kepada mangsa-mangsa bencana atas kelulusan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat atau JPBBP. Di samping itu KWABBN yang saya sebut tadi iaitu singkatan Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara juga ada menerima sumbangan dari badan-badan korporat dan orang ramai yang berhasrat membantu mangsa-mangsa bencana.

Yang Berhormat Datuk Roslan bin Awang Chik dan Yang Berhormat Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain, telah menyentuh tentang pengambilan Maxis. Saya ingat yang ini saya tak payah jawablah sebab Menteri Kewangan Kedua telah pun menjawab dengan panjang lebar dan kita semua faham, jadi saya tidak payah ulang lagi.

Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak pula ingin tahu, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk melahirkan anggota-anggota pengetahuan yang mempunyai mentaliti kelas pertama? Untuk makluman Yang Berhormat langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan adalah melalui pelaksanaan pengurusan sumber manusia yang strategik selaras dengan keperluan negara menuju Wawasan 2020, serta memenuhi Misi Nasional.

Pengurusan strategik melibatkan perancangan keperluan sumber manusia yang komprehensif bermula dengan penetapan matlamat dan hala tuju perkhidmatan anggota-anggota perkhidmatan awam ke arah pegawai-pegawai bermentaliti kelas pertama. Penggubalan strategik-strategik sumber manusia yang sesuai, misalnya strategik-strategik pengambilan, penempatan, pertukaran, latihan kemajuan dan kerjaya, pengurusan prestasi serta melaksanakan pelan-pelan tindakan yang praktikal dan berkesan.

Di bawah Skim Saraan Malaysia, pelaksanaan pengurusan sumber manusia berdasarkan kompetensi juga akan menyumbang kepada usaha melahirkan anggota-anggota perkhidmatan awam bermentaliti kelas pertama. Oleh kerana kompetensi merangkumi aspek-aspek sikap, tingkah laku dan salah silah pegawai berdasarkan nilai etika dan integriti perkhidmatan awam serta aspek-aspek pengetahuan dan kemahiran yang sesuai dan strategi bagi negara.

Pelan Pembangunan Kompetensi Pegawai Awam juga termasuklah program latihan atau kursus di bawah *training roadmap* dengan izin, program bimbingan dan kaunseling serta program *mentoring* dan *coaching* dengan izin, oleh pegawai-pegawai yang lebih kanan dan yang lebih berpengalaman.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin supaya diwujudkan suruhanjaya untuk mengkaji kelemahan-kelemahan dalam perkhidmatan awam. Sebenarnya pada masa ini telah ada mekanisme untuk mengkaji dan mengenal pasti kelemahan-kelemahan dalam perkhidmatan awam yang antaranya melalui pasukan petugas bagi menangani kerenah birokrasi yang telah ditubuhkan pada November 2003.

Pasukan petugas ini telah diwujudkan di semua kementerian dengan dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri di kementerian tersebut. Secara umumnya pasukan petugas bagi menangani kerenah birokrasi ini bertanggungjawab untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang berkaitan dengan sistem dan prosedur kerja, perundangan dan peraturan pembangunan modal insan dan bekalan peralatan seterusnya mencadangkan usaha-usaha untuk penambahbaikan dalam bidang-bidang terlibat.

Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook mencadangkan agar jabatan dan agensi kerajaan mempunyai piagam pelanggan untuk menjawab sesuatu pertanyaan dalam satu tempoh masa yang di tetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 3 Tahun 1993, telah mengeluarkan satu panduan bagi semua agensi kerajaan mengenai kaedah penyediaan piagam pelanggan sebagai jaminan bertulis menyediakan pengeluaran dan perkhidmatan berkualiti, cepat, cekap dan memenuhi kehendak pelanggan.

Di antara kandungan piagam pelanggan ialah menjelaskan jenis-jenis perkhidmatan yang akan diperoleh pelanggan berasaskan standard kualiti yang diasaskan kepada kemahuan dan kehendak pelanggan ia, bukan merupakan kenyataan statik kerana piagam pelanggan sentiasa di tambah baik dari semasa ke semasa. Sehingga kini semua agensi kerajaan mempunyai piagam pelanggan yang jelas dan mudah difahami oleh pelanggan mereka.

Tanggungjawab untuk mengkaji piagam pelanggan terletak di bawah pasukan bertugas mengurangkan kerenah birokrasi BPMKB, yang ditubuhkan di semua agensi kerajaan. Pasukan bertugas ini yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri di kementerian masing-masing akan melaksanakan penambahbaikan melalui analisis terhadap maklum balas yang di peroleh melalui borang kepuasan hati pelanggan.

Di samping itu Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Manusia Jabatan Perdana Menteri (MAMPU) turut menghantar pasukan-pasukan *inspectorate* untuk menyemak dan memastikan setiap perkhidmatan yang dipaparkan dalam piagam pelanggan dilaksanakan secara teratur.

Yang Berhormat Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain juga, telah memberi beberapa cadangan untuk meningkatkan perkhidmatan awam dalam menghadapi cabaran pada masa kini. Untuk makluman cadangan-cadangan Yang Berhormat diambil kira dan akan diberi pertimbangan sewajarnya.

Pada masa ini kerajaan telah pun mengambil pelbagai usaha untuk memastikan kompetensi anggota perkhidmatan awam di tahap yang terbaik. Bagi memastikan perkhidmatan awam sentiasa relevan dan dapat menghadapi cabaran semasa, sebagai contoh Pekeliling Bilangan 6 Tahun 2005, telah menggariskan pelaksanaan Dasar Latihan Sumber Manusia sektor awam sebagai usaha untuk melahirkan anggota-anggota perkhidmatan awam yang mempunyai sikap pengetahuan yang perlu bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

Dasar ini memberi penekanan kepada pembangunan diri sebagai usaha meningkatkan kemahiran, kebolehan dan kerjaya yang boleh dicapai secara mempraktikkan pengetahuan, pendedahan kepada pelbagai idea dan pengalaman serta latihan dan *mentoring*, dengan izin.

Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie telah mencadangkan supaya di kenakan tindakan tegas kepada anggota-anggota perkhidmatan awam yang berkepentingan dan sengaja menetapkan dasar dan peraturan dengan sewenang-wenangnya bercanggah dengan dasar kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat semua anggota perkhidmatan awam dikehendaki mematuhi tata kelakuan pegawai awam dan menandatangani surat Aku Janji yang berteraskan:

- (i) kesetiaan kepada Yang di-Pertua Agong, negara dan kerajaan;
- (ii) tidak membelakangkan kewajipan awam demi kepentingan sendiri;
- (iii) berkhidmat dengan bertanggungjawab, jujur serta amanah;
- (iv) menjaga nama baik perkhidmatan awam; dan
- (v) tidak ingkar perintah dan tidak cuai dalam melaksanakan tugas.

Bagi mematuhi tata kelakuan dan aku janji semua anggota perkhidmatan awam hendaklah melaksanakan semua dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Mana-mana pegawai yang tidak melaksanakan apa-apa dasar kerajaan boleh diertikan sebagai tidak bertanggungjawab, ingkar perintah dan tidak taat setia kepada Tuan Yang di-Pertua Agong, negara dan kerajaan.

Oleh itu, mereka akan dikenakan tindakan berdasarkan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Perlakuan dan Tatatertib) 1993 yang mana bentuk hukuman yang akan dikenakan bergantung kepada keseriusan kesalahan yang dilakukan, sekiranya disabitkan akta kesalahan yang boleh memudaratkan kepentingan negara mereka boleh dikenakan hukuman paling berat iaitu dibuang kerja.

Yang Berhormat Tuan Maijol bin Mahap mencadangkan agar rakyat tempatan Sabah diberi peluang untuk memegang jawatan termasuk jawatan tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat menurut rekod terdapat seramai 2,219 orang anggota perkhidmatan awam yang berasal dari Sabah mengisi pelbagai jawatan, termasuk jawatan-jawatan tertinggi kerajaan. Daripada jumlah tersebut seramai 171 orang atau 7.7% daripadanya adalah pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik.

Untuk makluman Yang Berhormat jawatan Peguam Negara adalah satu jawatan yang tinggi dan penting dalam kerajaan dan ia sekarang ini disandang oleh seorang yang berasal daripada Sabah.

Yang Berhormat Dr. Ahmad Puad juga, Yang Berhormat Tuan Ahmad Hussin, Yang Berhormat Dato' Tajul membangkitkan isu pelarasan gaji anggota perkhidmatan awam dan penetapan gaji minimum RM1,000 sebulan selaras dengan tuntutan Kongres Persatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya tuntutan CUEPACS menaikkan gaji anggota awam sudah pun sekarang berada di peringkat akhir dan penelitian bagi membolehkan pertimbangan dan keputusan dibuat oleh kerajaan dan Jawatankuasa Kabinet mengenai Perkhidmatan Awam ini telah pun mengadakan mesyuarat minggu lepas. Jadi insya-Allah perkara ini akan dimaklumkan apabila semuanya beres ataupun selesai.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Datuk Yaakob agar Jabatan Perkhidmatan Awam dalam usaha untuk menyemak kenaikan gaji anggota perkhidmatan mengambil kira pencapaian pentadbiran negara yang pada pendapat beliau adalah antara yang terbaik dunia. Sememangnya dalam membuat semakan gaji pelbagai faktor diambil kira antaranya kos sara hidup yang semakin meningkat serta kemampuan dan kedudukan kewangan negara dalam menentukan kadar kenaikan gaji tersebut.

Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adalah wajar sebenarnya sekarang ini kita, kerana semakan ini dibuat tahun 1992, jadi sekarang ini sudah 2006, sudah lama tidak disemak jadi insya-Allah akan diambil kira perkara-perkara tersebut dan adalah menjadi satu kewajaranlah perkara ini diberi pertimbangan yang serius kepada permohonan mereka.

Yang Berhormat Datuk Yaakob juga berpandangan bahawa penilaian tahap kecekapan merupakan satu bebanan kepada perkhidmatan awam dan mencadangkan agar PTK diganti dengan pemberian nota kepada anggota perkhidmatan awam untuk meningkatkan kemahiran. Untuk makluman Yang Berhormat, memang kita merasakan ada di sana sini iaitu bebanan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, tetapi kita melihat ini adalah satu cara untuk memperbaiki, meningkatkan keupayaan pegawai dan kakitangan kerajaan.

Cuma barangkali kita akan memperbaiki kaedah pelaksanaan PTK ini, kerana dalam waktu mereka mengambil PTK ini, dulu dua kali sekarang empat kali mereka boleh ambil. Mereka akan melalui proses pembelajaran, proses mendapat maklumat dan sebagainya. Bagi khidmat sokongan mereka ini sebenarnya tidak dilaksanakan seperti kita ambil periksa, tetapi mereka lebih didedahkan kepada pengalaman pekerjaan-pekerjaan itu dalam kursus-kursus yang diadakan dan ini tidak membebankan, bahkan mendedahkan pengalaman lebih baik kepada mereka.

Berhubung dengan kos perbelanjaan PTK yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob, untuk makluman Yang Berhormat, sejak PTK mula dilaksanakan, kos yang terlibat adalah sebanyak RM44.83 juta pada tahun 2003, RM35.26 juta pada tahun 2004, RM33.5 juta pada tahun 2005, RM8.5 juta pada tahun 2006, semakin kurang dan tidak menaik. Banyak perkara-perkara yang disentuh mengenai JPA, jadi saya tidaklah berhasrat untuk mengulang-ulang perkara ini Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Datuk Gooi Hoe Hin juga telah menyentuh tentang perpaduan di kalangan rakyat Malaysia dan memberi beberapa cadangan. Untuk makluman Yang Berhormat, Panel Penasihat Perpaduan Negara berperanan sebagai sebuah badan untuk membincangkan isu-isu berhubung dengan perpaduan, menggalakkan perhubungan kaum secara positif dan mencegah perasaan perkauman yang boleh menimbulkan konflik dan konfrontasi serta mencari jalan untuk mempertingkatkan perpaduan kaum.

Keahliannya terdiri daripada ketua-ketua setiausaha kementerian, pengarah jabatan tertentu, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, ahli-ahli politik, golongan intelek, badan-badan bukan kerajaan, ahli korporat, bekas-bekas ahli politik, bekas-bekas pegawai kerajaan, golongan pelajar, wanita dan belia. Di peringkat negeri penubuhan Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Negeri pula bertujuan supaya usaha untuk menggalakkan perpaduan kaum di peringkat negeri dapat diselaras dan dipertingkatkan.

KPPN adalah terdiri daripada EXCO Kerajaan Negeri, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan dan lain-lain lagi, ketua-ketua jabatan, NGO dan sebagainya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kerajaan sentiasa berusaha menanamkan unsur-unsur perpaduan di kalangan rakyat Malaysia khususnya kepada generasi muda. Sehubungan ini, kelab-kelab perpaduan yang ditubuhkan di sekolah-sekolah telah ditukar nama kepada Kelab Rukun Negara.

Semua institusi pengajian tinggi dan sekolah menengah di minta untuk menubuhkan Kelab Rukun Negara bertujuan untuk memperkenalkan dan menyedarkan pelajar-pelajar tentang kepentingan Rukun Negara sebagai salah satu strategi utama ke arah pengukuhan semangat perpaduan dan integrasi nasional di kalangan pelajar-pelajar pelbagai kaum. Seperkara lagi setiap dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan mempunyai elemen perpaduan dan aspek ini penting bagi menjamin kesejahteraan dan kedaulatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad juga iaitu supaya Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) turut menyediakan penempatan yang mampu dimiliki oleh penduduk-penduduk tempatan. Sebenarnya dalam usaha membangunkan WPI secara terancang, satu pelan pembangunan yang komprehensif telah disediakan bagi memastikan pembangunan yang dirangka dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan bersepadu. Projek pembangunan WPI ini akan melibatkan pelbagai sektor seperti infrastruktur, pelancongan, kesihatan, pendidikan, kewangan, perindustrian pertanian dan juga hartanah.

Dalam hal ini nadi pembangunan WPI ialah Kawasan Pembangunan Hartanah Bersepadu Nusajaya seluas 9,600 hektar yang melibatkan tujuh komponen utama termasuklah juga kawasan kediaman atau penempatan yang turut mampu dimiliki oleh penduduk atau individu yang berpendapatan rendah. Kerajaan juga akan memastikan rakyat tempatan di kawasan-kawasan penempatan lain tidak akan terpinggir dengan kemasukan warga asing ke WPI.

Selain dari itu, kerajaan juga telah menyediakan insentif khas dalam WPI untuk menjadikan WPI lebih menarik kepada pelabur dalam projek-projek yang diluluskan bagi

mbolehkan WPI boleh berdaya saing. Dalam hal ini kerajaan akan memastikan penyertaan pelabur-pelabur tempatan di WPI akan terus diberi keutamaan di mana mereka juga akan menikmati insentif dan peluang pelaburan yang sama seperti yang dinikmati oleh pelabur-pelabur asing. Malah, kerajaan telah memutuskan untuk membatalkan cadangan mewujudkan kawasan zon akses bebas di WPI kerana ia tidak mempunyai apa-apa kepentingan dan tidak diperlukan. Oleh itu tidak akan wujud persoalan sama ada rakyat tempatan atau kaum Melayu terpinggir di WPI.

Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae mencadangkan agar projek-projek mega yang akan datang mengambil kira kajian penilaian kesan alam sekitar dan penilaian-penilaian lain dalam melahirkan projek-projek pembangunan yang lebih mampan. Untuk makluman Yang Berhormat, setiap projek mega yang hendak dilaksanakan dan yang mana berkenaan sememangnya dikehendaki mengambil kira kesan ke atas alam sekitar dan sebagainya sebelum sesuatu projek dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat setiap projek mega yang hendak dilaksanakan dan yang mana berkenaan sememangnya dikehendaki mengambil kira kesan ke atas alam sekitar dan sebagainya sebelum suatu projek dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hussin mencadangkan agar Unit Penyelarasan pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri membuat bncian mengenai orang yang dikategorikan sebagai susah seperti warga emas, golongan anak yatim, orang kurang upaya serta mengkategorikan jenis penyakit yang dihadapi oleh mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, Unit Penyelarasan pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri memang pada suatu masa dahulu bertanggungjawab menjalankan bncian sedemikian sebelum fungsi dan tugas pembasmian kemiskinan dipindahkan ke Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Buat masa ini, Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri berperanan sebagai penyelaras kepada program-program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh kementerian-kementerian berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kerajaan melalui Jabatan Perangkaan sedang dalam rangka membuat persiapan untuk menjalankan bncian bagi memperkemas pangkalan data yang sedia ada. Bncian ini akan meliputi kategori miskin dan miskin tegar dan dijangka dapat disiapkan menjelang akhir tahun 2007 ini...

Tuan Yang di-Pertua: Jadi bagi mereka yang kelihatan tidak ada di sini, kalau Yang Berhormat cerita panjang-panjang pun dia orang bukan boleh timbang hendak putuskan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Saya pun sudah hendak habis sudah

Tuan Yang di-Pertua: Selepas Yang Berhormat akhir ini, saya hendak kemukakan untuk diputuskan dan yang hendak memutuskan hanya mereka yang ada. Mereka yang tidak ada itu buat apa terang panjang-panjang dekat mereka. Dia orang bukan hendak putuskan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Itu Tuan Yang di-Pertua, bila saya tengok yang mana tidak ada itu ada yang saya tidak jawab, tetapi jawapannya ada. Kalau saya ingat lewat lagi. Jadi akhir sekali bila saya tengok Senator Tuan M. Munusamy ada, saya kena jawab Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat ini akhir sekalilah. Saya tengok Yang Berhormat Tuan M. Munusamy ada di sini iaitu dia...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jangan silap faham. Bukan kita tidak rela tunggu sampai lewat malam. Pada prinsipnya di hadapan kita ialah masalah satu usul dan usul itu akan diputuskan, tetapi sebelum diputuskan, dibahas dan ditimbang. Jadi Yang Berhormat sekarang sedang menjawab dan gulung. Jadi kalau Yang Berhormat jawab hebat-hebat pun, mereka tidak ada untuk putuskan. Jadi cerita pada yang ada saja kerana mereka yang ada akan memutuskan usul.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kena jawab juga untuk rekod. Yang Berhormat Tuan M. Munusamy ada menimbulkan ingin

mengetahui apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan ekuiti kaum India mencapai tiga peratus. Beliau juga ingin mengetahui status pencapaian ini sama ada ia telah mencapai objektifnya atau pun sebaliknya.

Pagi tadi Yang Berhormat daripada Kementerian Usahawan telah pun menjawab sebahagiannya. Jadi saya ingin melanjutkan sedikit. Untuk makluman Yang Berhormat, pemilikan ekuiti etnik India disasarkan sebanyak tiga peratus menjelang tahun 2020. Sehubungan itu, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, pelbagai program sedang dilaksanakan bagi mencapai sasaran tersebut. Seterusnya meningkatkan penyertaan kaum India dalam ekonomi negara.

Antara program yang akan dijalankan bagi membantu meningkatkan ekuiti kaum India dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ialah seperti berikut:

- (i) program latihan - termasuk latihan keusahawanan dan latihan kemahiran bagi usahawan dan bakal-bakal usahawan dari kalangan kaum India yang berminat dan mempunyai kesungguhan dalam bidang berkaitan; dan
- (ii) bantuan kewangan - bantuan kewangan ini perlu Yang Berhormat iaitu termasuk Skim Kredit Mikro bagi usahawan dan bakal-bakal usahawan. Ini ada diperuntukkan. Peluang-peluang perniagaan dalam Industri Kecil dan Sederhana, program latihan kemahiran yang disediakan di pusat Giat MARA yang selama ini hanya melatih pelajar bumiputera.

Sekarang kita buka kepada kaum India dan Yang Berhormat boleh tolong galakkan supaya mereka masuk menyertai pusat giat MARA. Bermula tahun 2004, pusat giat MARA telah membuka peluang kepada remaja-remaja India menyertai kemahiran di seluruh negara. Peluang yang sama juga diwujudkan di Kolej Komuniti di seluruh negara.

Selain itu, penubuhan syarikat usaha sama di antara kaum India dengan kaum bumiputera dan kaum Cina melalui program saluran tulen. Jadi tidak ada Ali Baba kah, Samy Baba kah Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita kena pakatan secara tulenlah. Program ini dilaksanakan melalui Majlis Galakan Usahawan Tulen yang dianggotai oleh ketiga-tiga dewan perniagaan iaitu perniagaan perindustrian bumiputera, Cina dan India serta wakil konsortium bank dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Berdasarkan perangkaan terkini tahun 2004 pemilikan ekuiti etnik India adalah sebanyak 1.2% atau RM6,392.6 juta bagi mencapai sasaran 3% milikan ekuiti kaum India. Pihak kerajaan telah menjalankan pelbagai dialog secara aktif dengan institusi yang mewakili kepentingan ekonomi kaum India. Antaranya dewan perniagaan dan perindustrian kaum India, persatuan-persatuan perdagangan dan badan-badan bukan kerajaan dalam membantu bagi membangunkan sumber ekonomi kaum India di negara ini.

Walau bagaimanapun, semua pencapaian ini, sasaran ini sebenarnya bergantung kepada kemampuan kaum India sendiri dalam merebut peluang yang disediakan bagi meningkatkan pemilikan mereka. Selain itu, kaum India juga perlu menjalin rantaian kerjasama, bergabung tenaga, kepakaran dan sumber untuk membangunkan syarikat yang lebih besar supaya lebih kompetitif, berdaya tahan dan berdaya maju.

Tuan Yang di-Pertua, mana-mana yang tidak dijawab yang telah ditimbulkan di dalam Dewan ini telah dicatit dan telah direkodkan. Sekiranya ada maklumat lanjut yang dikehendaki oleh Senator yang telah membangkitkan perkara-perkara mereka, barangkali tidak dapat saya jawab secara yang mereka kehendaki boleh juga berhubung untuk mendapat penjelasan selepas ini. Jadi, itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang saya dapat berikan kepada Dewan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya cakap-cakap saya tadi itu walaupun dihalakan kepada Yang Berhormat. Sebahagian besarnya sindiran kepada mereka yang tiada di sini. Mereka sudah tidak ada, kita yang kena tunggu, tetapi harusnya berani timbul persoalan, beranilah dengar jawapan. Walau bagaimanapun, jawapan dan penggulungan belum lagi muktamad.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah pada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat Dato' Haji Kamaruddin bin Haji Ambok hendaklah dipersetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Disetujui,

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas”.

Tuan Yang di-Pertua: Yang cakap lima hari, tujuh hari tidak muktamad. Yang satu minit itu setuju, tidak setuju itu yang kuat. Muktamad. Jadi kita tahulah imbangannya. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok, Khamis 17 Mei 2007.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.12 malam.